



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

<b>Bil. 21</b>	<b>Isnin</b>	<b>30 September 2013</b>
----------------	--------------	--------------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA ALLAHYARHAM DATUK SERI DIRAJA TAN SRI USTAZ AZIZAN BIN ABDUL RAZAK</b>	(Halaman 25)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013	
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b>	
<b><u>Jadual:-</u></b>	
Maksud B.10 dan B.11	(Halaman 26)
Maksud B.27	(Halaman 68)
Maksud B.29	(Halaman 78)
Maksud B.30	(Halaman 79)
Maksud B.41	(Halaman 80)
Maksud B.42	(Halaman 123)
Maksud B.45	(Halaman 142)
Maksud B.46	(Halaman 154)
Maksud B.48	(Halaman 160)
Maksud B.60	(Halaman 176)
<b>USUL-USUL:</b>	
- Waktu Mesyuarat dan urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 26)
- Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 183)
<b>UCAPAN PENANGGUHAN:</b>	
■ Masalah Banjir Kilat di Kawasan Batu 19 - Batu 21, Kulai – <i>Y.B Puan Teo Nie Ching (Kulai)</i>	(Halaman 184)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Isnin, 30 September 2013**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah pembinaan Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) di kawasan Parlimen Lipis akan mula dilaksanakan kerana difahamkan projek PR1MA yang akan dilaksanakan ini merupakan lokasi terawal di Pahang yang akan melaksanakan projek tersebut dan ia merupakan satu rahmat kepada penduduk terutama golongan miskin untuk memiliki kediaman selesa.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ini PR1MA memberi perhatian kepada pembangunan di bandar dan juga pinggir bandar. Ini memandangkan golongan yang berpendapatan sederhana yang tinggal di pinggir bandar dan juga bandar berada dalam keadaan yang cukup kritikal untuk mendapatkan rumah. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri juga berusaha bersama-sama untuk melaksanakan rumah-rumah mampu milik mengikut kriteria masing-masing. Contohnya program Kerajaan Negeri Pahang di Lipis. Walaupun perkataan PR1MA digunakan tetapi ini ialah program kerajaan negeri yang mengenakan syarat-syarat tertentu untuk kerajaan negeri.

Contohnya pendapatan yang diambil kira ialah RM5,000 ke bawah sementara untuk PR1MA, kita mengambil kira pendapatan di antara RM2,500 sehingga RM7,500 dan harga rumah ialah di antara RM100,000 sehingga RM400,000. PR1MA di Pahang ini, rumahnya ialah berharga RM100,000 dan dia ada syarat lain seperti mesti bermastautin di Pahang dan lain-lain lagi. Jadi usaha PR1MA ini akan kita teruskan dari semasa ke semasa dengan penumpuan awal iaitu di kawasan bandar dan juga pinggir bandar utama.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita semua tahu PR1MA ini adalah satu projek yang agendanya ialah untuk membantu rakyat sama ada golongan pertengahan ataupun golongan miskin. Jadi soalan saya ialah pendapatan RM2,500 hingga RM7,500 bagi golongan yang layak. Bagaimana keadaan sekiranya pemohon

tersebut yang layak? Maksud saya gajinya RM2,500 tetapi oleh kerana pinjaman-pinjaman tertentu, maka pendapatan beliau telah rendah daripada RM2,500. Adakah dia layak?

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana melancarkan di Lipis yang pertama tetapi belum dibina. Tanah di negeri Pahang untuk PR1MA diberi percuma sahaja untuk pembinaan perumahan tersebut. Berertinya rakyat Pahang kalau dapat dilaksanakan PR1MA ini dengan jumlah yang besar, maka Kerajaan Negeri Pahang mendapat satu keuntungan untuk membantu golongan yang saya katakan tadi.

Akan tetapi bagaimanakah negeri-negeri yang mungkin negeri mewah sedikit dengan kadar harga tanah yang mahal. Contohnya negeri Selangor. Adakah tanah-tanah ini juga diberi seperti Kerajaan Negeri Pahang? Setahu saya, apa yang dimaklumkan, Selangorlah yang amat sukar sekali untuk mendapat tanah PR1MA. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Selangor tadi tetapi Yang Berhormat Kuala Selangor sudah keluar pula, yang ada ini Yang Berhormat Sabak Bernam. Saya tidak tahu. Itu soalan saya. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, kita mengambil kira pendapatan RM2,500 dan kalau kita hendak ikut Pahang, pendapatannya RM5,000 ke bawah. Jadinya, rumah PR1MA ini secara keseluruhannya harganya 20% kurang daripada harga pasaran. Akan tetapi di Pahang mungkin dia akan dapat – Walaupun harga RM100,000 tetapi mungkin luasnya ataupun sudah pasti rumah itu lebih besar dan lebih selesa kerana tanahnya percuma.

Akan tetapi walaupun tanah kita tidak dapat percuma di bandar-bandar dan pinggir bandar, tanah ini kita akan cuba dapatkan daripada kerajaan ataupun daripada agensi ataupun akhirnya di pihak swasta. Akan tetapi pelaksanaannya ialah berdasarkan seperti yang dibuat dalam pasaran sekarang. Macam di kampung, kita panggil 7:3. Jadi tiga itu tuan punya, dan tujuh lagi pemaju. Kemudian, di bandar dia tinggi sedikit. Mungkin 6:4. Empat itu tuan punya dan enam itu ialah pemaju.

#### ■1010

Jadi, rumah itu masih di tahap yang berkenaan dan pemaju itu pun dia akan jual sama seperti PR1MA jual. Harganya seperti yang saya sebutkan tadi ialah lebih kurang 20% daripada harga pasaran. Saya percaya penyelarasan yang dibuat itu, rumah itu memang termurah di kalangan rumah yang dibina di Malaysia ataupun apartmen yang dibina di Malaysia dan sudah pasti mereka yang berpendapatan di antara RM2,500 sehingga RM7,500 mampu memiliki.

Berhubung dengan negeri-negeri yang tidak mahu bagi tanah, bererti orang yang tinggal di negeri yang berkenaan rugilah kerana program begini rupa sebenarnya untuk manfaat rakyat. Kalau rakyat yang telah pilih kita, kita tak laksanakan pada rakyat maka itu bukanlah wakil rakyat. Contohnya macam Selangor juga, kalau Yang Berhormat Gombak jadi Menteri Besar, mungkin lain. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri bahawa usaha membangunkan projek perumahan mampu milik ini adalah satu usaha yang baik bagi menyediakan perumahan untuk rakyat. Yang

Berhormat Menteri tadi telah menyatakan bahawa tumpuan projek-projek PR1MA ini adalah di kawasan bandar dan juga pinggir bandar maka sudah tentulah kalau tumpuannya di kawasan bandar, salah satu masalah yang dihadapi oleh pemaju-pemaju ini ialah soal premium tanah yang terlalu tinggi khususnya seperti di bandar raya Kuala Lumpur.

Sudah tentulah agak sukar dan membebankan pemaju dan kerajaan untuk membina *affordable homes* di kawasan bandar raya Kuala Lumpur. Pada pandangan saya, langkah yang lebih bijak ialah untuk Kerajaan Pusat bekerjasama dengan negeri yang berdekatan seperti di negeri Selangor, yang mana ramai pemaju hari ini yang telah mengalihkan projek mereka ke negeri Selangor kerana premium tanah yang agak munasabah dan lebih rendah daripada Kuala Lumpur.

Pada masa yang sama saya juga ingin menyatakan PKNS sendiri dalam rangka membina rumah mampu milik ini telah bersedia untuk membina 20,000 unit rumah mampu milik di negeri Selangor atas kapasiti dan kemampuan kerajaan negeri dan PKNS. Maka persoalan saya ialah sekiranya Kerajaan Pusat menyedari bahawa tumpuan di kawasan bandar itu mungkin menimbulkan beban kewangan yang besar, persoalannya ialah apakah langkah dan usaha Kerajaan Pusat untuk bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Selangor dalam membina rumah mampu milik? Apakah insentif yang boleh diberikan Kerajaan Pusat dalam menjayakan program rumah mampu milik ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tersebut. Sebenarnya, bila kita nak bangunkan tanah yang berkenaan, kita ambil kira daripada semua aspek, aspek premium dan sebagainya. Saya tak dapat bagi maklumat tentang premium yang dikenakan kerana Selangor tak dapat bagi maklumat serta merta. Kita boleh maklumat bahawa premium itu diambil kira daripada aspek yang lain. Ini kerana kita buat di pinggir bandar dan banyak kawasan yang akan dibina di Kuala Lumpur ini ialah tanah yang dipunyai oleh pihak kerajaan termasuk kita pindahkan banyak tempat-tempat yang berlaku perpindahan dulu. Itu pun diambil kira untuk kita bina rumah PR1MA.

Jadi, saya ingat berhubung dengan Kerajaan Negeri Selangor, dia sama seperti negeri-negeri yang lain, Kerajaan Negeri Selangor boleh buat pilihan seperti Kerajaan Negeri Pahang, yang dibuat dengan begitu baik iaitu sama ada mereka buat rumah mampu milik mereka sendiri, yang mana matlamat kita bersama untuk rakyat ataupun bersama dengan PR1MA. PR1MA ada syaratlah. Syaratnya pendapatan mesti RM2,500 hingga RM7,500 dan rumah yang kita bina itu sudah pasti harganya rendah 20% daripada harga pasaran. Jadi, makna kata keuntungan yang kita dapat itu cukup rendah kerana kita nak penuhi syarat supaya rumah itu harganya 20% lebih rendah daripada harga pasaran.

Apakah insentif Kerajaan Pusat? Insentif Kerajaan Pusat ialah membina rumah itu. Membina rumah dalam bentuk yang saya sebutkan tadi iaitu tuan punya tanah dan juga pemaju. Kalau Kerajaan Negeri Selangor menganggap mereka tuan punya tanah, kami jadi pemaju, yang itu begitulah harganya. Akan tetapi kalau sekiranya Kerajaan Negeri Selangor bagi tanah percuma

seperti Kerajaan Negeri Pahang, sudah pasti rumah itu harganya rendah dan rumah itu lebih besar daripada biasa.

Jadi terpulang. Kalau Kerajaan Negeri Selangor lembut hati ataupun Yang Berhormat nak tunggu masa yang sesuai tetapi Yang Berhormat sekarang Pengerusi PKNS, lagi mudah. Kita boleh, rumah itu harganya murah, bukan harga murah. Harganya kurang 20% daripada harga pasaran dan dalam masa yang sama sudah pasti dapat kita buat rumah yang lebih besar. Kalau premium *free* pula, sudah pasti rumah itu besar, harganya murah. Inilah yang rakyat suka dan rakyat akan terus menyokong Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih.

**2. Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan bila usaha untuk meningkatkan capaian telekomunikasi khususnya tanpa wayar di Kuala Krai akan dicapai sepenuhnya.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Krai yang menanyakan soalan. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan empat lagi soalan daripada Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Batu Sapi dan Yang Berhormat Kanowit yang bertarikh pada 30 September, 1 Oktober dan 2 Oktober kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan program perluasan liputan telekomunikasi dan mengurangkan jurang digital bagi kawasan luar bandar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih, Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui SKMM telah melaksanakan projek Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia di kawasan luar bandar untuk meningkatkan capaian jalur lebar di seluruh negara. Projek Kampung Tanpa Wayar ini bertujuan memberi capaian WiFi secara *hotspot* di kampung-kampung yang tiada liputan jalur lebar di seluruh negara dengan jarak liputan yang ditetapkan iaitu sehingga 300 meter dari tapak pemasangan. Sejalan dengan kepentingan ICT pada masa ini, capaian telekomunikasi khususnya perkhidmatan tanpa wayar telah dipertingkatkan kelajuannya daripada 2 *megabit per second* kepada 4 *megabit per second* di setiap Kampung Tanpa Wayar di seluruh negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebanyak 171 Kampung Tanpa Wayar telah dilaksanakan di seluruh negeri Kelantan. Daripada bilangan tersebut, sebanyak 24 Kampung Tanpa Wayar telah siap dibina dan beroperasi sepenuhnya di Parlimen Kuala Krai. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kampung Tanpa Wayar bukanlah satu-satunya program yang memberikan capaian kepada jalur lebar di kawasan luar bandar.

Di bawah pelan Jalur Lebar Kebangsaan (NBI), program lain turut dilaksanakan dengan matlamat yang sama iaitu untuk memperluaskan liputan telekomunikasi dan mengurangkan jurang digital. Antara program yang dilaksanakan ialah program Pusat Internet 1Malaysia, Pusat Jalur

Lebar Komuniti Kecil, Perpustakaan Jalur Lebar, perluasan liputan selular dan juga Komputer 1Malaysia. Di bawah perluasan liputan selular, sebanyak 18 menara telekomunikasi telah menyediakan perkhidmatan selular 2G, beroperasi sepenuhnya di Kuala Krai. Kadar terkini bagi liputan mudah alih 3G di Kuala Krai adalah sebanyak 24% di kawasan berpenduduk dan secara amnya liputan jalur lebar telah meliputi bandar Kuala Krai dan beberapa kawasan utama di Parlimen ini.

Secara keseluruhannya, sebanyak 664 menara telekomunikasi telah dibina di seluruh Malaysia sehingga kini, di mana 137 menara terletak di Sabah dan 170 menara di Sarawak. Dengan pembinaan menara ini, kadar liputan populasi selular pada suku kedua tahun ini bagi negeri Sabah telah meningkat kepada 89.19% daripada 83.09% pada tahun 2009. Manakala bagi negeri Sarawak juga mencatatkan peningkatan kepada 85.23% berbanding pada 81.30% pada tahun 2009. Manakala untuk liputan 3G di negeri Sabah, masa kini ia telah mencapai 70% di kawasan berpenduduk, manakala bagi pelaksanaan teknologi terkini 4G LTE, ia kini di peringkat awal pelaksanaan yang dimulakan di Kota Kinabalu dan di Labuan sebelum ia diperluaskan di kawasan-kawasan lain di Sabah. Perkhidmatan 3G dan 4G ataupun WiMAX kini boleh diperolehi di kebanyakan pekan utama di Daerah Sandakan.

#### ■1010

Bagi Parlimen Batu Sapi, liputan 3G terletak di kawasan pekan utama seperti Pekan Batu Sapi dan Karamunting. Pada masa kini, kadar liputan jalur lebar bagi kawasan Bintulu, Sarawak adalah pada tahap 34.1%. Bagi kawasan yang tidak menguntungkan syarikat pemberi perkhidmatan dalam menyediakan perkhidmatan telekomunikasi, pihak Suruhanjaya telah memperuntukkan dana di bawah program yang dinamakan perkhidmatan sejagat bagi tujuan meluaskan liputan telekomunikasi dan menyediakan perkhidmatan internet. Pada masa kini, beberapa program juga telah dilaksanakan di Parlimen Sik.

Di antaranya sebanyak lima Pusat Internet 1Malaysia telah disediakan, 23 buah kampung tanpa wayar telah dibina dan lapan menara telekomunikasi juga sedang dalam pembinaan yang dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2013. Pekan Sik juga telah diliputi perkhidmatan internet 3G dan streamyx. Secara keseluruhannya, usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan terutamanya melalui pelaksanaan program pelan jalur lebar kebangsaan telah berjaya meningkatkan kadar penembusan jalur lebar negara di mana sehingga Ogos 2013 tahun ini telah mencapai 67.1%. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini delegasi dari Thailand yang diketuai oleh Norodom Pol General Viroon Phuensaen, Pengerusi Committee on Legal Affairs, Justice and Human Rights, Dewan Rakyat Thailand dan anggota seramai 19 orang. [Tepuk] Kepada Yang Berhormat, Norodom Pol General Viroon Phuensaen dan delegasi, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran mereka ke Dewan yang mulia ini. [Tepuk] Sila Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan dan kita ucap juga terima kasih atas ikhtiar yang telah dilaksanakan ke seluruh negara. Memang soalan ini walaupun saya sebut Kuala Krai, tujuannya adalah untuk mendapat gambaran peratusan liputan komunikasi kita sama ada tanpa wayar ataupun selular.

Daripada apa yang kita dapat tadi, di Kuala Krai sahaja ada 24 kampung tetapi tentulah kampung yang ada di Kuala Krai ini banyak. Dia punya mukim sahaja ada 40 lebih. Jadi, kalau secara satu mukim itu lima kampung, kita boleh dapat jumlahnya dan peratusan ini saya rasa boleh dipertingkatkan. Apa yang saya perhatikan Tuan Pengerusi, dalam pilihan raya yang lalu, tempat-tempat yang saya skor baik adalah tempat-tempat yang ada capaian telekomunikasi. *[Ketawa]* Jadi, kalau lebih banyak kawasan yang dicapai, rasanya peluang lebih baik tetapi tidaklah menimbulkan cemburu mana-mana pihak.

Satu lagi, saya juga menyediakan di pejabat saya oleh sebab ada kemudahan, saya menyediakan satu *hotspot* di situ. Apabila saya lalu waktu malam, berhimpunlah anak-anak muda di depan itu, atas motor dan sebagainya. Jadi, minat menggunakan kemudahan ini cukup baik tetapi prasarananya tentulah tidak dapat disediakan seperti yang terbaik. Jadi selain daripada perpustakaan, selain daripada *internet centre* yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, apakah tidak boleh di kawasan-kawasan panas ataupun *hotspot* ini, disediakan prasarana yang agak statik yang boleh dimanfaatkan seperti siber kafe yang adalah tetapi tidaklah seperti sedemikian. Tidaklah mereka duduk di bawah kesejukan malam untuk menikmati kemudahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Soalan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya. Jadi, soalannya apakah persediaan yang boleh mereka tambah bagi memudahkan penggunaan dan juga bagaimana kita hendak meningkatkan lagi pencapaian selular kerana di masa ini di Kuala Krai, kawasan hampir bandar pun, hampir pekan pun tidak ada menara dan tidak dapat capaian. Jadi, ini amat menyusahkan dan ditambah pula di satu tempat di Mengkebang, menara itu sendiri pun jadi mangsa seperti wayar-wayar telefon. Kabel yang turun menara pun dicuri. Jadi apakah langkah kita untuk memastikan capaian makin luas dan lebih selamat? Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk soalan yang pertama berkaitan dengan sama ada terdapat pembinaan untuk pusat-pusat internet yang statik. Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Krai, setakat ini sebenarnya pihak kerajaan melalui pihak Telekom telah menyediakan tiga pusat internet yang dinamakan Pusat Internet 1Malaysia di tiga kawasan iaitu di Sekolah Kebangsaan Bedal, di Kampung Lapan Jenud, dan juga di hadapan Majlis Daerah Bentong. Jadi, penerimaan ini memang menggalakkan.

Untuk soalan yang kedua iaitu berkaitan dengan peluasan dari segi capaian selular. Sebenarnya, pihak kerajaan mengalami masalah sekiranya kita ingin menyediakan perkhidmatan menara ini. Ini kerana antara kekangan yang didapati oleh pihak pemberi perkhidmatan ialah dari segi mendapatkan tapak. Keduanya, ada kalanya mendapat bantahan daripada penduduk



setempat kerana difahamkan bahawa kadar radiasi ini adalah anggapan daripada para penduduk. Sebenarnya tidak ada kes-kes yang menyatakan bahawa kadar radiasi yang timbul daripada menara atau radiasi boleh menjejaskan kesihatan para penduduk. Jadi, saya ingin mengalu-alukan jugalah kepada setiap Ahli Parlimen Yang Berhormat ini sekiranya terdapat permohonan daripada mana-mana syarikat pemberi perkhidmatan untuk menyediakan mana-mana menara, kalau boleh, kita menyokong kerana dengan adanya pembinaan menara ini akan memudahkan juga mana-mana Ahli Yang Berhormat untuk berhubung dengan mana-mana pihak. Sekian, terima kasih.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bertanya dengan kementerian berkenaan dengan kampung tanpa wayar ini. Memang kita ketahui sebab ramai penggunaan daripada kawasan-kawasan luar bandar. Saya ingin bertanya berapakah ataupun apakah sasaran kementerian ke atas perumahan lebih banyak lagi kampung tanpa wayar ini di negeri Sarawak dan berapakah kos untuk memasang sesuatu alat itu?

Kedua, berkenaan dengan menara telefon ini juga, memanglah negeri Sarawak ini memang ketinggalan dalam segala-galanya. Jadi, juga banyak permohonan daripada penduduk di kawasan-kawasan luar bandar. Soalan saya adalah macam mana adakah ia dirancang oleh kerajaan ataupun ianya akan dibuat berdasarkan permohonan oleh rakyat? Kalau begitu macam mana kita boleh memohon untuk menara itu diperbanyakkan di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak? Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Kanowit. Untuk soalan pertama berkaitan dengan kampung tanpa wayar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya pihak kerajaan apabila memperkenalkan program kampung tanpa wayar ini pada tahun 2010, sasaran awal adalah sebanyak 3,287. Sehingga kini, pihak kementerian melalui pihak SKMM ini telah menyediakan lebih kurang dalam 4,374 kampung tanpa wayar dilaksanakan di seluruh negara dan masih ada lebih kurang dalam 308 kampung tanpa wayar yang sedang dalam pembinaan. Jadi kalau kita lihat itu, memang sasaran telah melepasi tetapi tidak semestinya pihak kerajaan akan menghentikan program kampung tanpa wayar. Ini kerana seperti yang saya maklumkan tadi, ada program-program lain yang telah diusahakan. Antaranya pusat jalur lebar Internet 1Malaysia, dari segi telekomunikasi dan sebagainya.

Untuk soalan yang kedua, dari segi perancangan untuk menara selular, untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya tadi saya ada maklumkan bahawa untuk negeri Sarawak sahaja, kita telah membina lebih kurang sebanyak 176 menara di Sarawak untuk tahun ini, setakat ini. Kadar liputan selular juga telah meningkat kepada 85.23% daripada 81.3% untuk tahun 2009. Jadi, kita nampak ada peningkatan yang tinggi. Untuk permohonan Yang Berhormat Kanowit, sekiranya terdapat mana-mana Ahli Parlimen yang merasakan kawasan masih belum diliputi, kita biasanya akan meminta pihak suruhanjaya bersama dengan pihak industri menjalankan dipanggil satu *drive test* ataupun *test* panduan di mana dikenal pasti di mana kawasan-kawasan yang masih belum diliputi liputan selular.

Berdasarkan kepada itu kita akan berhubung kembali dengan Yang Berhormat berkaitan dan sama ada keperluan kita untuk membina menara ataupun mana-mana bentuk teknologi yang membolehkan pembinaan tersebut dilaksanakan. Pada masa yang sama ini nasihat saya, sekiranya kita ingin melaksanakan program tersebut, kita ingin mendapatkan sokongan daripada Yang Berhormat berkaitanlah supaya sekiranya pelaksanaan pembinaan itu hendak dilaksanakan, kita tidak mahu terdapat bantahan daripada mana-mana penduduk kerana kemudahan yang disediakan untuk kemudahan penduduk tersebut. Terima kasih.

■ 1030

3. **Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah hasil cadangan penggabungan dua pengeluar kereta nasional iaitu Proton Holdings Berhad (Proton) dengan Perusahaan Automobil Kedua Sdn. Bhd (Perodua) yang dikatakan boleh meningkatkan daya saing industri automotif negara.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:**  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Julai 2010 YAB Perdana Menteri telah mencadangkan supaya dua buah syarikat kereta nasional iaitu Proton dan Perodua digabungkan. Seperti sedia maklum pada masa itu kedua-dua syarikat ini mempunyai kepentingan kerajaan. Proton dimiliki oleh syarikat yang ada kepentingan kerajaan. Begitu juga Perodua mempunyai sebahagian kepentingannya yang dipunyai oleh kerajaan. Itu sebabnya kerajaan membuat cadangan tersebut.

Tujuan Perdana Menteri membuat cadangan itu ialah untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat ini dapat bersaing bukan saja di Malaysia tetapi juga di pasaran antarabangsa. Salah satu daripada cara untuk bersaing ialah untuk meningkatkan *scale* ataupun bilangan kereta yang dikeluarkan. Seperti sedia maklum kereta-kereta seperti Toyota, Volkswagen dan GM. Ini merupakan tiga kereta utama di dunia. Toyota dan Volkswagen hampir 10 juta setahun pengeluar keretanya. GM hampir 8 juta. Jadi ini merupakan gergasi dalam industri kereta. Maka pada umumnya sekiranya jumlah ataupun bilangan kereta dikeluarkan itu bertambah, sudah pasti ini akan membantu untuk meningkatkan kecekapan. Itu rasional kenapa cadangan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Mac 2011 iaitu kira-kira sembilan bulan selepas cadangan dibuat, kerajaan menyatakan bahawa kerajaan tidak boleh memaksa kedua-dua syarikat bergabung. Itulah kedudukannya iaitu pada masa ini kita menggalakkan mereka untuk menjalankan kerjasama strategik tetapi bukan untuk bergabung seperti cadangan pada bulan Julai 2010.

Perkara yang digalakkan oleh kerajaan pada hari ini ialah untuk mereka bekerjasama dalam pemasaran dan juga untuk membangunkan vendor-vendor yang membekalkan komponen kepada kedua-dua buah syarikat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai contoh dua program di mana terdapat kerjasama antara kedua syarikat ini dalam bidang pembekalan vendor

komponen ialah satu *Lean Production System* diperkenalkan tahun 2011 dan satu lagi ialah *Supplier Excellent Programme* baru diperkenalkan bulan Ogos yang lalu.

Ini adalah untuk meningkatkan kecekapan vendor-vendor yang membekalkan komponen kepada Proton dan Perodua. Kita sedia maklum bahawa vendor memainkan peranan penting. Kalau vendor itu dapat mengeluarkan komponen dengan cekap, harga yang komparatif ini akan menjadikan syarikat-syarikat ini lebih berdaya maju, berdaya saing. Itu sebabnya tumpuan hari ini ialah untuk meningkatkan kerjasama di kalangan vendor-vendor yang membekalkan komponen yang diperlukan oleh Proton dan Perodua.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya untuk meningkatkan daya saing industri automatif, kerajaan telah mengadakan banyak perundingan dengan pihak-pihak berkepentingan untuk memastikan bahawa kita mempunyai dasar automatif yang mantap. Ini masih lagi dalam perbincangan. Kita jangka hujung tahun ini, kita akan ada satu dasar yang lebih baik untuk meningkatkan kecekapan industri automotif. Industri ini penting. Kita mahu syarikat-syarikat kita berdaya maju dan bersaing dari segi harga dan juga kualiti ataupun mutu.

Ini merupakan dua perkara penting untuk pengguna. Kita tidak boleh paksa pengguna untuk membeli kereta tertentu. Yang perlu kita yakinkan mereka ialah harga yang kompetitif dan kualiti yang baik. Maka usaha-usaha akan diteruskan bukan sahaja daripada syarikat-syarikat Proton dan Perodua tetapi syarikat-syarikat yang beroperasi di Malaysia untuk meningkatkan kecekapan mereka. Terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya juga hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab sendiri soalan saya pada hari ini. Tidak kita nafikan bahawa Proton dan Perodua ini ia sentiasa mengeluarkan model-model baru dalam usaha untuk bersaing dengan syarikat-syarikat pengeluar sama ada syarikat pengeluar kereta di dalam dan juga di luar negara dan tidak kita juga nafikan bahawa Proton dan Perodua ini juga bersaing sesama sendiri. Jadinya soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri adalah sejauh manakah syarikat Proton dan Perodua ini akan terkesan dengan saingan sesama sendiri ini terutamanya daripada segi pendapatan? Adakah kementerian ada membuat satu kajian menyeluruh untuk mengekalkan tahap daya saing terutamanya harga kenderaan keluaran tempatan ini dan juga prestasi kenderaan buatan Malaysia ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli]:** Tuan Yang di-Pertua, saingan ini lumrah dalam perniagaan. Kita tidak banyak monopolilah dalam negara kita ini dalam satu bidang kadang-kadang lima syarikat, kadang-kadang sepuluh. Maka ini realiti dalam perniagaan. Pada satu masa dahulu Proton menguasai sehingga 70% pasaran kereta negara kita. Hari ini Proton menguasai kira-kira 24% daripada pasaran kereta negara dan Perodua pula menguasai kira-kira 34%. Jadi antara kedua-dua jenama ini, mereka menguasai kira-kira 58% daripada jumlah pasaran. Pada satu masa dahulu Proton sahaja 70%.

Jadi ini menunjukkan bahawa terdapat saingan yang lebih hebat dalam negara tetapi yang melabelkan kita ialah syarikat-syarikat di Malaysia Proton, Perodua, mereka menerima hakikat ini dan mereka telah menjalankan banyak pembaharuan dan penambahbaikan yang membolehkan mereka mampu bersaing. Bukan sahaja sesama sendiri tetapi juga dengan kereta-kereta lain, jenama lain. Jadi ada dua saingan, yang pertama antara dua kereta nasional. Kedua antara dua kereta nasional dengan kereta-kereta lain.

Jadi pada hari ini kita dapati bahawa jenama-jenama kereta-kereta lain seperti Toyota, Honda sebagai contohlah dapat menembusi pasaran yang lebih besar dalam negara kita kerana mereka dilihat mampu untuk menawarkan kereta yang berpatutan pada harga yang komparatif. Itu realitinya. Jadi setakat ini kedua-dua buah syarikat ini, Proton dan Perodua untuk menangani persaingan malah mereka telah merangka, telah kemukakan kepada kerajaan cadangan untuk meningkatkan lagi daya saing umpamanya kereta Proton. Menjelang 2018 mereka telah memaklumkan kerajaan bahawa mereka berhasrat untuk meningkatkan lagi bilangan eksport. Kalau sekarang ini eksport cuma sikit saja daripada 10,000 hingga 20,000 setahun. Itu bilangan eksport kereta Proton ke luar negara yang merupakan sebahagian kecil daripada jumlah pengeluaran.

Maka lima, enam tahun akan datang, Proton berhasrat untuk meningkatkan eksport pada kira-kira 50% daripada pengeluaran negara. Jadi kalau hendak eksport, sudah pasti ia mampu bersaing. Selain itu, syarikat-syarikat ini, Proton dan Perodua terus mengadakan usaha untuk meningkatkan kecekapan. Di Perodua umpamanya sistem yang diamalkan *Peugeot* - latihan diberikan kepada pekerja-pekerjanya secara menyeluruh yang telah mampu untuk mengurangkan kos pengeluaran.

Sebagai makluman tadi Yang Berhormat ada sebut sikit sebanyak tentang harga kereta. Kita hendak maklumkan, saya maklumkan bahawa selari dengan cadangan kerajaan maka umpamanya kereta Proton Saga SV 1.3 Auto yang baru diperkenalkan kira-kira dua bulan lalu, harganya 12% lebih rendah daripada harga sebelumnya. Viva S Series 1.0, 4% penurunan, yang paling banyak penurunan harga ialah *new Honda Jazz*, 17% penurunan harga. Jadi ini harga yang diturunkan syarikat-syarikat.

Kedua penurunan harga berikutan daripada perubahan daripada CBU pada CKD. Dulu mereka tidak banyak sangat komponen sekarang lebih banyak guna komponen tempatan. Dalam kategori ini Mazda telah turunkan harga. Mazda CX-5 10%. Volkswagen Polo GTI 9%. Ini hasil penggunaan daripada lebih banyak komponen tempatan. Satu lagi ini ialah kategori penurunan harga ialah berkaitan promosi dan rebat. Ini dengan izin *one-off*lah. Memberikan insurans dan cukai jalan percuma. Syarikat-syarikat seperti Honda, Toyota dan Peugeot telah mengumumkan penurunan harga melalui promosi dan rebat.

Jadi kita dapati bahawa pengguna-pengguna sekarang mempunyai lebih banyak pilihan. Maka sudah pasti syarikat-syarikat Proton dan Perodua perlu akur dengan landskap pasaran yang

telah berubah dan kita yakin mereka mampu untuk menangani saingan yang semakin hebat dalam industri auto dalam negara kita.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah bentuk sokongan kerajaan kepada kedua-dua ini dan apakah perbezaan prestasi di antara kedua-dua kereta ini dan kalau banding dengan *Volkswagen* misalnya. Apakah tahap persaingan kita?

■1040

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat ini sudah- Proton, sekarang sudah syarikat milik swasta. Milik penuh Kumpulan DRB-Hicom. Syarikat Perodua masih mempunyai sedikit sebanyak kepentingan kerajaan dalam minoriti, bukan majoriti. Jadi, pada peringkat awal memang kerajaan pada tahun 1983 Proton ditubuhkan, Perodua pada tahun 1994.

Pada peringkat awal penubuhan Proton, memang kerajaan menyediakan bantuan termasuk dalam bentuk geran. Jadi, itu antara sokongan yang diberikan dan kita menggalakkan penduduk negara kita menggunakan kereta tempatan. Ini kereta nasional, menimbulkan semangat patriotisme dan juga kebanggaan untuk menggunakan barangan buatan Malaysia. Maka, ini sokongan yang diberikan oleh kerajaan iaitu menggalakkan rakyat Malaysia untuk menggunakan barangan tempatan.

Pada masa ini tidak ada sokongan secara langsung diberikan. Yang ada ialah apa dipanggil untuk menggalakkan penggunaan komponen tempatan. *Industrial Linkage Program* (ILP) di mana syarikat-syarikat menggunakan lebih banyak komponen tempatan. Lebih rebat duti eksais. Ini sokongan daripada kerajaan. Ini terbuka kepada semua syarikat. Honda kah, Nissan kah. Mana-mana syarikat yang menggunakan lebih banyak komponen tempatan.

Pada hari ini, *alhamdulillah*, hampir kesemua komponen Proton adalah komponen tempatan. Maka itu, Proton mendapat rebat yang lebih dalam duti eksais ini. Sokongan secara tidak langsung diberikan tetapi sokongan ini dinikmati oleh semua syarikat sama ada syarikat dalam negara atau pun luar negara. Jadi, sebagai rumusan pada peringkat awal memang kerajaan ada dasar-dasar tertentu termasuklah penggunaan Proton Perdana umpamanya untuk Menteri-Menteri dan pegawai tinggi kerajaan, juga untuk sokongan yang diberikan. Jadi, pada masa ini tidak banyak sokongan diberikan.

Perbezaan atau pun saingan antara syarikat-syarikat seperti Proton Perdana dengan syarikat-syarikat gergasi. Toyota nombor satu, nombor dua Volkswagen, nombor tiga, GM. Itu susunannya. Toyota dan Volkswagen hampir 10 juta unit setahun dikeluarkan. GM hampir 8 juta unit. Bezanya syarikat-syarikat gergasi sekiranya tinggi, teknologinya hebat, R&D nya banyak dibelanjakan, maka itu syarikat-syarikat itu mampu bertahan, Toyota masih lagi. Hari itu setahun dua Toyota mempunyai masalah dari segi *market share* tetapi hari ini Toyota kembali merupakan syarikat nombor satu di dunia.

Jadi, bezanya *scale* iaitu bilangan pengeluaran yang besar, tahap kecekapan yang tinggi, lebih banyak dibelanjakan untuk *research and development*, pengenalan model-model baru. Oleh

kerana mereka besar, maka syarikat-syarikat ini mampu untuk memperkenalkan lima, enam model baru setahun. Jadi, kalau syarikat kecil ini mungkin satu setahun atau pun paling banyak dua setahun. Jadi, pengguna inginkan kelainan, perbezaan sudah pasti. Mereka mungkin akan tertarik dengan tawaran-tawaran yang diberikan oleh syarikat-syarikat gergasi. Apa pun, syarikat-syarikat Proton dan Perodua sentiasa mengadakan perbincangan dengan kerajaan dan kami memantau kemajuan mereka kerana industri yang penting.

Industri automatif penting. Proton mempunyai kira-kira lebih 12,000 yang bekerja secara langsung dengan Proton. Perodua 10,000. Perodua sedang mengembangkan perniagaannya dan bukan itu sahaja. Ada vendor dan ada lagi pihak-pihak lain yang membekalkan keperluan syarikat-syarikat auto. Maka, industri ini penting. Oleh yang demikian, kerajaan mengambil berat industri auto dan sentiasa berkongsi maklumat dan mengadakan perbincangan dengan mereka untuk memastikan peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di syarikat-syarikat auto ini sentiasa berkembang. *Insyah-Allah* kita harap suatu hari nanti Malaysia akan menjadi sebuah negara yang mampu untuk mengeksport lebih banyak lagi kereta ke luar negara.

**4. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah mekanisme dalam membantu syarikat-syarikat kecil dalam melaksanakan skim gaji minimum dan sejauh mana mekanisme itu beroperasi.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Dungun.

Sebelum saya menjawab secara khusus soalan ini, saya hendak beri sedikit maklumat tambahan kepada Majlis Dewan yang mulia ini. Di negara kita, kita mempunyai kurang lebih 700,000 majikan. Di mana 80% daripadanya ialah PKS iaitu perusahaan kecil dan sederhana yang mempunyai pekerja 150 orang ke bawah. Kita mempunyai 9 juta tenaga kerja yang dilindungi di bawah Akta Kerja Negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Dungun atas soalan ini dan terima kasih kepada majikan-majikan yang telah pun membayar gaji minimum kepada pekerja-pekerja mereka. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan komited bahawa semua majikan di negara ini akan melaksanakan gaji minimum sepenuhnya mulai Januari 2014. Pelaksanaan gaji minimum ini telah pun dilaksanakan oleh kerajaan iaitu:

- (i) 1 Januari 2013 - bagi majikan yang menggaji enam orang pekerja ke atas;
- (ii) 1 Julai - bagi majikan yang menggaji pekerja lima orang ke bawah.

Walau bagaimanapun, terdapat rayuan, permohonan daripada majikan-majikan yang mahu minta supaya pelaksanaan gaji minimum ini ditangguhkan bagi syarikat mereka termasuklah majikan yang menggaji pekerja lima orang ke bawah ini. Oleh yang demikian, bagi membantu golongan majikan, Kementerian Sumber Manusia sedang menjalankan satu kajian impak

pelaksanaan gaji minimum melalui *focus group discussion* dan *survey*, dengan izin, bersama majikan di seluruh negara.

Perkara ini masih di peringkat analisis dan hasil kajian ini kelak boleh dijadikan asas untuk merangka insentif yang bersesuaian dan menambah baik pelaksanaan gaji minimum di negara kita ini. Sementara itu, mekanisme yang digunakan oleh kerajaan, oleh kementerian kita seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, dalam membantu syarikat-syarikat kecil atau perusahaan kecil dan sederhana, susulan pelaksanaan gaji minimum ini ialah antaranya:

- (i) pelaksanaan gaji minimum bagi majikan-majikan kecil, mikro hanya dimulakan pada 1 Julai 2013 iaitu selepas satu tahun perintah gaji minimum diwartakan di bawah Akta Gaji Minimum ini iaitu pada 16 Julai 2012. Ini adalah bagi mengambil kira kemampuan majikan-majikan kecil dan juga untuk memberi lebih masa kepada mereka untuk memulakan pembayaran gaji minimum.
- (ii) kerajaan juga turut membuka permohonan penundaan pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2012. Permohonan penundaan dibuka bagi memberi ruang kepada PKS yang memerlukan masa bagi menstrukturkan operasi dan kerugian mereka. Untuk penundaan ini sebanyak 110 PKS diluluskan dan susulan itu kerajaan turut memberikan kelulusan secara *blanket* untuk PKS yang mengajukan pekerja asing sehingga 1 Disember 2013.
- (iii) bagi majikan yang mendapat penundaan, kerajaan telah membenarkan proses penstrukturkan beberapa elaun sebagai gaji minimum dengan berbincang bersama pihak pekerja terlebih dahulu. Kita melaksanakan konsep *tripartite*. Maksudnya, antara majikan, pekerja dan juga berunding bersama dengan kerajaan dan kementerian.
- (iv) bagi majikan PKS yang melaksanakan gaji minimum, kerajaan turut membuat beberapa perubahan dasar seperti pembayaran levi oleh pekerja asing dan memberi kebenaran kepada majikan untuk membuat pemotongan gaji secara *blanket* bagi kemudahan perumahan yang diberikan dengan kadar maksimum potongan RM50. Ini telah dapat membantu majikan-majikan terutama majikan kecil dalam aspek pengurangan kos buruh.
- (v) kerajaan juga dalam peringkat merangka insentif bersesuaian untuk pembangunan automasi dan mekanisasi bagi meningkatkan produktiviti dan nilai rantai pengeluaran dan mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing.
- (vi) satu bengkel dijadualkan diadakan pada tengah Oktober ini oleh pihak PEMANDU bagi merangka insentif yang bersesuaian bagi meningkatkan

rantaian pengeluaran dan meluaskan pasaran serta daya saing PKS di peringkat global.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1050

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita melihat dalam apa yang telah diberikan jawapan itu adalah mekanisme yang sebahagiannya melibatkan satu jangkaan tarikh yang akan dilaksanakan setelah mendapat maklum balas daripada pihak-pihak yang berkenaan. Akan tetapi di sana kita juga kena melihat bagi syarikat-syarikat yang besar, mereka mungkin telah melaksanakan gaji minimum ini dan mungkin lebih daripada itu lagi.

Apa yang timbul masalahnya ialah bagi syarikat-syarikat kecil yang *profit* margin mereka kecil, inilah yang perlu dilihat oleh pihak kerajaan kerana bukan sahaja pelaksanaan kepada gaji minimum, dalam kos sara hidup pekerja-pekerja sekarang ini yang perlu mereka hidup dalam suasana yang ada tetapi juga sebahagiannya ada yang dilewatkan penundaan bayaran gaji mereka. Sudahlah tidak sampai gaji minimum, penundaan bayaran gaji pun dilewatkan dan ada yang tidak dibayar gaji. Jadi ini adalah satu perkara yang sangat perlu dan asas dalam kita menilai mekanisme yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Jadi saya mohon pihak kerajaan menyatakan dengan jelas kalau boleh bantuan-bantuan secara tepat kepada soalan yang saya kemukakan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dungun kerana prihatin dengan pekerja kita. Sebenarnya konsep gaji minimum ini kalau kita lihat, mungkin kalau saya sebagai syarikat mungkin saya rasakan itu membebankan kepada saya tetapi kalau saya sebagai pekerja, mungkin itu adalah faedah kepada saya. Jadi sebab itulah dalam konteks kita menyelesaikan masalah gaji minimum ini, kita buat secara *tripartite* punya *approach*, pendekatan iaitu persetujuan antara majikan, pekerja dan juga kerajaan.

Dalam kita memberikan kemudahan, saya tidak boleh hendak sebut sebab kita dalam perbincangan dengan pihak PEMANDU dan agensi lain bagaimana kita boleh melihat mekanisme yang boleh meringankan pelaksanaan gaji minimum terutamanya syarikat-syarikat yang kecil ini. Walau bagaimanapun, kerajaan telah memberikan kelonggaran yang cukup baik. Kita melihat bahawa daripada 700 ribu majikan ini, sebahagian besar mereka telah pun membayarkan gaji minimum dan tidak banyak yang memohon kepada kita untuk menanggungkannya. Cuma, hingga kini kita ada 1,044 majikan dan individu yang kita berikan penangguhan. Maknanya sehingga Disember 2013, seramai 1,044 majikan dan individu yang telah memohon untuk menanggungkan bayaran gaji minimum ini. Ini satu petanda yang cukup baik.

Jadi sebab itulah saya hendak beritahu kepada Dewan ini, kita juga mendapat aduan daripada pekerja dan sebagainya tentang pelaksanaan gaji minimum yang seperti mana yang



disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, ada majikan yang menanggungkan, ada yang melambatkan dan sebagainya. Untuk makluman, di seluruh negara sehingga 16 September 2013, kita menerima sejumlah 1,239 aduan daripada Johor sehinggalah ke Sarawak dalam 15 kawasan negara kita ini. Sebanyak 1,001 aduan telah pun kita selesaikan melalui perundingan dengan majikan, pekerja dan juga kerajaan dan baki lagi belum dapat kita selesaikan, dalam perundingan, *insya-Allah*.

Manakala ada sebahagian majikan dan pekerja ini kadang-kadang terus bawa kepada Mahkamah Buruh di mana kita mendapat kes di bawah ini ialah 202 dan 113 telah pun diselesaikan, hanya baki sahaja 92. Maknanya pada saya semangat yang cukup baik di antara pekerja dan majikan kerana sebenarnya kalau kita memahami falsafah pekerja-majikan ini, kedua-duanya saling perlu memerlukan, *win-win situation*. Maknanya majikan perlu kepada pekerja, pekerja perlu kepada majikan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [Bangun]

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** [Bangun]

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya jemput Yang Berhormat Bintulu. Yang Berhormat Putatan, orang kawasan sudah nampak dia hadir. Ya, Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, boleh?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Cukup jelas, cukup terang tetapi kadang-kadang mungkin kita tidak lihat kepada syarikat-syarikat kecil ataupun kilang-kilang kecil. Kadang-kadang dasar memang untuk orang tempatan, tetapi banyak kilang ataupun syarikat-syarikat kecil mengambil pekerja asing daripada luar negara. Pekerja asing masuk kilang ataupun pekerja-pekerja masuk ke negara kita kena bayar levi, kebajikan pun kena bayar levi. Pada masa yang sama, dia kena tanggung gaji minimum tetapi kilangnya kecil ataupun syarikat kecil, keuntungannya pun kecil. Kita suruh dia tanggung gaji minimum dan levi itu, macam mana dia boleh hidup? Kadang-kadang saya rasa kementerian belum lagi ada *solution* untuk selesaikan masalah mereka. Saya mahu tanya soalan tambahan ini, apakah rancangan atas bantuan, contoh macam insentif-insentif untuk membantu syarikat-syarikat kecil atau kilang-kilang kecil ini. Minta saya punya bekas Setiausaha BNBBC tolong jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, bekas pengerusi dan bekas setiausaha.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bintulu, bos lama saya yang cukup baik dan soalnya pun baik.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kerajaan kita tidak boleh hendak mengasingkan, membezakan antara pekerja asing dan tempatan dari segi pembayaran gaji. Ini kerana kita tertakluk kepada

Undang-undang Buruh Antarabangsa dan kita adalah sebuah negara yang terlibat dalam Perjanjian Buruh Antarabangsa. Kita juga telah bersetuju dengan pakatan itu. Cuma saya rasa soalan yang dikemukakan oleh bekas *Chairman* BNBBC ini cukup baik.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Bukan, itu memang baik, dasar itu memang kita setuju. Saya mahu tanya apa insentif.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya, saya hendak jawab ini Dato' Seri. Jadi sebab itulah antara mekanisme yang telah pun saya berikan tadi ialah antaranya bagi PKS ataupun syarikat kecil yang menggaji pekerja asing ini yang melaksanakan gaji minimum, kerajaan turut membuat beberapa perubahan dasar seperti pembayaran levi. Maknanya kalau katalah syarikat itu membayar RM900 gaji minimum, levi yang dikenakan kepadanya adalah RM400 lebih. Jadi dia boleh buat *adjustment* supaya levi itu dipotong, dikurangkan. Saya sudah sebutkan tadi, memberikan kebenaran kepada majikan untuk membuat potongan gaji secara *blanket* bagi kemudahan perumahan yang diberikan dengan kadar maksimum.

Jadi sebab itulah dalam melaksanakan PKS ini, kita memberikan kepada 600 ribu syarikat ini untuk mereka melanjutkan pelaksanaan gaji minimum ini kepada Disember tahun ini, hujung tahun ini. Antara kelonggaran yang telah diberi termasuklah levi itu boleh diselaraskan. Saya ingat Yang Berhormat Bintulu, saya boleh berikan secara ini sebab pekerja asing ini, apabila dia bekerja dengan syarikat kecil, mereka biasa mendapat faedah perumahan percuma, *furniture* mungkin percuma, levi kena bayar. Jadi kalaulah kita bagi, disyaratkan semua sekali ini RM900 *plus* katalah levi RM400 *plus*, bayar percuma perumahan dan lain-lain, mungkin dia akan terpaksa membayar gaji lebih hampir RM2,000. Ini bebanan yang cukup besar kepada majikan yang kecil ini. Jadi sebab itu kerajaan memberikan kelonggaran itu. Jadi sistem atau *calculation*, perkiraan itu bolehlah dibuat. Saya ingat Yang Berhormat Bintulu boleh jumpa dengan saya dan saya boleh jelaskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**5. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]** minta Perdana Menteri menyatakan memberikan sedikit rasional kepada tindakan Petronas Carigali Sdn. Bhd. (PCSB) menubuhkan sebuah anak syarikat bernama Vestigo Petroleum baru-baru ini. Apakah bidang tumpuan anak syarikat PCSB yang baru ini. Apakah ia tidak menyebabkan *crowded effect* kepada syarikat-syarikat tempatan yang turut terlibat dalam bidang dan industri yang sama.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, Vestigo Petroleum Sdn. Bhd. adalah anak syarikat milik penuh Petronas Carigali Sdn. Bhd. Vestigo ditubuhkan untuk meningkatkan daya saing Petronas dalam bidang cari gali minyak dan gas bagi medan kecil dan telah matang dengan izin, *marginal field and mature field* di dalam dan juga di luar negara.

Oleh sebab fokus yang berbeza berbanding dengan PCSB, Vestigo berperanan untuk membina penguasaan kemahiran teknikal dan khusus dengan cara pemikiran ataupun *mindset* yang berlainan berbanding dengan cara pengendalian medan minyak dan gas sedia ada yang

diamalkan oleh Petronas Carigali Sdn. Bhd. Justeru adalah diharapkan penubuhan Vestigo adalah untuk bersaing dengan syarikat-syarikat antarabangsa yang mempunyai fokus yang sama dan bukan untuk bersaing dengan syarikat-syarikat tempatan. Malahan kewujudan Vestigo ini dapat meningkatkan daya saing syarikat-syarikat tempatan dalam mengendalikan bidang medan kecil dan yang telah matang seterusnya menguasai industri-industri yang berkaitan dengannya satu hari nanti. Sekian.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah berkait rapat dengan apa yang telah diumumkan oleh pihak kerajaan dan saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mengemukakan agenda pemerksaan ekonomi bumiputera baru-baru ini yang telah meletakkan beberapa GLC yang menjadi tiang seri bilamana diletakkan KPI-KPI kepada GLC-GLC dan salah satu syarikat tersebut tentulah Petronas. *Marginal field* ini juga adalah merupakan salah satu bidang ataupun sektor yang boleh dianggap strategik untuk penyertaan usahawan-usahawan dan juga syarikat-syarikat bumiputera.

Soalan saya ialah baru-baru ini Vestigo telah melantik CEOnya yang datang daripada bukan kalangan anak tempatan, bukan di kalangan bumiputera malahan daripada orang luar. Melihat kepada agenda yang hendak diketengahkan oleh pihak kerajaan apakah tindakan melantik CEO daripada luar sedangkan Petronas Carigali saya difahamkan mempunyai hampir 130 *general manager* dan juga *senior general manager* yang berkeupayaan, yang mempunyai pendedahan dan yang telah mempunyai banyak pengalaman. Malahan syarikat induk Petronas juga dikendalikan oleh anak tempatan. Apakah pelantikan CEO daripada luar negara ini pada satu bidang yang sebenarnya banyak diceburi oleh syarikat tempatan boleh dianggap sebagai kaunter produktif kepada agenda hendak memperkasakan ekonomi bumiputera, ini sedangkan ramai *talent* tempatan sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera masih banyak yang mampu diguna dan malahan anak-anak tempatan seperti Tan Sri Hassan Merican merupakan orang yang diberikan pengiktirafan oleh pihak antarabangsa dalam bidang pencari galian.

Jadi saya fikir apakah tindakan melantik CEO ini tidak dilihat sebagai satu tindakan yang *counter productive*. Saya mohon pencerahan. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Dewan, Vestigo ini baru ditubuhkan pada April 2013 dan satu perkara yang pada saya dengan izin, *uncharted territory*. Pertamanya untuk mengatakan bahawa ada banyak syarikat mampu menjalankan aktiviti yang sedang dirangka ini agak kurang bertepatan. Ia ada *niche*. Ia bukan melihat kepada *big field* yang selama ini digunakan oleh banyak syarikat yang beroperasi tetapi *marginal field* ini ia melibatkan kos yang tinggi, ia melibatkan kepakaran yang berbeza dan ia melibatkan pemikiran yang berbeza. Antara syarikat yang terlibat dalam aktiviti ini adalah Petrofac.

Di Malaysia tidak ada syarikat lain yang mempunyai kepakaran tersebut atau boleh saya katakan yang *similar*, yang sama dengan Vestigo. Ini satu perkara yang baru. Saya setuju dengan

Yang Berhormat kenapa tidak diberi kepakaran kepada anak tempatan. Bukan sahaja 100 lebih pegawai yang ada dalam syarikat-syarikat Petronas. Kita ada 46,000 sebenarnya kakitangan Petronas. Malangnya untuk kita menceburi satu bidang baru ini kita perlukan satu kepakaran Keith Collins yang akan mula bertugas sebagai CEO esok yang telah pun diumumkan oleh Pengerusi Vestigo, Dato' Mohammad Anwar Taib baru-baru ini, diharap dapat membantu Vestigo untuk beroperasi dalam bidang yang baru ini.

Saya percaya satu hari nanti selepas kita dapat mengukuhkan operasi Vestigo *insya-Allah* hasrat Yang Berhormat yang juga menjadi hasrat saya supaya melihat anak tempatan menjadi penerajunya akan dapat kita capai. Terima kasih atas *concern* Yang Berhormat terhadap perkara tersebut.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan penjelasan tadi. Saya juga sebenarnya sependapat dengan rakan saya Yang Berhormat Kepala Batas iaitu isu Vestigo ini apabila kerajaan melantik Keith Collins yang dahulunya adalah Pengurus Besar Petrol Faks kalau tidak ingatan saya. Adalah satu yang sangat tidak wajar bagi saya dalam keadaan bahawa kita mempunyai kehebatan di kalangan rakyat Malaysia sebab saya tidak bersetuju kalau mengatakan bahawa kita tidak ada kehebatan di kalangan rakyat Malaysia khususnya pengurus-pengurus besar dan pengurus kanan di Petronas yang mampu diberi tanggungjawab untuk mengendalikan Vestigo ini.

Seterusnya yang saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat ialah apakah tidak boleh Vestigo ini memberikan tumpuan kepada *marginal field* di luar daripada Malaysia bukannya di dalam Malaysia. Sebaliknya Petronas Carigali sepatutnya membantu mengujudkan lebih banyak syarikat tempatan ini diberikan tanggungjawab untuk mengendalikan *marginal field* yang ada di dalam negara Malaysia dan adakah Petronas Carigali khususnya boleh bersedia bekerjasama membantu kerajaan-kerajaan negeri seperti Sabah, Sarawak, Kelantan dan Terengganu. Negeri-negeri ini mempunyai medan *marginal field* yang agak banyak yang telah pun ditemui oleh Petronas Carigali. Jadi sepatutnya bagi saya Petronas Carigali membantu kerajaan negeri untuk tubuh syarikat macam Vestigo ini sama ada kerjasama antara Petronas Carigali dengan kerajaan negeri untuk membolehkan kerajaan negeri itu sendiri mendapat manfaat daripada *marginal field* yang ada dalam kawasan mereka. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Pertamanya perlu saya nyatakan di Dewan ini inisiatif untuk menubuhkan Vestigo ini adalah salah satu daripada keputusan Petronas untuk mencari punca pertumbuhan pendapatan syarikat yang baru. Seperti yang kita tahu kalau dapat saya jelaskan *big field* semasa dunia mempunyai hasil bumi berasaskan minyak dan gas yang banyak semua syarikat buat tetapi bila sudah di usia bumi sebegini kita jumpa yang kecil-kecil dan tidak ada satu teknologi.

Untuk Yang Berhormat mengatakan Vestigo patut pergi luar negara dan biarkan syarikat tempatan beroperasi sebenarnya tidak berapa tepat. Seperti yang saya nyatakan tadi tidak ada

syarikat tempatan yang menjalankan operasi di *marginal field*. Yang ada di bawah RSC kontrak yang kita bagi. Ketiga-tiga kontrak terpaksa kita serahkan kepada syarikat luar kerana tidak ada syarikat tempatan yang boleh buat. Memang Vestigo dihasratkan pada satu hari nanti dapat beroperasi di luar negara, cuma buat masa ini kita terpaksa juga mengukuhkan Vestigo yang baru ditubuhkan April tahun ini supaya kita dapat menyertai kontrak yang akan diberikan oleh Petronas Carigali bagi dimiliki oleh syarikat tempatan. Itu memang matlamat Vestigo. Buat masa ini Sapura Kencana mendapat projek daripada syarikat luar, bukan dia dapat sendiri daripada Petronas kerana kita belum ada syarikat tempatan yang mampu untuk mengendalikan *marginal field* kerana kos, kerana kepakaran yang berbeza daripada mengeluarkan dan *production marginal field* ini tidak seperti pengeluaran minyak dan gas dalam *big field*.

■1110

Jadi apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu belum boleh kita laksanakan kerana kalau kita hendak tubuh pun industri petroleum adalah satu industri pada saya sangat tinggi. Memang penubuhan Vestigo itu kerana tidak ada kemampuan kita untuk menggalakkan sebab dia bukan macam industri peruncitan, pertanian dan sebagainya seperti Yang Berhormat tahu. Akhir sekali saya hendak beritahu bahawa sebenarnya - berbalik kepada Yang Berhormat Kepala Batas. Penubuhan ini adalah juga selaras dengan NKEA yang diumumkan oleh kerajaan untuk kita mengembangkan petroleum dan gas sebagai salah satu *entry point* NKEA. Sebelum kita nantinya *insya-Allah* berjaya dengan sokongan semua termasuk Yang Berhormat Pokok Sena kita sudah ada satu syarikat yang boleh kita harapkan untuk menjadi juara dalam bidang *marginal fuel* yang saya nyatakan tadi. Terima kasih.

[Soalan No. 6. - Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming (Taiping) tidak hadir]

7. **Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah perancangan efektif kerajaan untuk mengatasi kemelesetan ekonomi dan mengurus hutang negara sekiranya pertumbuhan GDP tidak mencapai seperti yang disasarkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Kerajaan sentiasa komited dalam memperkukuhkan kedudukan fiskal negara dan memastikan kemapanan fiskal jangka panjang. Selaras dengan usaha konsolidasi fiskal tahap defisit sebagai peratusan kepada KDNK telah berjaya dikurangkan daripada 6.7% pada tahun 2009 kepada 4.5% pada tahun 2012. Pada tahun 2013 kerajaan akan memastikan paras defisit fiskal terus menurun kepada 4% KDNK. Bagi jangka sederhana kerajaan akan berusaha untuk mencapai tahap defisit 3% KDNK pada tahun 2015 tanpa menjejaskan momentum pertumbuhan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat. Bagi jangka panjang pula kerajaan akan terus komited untuk mencapai sasaran bajet berimbang pada tahun 2020. Selain itu kerajaan juga komited untuk memastikan paras hutang kerajaan

persekutuan sebagai peratusan KDNK tidak melebihi 55% dan perbelanjaan mengurus tidak melebihi hasil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan yakin bahawa usaha-usaha di atas serta inisiatif-inisiatif lain yang akan diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2014 pada Jumaat 25 Oktober ini. Ia akan terus memacu pertumbuhan ekonomi negara pada tahap yang lebih tinggi serta sasaran status negara maju akan berjaya dicapai. Pertumbuhan ekonomi negara yang menggalakkan dalam tempoh suku kedua tahun ini iaitu pada tahap 4.3% dan suku pertama sebanyak 4.1% akan terus mampan. Meskipun negara berhadapan dengan persekitaran luar yang kian mencabar. Dengan perkembangan ini KDNK negara telah mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 4.2% dalam tempoh enam bulan pertama 2013. Pertumbuhan ini disokong oleh sumber pertumbuhan ekonomi domestik, kekuatan daya tahan dalaman dan asas-asas ekonomi yang kukuh.

Meskipun ekonomi global masih mengalami ketidaktentuan dengan asas ekonomi yang kukuh ini kita percaya pertumbuhan KDNK negara boleh dicapai seperti yang disasarkan. Ini kerana prestasi ekonomi negara terus berkembang disokong oleh perancangan kerajaan yang efektif serta dipacu oleh asas ekonomi domestik yang mampan terutamanya perbelanjaan permintaan domestik. Permintaan dalam negeri mencatat kadar pertumbuhan yang tinggi sebanyak 7.3% pada suku kedua 2013 disokong oleh peningkatan perbelanjaan penggunaan swasta sebanyak 8% berikutan pasaran kerja yang stabil dan pertumbuhan pendapatan yang berterusan. Sementara itu kenaikan satu tangga gaji mulai 1 Julai 2013 bagi kakitangan awam dan Bantuan Rakyat 1Malaysia dan lain-lain bantuan, dapat membantu merancakkan lagi aktiviti penggunaan swasta dan ekonomi setempat.

Jumlah pelaburan swasta pada harga semasa telah meningkat lebih tinggi sebanyak 14.4% kepada RM47.3 bilion dalam tempoh suku kedua tahun 2013 berbanding RM38.4 bilion dalam tempoh suku pertama tahun 2013. Pelaburan ini tertumpu dalam sub sektor perkhidmatan, pelaksanaan projek infrastruktur yang berterusan dan pengembangan kapasiti dalam sektor minyak dan gas. Pada masa yang sama pelaburan swasta kini menyumbang 68.8% daripada jumlah keseluruhan pelaburan negara. Trend ini menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi lebih banyak dipengaruhi oleh sektor swasta dan dijangka akan meningkatkan momentum pertumbuhan ekonomi dalam jangka panjang.

Di samping itu pelaksanaan projek infrastruktur di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dijangka akan turut memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi. Antara projek berimpak tinggi di bawah ETP adalah termasuk MRT Sungai Buloh-Kajang di Lembah Klang dan pemanjangan aliran LRT bagi aliran Kelana Jaya serta aliran Ampang. Selain daripada itu projek pembangunan koridor seperti Projek Medini Iskandar di Iskandar Malaysia dan Terminal Minyak dan Gas Sabah/Sarawak (SOGT) di Wilayah Koridor Sabah akan turut menyumbang kepada pertumbuhan sektor pembinaan dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sektor lain. Terima kasih.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Datuk kalau kita melihat angka daripada Yang Berhormat Datuk ia menunjukkan bahawa keadaan ekonomi negara ini cukup baik. Akan tetapi permasalahannya kita hari ini ialah apabila kita turun di bawah, kita boleh merasai rakyat dalam keadaan yang serba salah, dalam keadaan yang cukup bimbang. Konon-kononnya negara hari ini sedang berhadapan dengan krisis ekonomi. Tambah lagi kita cukup yakin bahawa untuk kita meningkatkan ekonomi kita bukan sahaja perlu menerima keyakinan rakyat tetapi kita juga mesti mendapat keyakinan pelabur. Baru-baru ini rakyat dikejutkan apabila kerajaan meningkatkan subsidi.

Walaupun saya percaya kita semua yang boleh fikir ini merasai bahawa ia perlu dilakukan untuk memastikan bahawa akaun semasa negara berada dalam tahap yang baik tetapi tidak kepada rakyat. Soalan saya ialah apakah langkah kerajaan untuk memastikan angka-angka yang baik itu dapat kita terjemahkan di bawah. Supaya rakyat merasai bahawa ekonomi negara cukup baik dan pelabur juga merasai bahawa ekonomi negara ini diuruskan bukan dengan secara *ad hoc* tetapi lebih bersistematik. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Kita ingin menyatakan di sini bahawa tiada krisis ekonomi yang berlaku di negara kita. Itu satu fakta dan angka-angka yang saya nyatakan tadi adalah statistik yang benar dan angka-angka itu adalah tepat sebagaimana yang dikeluarkan oleh pihak-pihak yang berkaitan seperti Bank Negara dan juga daripada peringkat antarabangsa IMF dan juga World Bank. Rakyat serba salah kita mengakui apabila berlaku penurunan subsidi 20 sen yang di spin dengan baik oleh pihak pembangkang. Pihak pembangkang telah spin perkara itu dengan baik kata harga minyak naik dan sebagainya. Itu memang kerja merekalah mereka tidak mahu negara ini jadi elok. Kalau lagi tidak elok lagi baik untuk mereka.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Keluar meninggalkan Dewan]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Keluar pula sahabat saya Yang Berhormat Pokok Sena.

Ahli-Ahli Yang Berhormat percayalah bahawa apa yang kita lakukan itu adalah untuk kebaikan jangka panjang. Kita turunkan subsidi 20 sen dan masih lagi subsidi kita tanggung begitu besar RM24 bilion, RM2 bilion sebulan. Angka itu terlalu besar untuk ditanggung dan itu baru subsidi petroleum belum lagi subsidi-subsidi yang lain keseluruhan jumlah subsidi ialah RM44.1 bilion ataupun 15% daripada keseluruhan perbelanjaan Bajet 2013. Apabila kita berikan subsidi tidak ada rakyat yang ucap terima kasih. Selama ini mereka tidak perasan bahawa diesel itu ada seringgit subsidi. Apabila kita tarik jadi 80 sen maka heboh seluruh Malaysia. Mereka tidak sangka rupa-rupanya ada 83 sen subsidi untuk RON 95 apabila kita tarik 20 sen jadi 63 sen subsidi maka heboh satu Malaysia.

Sebenarnya itu adalah untuk rasionalisasi subsidi supaya pihak yang berkaitan akan dapat manfaat 30% sahaja perbelanjaan daripada keseluruhan RON 95 di Malaysia ini ditanggung dan dibelanjakan oleh mereka yang berpendapatan RM3,000 dan ke bawah. Sebanyak 70% lagi

perbelanjaan petroleum itu digunakan oleh mereka yang berpendapatan RM3,000 dan ke atas. Oleh kerana itu subsidi sebenarnya menguntungkan pihak yang berpendapatan sederhana dan tinggi dibandingkan dengan pihak berpendapatan yang rendah.

■1120

Oleh itu, pada bajet 25 Oktober 2010 di Dewan yang mulia ini, maka kerajaan akan mengumumkan banyak perkara dan kita tunggulah pada saat dan ketika itu untuk kita meredakan segala keresahan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik bila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab tidak ada krisis ekonomi. Akan tetapi kalau kita lihat, subsidi minyak dikurangkan. Kalau tidak ada krisis, kenapa dikurangkan? Ini persoalan kewangan. Saya rasa persoalannya timbul ialah pada cara kerajaan berbelanja harta negara hingga sampai tahap ini sudah lebih RM5 bilion hutang negara, mengajak kita untuk melihat pada firman Allah SWT, konsep berbelanja, [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] bermaksud, "*Bila berbelanja tidak boros, tidak kedekut, ambil jalan pertengahan*"

Soalan saya, bagaimanakah pelan kerajaan untuk meyakinkan rakyat bahawa kerajaan sememangnya berhemah dalam membelanjakan harta negara, tidak boros hingga akhirnya kerajaan tidak perlu untuk mengurangkan subsidi hingga menyebabkan harga minyak naik? Hatta, kadang-kadang berlaku penggunaan duit secara semberono yang kita bimbang. Hatta, di tempat saya semalam masjid runtuh. Masjid yang dibuat dua tahun, bernilai RM6 juta runtuh, menimbulkan persoalan sejauh mana duit itu digunakan. Adakah pada tempat yang patut? Pada jumlah yang patut? Ini persoalan yang kita kena bincang. Ini soalan saya, sejauh mana kerajaan boleh meyakinkan rakyat bahawa tidak ada pemborosan dalam penggunaan harta negara? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus. Kalau dengar Yang Berhormat ini – ya, masjid runtuh. Padahal yang ditunjukkan di televisyen itu sebahagian daripada bumbungnya runtuh, bukan seluruh masjidnya runtuh. [*Dewan riuh*] Sebahagian bumbung. Pihak pembangkang ini kalau dia bercakap Ahli Yang Berhormat, pihak-pihak pembangkang ini kalau dia bercakap memang...

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tidak belajar *balaghah* kah? Saya fikir kena belajar *balaghah* dahulu.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Memang bukan hanya masjid runtuh, negara ini runtuh kalau mereka bercakap dan bersyarah di luar. Tadi Yang Berhormat ada menyebut memanglah kita hendak elakkan perkara itu. Sepatutnya memang tidak berlaku. Sebahagian bumbung masjid itu runtuh sepatutnya tidak berlaku. Akan tetapi jangan sebut perkara yang semacam keseluruhannya. Semacam negara ini teruk benar.

Saya ingin membandingkan tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang hutang. Angka Yang Berhormat sebut tadi itu silaplah. Hutang ini RM519.3 bilion ataupun 51.5% daripada KDNK.



Adakah perkara ini tidak terkawal? Itu daripada merujuk soalan tadi itu, adakah kita boros dan sebagainya. Mari kita banding dengan negara lain. Nisbah hutang kerajaan kepada KDNK. Kita telah meletakkan silingnya 55%, tidak boleh lebih. Itu kita sendiri yang meletakkan 55% daripada KDNK, jumlahnya 51.5%. Sekarang ini pada 30 Jun 2013 berjumlah RM519.3 bilion.

Kalau kita lihat:

<b>Negara</b>	<b>Peratusan daripada KDNK (%)</b>
Amerika Syarikat	75.1
Greece	181.8
Ireland	122.9
Jepun	223
Portugal	133.3
Singapura	105.7
Sepanyol	94.2
Itali	133
United Kingdom	93.7

Malaysia meletakkan siling 55% daripada KDNK dan sekarang ini baru 51.5%. Itu pun 96.8% daripada RM519.3 bilion itu adalah hutang dalam negeri dan kita berhutang di luar negara baru RM16.5 bilion ataupun 3.2% hutang luar negeri. Jadi kita mengatur ekonomi negara ini dengan baik, percayalah. Terima kasih.

**8. Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan anggota RELA yang terdapat di setiap negeri dan syarat kelayakan menyertai RELA serta latihan khas yang diberi sebelum mereka menjalankan tugas; dan
- (b) elaun yang diberikan kepada anggota RELA dan jumlah elaun yang diberi sejak 2008.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat dari Lanang. Lanang itu di Sibu Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, jumlah anggota RELA berakhir pada 11 September 2013 selepas pembersihan adalah seramai 2,880,111 orang. Pecahan mengikut negeri:

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah anggota RELA</b>
Johor	170,465
Kedah	143,376
Kelantan	239,400
Melaka	87,312

Negeri Sembilan	114,312
Pahang	189,837
Perak	274,665
Perlis	36,351
Pulau Pinang	226,263
Sabah	288,014
Sarawak	215,430
Selangor	521,035
Terengganu	206,211
Wilayah	167,449

Syarat untuk memasuki anggota RELA ialah seorang yang berumur 18 tahun ke atas, warganegara Malaysia, bukan anggota tentera ataupun polis ataupun cawangan-cawangan tentera dan polis ataupun mana-mana pasukan atau skim sukarelawan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, imbuhan yang diberi kepada RELA, pegawai ataupun ketua platon dan pegawai perhubungan ke atas ialah RM7.80 sejam sementara anggota biasa iaitu prebet ke sub sarjan RM6 sejam. Kursus Asas RELA juga diberi, kedua, Kursus Skuad Muda RELA, Kursus Pengurusan dan Pengendalian Senjata Api, Kursus Kepimpinan dan Pengurusan RELA, Kursus Bantuan Khas RELA, Kursus Ketua Platon RELA, Kursus Ketua Perhubungan RELA Kawasan.

Jawapan kepada soalan yang kedua iaitu (b), untuk makluman Yang Berhormat, jumlah elaun yang diberi kepada anggota RELA sejak tahun 2008 ialah sebanyak RM136,985,543.20 Pecahan elaun anggota RELA mengikut tahunan adalah seperti berikut:

Tahun	Elaun (RM)
2008	1,285,523.50
2009	1,428,358.80
2010	8,729,919.00
2011	29,416,227.20
2012	63,973,945.10
Ogos 2013	32,151,569.60

Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih. Kita sering lihat anggota RELA menjalankan tugas seperti meronda-ronda di jalan raya, di kawasan bank dan banyak kali di kedai kopi dan kadang-kadang mereka menjaga trafik. Apakah peranan mereka dan tanggungjawab anggota RELA yang sebenarnya? Terima kasih.

■1130

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat, jawab soalan sendiri. Patrol di kawasan-kawasan mereka sendiri, di kampung-kampung mereka sendiri, di kedai kopi, di pasar raya, itulah kerja mereka Yang Berhormat. Pakai uniform, latihan-latihan yang diberi adalah asas, untuk mengetahui undang-undang juga asas dan juga membantu aktiviti-aktiviti

kawasan. Akan tetapi Yang Berhormat, ini adalah tugas sukarelawan mereka, bukan dikendalikan oleh pihak kerajaan upahan dan juga imbuhan.

Jadi, tugas RELA apabila dikehendaki oleh pihak polis, RELA juga boleh membantu polis dalam mengendalikan tugas-tugas polis, tugas-tugas Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), tugas tentera pun boleh juga dipanggil oleh kerana mereka juga mempunyai latihan, kalau dijemput ataupun dijemput oleh pihak-pihak tertentu, *organizer* mana-mana *function* juga boleh membantu dengan syarat bantulah mereka juga Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat, selesai sudah soal Jawab Lisan kita pada pagi ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

### UCAPAN TAKZIAH

#### **Ucapan Takziah Kepada Keluarga Allahyarham Datuk Seri Di Raja Tan Sri Ustaz Azizan bin Abdul Razak**

**11.31 pg.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan dengan amat dukacita dan sedih ingin saya memaklumkan bahawa Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri Diraja Ustaz Azizan bin Abdul Razak, mantan Menteri Besar Kedah dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Limau Kedah telah kembali ke Rahmatullah pada hari Khamis 26 September 2013 bersamaan 20 Zulkaedah 1434 hijrah.

Saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan dan pihak Parlimen seluruhnya, ingin merakamkan ucapan takziah kepada isteri Allahyarham yang berbahagia Datin Seri Diraja Puan Seri Hajah Faikah binti Syeikh Hamzah serta keluarga Allahyarham. Kita berdoa moga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarham dan ditempatkan di kalangan roh orang-orang yang soleh. Sesungguhnya pemergian Allahyarham adalah satu kehilangan yang besar kepada negara. Oleh yang demikian, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun. Kepada yang beragama Islam diminta menghadaikan *al-Fatihah* kepada roh Allahyarham dan kepada yang bukan beragama Islam diminta bertafakur selama satu minit. *Al-Fatihah*.

*[Ahli-ahli beragama Islam membaca al-Fatihah dan Ahli bukan Islam bertafakur selama satu minit]*

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.33 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan sehingga selesai ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa 1 Oktober 2013.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2013) 2013**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

**[Hari Ketiga]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Jawatankuasa*]**

**Maksud B.10, B.11 [Jadual] -**

**11.35 pg.**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.10 dan B.11 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Selayang.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengucapkan terima kasih diberikan peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013. Saya merujuk kepada Maksud B.11 - Perkhidmatan Am Perbendaharaan Butiran 020000 dan Butiran 020500. Bayaran tambahan sebanyak RM853,400,000 untuk menampung keperluan tambahan peruntukan bagi pembayaran tuntutan subsidi barangan petroleum untuk tahun 2013.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Saya meminta penjelasan bagaimana bayaran tambahan ini telah berlaku kerana pada bulan April tahun 2012, Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa utusan telah dibuat. Walaupun harga minyak dunia naik kerajaan akan mengekalkan RON 95 sebanyak RM1.90 dan juga harga diesel. Oleh yang demikian, bila kerajaan menyediakan bajet untuk dibentangkan pada Oktober 2012, kerajaan hendak meramalkan harga dunia dan subsidi.

Oleh itu, penting kita mengetahui bagaimana peruntukan telah digunakan dan apa sebabnya tambahan untuk subsidi telah digunakan dan hendak diluluskan oleh Dewan Rakyat yang mulia ini. Saya juga meminta penjelasan dan maklumat terperinci tentang bayaran subsidi ini. Ini adalah sebab bukan sahaja Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini tetapi rakyat ingin mengetahui bagaimana wang awam telah digunakan dan apa yang telah dibelanjakan sehingga kini.

Tadi Menteri telah diberikan jawapan tentang rasionalisasi subsidi dan di sini saya meminta jawapan dan penjelasan tentang tambahan yang telah diminta kerana hujah yang telah diberikan iaitu kita hendak ada menurunkan subsidi supaya mengawal bajet defisit bahawa subsidi hari ini kebanyakan memberikan manfaat kepada orang yang kaya. Akan tetapi ini adalah dasar yang perlu ditangani.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan pengerusi dan juga Ahli Parlimen Selayang. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa baru-baru ini kenaikan minyak RON 95 sebanyak 20 sen berbanding dengan RON 97 hanya 15 sen. Oleh sebab RON 95 yang digunakan rakyat biasa, kenaikan sebanyak 11% berbanding dengan RON 97 hanya 5%.

■1140

Adakah bersetuju dengan saya bahawa kerajaan lebih membela orang kaya kerana RON 97 digunakan oleh kereta-kereta yang berkuasa tinggi dan juga kereta mewah. Manakala RON 95 hanya digunakan oleh kereta-kereta biasa dan rakyat biasa. Adakah setuju dengan saya bahawa kerajaan lebih melindungi ataupun membela orang kaya berbanding dengan orang lain? Terima kasih.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Saya setuju bahawa nampaknya mereka yang kaya telah diberikan lebih bantuan. Ini yang saya minta penjelasan daripada kerajaan kerana dasar rasionalisasi subsidi adalah dasar yang telah diamalkan oleh IMF, *World Bank* dan dipanggil

dasar non-liberal dan beberapa negara yang telah mengikut nasihat ini, ekonomi mereka akhirnya merosot. Akhirnya sasaran yang telah dikatakan untuk dibantu, golongan miskin menjadi lebih miskin. Ini juga terjadi di Mesir dan Tunisia. Antara masalahnya ialah syarat-syarat IMF untuk memansuhkan subsidi makanan dan minyak dan akhirnya kita melihat *Arab Spring*. Baru-baru ini juga Mohamed Morsi meminta pinjaman daripada IMF dan IMF juga memberikan syarat bahawa pinjaman itu tertakluk kepada memansuhkan subsidi. Akhirnya kita melihat rakyat Mesir memberontak sekali lagi.

Saya juga hendak minta bagaimana kerajaan akan menentukan golongan yang hendak dibantu? Kita melihat BR1M kalau diberikan dua kali. Sehingga hari ini kita mengadakan ramai yang belum menerimanya dan juga kos. Kalau bayaran tunai ini diberikan kepada mereka yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan adalah 40% terendah. Kita juga tahu kelas pertengahan mereka yang mendapat antara RM2,000 sebulan sehingga RM7,000 sebulan *middle class* juga hendak dibantu. Kalau kita mengambil jumlah 40% yang terendah, kelas pertengahan juga 40% dan ini bermakna jumlah terbesar. Bayaran tunai ini akhirnya menjadi lebih daripada penjimatan RM1.1 bilion. Ini menunjukkan bahawa ada masalah tentang rasional subsidi ini.

Kita juga hendak tahu bahawa keadaan ekonomi kita adalah berlainan daripada negara yang lain kerana kita mengadakan satu dasar untuk menggalakkan automotif. Negara kita adalah antara yang tertinggi pemilik kereta berbanding dengan penduduk. Kita mengadakan 641 pemilik kereta bagi 1,000 penduduk. Ini adalah lebih daripada negara yang membangun seperti Jepun yang hanya mengadakan 593, United Kingdom 426. Sistem pengangkutan awam kita belum bersedia, masih lemah dan rakyat tidak ada pilihan. Kalau mereka tidak mahu menggunakan kereta, tidak mahu membayar minyak, mereka tidak ada pilihan kerana pengangkutan kita belum bersedia. Ini akhirnya menjadi beban yang tinggi kepada rakyat.

Kita melihat tentang trend perbelanjaan isi rumah. Untuk tahun 2009 sehingga 2010 yang telah dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan. Perbelanjaan bulanan purata isi rumah telah meningkat 12.1% kepada RM2,190 sebulan berbanding dengan RM1,953 untuk tahun 2005. Pada keseluruhannya, apa yang ketara apabila kita melihat perbelanjaan isi rumah ialah untuk perumahan, air, elektrik, gas, bahan api di dalam sepuluh tahun telah meningkat 102% manakala pengangkutan meningkat 90.6%.

Akan tetapi apabila kita bandingkan dengan gaji, di mana gaji telah bertakung. Mengikut laporan *World Bank* dalam sepuluh tahun, gaji hanya naik 2.6%. Ini bermakna akhirnya, rakyat akan memikul beban yang berat. Rasionalisasi subsidi mengikut pengalaman daripada negara yang telah mengikut nasihat IMF menunjukkan ini adalah satu dasar *contraction* kerana harga akan naik, sasaran tidak akan mendapat manfaat yang hendak diberikan dan impaknya ialah menyusahkan rakyat. Oleh itu, saya meminta penjelasan dan juga meminta kerajaan mengkaji semula tentang dasar ini...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Minta laluan.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Silakan.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat. Hujah yang dibuat oleh Yang Berhormat Selayang nampaknya negara berada di dalam keadaan yang cukup berbahaya dari segi ekonomi. Akan tetapi tadi Menteri pula membuat hujah seolah-olah negara kita tidak mengalami krisis ekonomi. Saya tidak tahu. Perlu tidak Yang Berhormat Selayang kita mendapatkan penjelasan daripada Menteri. Apakah *benchmark* untuk mengatakan bahawa kita berada di dalam keadaan krisis? Kalau ini bukan krisis, apa yang akan dianggap sebagai satu krisis?

Sejauh mana kita hendak tunggu, keparahan sejauh mana kita hendak menunggu untuk membuktikan bahawa negara kita mengalami krisis? Ini kerana kita lihat negara kita berpuluh-puluh tahun, kita ada belanjawan defisit, kenaikan petrol yang boleh mengakibatkan inflasi, hutang negara setiap tahun meningkat dan nilai mata wang juga tidak begitu stabil. Apabila semua perkara ini berlaku dan kita masih mengatakan bahawa negara kita tidak mengalami krisis. Saya hendak tahu apakah sebenarnya *benchmark* untuk krisis ekonomi negara? Terima kasih.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih. Nampaknya kita ada mengadakan suatu *denial syndrome*. Kita telah melihat Menteri mengumumkan bahawa kenaikan harga minyak tidak akan menjejaskan rakyat, harga hanya 0.1%, tidak ada sesiapa rakyat yang bersetuju. Kalau kita pergi ke pasar, pasar malam, pasar pagi kita akan melihat bahawa sudah berkurangan mereka yang keluar untuk membeli kerana akhirnya *real income, disposable income* telah dikurangkan. Kita tidak perlu mengadakan laporan pakar ekonomi untuk mengetahui bahawa minyak, kalau minyak naik memang perniagaan runcit, *home sale*, pengangkutan, bas sekolah dan sebagainya akan naik.

■1150

Akan tetapi kita semua tidak boleh menunggu bantuan BR1M. Harga sudah naik pada September, BR1M belum lagi. Ini seperti kita diminta untuk terjun daripada bangunan. Hari ini terjun, jaringan keselamatan esok akan datang. Akan tetapi hari ini kita terjun, hari ini kita memerlukan ambulans, tidak lagi jaringan keselamatan. Itulah sahaja hujah saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jasin.

11.50 pg.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja, terus kepada tajuk iaitu Butiran 020500 - Subsidi Gas, Cecair LPG, Diesel dan Petrol, serta Bantuan Tunai.

Perkhidmatan Am dan juga Perbendaharaan mendapat sebanyak RM11.8 bilion untuk peruntukan tambahan yang merupakan lebih kurang 79% daripada jumlah keseluruhan sebanyak RM15 bilion ini. Jadi, apa yang saya nak soalkan di sini tentang butiran tersebut, yang pertamanya RM8.8 bilion diperuntukkan untuk subsidi gas dan juga cecair yang juga merupakan satu peratusan yang paling tinggi sekali.

Yang pertamanya soalan saya, baru-baru ini telah diumumkan dalam satu berita bahawa kerajaan akan menaikkan harga minyak sebanyak 10 sen lagi. Disebarkan begitu meluas sekali. Kita tidak tahu siapa yang menyebarkan ini dan adakah kerajaan mendapat maklum perkara ini? Kita hendak tahu apakah tindakan ataupun siasatan yang dibuat oleh kerajaan supaya perkara ini tidak berlaku lagi kerana perkara ini telah menyebabkan keresahan, keadaan tidak menentu dan mungkin akan menjadikan perkara yang tidak diingini. Seharusnya pihak kerajaan membuat pemantauan dan mengambil tindakan yang drastik kepada mereka-mereka yang menyebarkan berita-berita palsu yang boleh sebenarnya menyebabkan banyak kesusahan kepada orang-orang di kampung. Itu yang pertama.

Yang kedua, subsidi adalah merupakan satu amalan yang telah dibuat oleh kerajaan sekian lama. Untuk bahan bakar, kita membelanjakan sebanyak RM24 bilion pada tahun lepas dan pada tahun ini adakah penjimatan dibuat setelah kita mengurangkan sebanyak 20 sen harga daripada harga RON95. Yang keduanya, harga RON95 pada ketika ini ialah RM2.10 maknanya kerajaan akan membiayai sebanyak 63 sen setiap liter sedangkan harga RON97 adalah berada pada paras RM2.70 seliter. Kita faham harga tersebut adalah berdasarkan daripada harga apungan harga bulan yang lepas. Akan tetapi bagaimanakah untuk kita menerangkan kepada rakyat bahawa keadaan perbezaan yang cukup ketara di antara RON95 dan RON97? Sepatutnya RON97 lagi mahal berdasarkan daripada harga pasaran semasa.

Yang seterusnya, kalau kita mengikut harga pasaran minyak antarabangsa pada ketika ini, Brent adalah sebanyak USD109 satu tong. Setakat manakah kalau harga minyak antarabangsa ini yang terpaksa kerajaan menanggung beban yang begitu besar dan terpaksa memindahkannya kepada rakyat ataupun kepada orang ramai. Ini kerana tanggungan kerajaan pada ketika ini adalah cukup besar kerana seperti saya sebut tadi, pada tahun lepas sahaja sudah RM24 bilion. Setakat ini harga Brent sebanyak USD109 satu tong. Sekiranya harga ini terus meningkat, setakat manakah kemampuan kerajaan untuk menampung kenaikan ini. Seterusnya, subsidi. Saya cukup seronok dengar kawan sebelah sana tadi bercakap tentang subsidi yang sebenarnya bukan semua kerajaan mengamalkan perkara subsidi ini untuk meringankan bebanan rakyat terutamanya dalam keadaan kita tersepit dengan kenaikan harga barang dan juga kos-kos perkhidmatan.

Jadi, setakat manakah subsidi ini yang boleh kerajaan tampung? Ini kerana kerajaan mahu mensasarkan supaya kita dapat mengecilkan defisit kita kepada 3% menjelang tahun 2015. Tahun ini sasaran kita adalah kepada 4%, berjayakah kita mencapai 4% ini setelah kita membuat penjimatan sebanyak RM1.1bilion hasil daripada pengurangan minyak sebanyak 20 sen tadi, pengurangan subsidi sebanyak 20 sen. Ini kerana pada ketika ini, subsidi dapat dinikmati oleh semua golongan masyarakat sama ada miskin ataupun kaya. Apa pun kita dapati golongan kayalah sebenarnya yang banyak dapat menikmati subsidi dan seharusnya kerajaan mestilah membuat satu pemantauan...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Sila Yang Berhormat Bintulu.



**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Yang Berhormat Jasin, setujukah tidak subsidi ini memang kita mahu bantu rakyat, meringankan tanggungan hidupan harian. Akan tetapi, masalah sekarang banyak subsidi kita beri bukan orang tempatan dapat bantuan, banyak bantuan itu, kita bantu orang bukan warganegara contoh macam diesel ataupun petrol. Banyak mereka hantar dan jual pergi negara jiran. Bila dalam Dewan, mereka marah kita kurangkan subsidi tetapi dalam pilihan raya pembangkang sokong orang buat kerja ini, *illegal trading diesel* ini. Yang Berhormat Bandar Kuching pun masuk juga, dia tahu. Inilah masalahnya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan, *point of order*. Ini sangkaan jahat. Yang Berhormat Bintulu itu tidak ada apa-apa bukti bahawa saya terlibat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya kata Yang Berhormat Bandar Kuching pun tahu juga.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini memang satu kenyataan yang jahat, niat jahat. Saya pun ada terima aduan bahawa Yang Berhormat Bintulu yang terlibat dalam penyeludupan diesel ke luar negeri. Ini juga yang saya terima aduan daripada ramai orang dari Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, jangan biadap ya. Siapa terima wang, duit daripada *illegal trading diesel* ini?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *Illegal trading* adalah *you...*, *you and your gang*.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Siapa dapat wang? Siapa? Siapa dapat wang? Yang Berhormat Bintulu...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya, *you want to talk about illegal trading?*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yes.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *Smuggling of diesel, smuggled by you*, Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *Smuggling* bukannya? *Smuggling*. Kuching bandar *smuggle...*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *You...*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Bandar Kuching ada soal kah tidak? Yang Berhormat Bandar Kuching ada soal?

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat!

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini dia hanya *action* di sini sahaja supaya polis tidak syak dia tetapi...

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat Bintulu dan Bandar Kuching.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Mana? Yang Berhormat Kuching ada soal? Janganlah fikir sama ada sudah dapat undi tinggi sudah syok sendiri.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...Sebenar-benarnya, sebenarnya dia yang terlibat dalam *smuggling up diesel* di selatan *in the open international water*.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Boleh minta siasatan, tiada masalah. Siasat, minta siasat dahulu siapa yang terlibat. Mintalah, mintalah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *You* siasatlah,

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Mintalah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Akan tetapi dia ada kuasa yang kuat dengan...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Apa kuasa kuat?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...Perhubungan yang baik dan rapat dengan KDN dengan PDRM dengan Maritim.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kalau kamu buat tuduhan, Yang Berhormat Kuching, kalau mahu buat tuduhan sama siapa-siapa *then* kita akan bising.

**Tuan Pengerusi:** [*Mengetukukul*]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *You* bising sama lain orang. Orang tuduh sama kamu, kamu marah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Dua-dua Ahli Yang Berhormat duduk dulu Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Bukan. *You* yang terlibat dalam itu.

**Tuan Pengerusi:** [*Mengetukukul*] Ahli Yang Berhormat Bintulu dan Bandar Kuching, duduk! Kalau berulang balik lagi itu Ahli-ahli Yang Berhormat, dua-dua Ahli Yang Berhormat saya suruh berehat sekejap, minum teh tarik di luar. Tengkar sana berjam-jam pun boleh, nanti balik di sini. Jangan begitu Yang Berhormat, orang di luar memerhati kita di TV. Sila Yang Berhormat Bintulu, teruskan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Jasin, setuju kah tidak sebab itu kita mahu cadang kepada kerajaan perlahan-lahan kita mahu kurangkan subsidi ataupun hapuskan subsidi. Keuntungan daripada subsidi itu kita bantu kepada rakyat lain-lain punya barang-barang. Mungkin kita hapuskan *road tax* berapa CC seperti 3000 CC ke bawah kita hapuskan dan juga kita menambah baik perubatan-perubatan di hospital, bantu rakyat terutama sekali orang miskin. Setujukah tidak Yang Berhormat?

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu, cukup bertepatan sekali. Seharusnya kerajaan mesti mengambil langkah untuk memastikan supaya subsidi ini dapat hanya dinikmati kepada golongan-golongan yang sepatutnya ataupun golongan-golongan sasaran dan bukan untuk semua peringkat, untuk semua kaum dan semua peringkat. Ini kerana pada ketika ini apa yang terjadi, selain daripada penyeludupan kita dapati bukan sahaja rakyat Malaysia bahkan pendatang asing yang merupakan 10% daripada jumlah penduduk Malaysia. Itu yang berdaftar, yang tidak berdaftar kita tidak tahu.

## ■1200

Mereka ini bukan sahaja dapat menikmati keseluruhan subsidi yang diperuntukkan untuk semua daripada sekolah, perubatan, makanan, tepung, gula termasuk minyak sekali.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Sila.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Jasin dan juga Yang Berhormat Bintulu tadi bahawa langkah kerajaan mengurangkan subsidi minyak petrol dan diesel ini adalah langkah jangka panjang yang perlu kita ambil bagi memantapkan ekonomi negara supaya kita tidak terkena kesan buruk yang berterusanlah hasil daripada terlalu banyak subsidi yang diberikan oleh kerajaan.

Tentunya melalui penjimatan melalui subsidi ini boleh kita laksanakan pelbagai program-program yang menyentuh hati rakyat. Isu yang ada di hadapan kita ialah apabila ada pihak terutama rakan-rakan kita di sebelah sana yang selalu mempolitikkan perkara yang cukup baik ini. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Jasin? Apakah kerajaan perlu bersungguh-sungguh melakukan pendekatan terbaik bagi memberi pemahaman kepada rakyat secara bersungguh-sungguh bahawa langkah penjimatan subsidi ini benar-benar baik dan menguntungkan rakyat. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Jasin, apakah kaedah yang patut kerajaan buat bagi memberi pemahaman kepada rakyat.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Jasin, sekali Yang Berhormat Jasin. Terima kasih Tuan Pengerusi. Masih ingat kah Yang Berhormat Jasin pada beberapa purnama yang lalu semasa dalam Dewan yang mulia inilah Yang Berhormat Jasin bersama dengan teman-teman yang lain pada penggal yang lalu, kita berjam-jam berbincang dalam Dewan ini sampai ke malam, kerajaan berjanji untuk mengadakan satu struktur bagaimana boleh diperkenalkan kepada rakyat agar minyak petrol tidak pergi kepada orang kaya kerana orang kaya, 40% daripada orang kaya menikmati hasil subsidi. Sedangkan diesel dilambakkan keluar, dibawa curi ke luar dan di Dewan ini juga menteri berjanji, kita akan perkenalkan satu sistem untuk memastikan, itu berbulan-bulan yang lalu.

Sekarang mana sistem itu? Mana dia? Kenapa kementerian duduk begitu lama atau pun kementerian langsung tidak ada idea bagaimana menyelesaikan masalah ini. Jadi, ingat kah Yang Berhormat Jasin saat-saat itu? Saya minta pandangan Yang Berhormat Jasin. Terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang Berhormat Jasin minta laluan.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Cukup bersemangat sekali tapi itu sebablah kita hendakkan supaya Ahli-ahli Parlimen sebagai pembuat dasar. Kita bukan sahaja pandai mengkritik, kita bukan sahaja pandai menegur. Bahkan dalam masa yang sama walaupun kita berlainan pendirian tetapi kita mestilah memberikan cadangan yang konstruktif supaya

kerajaan dapat memikirkan apakah langkah-langkah yang paling terbaik. Bukan mudah untuk kita *segregate* di antara satu golongan ke satu golongan yang lain.

Itu sebab kita hendak jangan hanya pandai mengkritik tetapi dalam masa yang sama kita hendakkan cadangan-cadangan yang bernas supaya cadangan inilah yang boleh kita angkat kepada kerajaan supaya dapat dilaksanakan untuk penambahbaikan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang Berhormat Jasin minta laluan.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya selalu...

**Tuan Pengerusi:** Mana satu Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Lipis atau pun Yang Berhormat Parit Buntar?

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Parit Buntar.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya selalu jarang bersetuju dengan Yang Berhormat Jasin ini tetapi hari ini pandangan dia itu agak konstruktiflah. Ini kerana dalam ucapan saya, saya pun ada hendak sebut tentang bagaimana subsidi ini yang dibelanjakan dinikmati oleh mereka yang tidak patut mendapat. Contohnya, kalau saya isi minyak Yang Berhormat Jasin, kereta 2.7 dengan kereta Kancil, sudah tentu saya punya minyak lagi banyak dan saya menikmati subsidi itu. Sedangkan orang yang pakai kereta kecil, dia juga dapat subsidi tapi dalam satu kuantiti yang sedikit juga.

Jadi, secara itu tidak adillah, tidak adil. Sebab itu saya rasa, kami dari Pakatan Rakyat dulu pernah mencadangkan satu yang kita namakan subsidi yang lebih berstruktur. Di mana kita memberi subsidi kepada *household income*. Yang lebih, yang kita anggap miskin, kita akan bagi dia kelayakan untuk subsidi. Satu lagi saya hendak cadang secara konstruktif juga, apa kata kalau subsidi itu juga bukan sekadar melihat keperluan yang mereka *target* yang diperlukan. Akan tetapi juga berapa liter sebulan dia boleh pakai sebulan, contohnya? Kalau lebih daripada 100 liter dia pakai, kalau dia hendak beli juga, dia kena bayar, *normal price*.

*So, I think this is the line* ataupun, dengan izin, jalur yang kita bincangkan selama ini. Kita tidak timbul isu hendak seronok negara ini hancur, tidak. Akan tetapi kita memberi pandangan konstruktif, bukan hari ini, sudah lalu. Saya setuju juga PATI 1.8 juta. Mereka menikmati semua ini, sedangkan mereka duduk secara *illegal*, pun kami sudah cakap. Jadi, perlu ada satu *mechanism* Tuan Pengerusi, yang saya sokong sebenarnya ini. Macam ada satu kad kah, apa kah. Kalau hendak isi, tunjuk kad ini tapi kena ada satu data siapa yang layak, siapa yang tidak. Saya hendak minta Yang Berhormat Jasin setuju atau tidak pandangan ini.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, pada kali ini saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Parit Buntar. Inilah cadangan-cadangan yang bernas yang patut kita ketengahkan kepada kerajaan supaya dapat memikirkan apa juga cara dan kaedah yang boleh menjimatkan subsidi kita kerana tanggungan ini terus melebar. Satu hari nanti

akan sampai satu masa kita terpaksa tidak boleh tampung lagi. Ini kerana dengan keadaan himpitan ekonomi, dengan masalah krisis yang berlaku di seluruh dunia pada ketika ini memang sebenarnya ada kaitan dan juga kita menerima imbasannya.

Apa yang saya hendak sebut di sini, contoh selain daripada penyeludupan. Satu ketika dulu kita telah mengenalkan *nano tagging* untuk semua diesel yang disubsidi. Akan tetapi *nano tagging* ini telah diberhentikan sejak tahun 2011 kerana kononnya tempoh tendernya telah habis, telah tamat. Ini kerana kita hendak menjimatkan sedikit wang untuk mendapatkan kaedah *nano tagging*, setakat manakah kita boleh menjimatkan kos tersebut? Selain daripada mungkin ada banyak lagi ketirisan yang akan berlaku daripada sistem yang tidak boleh kita sediakan. Ini kerana pada ketika tersebut, pihak penguatkuasaan dapat menjalankan kerja mereka dengan cukup berkesan sekali, memeriksa setiap kilang, setiap sektor pembuatan supaya pastikan mereka tidak menggunakan diesel-diesel yang bersubsidi. Setelah diberhentikan *nano tagging*, cara apakah dibuat oleh pasukan atau anggota penguatkuasaan kita bagi memastikan tidak ada ketirisan berlaku. Itu yang pertama.

Keduanya, saya cukup tertarik sekali dengan banyak cadangan daripada kawan-kawan tentang langkah-langkah untuk mengurangkan subsidi yang sepatutnya kerajaan pada ketika ini kita berharap semoga ada satu pelan tindakan yang benar-benar bersepadu supaya kita betul-betul serius dalam usaha kita untuk mengurangkan tanggungan kita ini.

Seterusnya, saya ingin mencadangkan kalau boleh, kita mestilah mengenal pasti satu pelan alternatif untuk membantu golongan-golongan menengah yang berpendapatan di antara RM2,500 dengan RM5,000 ini. Kita banyak memberikan perhatian kepada golongan-golongan berpendapatan rendah tetapi kita terlupa tentang golongan menengah. Ini kerana mereka ini sebenarnya adalah merupakan golongan yang paling banyak sekali membayar cukai. Kumpulan ini sebenarnya juga yang banyak membantu kepada penguatkuasaan. Dalam satu masa, kumpulan yang menengah ini sebenarnya pada ketika ini menghadapi himpitan kos hidup yang ditanggung kerana kenaikan harga barang.

Jadi, saya berharap pelan alternatif untuk membantu mereka selain daripada untuk menghadapi keadaan kenaikan harga barang yang terus meningkat pada ketika ini dan kita jangan lupa tentang skim-skim perumahan mereka. Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tumpat. Selepas Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Lipis.

**12.09 tgh.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya...

**Tuan Pengerusi:** Kalau tidak silap saya, telah dihadkan masa 10 minit Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat tolong *stick to the time, sharp*.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** *Insya-Allah*, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mendengar perbahasan pagi ini daripada Yang Berhormat Selayang, Yang Berhormat Batu Gajah, juga Yang Berhormat Jasin dan celahan-celahan daripada rakan-rakan seperti Yang Berhormat Parit Buntar dan Yang Berhormat Sungai Petani tadi.

■ 1210

Saya mungkin secara keseluruhannya sealiran dengan pandangan-pandangan tersebut. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kita ini walau bagaimanapun sentiasa mahu menafikan bahawa hakikatnya kalau harga bukan sahaja minyak atau apa-apa benda sekalipun, kalau asalnya RM1.90 sen kemudiannya ianya menjadi RM2.10 sen, dalam bahasa apa sekalipun harga itu sudah naik. Jadi untuk kita merasionalisasikannya dengan mengatakan ianya rasionalisasi subsidi dan sebagainya itu istilah-istilah yang sudah tentu akan kita anggap sebagai cuba memperlekehkan dan memperbodohkan kita dan rakyat jelata.

Keduanya berkaitan dengan subsidi untuk lapan bilion, 800 juta lebih ini kita tidak boleh menganggap bahawa apabila kenaikan harga minyak itu berlaku Tuan Pengerusi, dan apabila masyarakat merasa gelisah dan apabila ahli-ahli politik dan NGO-NGO membangkitkannya, kita bukan sekadar atau semata-mata mempolitikkan isu ini sebab ianya melibatkan rakyat. Kita cuba menjustifikasikannya dengan mengatakan bahawa yang untungnya rakyat yang kaya, pemunya kereta-kereta yang besar. Itu bukanlah tidak tepat sepenuhnya.

Akan tetapi di masa yang sama pemunya-pemunya kereta yang besar dan sebagainya juga membayar cukai-cukai lain yang juga tinggi, cukai jalan dan sebagainya. Jadi oleh itu untuk menyalahkan dan untuk menjustifikasikannya dengan memberi alasan bahawa hanya yang kaya meraut keuntungan daripada subsidi ianya saya fikir perlu dikaji balik. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Jasin dan rakan-rakan yang lain bahawa mungkin bahawa Kementerian Kewangan mesti mengeluarkan satu kertas putih yang dibentangkan di Parlimen ini untuk menjelaskan konsep kita tentang subsidi ini.

Untuk kita menganggap yang subsidi ini tidak baik, tidak betul. Ini kerana saya difahamkan negara-negara besar, negara-negara kaya seperti contoh Yang Berhormat Timbalan Menteri beri dalam jawapan awal hari ini. Misalnya beliau mengatakan Amerika Syarikat kadar hutang defisitnya 200% lebih. Amerika Syarikat pun memberikan subsidi yang begitu tinggi. Mungkin bukan dalam bentuk minyak sebab mereka betul-betul *free enterprise* dari segi minyaknya. Akan tetapi dari segi pertanian dan sebagainya subsidi yang mereka berikan kepada rakyat mereka adalah amat-amat tinggi sekali. Oleh sebab itulah kebimbangan di kalangan kita kalau TPPA ini disetujui oleh kerajaan, maka banyak hasil-hasil pertanian Amerika Syarikat seperti beras, kacang soya dan sebagainya akan menjadi amat murah. Ini kerana sebahagian besarnya berpunca daripada subsidi yang diberikan oleh kerajaan Amerika Syarikat kepada petani-petani mereka.

Jadi oleh sebab itu saya mengharapkan bahawa kita ingin mengetahui dengan lebih terperinci lagi apa yang terkandung di dalam butiran berkaitan dengan subsidi ini yang berjumlah

lapan bilion, 800 juta lebih itu, yang mana disebutkan subsidi gas cecair, LPG, diesel, petrol serta bantuan tunai, komponen dan sebesar mana daripada lapan bilion ini ialah yang melibatkan RON95. Ini kerana kita mahu tahu sebab ini digunakan sebagai alasan tentang RON95 itu. Daripada lapan bilion, 800 juta lebih itu berapa peratus atau berapa bilion ianya ialah berpunca daripada kerajaan memberi subsidi yang terpaksa dinaikkan 20 sen lagi harganya kerana ia membebankan kerajaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Lipis, terima kasih.

**12.14 tgh.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** *Assalamuallaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya untuk turut serta berbahas dalam Maksud B.11, Butiran – 020000 iaitu dalam sub kecilnya Butiran – 20500 Subsidi Gas Cecair LPG, Diesel, Petrol, serta Bantuan Tunai.

Saya turut serta memberi pandangan untuk berbahas melibatkan RM8.853 lebih bilion untuk kegunaan tuntutan subsidi barangan petroleum bagi tahun 2013. Untuk tujuan menampung keperluan tambahan bagi pembayaran subsidi petroleum tersebut, adalah merupakan berikutan kenaikan minyak pasaran dunia yang secara puratanya yang melibatkan pada tahun ini. Pasaran dunia melonjak naik dalam masa enam bulan ini sehingga kerajaan tidak dapat terpaksa menurunkan nilai subsidi yang semakin membebankan walaupun harga minyak pasaran dunia ketika ini ada sedikit penurunan sebenarnya.

Ini juga disebabkan oleh berlaku perkara ini adalah daripada pasaran dunia berpunca daripada ancaman-ancaman yang berlaku seperti negara Syria yang masih belum reda dan sebagainya. Tuan Pengerusi sudah amat jelas semua yang tahu harga minyak sudah naik di pam-pam seluruh negara dan ingin juga saya nyatakan bahawasanya di rantau Asia Tenggara ini sebenarnya kita masalah dalam kadar harga yang agak rendah berbanding dengan negara Brunei, kita masih lagi berada dalam keadaan yang baik. Akan tetapi dalam soal ini, kita semua sudah bercakap soal kepentingan duit rakyat, jadi perlulah kita pastikan ketirisan atau kebocoran dan sebagainya perlulah kita atasi.

Saya menyarankan kepada semua pihak perlu bertanggungjawab untuk memastikan gerakan-gerakan yang lebih efektif untuk menyekat umpamanya penyeludupan yang berlaku seperti hari ini. Perlu kita memperkemaskan dengan langkah-langkah yang harus kita melakukan tangkapan-tangkapan yang lebih besar kepada penyeludupan-penyeludupan seperti ini. Akan tetapi pada hemat saya tangkapan ini adalah masih terlalu kecil. Kita perlu melakukan benar-benar gerakan ini dan menyeru kepada semua pihak memastikan gerakan ini lebih efektif dalam melaksanakan program seperti ini.

Seperti yang kita sedia maklum, subsidi minyak tidak terbuka kepada pengguna minyak di industri-industri atau di pasaran komersial sahaja. Pada hemat saya masih banyak lagi berlakunya ketirisan yang mana subsidi mengalir ke industri-industri golongan yang tidak bertanggungjawab,

tauke-tauke yang tidak mempunyai perasaan patriotik, yang hanya mengutamakan keuntungan mereka, sebab itu mereka telah menggunakan kesempatan-kesempatan seperti ini.

Saya dengan ini meminta pihak yang bertanggungjawab melipatgandakan usaha-usaha untuk memantau kegiatan-kegiatan haram ini, melakukan tangkapan-tangkapan untuk kita memerlukan lipat ganda daripada yang ada sekarang ini. Ini adalah satu jihad demi kepentingan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, saya juga mengambil kesempatan terutamanya kita semua tidak terus memainkan isu minyak atau kepentingan politik semata-mata. Subsidi minyak ini masih diperlukan tetapi perlu dikurangkan secara yang perlahan-lahan. Subsidi minyak yang bersifat pukal, saya juga sokong saranan daripada Yang Berhormat Parit Buntar. Ini kerajaan sokong Yang Berhormat Parit Buntar. Menyokong yang dicadangkan semasa ucapan daripada wakil Jasin sebentar tadi, sebenarnya salah satu kaedah kita boleh menggunakan kad. Mungkin ketirisan juga akan berlaku.

Walau bagaimanapun sekurang-kurangnya kita dapat mengurangkan ketirisan tersebut. Kita menggunakan kad umpamanya, diberikan kepada pendapatan purata isi rumah. Betul ya Yang Berhormat Parit Buntar? Pendapatan purata isi rumah akan tetapi kita semua dalam Dewan ini pakai minyak mahallah sudah. Tidak dapatlah kita kad rasanyalah. Tidak tahulah mungkin purata kita dapat juga, yang ada dua, tiga pasang umpamanya anak ramai mungkin dapat juga. Itu tidak pastilah. Walau bagaimanapun saya juga menyarankan kaedah-kaedah seperti itu boleh difikirkan. Akan tetapi kita juga kena memikirkan bagi pembayar-pembayar cukai yang tinggi ini. Mereka juga pembayar cukai, sedangkan mereka sudah pasti subsidi-subsidi tidak dapat. Kita juga melaksanakan perancangan BR1M umpamanya yang membantu golongan yang dapat secara terus subsidi daripada kerajaan.

#### ■1220

Jadi golongan-golongan ini, kita perlulah memikirkan secara keseluruhannya supaya penggunaan besar seperti yang saya katakan tadi, penyeludupan. Ini yang amat besar. Mungkin dari segi *tax*, mereka yang menggunakan petrol ataupun diesel yang banyak, ini yang dapat kita atasi melalui mengawal keadaan sedemikian rupa. Usaha-usaha ke arah ini sebenarnya ke arah subsidi tertumpu yang perlu dilaksanakan untuk menjadi subsidi yang lebih adil.

Tuan Pengerusi, seperti yang kita semua tahu, pasaran dunia memang keadaan tidak menentu. Dahulu memang betul terlalu murah. Yang semasa kita – wakil daripada mana saya tidak ingat, sebentar tadi mengatakan kenaikan begitu ketara daripada tahun 1990 sehingga sekarang. Sudah pastilah dalam keadaan sekarang yang melibatkan, menunjukkan harga USD120 setong sudah pasti tidak dapat membandingkan dengan harga yang terdahulu. Ini keadaan semasa yang kita semua tahu melibatkan seluruh dunia terpaksa menampung kos tersebut. Ketika ini, harga minyak mentah global terus meningkat kerana asas ekonomi, permintaan melebihi penawaran, ekonomi negara China dan India yang baru muncul amat memerlukan petroleum yang begitu besar sekali.



Bekalan petroleum tidak dapat ditingkatkan kerana geopolitik seperti ribut taufan, umpamanya apa yang berlaku di teluk *Caribbean*, perang di Iraq umpamanya. Ini menyebabkan salah satu terpaksa perkara-perkara seperti ini meningkat naik. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, kita dalam keadaan ini, peranan kita sebenarnya. Ini seterusnya akan terus memberikan tekanan dan bebanan kepada kerajaan dengan faktor-faktor yang berlaku juga di luar negara. Sumber petroleum di Malaysia tidak akan terus berpanjangan dan lama-kelamaan akan habis. Jadi bekalan minyak terjamin Malaysia adalah beranggaran 5.8 bilion *barrel*. Ini akan berkurangan. Sekiranya kita melalui Petronas, perlu untuk terus mencari rizab yang baru di samping mencari sumber lain seperti gas asli. Keuntungan Petronas tidak boleh dihabiskan. Ia perlu untuk terus menerokai sumber minyak atau gas yang lain.

Saya menyokong permintaan perbelanjaan tambahan untuk perbelanjaan subsidi petroleum. Walau bagaimanapun, saya berharap pihak yang bertanggungjawab dapat melaksanakan, melakukan satu jihad untuk memastikan perkara-perkara yang telah kita nyatakan dan perlu dibanteras sehabis-habisnya. Pada saya, mereka ini adalah pengkhianat negara sekiranya mereka melakukan perkara ini.

Saya juga menyokong sedikit peruntukan tambahan sebanyak RM3 bilion untuk menampung tambahan emolumen selaras dengan keputusan untuk Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia. Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**12.23 tgh.**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. saya ingin merujuk kepada Maksud B.10 - 080000 berkenaan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya hanya hendak tanya tentang keberkesanan kutipan cukai melalui *online*. Selepas LHDN memperkenalkan taksiran cukai melalui *online*, saya hendak tahu berapakah peratusan ataupun individu yang melaporkan atau mentaksirkan cukai ini melalui *online* dan juga tentang keberkesanan *online* ini. Saya dapat banyak maklumat dan juga aduan. Semasa mereka hendak menaksir cukai melalui *online* ini, mereka menghadapi masalah kata proses terlalu lama iaitu tidak berapa cepat dan tidak berapa berkesan. Kalau hendak memperkenalkan secara *online* ini, perlu memastikan *software* atau perisian itu lebih canggih dan masa yang digunakan lebih pendek serta tidak menyusahkan orang. So, ini yang pertama.

Setakat ini secara *comparison*, berapa peratusan yang sekarang ini, apakah *target* LHDN untuk mereka yang menaksir cukai melalui *online* ini. Perkara kedua saya hendak tanya ialah selepas LHDN memperkenalkan taksiran cukai sendiri di mana individu dipaksa menaksir cukai sendiri. Setakat ini, selepas taksiran sendiri diperkenalkan, adakah kutipan cukai individual ini bertambah? Adakah berlaku penipuan, tidak jujur dan tidak tulus melalui taksiran cukai ini kerana ada perkara-perkara yang tidak dilaporkan, diproses terus. Setakat ini, adakah kes penipuan ini dikesan atau ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah. Saya rasa penipuan pembayaran cukai ini

berlaku, tetapi sejauh mana LHDN ini menangkap atau membawa mereka ke mahkamah. Saya hendak tahu, setakat ini berapa kes sudah dilaporkan?

Saya rasa itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**12.27 tgh.**

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin mengambil kesempatan ringkas ini untuk membahaskan dalam maksud B.11, dalam mempertanyakan beberapa soalan mudah berkaitan dengan subsidi ini. Soalan-soalan yang datang daripada orang kampung yang sememangnya sangat terkesan daripada kenaikan harga minyak walaupun bunyinya hanya 20 sen. Saya bersetuju dengan apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Tumpat tadi bahawa subsidi ini adalah satu perkara yang sepatutnya diteruskan kerana itu sememangnya salah satu daripada tugas kerajaan untuk memberikan kemudahan yang terbaik. Saya merasakan kerajaan tidaklah perlu sangat berkira dengan rakyat kerana rakyat itulah yang juga kita harapkan untuk memberikan sokongan khususnya dalam pilihan raya.

Oleh sebab itulah saya merasakan kerajaan juga tidak berani sebenarnya untuk mengurangkan subsidi ini sebelum daripada pilihan raya yang lepas dan hanya dinaikkan harga minyak ini selepas daripada pilihan raya umum. Ada beberapa soalan yang saya ingin mohon penjelasan. Kebiasaannya apabila disebut berkaitan dengan kenaikan harga minyak dan pengurangan subsidi ini, kerajaan mengaitkan dengan turun naiknya harga pasaran minyak dunia. Cuma saya hendak tahu misalnya, berapa kali kah harga minyak di Malaysia ini terpengaruh dengan kenaikan harga minyak di dunia, sama ada naik ataupun turun.

Sebenarnya harga minyak di Malaysia ini sama ada naik harga di dunia ataupun turun harga di dunia, kerana saya merasakan sama ada naik harga dunia ataupun turun, tidak memberikan apa-apa kesan kepada minyak di Malaysia ini kecuali jika ia dimahukan ataupun dikehendaki oleh kerajaan untuk menaikkan ataupun menurunkannya. Sepanjang ingatan saya, semenjak tahun 2008 misalnya, hanya sekali kerajaan menurunkan harga minyak walaupun boleh jadi telah beberapa kali minyak dunia itu turun.

Apa yang saya faham juga ialah yang boleh jadi tidak difahami oleh rakyat di kampung misalnya, Petronas dengan minyak yang dicari gali di Malaysia ini yang kualitinya lebih baik telah menjual minyak itu ke pasaran dunia dan apabila harga di dunia itu naik, maknanya Petronas akan mendapat untung yang lebih besar. Sepatutnya ketika itulah harga minyak di Malaysia akan diturunkan harganya untuk memberikan kemudahan yang lebih baik kepada rakyat. Ini kerana kita menggunakan minyak yang diimport yang kualitinya lebih rendah daripada apa yang dikeluarkan di telaga-telaga minyak Malaysia ini.

■1230

Kedua, berkaitan dengan jenis minyak. Kita sekarang ini ada jenis yang utamanya RON97, RON95 dan diesel. Dulu kita pernah ingat bahawa minyak ini hanya ada dua jenis iaitu petrol dan

minyak diesel. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan. Dalam membekalkan minyak kepada rakyat ini, selain daripada kita mahu rakyat menikmati harga yang rendah, tidakkah lebih baik jika sekiranya kita membekalkan minyak yang juga kualitinya lebih baik. Bukan setakat harganya rendah tetapi kualitinya baik.

Ini kerana saya melihat beza harga sebenar di antara RON97 dan RON95 sebenarnya tidak banyak, bahkan baru-baru ini apabila dinaikkan ataupun dikurangkan subsidi dengan istilah kerajaan itu, harga RON95 pada hari tersebut lebih mahal daripada RON97. Ketika RON97 harganya RM2.70 dan apabila dinaikkan 20 sen untuk RON95 menjadikan harganya RM2.73. Maknanya kualiti RON97 yang berkualiti itu lebih murah daripada RON95 yang kurang kualitinya. Bagi saya apa kiranya kalau pihak kerajaan hanya memilih satu sahaja jenis ini untuk diberikan subsidi. Kenapa tidak diberikan subsidi kepada RON97 terus dan rakyat boleh menikmati perkara itu. Harganya murah dan juga kualitinya lebih baik untuk digunakan di Malaysia ini.

Ketiga, antara alasan yang telah diberikan oleh kerajaan untuk mengurangkan subsidi ini adalah untuk menjimatkan perbelanjaan bagi digunakan untuk menyediakan kemudahan asas infrastruktur di seluruh Malaysia ini. Saya cuma ingin tahu daripada 2008 janji itu dibuat, berapa banyak kah sebenarnya kemudahan-kemudahan asas dan kemudahan awam yang telah dibina di negeri Kelantan secara khusus kerana rakyat Kelantan juga telah membeli ataupun menikmati hasil kenaikan harga minyak semenjak daripada dulu. Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Minta penjelasan sedikit.

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Ya, sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Kubang Kerian. Tuan Pengerusi, berbalik kepada perbandingan yang dibuat oleh Kubang Kerian tentang harga RON97 dengan RON95. Asasnya tadi ialah kerana RON95 ini jadi naik kerana subsidi diturunkan dengan tidak mengambil kira pasaran dunia yang ketika ini harga minyak pasaran dunia ada turun. Soalan saya kepada Kubang Kerian, kenapa RON97 pula dinaikkan? Ini kerana kalau kita menetapkan harga RON97 seperti disebut oleh kerajaan berdasarkan kepada *market forces* dengan harga yang sedang turun di dunia kita menjangkakan RON97 paling tidak pun tak bergerak. Akan tetapi tiba-tiba dinaikkan. Di mana asasnya atau adakah kerana proses pembuatan RON97 dengan bahan-bahan campuran itu menyebabkan ia naik dan pihak mana yang menentukan sebenarnya harga RON97 ini. Pasaran atau kerajaan? Terima kasih.

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Terima kasih Kuala Krai. Itulah juga yang saya tidak faham dan mohon penjelasan daripada pihak kerajaan.

Terakhirnya ialah berkaitan dengan alasan penyeludupan sebagai mana yang telah disebut oleh rakan-rakan tadi. Saya juga bersetuju sebenarnya. Kerajaan mesti memperkuat atau memperkasakan mekanisme untuk membasmi atau membanteras penyeludupan diesel ataupun minyak kita ke luar negeri daripada membebankan rakyat dengan pengurangan subsidi ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**12.35 tgh.**

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada maksud B.11 Butiran 020500.

Saya ingin melihat perkara ini secara keseluruhan. Kita lihat bahawa ekonomi Malaysia begitu sihat yang telah kita alami beberapa tahun dan apabila ekonomi kita sedikit tercabar, maknanya ekonomi negara kita mengalami satu keadaan yang demam. Jadi itulah sebabnya apabila tindakan untuk mengurangkan subsidi ini sebenarnya adalah satu ubat untuk ekonomi kita untuk mengimbangkan nilai mata wang kita, pengaliran mata wang luar dan juga eksport kita untuk mengimbangi instrumen pembayaran semula wang tunai kerajaan.

Kita lihat bahawa sebenarnya apabila kita telah mengalami keadaan yang terlampau sihat, rakyat Malaysia sekarang sebenarnya mempunyai tabiat berbelanja secara lebih di luar keperluan. Kalau kita lihat tentang kesannya oleh kerana dikatakan minyak itu naik terlampau mendadak, kalau kita lihat di *Highway*, NKVE dan tempat-tempat lain, adakah kita lihat bahawa orang tiba-tiba tidak menggunakan jalan raya ataupun tidak menggunakan pengangkutan di luar keperluan. Kita tahu memang ada keperluan asas tetapi kita lihat tidak. Ini adalah kerana budaya *consumerism* yang begitu tinggi di kalangan masyarakat kita.

Jadi saya ingin memberi satu cadangan kepada pihak-pihak yang berkenaan mungkin Petronas Dagangan ataupun kerajaan untuk melihat dan menilai secara kualitatif dan juga kuantitatif yang mana apakah benar-benar kesan daripada pengurangan subsidi ini telah memberi satu data yang membuktikan bahawa rakyat menggunakan atau mengurangkan penggunaan.

Jadi itulah satu perkara yang saya harap pihak Petronas Dagangan ataupun pihak kerajaan dapat mencari data akibat daripada ini. Apakah ia sebenar-benarnya menjejaskan rakyat? Ini kerana kita lihat rakyat masih membuat perkara-perkara yang di luar keperluan kerana tabiat kita yang selama ini sebagai mengalami ekonomi yang cukup baik. Kalau kita lihat di kampung walaupun ada terjejasnya sedikit kenaikan barangan tetapi masih ada rakyat di kampung-kampung walaupun mereka boleh menanam cili ataupun menanam perkara-perkara asas sayur untuk keperluan seharian tetapi sebab budaya dan tabiat kepenggunaan ini masih pergi ke pasar-pasar untuk membeli barangan yang dikatakan sudah naik sedikit. Jadi saya harap kerajaan memberi sedikit data untuk mengenal pasti apakah kesan sebenarnya tentang pengurangan subsidi ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Pokok Sena.

**12.38 tgh.**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi kesempatan kepada saya untuk bersama membahaskan B.11 iaitu 020500 yang berkaitan dengan subsidi gas, diesel dan petrol.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan sebab di awal program rasionalisasi subsidi yang telah pun dibuat oleh pihak PEMANDU pada awal beberapa tahun dahulu, mereka telah menggariskan satu jadual tentang kenaikan ataupun pengurangan subsidi sebab kerajaan selalu menggunakan hujah bahawa kerajaan tak pernah naik harga minyak. Kerajaan tak pernah naik harga minyak, itu kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri, rakan saya daripada Pontian. Kerajaan tak pernah naik harga minyak itu harga minyak antarabangsa, pasaran antarabangsa yang menentukan. Cuma kerajaan mengurangkan subsidi tetapi harga pasaran, harga runcitnya memang rakyat dia beli, memang harga dia naik dua kupang.

■1240

Jadi itu hujah-hujah yang sering digunakan oleh pihak kerajaan. Cuma saya hendak dapat penjelasan yang tadi bahawa PEMANDU sudah pun memperjelaskan jadual untuk tahun ini, tahun ini sampailah kepada satu tahun ke arah untuk pengurangan sebahagian besar subsidi-subsidi yang diberikan kepada rakyat ini dan termasuk ke arah untuk penghapusan subsidi secara keseluruhannya. Jadi saya hendak dapat penjelasan daripada pihak kerajaan. Maaf kerana saya tidak bawa kertas yang disediakan oleh Jawatankuasa PEMANDU tersebut kerana ada bukan sahaja subsidi petrol, gas, diesel dan sebagainya, subsidi gula, subsidi tepung, subsidi minyak masak dan sebagainya.

Kalau tidak silap ingatan saya bahawa ia sampai hampir tahun 2015, tahun 2016 begitu. Adakah kerajaan masih lagi mengguna pakai pengiraan yang telah pun dibuat oleh PEMANDU? Adakah jadual itu masih diguna pakai, kaedah penggunaan itu walaupun jadual itu mungkin tidak diguna, jadual itu mungkin tidak diikuti? Akan tetapi kaedah penggunaan pengiraan dan matlamatnya ialah ke arah akhirnya subsidi kita ini kalau tidak hapus pun maknanya sebahagian besarnya akan ditiadakan lagi kepada rakyat di Malaysia ini. Jadi, ini suatu yang harus diberikan penjelasan. Sebab bagi saya, subsidi ini adalah satu mekanisme yang baik. Walaupun ada pro dan kon dalam soal itu, tetapi itu adalah satu kaedah untuk pengagihan kekayaan, bukan dalam bentuk tunai tetapi yang dapat dirasai nikmatnya oleh masyarakat dan rakyat secara keseluruhannya termasuk kepada orang-orang susah.

Hari ini kerajaan mengatakan bahawa kita hendak ambil subsidi ini akhirnya dok dapat kepada orang kaya, hanya 30% sahaja orang yang berpendapatan RM3,000 ke bawah yang disebut oleh Yang Berhormat rakan saya itu bahawa yang memperoleh subsidi minyak ini tetapi hakikatnya bahawa mereka memang memperoleh subsidi minyak. Walaupun 30% kah, 40% kah, berapakah, tetapi mereka mendapat harga minyak 20 sen lebih murah sebelum ini. Akan tetapi hari ini mereka telah mendapat harga minyak yang lebih 20 sen daripada dahulu.

Jadi walaupun kerajaan mengatakan bahawa wang yang kita ambil daripada orang-orang yang berpendapatan RM3,000 lebih ini dengan pengurangan subsidi itu, wang itu boleh digunakan untuk membayar, beri secara tunai pemberian tunai melalui BR1M dan sebagainya. Bermakna bahawa kita bukan sahaja mengambil duit orang yang berpendapatan RM3,000 ke atas itu untuk beri BR1M, beri tunai kepada orang yang berpendapatan RM3,000 tetapi duit orang pendapatan

RM3,000 ke bawah ini pun kita ambil daripada poket depa, kita gagau, kita bagi pada depa. Jadi ambil duit depa, gagau masuk dalam poket, kemudian bawa keluar, "*Nah! Ambil balik. Bagi dekat hangpa bagi tunai*".

Jadi bagi saya bahawa itu ini satu tipu helah yang sangat liciklah yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk mengabui pemikiran masyarakat dan rakyat yang berpendapatan RM3,000 ke bawah ini. Saya percaya bahawa mungkin dalam bajet atau Belanjawan 2014 ini akan diumumkan bahawa ada kenaikan mungkin RM1,000, mungkin RM1,500. Akan tetapi hakikatnya ialah hasil daripada 20 sen yang diambil daripada poket rakyat itu, 20 sen daripada poket rakyat yang berpendapatan RM3,000 ke bawah, bukan sahaja 20 sen tetapi daripada 20 sen itu ada dia punya rangkaian berantainya, kenaikan berbagai-bagai termasuk kenaikan tambang bas, kenaikan harga minyak ini.

Kalau perokok, dia akan naik harga rokok esok. Tidak apalah, kita pun tidak hisap rokok. Baguslah maknanya dari satu sudut. Kenaikan harga gula, ada Ketua Wanita UMNO setuju bahawa harga gula, subsidi gula ini perlu dinaikkan untuk mengurangkan penyakit kencing manis. Padahal harga subsidi, harga gula ini memang sudah dok kurang berapa lama dah. Gula dok naik harga tetapi kencing manis tidak pernah berkurang pun. Maknanya, tujuan matlamat kita untuk hendak capai itu tidak tercapai.

Oleh sebab itu bagi saya bahawa yang pentingnya ialah supaya kita harus berhemah dalam perbelanjaan kita untuk kita gunakan lebih daripada perbelanjaan kesan daripada perbelanjaan berhemah itu boleh membantu memberikan lebih subsidi khususnya kepada harga minyak ini. Umpamanya kalau kita lihat bahawa kos lawatan Perdana Menteri ke luar negara untuk lima tahun berjumlah RM44 juta, umpamanya kos Rumah Terbuka Perdana Menteri dan Kabinet sampai RM2.88 juta. Rumah Terbuka sana sampai RM36 satu kepala. Ini makan apa saya tidak tahulah. Mungkin kuzi kepala kereta api kah? *[Ketawa]*

Ini saya katakan contoh. Kadang-kadang kita lihat bahawa rakyat bukan minta untuk hendak makan sampai satu kepala RM36. Rakyat bukan hendak pi berhari raya dengan Perdana Menteri, dengan Menteri itu kerana hendak makan RM36. Rakyat lebih suka hendak kalau boleh harga minyak itu dikurangkan. Subsidi harga minyak itu ditambah. Itu yang rakyat minta...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Sebab itu bagi saya bahawa ini adalah sesuatu yang harus dilihat oleh kerajaan. Oleh sebab itu, daripada kita menjenamakan negara sampai baru-baru ini berapa puluh bilion..., RM51 bilion? Ya, RM51 bilion campur hak asal dengan hak yang baru minta, baru ini...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Pokok Sena, minta laluan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Maaf, RM50 juta Tuan Pengerusi. Jumlah RM51 juta *sorry*, RM51 juta. Jadi bagi saya, satu benda yang tidak wajar termasuk juga umpamanya...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Untuk perbaikan, penambahan operasi dan juga keperluan-keperluan di Pejabat Perdana Menteri sampai RM4 juta lebih. Bagi saya bahawa ini suatu yang tidak wajar. Sedangkan...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lenggong, Lenggong, Yang Berhormat Pokok Sena..

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ... lalah untuk memikirkan bagaimana untuk diberikan sesuatu kepada rakyat. Siapa dia?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lenggong, Lenggong...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kawan, kawan lamalah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kawan baru tidak boleh?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Boleh, boleh.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kita kawan semua. Lama atau baru kita berkawan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Okey.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya seronok dengar Yang Berhormat Pokok Sena dok kelentong dalam Dewan ini. Jadi saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Pokok Senalah. Penstrukturan subsidi dibuat oleh kerajaan ini bukan baru, sudah dibuat beberapa lama dahulu dan kita dapat melihat kesan kepada rakyat termasuklah pemberian BR1M dan sebagainya.

Saya percaya, perbelanjaan-perbelanjaan yang disebut oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi tidak ada kaitan dengan penstrukturan subsidi yang dibuat oleh kerajaan. Apa pandangan Yang Berhormat Pokok Sena, kalau kerajaan kurangkan subsidi minyak ini dan wang penjimatan itu kerajaan gunakan untuk perbelanjaan-perbelanjaan lain? Misalnya, kerajaan gunakan untuk menambahkan lagi peruntukan kepada bantuan-bantuan kebajikan masyarakat.

Melalui perbelanjaan subsidi ini, kerajaan gunakan untuk memberikan bantuan misalnya wang RM100 kepada setiap pelajar sekolah atau BR1M dan sebagainya atau perkara-perkara lain yang memberi manfaat secara menyeluruh kerana subsidi kepada minyak ini, saya percaya orang di hulu kampung di Pokok Sena, dia tidak pun menikmati daripada subsidi minyak. Sudah tentu juga kerajaan, dia tidak mengurangkan subsidi kepada perkara-perkara besar misalnya subsidi kepada bantuan pendidikan, subsidi kepada bahan-bahan penting dan sebagainya ataupun subsidi kepada perkara-perkara yang penting kepada rakyat tetapi hanya memberi tumpuan kepada itu sahaja. Jadi kita kurangkan subsidi minyak dan kita bagi kepada rakyat melalui bantuan-bantuan lain. Saya rasa ini lebih manfaat.

Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Pokok Sena. Setuju atau tidak setuju langkah yang kerajaan buat ini sebab saya cukup yakin orang di Pokok Sena pun boleh dapat

nikmat daripada apa yang dibuat oleh kerajaan. Cuma Ahli Parlimen dia sahaja yang tidak bersetuju, barangkali tidak sedar-sedar. Sila Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih rakan saya dari Yang Berhormat Lenggong. Hah! Hebat Yang Berhormat Lenggong ini. Tahun ini bertanding bahagian kah, bertanding bahagian?

**Beberapa Ahli:** Menang sudah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Menang sudah? Menang tidak bertanding?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Menang tidak bertanding Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Menang tak bertanding ya?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tengoklah kita berkhidmat dengan rakyat macam mana?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Ketawa]* Kira menang tidak bertanding. Baik, terima kasih. Tidak, bagi saya bahawa soal bantuan kebajikan, itu tanggungjawab kerajaan. Dia takkan hendak tunggu ambil dua kupang daripada rakyat hendak 'pi' bagi pada orang.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya maksudkan tadi, menstrukturkan perbelanjaan yang dibuat oleh kerajaan, diagihkan dan struktur dengan lebih baik.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dengarlah, dengar, dengarlah dulu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Supaya orang boleh mendapat nikmat dengan lebih baik.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini yang payah. Macam mana boleh menang tidak bertanding tidak tahu? *[Ketawa]* Memang, memang depa hak pilih dia pun sudah tidak bertanding itu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia pun bertanding tempat jawatan naib presiden..

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Duduk dulu, duduk dulu..

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bertanding jenuh!

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak. Saya pun hairan macam mana boleh menang tidak bertanding. Kita pun hairan. Maknanya, sepatutnya dia kena bertandinglah. Tengok, orang bercakap, dia tidak faham. Saya katakan bahawa saya bersetuju daripada segi bahawa tanggungjawab kerajaan kena beri bantuan kebajikan kepada masyarakat dan rakyat. Akan tetapi takkanlah hendak tunggu, hendak ambil daripada rakyat yang memang rakyat dok dapat dua kupang ini, dua kupang harga minyak itu termasuk orang miskin dok dapat bantuan daripada kerajaan dua kupang ini. Apabila kita ambil hak dua kupang ini hendak pi bagi pada dia pula. "Eh! Ambil. Hang kena bayar lebih. Aku ambil ini 'hang' bayar lebih". Kenapa? "Yang dua kupang ini aku kena bagi hang balik".



**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Boleh atau tidak Yang Berhormat Pokok Sena?

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Minta penjelasan sedikit.

■ 1250

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya kata bahawa sesuatu yang tidak wajar sebab itu saya hendak sebut kepada Tuan Pengerusi. Ini pengiraan yang dibuat oleh rakan-rakan...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Pokok Sena, jawablah soalan tadi.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Rakan saya ini dia cukup hebat. Dia macam menteri tumpangan. Dia boleh tahu berapa ramai yang hendak habis dalam...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Pokok Sena, jawab soalan Yang Berhormat Lenggong tadi. Kenapa pergi ke isu lain. Jawab soalan tadi Yang Berhormat Pokok Sena. Jangan pusing lain itu. Ini macam mengelak tidak mahu jawab, apakah tidak reti jawab apa?...

**Seorang Ahli:** Itu dia.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Atau tidak reti jawab? Rasa tidak reti ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, tidak, saya hendak jawab. Ini hendak jawablah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jawablah saya tanya tadi.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Lah, saya sudah jawab. Apa tidak reti Melayu, kah?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Rasanya *confirm* tidak reti ini. Dia tidak pandai hendak jawab.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Macam mana boleh hendak.....

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia tidak pandai hendak jawab. Tidak *clear*.

**Seorang Ahli:** Dia dok melencong.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apa punya sampai tidak tahu apa.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia tidak pandai, dok melencong...

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Pokok Sena.....

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak jawab, saya kata bahawa tanggungjawab kerajaan...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kenapa tidak boleh jawab lagi.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sebab itu saya tanya bahawa penstrukturan semula subsidi yang dibuat oleh pihak kerajaan, adakah pihak kerajaan hendak guna pakai? Oleh sebab itu yang dibuat oleh Jawatankuasa PEMANDU, saya melihat bahawa

akhirnya kita akan terpaksa menanggung, sedangkan pendapatan kita tidak bertambah. Kita selalu mengukur bahawa harga minyak kita lebih murah daripada negara lain tetapi kita tidak pernah mengukur pendapatan negara lain, rakyat negara lain lebih tinggi daripada pendapatan rakyat negara kita...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak tunjuk contoh. Kejay Yang Berhormat Rantau Panjang, takut saya tidak sempat. Yang Berhormat rakan saya ini memang seorang yang hebat. Saya pun tidak sangka hebat itu. Dia boleh buat, dia kata orang yang berpendapatan RM3,000 ke bawah ini, dia pakai minyak sebulan RM 132 saja. Itu perkiraan Yang Berhormat buat. Jadi saya dok kiralah RM132 sebulan ini bahagi 30, RM4.40 sehari duit minyak. Sebanyak RM4.40 sehari ini maknanya bahagi dengan RM2.10 harga minyak kita ini, 2.1 liter. Saya pun dok fikir bubuh 2.1 liter ini hendak pergi sampai mana? *[Ketawa]*.

Saya ingat kalau naik motor kapcai ini, boleh sampai berapa kilometer lepas itu tuntun. Tuntun tau tuntun. Maknanya pakai bawak dengan tanganlah, bukan *start* jalan itu. Maknanya minyak habis. Bubuh 2.1 liter, sebab rakyat dia Tuan Pengerusi, dia pergi ini memang, sebab itu rakyat dia tidak dapat hendak memahami kadang-kadang. Dulu dia bubuh berapa harga minyak. Ini yang kadang-kadang dia terpedaya. Dia dok merasa bahawa dulu aku bubuh RM10, sekarang aku bubuh RM10.

Rakyat bukan pergi bubuh kata 2 liter, tidak ada, RM10. Akan tetapi dia tidak tahu bahawa dulu dia dapat banyak sekarang dia dapat kurang. Tambah pula dengan hujah Yang Berhormat rakan saya Timbalan Menteri ini beritahu bahawa hanya 2.1 liter satu hari.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sudahlah Yang Berhormat Pokok Sena. Mengarut saja ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidaklah, yang ini, hujah ini hujah Yang Berhormat rakan saya Timbalan Menteri, 2.1 liter satu hari. Yang Berhormat bayang macam mana, 2.1 liter. Kalau kita pergi bubuh RM1, saya ingat pakai *start* saja, masuk gear mampus *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sudahlah, mengarut saja.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat. Jawapan daripada Menteri kita dapati kos yang ditanggung oleh kerajaan untuk minyak kereta Menteri, Perdana Menteri, Menteri-Menteri, Timbalan Perdana Menteri berjumlah RM3,667,345 setahun. Maknanya lebih daripada hampir RM 3.7 juta negara membelanjakan minyak untuk kos minyak kereta diesel dan petrol minyak Perdana Menteri, Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Sedangkan rakyat dikurangkan subsidi 20 sen.

Sepatutnya sebelum rakyat bawahan dibebankan dengan pengurangan subsidi, patutnya kos untuk menteri ini dipotong dulu. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Suruh Menteri Besar Kelantan naik basikallah, senang.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apa itu, 01. Oh! Yang Berhormat Arau, Arau 01. Hebat. Calon nombor satu.

Baik saya boleh terima pendapat Yang Berhormat Rantau Panjang tapi saya akui juga bahawa Menteri juga perlu untuk buat kerja dan sebagainya untuk urusan harian dan sebagainya. Itu minyak urusan harian, urusan rasmi okey, *no problem* bagi saya. Itu *no problem* tetapi persoalannya sekarang ini kita hendak minta hak rakyat, untuk rakyat. Ini kerana rakyat susah, 496, 500 bergaji kurang daripada RM1,000. Didapati bahawa daripada 496,500 itu ialah 301,000 orang adalah Melayu 300,000. Sebanyak 300,000 adalah Melayu.

Melayu yang banyak duduk di kampung. Ini yang pendapatan mereka, gaji mereka. Ini kenyataan yang dibuat oleh bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dua tahun jadi Speaker Dewan Undangan Negeri Perak. Dia sebut dalam Parlimen ini. Ini orang-orang yang mengalami kesusahan dan kepayahan dalam hidup mereka. Tolong bayangkan kalau RM3,000, itu RM3,000 ke bawah. Kemungkinan kalau sampai RM1,000 ke bawah pula ini, yang bergaji kurang dari RM1,000, lagi teruk.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih. Penantian itu satu penderitaan juga itu. Baik, saya terfikir tadi kita kata kita ambil duit rakyat tetapi kalau kita buat satu perbandingan, kalau kita menolong seseorang itu dengan harga RM2, lama sudah kita tolong. Mungkin dia pun tidak tahu kita tolong RM2 dan dia bayar RM1. Kalau kita naikkan jadi RM1.20 adakah kita ambil duit dia 20 sen ataupun kita atas sebab-sebab lain kita hendak *channelkan* untuk pertolongan yang lain.

Jadi hari ini, kita mesti melihat jangka panjang. Hari ini subsidi yang diberikan untuk minyak menghampiri RM40 bilion. Kalau kita ambil satu hospital daerah yang dibina dengan harga RM400 juta, maknanya kita sudah bina 40. Sebanyak 40 hospital boleh dibina dengan pengurangan ini contohnya. Subsidi yang diberikan oleh kerajaan untuk minyak akan terhapus. Kita naik kereta keluar asap tetapi pengurangan subsidi ini dapat diterjemahkan dengan membina hospital untuk orang yang sakit. Semua orang.

Maknanya kebaikan untuk semua orang rakyat Malaysia. Kita mesti melihat jauh.

**Tuan Chuan Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jangan gelak, ini kira sekejaplah ni. Satu lagi, satu lagi. Hendak pukul satu sudah, satu lagi. Kita..

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan boleh, kah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Boleh agaknya, boleh. Seminit saja. Hendak lepas ini, tidak tahan.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kita mesti lihat jangka panjang.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Hujah itu Timbalan Menteri sudah bawa lama sudah. Beritahu kata kita kurang ini, buat hospital, kurang ini buat pengangkutan awam dan sebagainya. Kurangkan itu buat pengangkutan awam.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri....

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi Yang Berhormat, saya rasa sudah cukup untuk Yang Berhormat Bagan Serai. Saya hendak bagi peluang rakan saya Yang Berhormat Batu. Terima kasih.

**Tuan Chuan Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya sedikit. Kita masih ingat sebelum ini kita dengar dari Perdana Menteri yang lalu tentang pemotongan subsidi ini boleh digunakan untuk pengangkutan awam. Satu tabung telah diwujudkan untuk ini. Kita hendak tanya, ke mana pergi tabung untuk pengangkutan awam ini?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik, terima kasih, itu saya minta rakan saya Timbalan Menteri kena jawab secara jelas. Jadi isu ini memang seperti disebut oleh rakan saya Yang Berhormat Bagan Serai. Itulah isu yang diguna selalu. Maknanya guna kita ambil. Buat hospital okey, ingat *free*, kah? Rakyat yang gaji bawah pada RM1,000, gaji bersih apa dia masuk hospital *free*, kah, dia ambil ubat *free*, kah? Tidak juga. Kena bayar duit juga...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini persoalan, sebab itu saya bersetuju bahawa tanggungjawab untuk pembinaan infrastruktur pengangkutan awam, hospital dan sebagainya, semua kita kena buat tetapi jangan sampai membebankan rakyat. Isu dia ialah apabila kita mengurangkan subsidi kesannya ialah berlaku peningkatan kos. Dalam keadaan pendapatan rakyat tidak bertambah. Kalau pendapatan rakyat bertambah, saya tidak adalah masalah kalau pendapatan rakyat bertambah. Ini persoalan. Oleh sebab itu Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Kinabatangan, rakan-rakan saya daripada Sabah dan Sarawak ini sudah berapa tahun dok menjerit di Parlimen ini permasalahan rakyat miskin di Sabah dan juga di Sarawak.

Ini persoalannya. Jadi termasuk...

**Tuan Pengerusi:** Seminit lagi.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya. Saya gulung. Minta maaf Yang Berhormat Bintulu. Yang Berhormat Bintulu sudah jerit lama sudah di Parlimen dengan rakan-rakan lain. Oleh sebab itu jeritan itu ialah jeritan mewakili apa, mewakili orang susah, orang miskin. Kemiskinan yang begitu yang masih lagi tinggi dan juga menebal di Sabah dan juga di Sarawak.

Jadi ini isu dia ialah isu kerajaan gunalah apa pun menstrukturkan semula subsidi tetapi dalam masa yang sama kerajaan kena mencari jalan untuk meningkatkan pendapatan rakyat. Persoalannya sekarang ialah pendapatan rakyat tidak meningkat.

Jadi ini yang menjadikan beban yang terpaksa dihadapi dan ditanggung oleh rakyat. Jadi saya minta bahawa kerajaan supaya mengkaji balik hal-hal yang berkaitan dengan...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Boleh beri?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Penstrukturan semula subsidi...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Pokok Sena, boleh beri?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Melalui subsidi itu supaya penambahan kepada subsidi-subsidi keperluan besar ini seperti minyak ini untuk mengelak daripada berlakunya kenaikan kos hidup ini perlu ditimbang semula. Terima kasih.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

*[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1 tengah hari]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

### 2.32 ptg.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak cukup kuorum.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak panggil kuorumkah Yang Berhormat? Setiausaha kira berapa, 26?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, kuorum 26 orang. Kita di sini ada 22 sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Bunyikan loceng semula untuk 2 minit ya.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tertangguh.

*[Loceng dibunyikan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik, kuorum sudah mencukupi 26 orang. Yang Berhormat Langkawi hendak berucap? Yang Berhormat Langkawi, selepas itu saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

### 2.35 ptg.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan B.11 subsidi gas dan minyak. Sesungguhnya subsidi adalah merupakan satu perkara yang baik dan sangat disukai oleh rakyat. Akan tetapi, apabila ia terlampau besar ia akan menjadi masalah kepada negara.

Dahulu pada tahun 2009, saya difahamkan lebih kurang 3% subsidi yang dibiayai oleh kerajaan untuk membayar semua subsidi dalam negara. Akan tetapi sebentar tadi Menteri telah

pun memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa subsidi pada tahun 2012 mencecah RM44.1 juta atau dalam kata lain ia 15% dari perbelanjaan negara.

Nampaknya subsidi negara kita ini terus meningkat dari tahun ke tahun dan saya ingin bertanya kepada kerajaan, sampai bilakah proses peningkatan ini akan berhenti dan apakah limit yang patut kerajaan sediakan supaya subsidi tidak terus meningkat dan akhirnya akan membebankan seluruh negara. Sudah tentu sekiranya subsidi terlalu besar, ia bukan sahaja menjadi kebaikan malah ia akan menjadi racun kepada pembangunan sesebuah negara. Kalaulah hutang...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan?

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Ya, ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Apakah Yang Berhormat berhasrat ataupun bercadang iaitu mungkin menggesa kepada kerajaan untuk meneliti subsidi-subsidi dalam negara kita ini dari semasa ke semasa sebab kalau subsidi ini meningkat setiap waktu, maka ia tidak baik untuk ekonomi sesebuah negara.

Akan tetapi kalau subsidi pula kita kurangkan kita berhadapan dengan berbagai-bagai persepsi dan tuduhan masyarakat. Jadi, apakah Yang Berhormat ada cadangan untuk memperbetulkan subsidi ini, tidak begitu melonjak tinggi dan mungkin boleh diterima pakai oleh rakyat jelata? Terima kasih.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Satu cadangan yang baik daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Saya bersetuju bahawa kerajaan patut ada mekanisme dan formula yang tertentu supaya peningkatan subsidi ini tidak terus meningkat peratusnya. Bayangkan daripada tahun 2009, 3% kemudian naik peratusnya, sampai 2013 sudah jadi 15%. Tidak mungkin kalau kita tidak ada sesuatu yang kita boleh buat maka kemungkinan besar pada tahun 2015 ataupun 2020, ia menjadi sampai 25% hingga 30% daripada perbelanjaan negara.

Ini sudah tentu akan mengganggu sistem pentadbiran yang lancar kepada negara. Oleh itu, seperti mana Yang Berhormat Kinabatangan katakan tadi, saya penuh yakin dan percaya sekiranya kerajaan dapat mencari satu formula di mana hanya subsidi ini diberikan kepada sektor-sektor yang tertentu, itu yang pertama. Keduanya, kepada mereka yang tertentu, yang layak untuk menerima subsidi sahaja. Buat masa sekarang, kita mempunyai sistem yang begitu terbuka, di mana semua masyarakat yang kaya, yang miskin dan perompak-perompak yang menyeludup juga mendapat subsidi dan keuntungan. Jadi, sudah tentulah formula ini tidak bersesuaian dengan negara kita apabila kita menuju ke arah negara maju pada tahun 2020.

Oleh itu, saya di Dewan yang mulia ini ingin mencadangkan sekiranya hutang negara kita boleh letakkan satu *limit* di dalam Dewan ini, oleh Parlimen 55% daripada KDNK negara, maka apa tidaknya untuk menuju ke sebuah negara yang menjadi negara maju, kita set kan satu *limit* bagi subsidi ini. Katakan 10% atau 5% bergantung pada keperluan semasa.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya kerajaan melihat keadaan ini dengan serius supaya negara kita dapat diurus dengan lebih sempurna dan baik di masa hadapan. Subsidi baik tetapi apabila subsidi terlampau banyak, ia merupakan satu perkara yang tidak baik kerana subsidi merupakan satu bentuk ekonomi palsu. Mengapa saya katakan ekonomi palsu ialah kerana, kerajaan membeli dengan harga yang mahal tetapi menyalurkan kepada rakyat dengan harga yang murah. Jadi, ianya bukanlah ekonomi yang sebenarnya, ia hanyalah ekonomi palsu.

Jadi, sebab itu kalau kita lihat daripada nilai RM44 bilion itu, saya berpendapat bahawa jumlahnya terlampau banyak. Kalau kita bayangkan satu jambatan kedua Pulau Pinang berharga RM4,000 juta, maka tiap-tiap tahun negara kita boleh membina sepuluh jambatan Pulau Pinang kedua dan kemungkinan kalau kita sambung tiap-tiap tahun, kita akan sampai ke Jawa, jambatan kita itu...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh lagi Yang Berhormat?

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Ya, sampai ke Kinabatangan, minta maaf.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya terima kasih, mudah-mudahan ia sampai. Yang Berhormat, sedarkah Yang Berhormat bahawa subsidi juga telah diambil kesempatan oleh golongan-golongan tertentu untuk mencari keuntungan. Contohnya subsidi minyak diesel dan petrol, minyak makan. Asal cerita soal minyak, maka adalah penyeludupannya. Apabila ada penyeludupan, maka minyak sudah tidak ada di pasaran, tidak ada diesel minyak dan sebagainya dan rakyat marah.

Kedua, kita ada subsidi beras, ada subsidi macam-macam, pun ini di seludup ke negara-negara lain sebab harga beras subsidi dengan yang dijual di negara lain, berbeza. Bermakna ada orang mengaut keuntungan. Tambahan pula, ada sekelompok masyarakat di kampung-kampung ini, apabila terlampau banyak subsidi, maka mereka berada selesa dan tidak mahu berusaha, tidak mahu bekerja, bergantung terus dengan subsidi. Apabila diberhentikan subsidi sedikit, mereka sudah terasa akan kesusahannya.

Jadi, ini bermakna subsidi ini perlu dilihat secara bijaksana agar sampai ke sasaran yang kita sasarkan dan mereka-mereka yang tidak seharusnya menerima subsidi contohnya subsidi minyak petrol dan diesel sebab warganegara daripada luar pun asal tinggal di negara ini bekerja, boleh mendapat subsidi. Berapa ramai warganegara luar di negara kita, berapa ratus ribu orang yang tinggal di sini, mereka juga mengepam minyak di stesen yang sama, dapat subsidi yang sama sedangkan mereka tidak wajar dan tidak harus menerima subsidi tersebut. Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Mohon laluan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi, di belakang.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Okey-okey.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh sedikit tentang subsidi tadi. Bila disebut tentang subsidi kita tahu mekanisme ini memang perlu. Kalau misalnya harga minyak tidak ada subsidi, katalah RM2.70, kalau ditakdirkan harga minyak di pasaran naik bulan depan maka harga minyak mungkin naik RM3.10. Kalau lagi satu minggu naik RM20, mungkin naik. Tiba-tiba bulan depan harga turun USD20, jadi harga itu tidak menentu. Sentiasa ada *fluctuation*, dengan izin, dan ini menyebabkan ketidaktentuan. Atas sebab itu ada mekanisme subsidi banyak dapat membantu menstabilkan harga dan ini memberi satu boleh kita buat unjuran yang lebih tepat untuk perancangan dan sebagainya.

Akan tetapi pada masa yang sama, saya juga hendak menyarankan, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Langkawi bahawa peningkatan subsidi ini kita kena perlu lihat di masa-masa akan datang, sepatutnya diletakkan pada tahap yang lebih minimum. Ini kerana subsidi adalah satu mekanisme yang akan menyebabkan harga-harga itu tidak pada tahap yang sebenar dan mungkin akan menyebabkan pembaziran. Harga-harga yang murah akan menyebabkan mereka, rakyat mungkin berbelanja tidak pada tahap yang sepatutnya mereka berbelanja. Atas sebab itu, harga subsidi ini mesti kita ubah daripada *consumption based*, dengan izin, bermakna kita berbelanja yang tidak memberikan pulangan pembangunan kepada *investment based*. Contohnya kalau kita jimat subsidi, kita ambil duit itu kita buat jalan raya. Sudah tentu jalan raya itu akan memberi tambah nilai yang lebih berpanjangan, berkekalan untuk membina ekonomi di sektor-sektor lain.

Untuk menjadi negara maju saya yakin subsidi ini kita kena lihat dari segi perspektif yang berbeza iaitu kita mesti bersiap sedia dalam lima, sepuluh, 15 tahun akan datang bahawa subsidi mentaliti ini perlu kita kurangkan. Dalam kerajaan memberi subsidi ini pun, kadang-kadang kita pun *take for granted*. Contohnya kalau naik 20 sen, kita rasa harga semua naik. Kalau tidak sebab harga subsidi pun, harga akan naik juga. RM1 tahun 1970, dengan RM1 tahun 2000 dengan RM1 tahun 2013 sudah tentu tidak sama sebab ini inflasi yang tidak dapat kita kawal.

Jadi, janganlah kita menggunakan elemen-elemen yang kononnya naik 20 sen, maka semua naik. Saya ingat kalau harga tidak naik 20 sen pun, harga naik juga. Jadi saya ingat dari segi sudut ini, jangan kita polemik banyak sangat. Cuma yang kita hendak tumpukan ialah bagaimana mekanisme subsidi ini dapat kita bendung, dapat kita tangani dengan lebih baik dan lebih banyak perbelanjaan subsidi kita *translate*, kita terjemahkan dalam bentuk-bentuk pembangunan yang akan memberi ataupun *investment driven* yang akan memberi nilai tambah yang lebih baik pada masa-masa akan datang. Terima kasih.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat Labuan, sedikit. Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Langkawi bolehlah gulung Yang Berhormat ya.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Okey.



**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat Labuan, sedikit.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan, dan juga Yang Berhormat Kota Tinggi. Yang Berhormat Kinabatangan kata tadi subsidi kita menyebabkan harga minyak kita menjadi murah. Saya bandingkan dengan Thailand. Di Thailand, harga minyak satu liter hampir RM4, RM3.80. Kalau pergi ke Chiang Mai, RM4.80, harganya berbeza-beza. Kemudian di Singapura, RM5. Di Indonesia, di Bandung sendiri pun, saya baru balik sahaja, lebih mahal daripada kita walaupun negara Indonesia adalah negara OPEC. Di negara Filipina contohnya, tidak ada subsidi bagi tepung gandum, gula dan juga minyak. Malah minyak pula dijual dengan harga RM5...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Langkawi, boleh mohon penjelasan?

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Untuk mendapat keuntungan sedangkan negara kita bagi subsidi, negara lain mengambil keuntungan di atas harga minyak itu.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Masa ada lagi Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat, Singapura, Thailand bukan merupakan negara yang mengeluarkan minyak.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Saya punya tidak habis. Kemudian yang seterusnya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Duduklah Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** ...Seterusnya ialah tentang Yang Berhormat Kota Tinggi kata tadi bahawa harga naik kerana orang kata minyak naik 20 sen. Sebenarnya ia adalah faktor inflasi. Kalau kita tengok daripada dulu sehingga sekarang, tidak pernah ada harga turun dan akan naik sentiasa kerana *future value of money*.

Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan hal subsidi ini apabila ada pihak pembangkang, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara mengatakan bahawa kerajaan patut mengurangkan subsidi bagi IPP. Sebenarnya, IPP tidak ada subsidi kerana minyak, gas yang dijual kepada IPP dan TNB adalah berkadar harga yang telah ditetapkan iaitu RM13.70. Yang lainnya di *transfer* masuk ke dalam bil kita. Saya bawa bil elektrik, rumah kawan saya. Harga bilnya ialah RM72.99, kemudian subsidi bahan api oleh kerajaan ialah RM58, maksudnya 80% daripada bil elektrik di rumah kita adalah dibayar melalui subsidi yang diberi oleh Petronas.

Sekiranya kita hilangkan subsidi RM8 bilion daripada bil Petronas itu, maka tiap-tiap pengguna di dalam Malaysia akan mendapati bil mereka melompat 80% secara mendadak. Oleh itu apa yang dikatakan bahawa subsidi untuk IPP dan TNB adalah tidak benar. Ia adalah subsidi Petronas kepada penurunan harga tarif bagi Tenaga Nasional. Saya bekerja 20 tahun dengan TNB dan saya tahu hal itu.

Tuan Pengerusi, habis sudah, jadi terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**2.49 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, pertama kita ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Selayang, celahan Yang Berhormat Bukit Bintang, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Jasin, celahan Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Bintulu. Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, Yang Berhormat Kubang Kerian dan juga Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Pokok Sena, celahan Yang Berhormat Lenggong. Seterusnya Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Batu dan yang terkini Yang Berhormat Langkawi, celahan Yang Berhormat Kota Tinggi dan Yang Berhormat Kinabatangan.

Saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 2003, jumlah subsidi petroleum untuk negara kita cuma RM1 bilion tahun 2003. Jumlah keseluruhan subsidi pada tahun 2003 ialah RM2.7 bilion sahaja, pada tahun 2003, semua sekali subsidi.

**■1450**

Kemudian enam tahun selepas itu tahun 2009, minyak meningkat kepada USD62 setong. Subsidi kita meningkat kepada RM6.2 bilion daripada RM1 bilion. Pada tahun 2012, minyak meningkat di pasaran dunia dengan USD112 setong subsidi kita RM24.7 bilion meningkat. Pada tahun 2013, pada 3 September minyak meningkat kepada USD115.5 setong yang menyebabkan subsidi kita meningkat kepada RM24.8 bilion daripada dalam masa sepuluh tahun daripada RM1 bilion kepada RM24.8 bilion. Daripada keseluruhan subsidi tahun 2003, RM2.7 bilion meningkat kepada RM44.1 bilion pada tahun sudah yang menyebabkan 15% daripada bajet tahun 2013 adalah hanya untuk membayar subsidi. ini adalah fakta yang berada di hadapan kita. Oleh kerana fakta itu, maka kita telah melakukan apa yang sepatutnya kita lakukan.

Kemudian Yang Berhormat Tumpat ada menyebut apakah pecahan-pecahan daripada RM8.8 bilion peruntukan yang kita pohon dalam perbekalan tambahan ini? RON 95 RM4.4 bilion, 50% digunakan oleh subsidi RON 95. Diesel RM3.52 bilion ataupun 40% daripada perbekalan tambahan yang dipohon RM8.8 bilion. LPG RM0.88 bilion ataupun 10% daripada tambahan yang kita pohon.

Yang Berhormat Selayang bertanya kenapa perkara ini berlaku. Ketika kita mengunjurkan Bajet 2013, pada ketika itu minyak ialah USD102 setong tetapi pada bulan Ogos 2013 baru-baru ini, minyak telah meningkat kepada USD115 setong. Oleh kerana peningkatan sebanyak USD13 setong inilah, maka kita memerlukan bajet tambahan sebanyak RM8.8 bilion untuk kita memberikan subsidi dan mengekalkan subsidi kepada paras sebagaimana yang telah kita nyatakan.

Kemudian Yang Berhormat Selayang juga bertanyakan tentang BR1M.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta laluan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Apa rasionalnya? Rasionalnya saya kira tidak perlu kita perjelaskan. Kita ingin membantu rakyat yang berpendapatan rendah. Ya, sila.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan kebelakangan ini di mana harga minyak sedunia telah jatuh ke bawah paras USD103. Jadi, macam mana dengan unjuran dan impaknya terhadap subsidi yang akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Impaknya itu kita kena kira sehingga hujung tahun ini. Sementara itu, sehingga Ogos kita masih lagi memerlukan RM8.8 bilion ini. Jika minyak dunia turun, maka kadar subsidi yang berjumlah RM24.8 bilion itu dengan sendirinya akan turun sedikit. Itu jawapan saya untuk Yang Berhormat Tanjong.

Yang Berhormat Selayang tadi bertanya tentang BR1M. BR1M ini untuk kita membantu yang berpendapatan rendah...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu bangun Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Dan secara amnya Program BR1M 2.0 telah memanfaatkan hampir 6.8 juta. Saya habiskan ayat ini dahulu.

Secara amnya Program BR1M 2.0 telah memanfaatkan hampir 6.8 juta rakyat di seluruh Malaysia dengan belanja lebih kurang RM3 bilion. Penerima yang berjaya merangkumi 4.8 juta penerima isi rumah dan 1.9 juta penerima bujang. Sila Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Yang Berhormat, subsidi ini kita rasa ia macam kanser yang mesti diselesaikan. Adakah dengan kaedah BR1M ini kerajaan sepatutnya mengambil satu tindakan yang lebih drastik kerana kita semua rasa kerajaan mesti berlaku adil. Subsidi hanya perlu diberi kepada mereka yang memerlukan. Kalau hari ini kerajaan sudah pun ada 6.8 juta ataupun lima juta keluarga yang di bawah pendapatan RM3,000 yang sepatutnya menerima bantuan, tidakkah kerajaan berani membuat satu keputusan yang besar untuk *revive* ataupun tarik balik subsidi ini? Ini kerana tidak adil kalau subsidi minyak diberi kepada orang yang bawa kereta Ferrari. Kalau kita bandingkan dengan orang kampung yang hanya pakai motosikal ataupun subsidi gas kita bagi kepada banglo sepuluh bilik kalau dibandingkan dengan kemampuannya yang patut diberi kepada orang kampung.

Bila agaknya kerajaan berani membuat tindakan itu dan kita jangan bimbang dengan pembangkang ini. Kita buat macam mana dia akan tidak setuju. Dia tidak akan setuju sebab itu nalurinya. Itu cara dia. Akan tetapi, bila kerajaan hendak buat supaya segala permasalahan berhubung dengan kekuatan ekonomi negara, keyakinan pelabur untuk datang, keberkesanan perbelanjaan ini akan lebih dilihat kerajaan lebih berhemah. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat-Kulim Bandar Baharu. Masalah yang berada di hadapan kita ini ialah bukan hanya subsidi petroleum. Itu masalah yang ada di hadapan kita. Daripada RM44.1 bilion subsidi petroleum ialah RM28.7 bilion. Kita ada

subsidi-subsidi lain. Ini yang kita perlu secara beransur-ansur. Walau bagaimanapun, kerajaan komited untuk meneruskan beberapa perkara contohnya keperluan asas subsidi beras RM528 juta, subsidi minyak masak RM 1.5 bilion. Kepada mereka yang susah menggunakan elektrik cuma RM20 sebulan itu kita hapuskan, tidak perlu bayar - RM150 juta. Kemudian para nelayan yang menangkap ikan dan membawa ikan ke darat kita bagi insentif tangkapan nelayan RM231 juta. Kemudian pengeluaran padi pun kita bagi subsidi RM563 juta. Jadi, begitu banyak kumpulan subsidi.

Kemudian apabila kita pergi ke klinik, kita cuma membayar RM1. Itu juga adalah subsidi. Buku teks adalah juga merupakan subsidi. Kemudian PTPTN. PTPTN anak-anak kita yang belajar di universiti, 90% daripada bayaran di universiti itu ditanggung oleh kerajaan. Yang PTPTN diberi pinjam itu cuma 10% sahaja. PTPTN hanya membawa 10% daripada kos dan kita meneruskan pinjaman PTPTN itu untuk 10% namun kita jadikan percuma kalau mereka mendapat *first class honors* dan ini merupakan galakan kepada mereka.

Namun, kalau kita percumakan segala-galanya seluruh pendidikan negara ini akan merosot kerana pelajar-pelajar kita dapat *third class honors* pun masih tidak perlu bayar. Apabila kita adakan kalau mereka mendapat *first class honors* percuma, maka berlumba-lumba mereka untuk mendapatkan *first class honors* maka seluruh pendidikan negara kita ini akan meningkat kepada tahap-tahap yang lebih tinggi. Jadi, itu model yang diguna oleh Kerajaan Barisan Nasional bukan sebagaimana yang mereka lakukan untuk beri percuma akhirnya negara akan lingkup kerana pendidikan kita akan merosot.

Jadi, kaedah untuk mengurangkan subsidi ini perlu dilaksanakan secara beransur-ansur...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lumut bangun Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Dan perkara yang paling penting ialah kita menguruskan subsidi petroleum terlebih dahulu. Sila.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Dari penjelasan Yang Berhormat Menteri memaklumkan kepada kita semua bahawa penjimatan subsidi merupakan wang yang digunakan untuk belanja pengurusan pada tahun ini. Jadi, saya ingin mengesahkan bahawa ada Yang Berhormat-Yang Berhormat mengatakan penjimatan yang dibuat daripada pengurangan subsidi digunakan untuk buat jalan raya, untuk buat jambatan, untuk buat istana adalah tidak benar. Oleh kita peruntukan untuk membuat jambatan, untuk membuat jalan raya, untuk buat bangunan tinggi-tinggi menggunakan peruntukan-peruntukan pembangunan yang projek ini melebihi satu tahun.

Jadi, oleh kerana kita sekarang telah membincangkan akta perbekalan tambahan, maka fahamlah wahai Yang Berhormat sekalian peruntukan yang kita jimatkan ini untuk kita belanjakan pada tahun ini juga. Sebab itu penglibatan petroleum digunakan untuk bayar BR1M pada tahun ini. Jadi, kita kena sedar dan jangan salah anggap penjimatan digunakan untuk dibelanjakan pada

tahun ini. Adakah kenyataan saya ini benar ataupun tidak Yang Berhormat Menteri? Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Penjimatan daripada pengurangan subsidi 20 sen ini ialah RM1.1 bilion untuk tahun ini dan sebahagiannya tentu kita gunakan untuk kita membayar BR1M dan juga bayaran tunai yang lain seperti bayaran pelajar sekolah RM100, untuk baucar buku RM250, BR1M bujang RM250 dan juga BR1M keluarga RM500.

■1500

Penjimatan pada tahun ini adalah diguna untuk tahun inilah, RM1.1 bilion. Untuk tahun depan, anggaran penjimatannya ialah RM3.3 bilion. Sebanyak RM3.3 bilion itu kita akan gunakan untuk menaikkan BR1M dan juga mungkin bantuan-bantuan lain. Itu kita serah pada 25 Oktober ini apabila Perdana Menteri akan mengumumkan perkara-perkara yang akan diumumkan tentang bantuan-bantuan kepada rakyat.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Minta penjelasan Yang Berhormat. Kalau tahun ini Tuan Pengerusi, kalau kita jimat RM1.1 bilion tahun, depan RM3.3 bilion tetapi kita belanja kepada perkara-perkara lain, maka tidak ada penjimatan. Apa yang ada berlaku ialah kita ambil duit daripada poket kiri masuk poket kanan. Tidak ada penjimatan. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Dia dipanggil Yang Berhormat Raub, dia dipanggil rasionalisasi subsidi.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Rasionalisasi kita terima, tetapi bukan penjimatan. Rasionalisasi ini sebab sebahagian daripada langkah untuk mengekang perbelanjaan defisit tetapi kita...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kita mesti nilaikan 20 sen berapa nilainya. Sebanyak 20 sen yang diturunkan itu nilainya RM1.1 bilion, kita menggunakan perkataan penjimatanlah. Tahun depan RM3.3 bilion untuk kegunaan kita telah nyatakan, Perdana Menteri juga telah menyatakan. Apa yang kita buat ini ialah rasionalisasi subsidi. Ini kerana kajian oleh kerajaan menunjukkan pemberian subsidi bahan api adalah tidak bersasar ataupun tersasarlah, *not well targeted*.

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Minta penjelasan lagi Yang Berhormat. Kalau 30% sahaja daripada penduduk negara ini *enjoy benefit* daripada subsidi itu, kerana kita hendak menghukum 70% itu, yang 30% turut menderita juga kena bayar harga mahal.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** [Bangun]

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Nanti, nanti, belum lagi sekejap lagi. Ini kerana apabila kita pergi ke pam minyak, kita tidak berfalsafah, "*Wah dunia ini sama subsidi naik ditakrifkan, tidak.*" Kita hanya tengok *ex pam price*. Sebelum 3 hari bulan, siapa-siapa yang masuk stesen minyak akan melihat bahawa harga RON95 ialah RM2 dan harga diesel RM1.80. Akan tetapi selepas 3 hari bulan September, semuanya naik. Jadi kepada mereka ialah harga barang naik, bukannya berfalsafah mengenai subsidi ditarik ataupun dikurangkan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Mari saya jelaskan sekali lagi. Saya ada teks yang tepat supaya saya tidak tersilap dalam membaca perkara ini.

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Merbok bangun Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kajian oleh - sabar dahulu, dengar ini lepas itu barulah siapa-siapa hendak bangun silakan. Kajian oleh kerajaan menunjukkan pemberian subsidi bahan api adalah tersasar di mana rakyat berpendapatan tinggi mendapat manfaat terbesar berbanding rakyat berpendapatan rendah. Keduanya, berdasarkan jumlah perbelanjaan keseluruhan isi rumah di Malaysia ke atas petrol RON95, hanya 30% disumbangkan oleh kumpulan isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. Ini adalah dapatan kajian secara purata pada tahun 2009/2010 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang dipanggil sebagai *Household Expenditures Survey*, dengan izin, Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2009/2010. Ini yang dipertikaikan Yang Berhormat Pokok Sena apabila saya menyebut bahawa purata perbelanjaan ke atas petrol isi rumah yang berpendapatan kurang RM3,000 sebulan ialah RM132 berbanding RM375 sebulan oleh isi rumah yang berpendapatan lebih RM5,000. Ini adalah daripada *Household Expenditure Survey 2009/2010* lima tahun sekali. Angka terkini belum dibuat kajian.

Seterusnya kajian oleh Tabung Kewangan Antarabangsa pula mendapati di seluruh dunia manfaat subsidi petrol kepada rakyat mengikut pendapatan isi rumah adalah sangat regresif. Lebih 80% daripada manfaat subsidi petrol dalam dunia dinikmati golongan 40% isi rumah berpendapatan tinggi. Manakala bagi diesel dan gas petroleum cecair, 65% dan 70% daripada manfaat subsidi dinikmati golongan 40% isi rumah berpendapatan tinggi. Pada mula-mula yang saya baca tadi *Household Expenditure Survey* yang dimomok-momokkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena. Kedua yang saya baca tadi ialah kajian oleh Tabung Kewangan Antarabangsa. Saya bukan mereka-reka angka ini.

Oleh kerana itu, menyedari hakikat tersebut kerajaan mengambil inisiatif untuk melaksanakan rasionalisasi subsidi. Mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi daripada subsidi pukal yang membawa banyak ketirisan kepada subsidi yang bersasar, *well targeted*, dengan izin. Di bawah prinsip ini, pemberian akan tetap diteruskan tetapi akan diberi hanya kepada kelompok yang benar-benar memerlukan. Yang Berhormat Merbokah, kah atau siapakah?... Silakan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Merbok.

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa sudah sampai masanya harga minyak ataupun subsidi minyak dikurangkan. Memandangkan harga minyak di negara jiran kita seperti Thailand, Indonesia dan Singapura terus naik. Kenaikan ini meninggalkan jurang yang lebar, maksudnya jika harga kita terlalu rendah akan menggalakkan kegiatan penyeludupan. Jadi pihak kementerian memanglah ditegur oleh pihak pembangkang

menyatakan bahawa kementerian tidak mengambil inisiatif untuk mengurangkan penyeludupan ataupun mencegah penyeludupan. Jadi saya rasa untuk mengelakkan penyeludupan ini, kenaikan harga minyak yang rasional perlulah diadakan pada masa dan tepat pada masanya. Sekian.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Merbok untuk ingatan kita sekali lagi bahawa harga diesel di Malaysia RM2, harga diesel bersubsidi RM2. Di Thailand - RM3.06; Singapura - RM4.32; Indonesia - RM3.43; Filipina - RM4.32. Kemudian harga RON95 bersubsidi di Malaysia RM2.10, sepatutnya RM2.73; Di Thailand – RM4.74; Singapura – RM5.56; Indonesia – RM3.05; Filipina – RM5.44. Itu adalah harga-harga negara jiran, itulah antara punca kenapa penyeludupan masih berlaku. Walaupun kita berusaha sedaya upaya untuk mengurangkan penyeludupan, masih lagi berlaku. Bukan hanya penyeludupan luaran tetapi ia juga berlaku ketirisan dalaman di mana subsidi dijual kepada pihak industri. Sepatutnya pihak industri petrol dan diesel subsidi, mereka tidak layak.

Kemudian Yang Berhormat Batu Gajah bertanya, apakah *benchmark* yang mengatakan negara tidak berada dalam krisis sedangkan perbelanjaan negara sentiasa berada dalam defisit. Sesebuah negara akan berada dalam krisis apabila negara itu mencatatkan pertumbuhan KDNK negatif bagi dua suku berturut-turut. Itu dia, itu tafsiran antarabangsa. Namun begitu, Malaysia telah mencatatkan kadar pertumbuhan positif dan menggalakkan dalam tempoh suku kedua tahun ini iaitu pada kadar 4.3% dan suku pertama sebanyak 4.1% meskipun negara berhadapan dengan persekitaran luar yang kian mencabar. Sementara itu sehingga Jun 2013, kadar pengangguran mencatatkan pada kadar 3.1% atau dengan lain perkataan *full employment level*.

Pada 13 September 2013, kedudukan rizab antarabangsa berjumlah RM429.2 bilion atau USD135.1 bilion. Paras ini mencukupi bagi membiayai 9.3 bulan import tertangguh dan 3.8 kali hutang luar jangka pendek. Itu mengenai krisis apakah yang dimaksudkan krisis ekonomi dan negara kita langsung tiada kaitan dengan krisis ekonomi yang disebut oleh pembangkang.

Yang Berhormat Jasin, penjimatan. Saya sudah sebut tadi RM1.1 bilion, pada tahun ini, RM3.3 bilion pada tahun hadapan. Yang Berhormat Jasin juga membangkitkan apakah yang akan kita lakukan untuk mereka yang berpendapatan RM2,500 hingga RM5,000 sebulan. Kita tunggulah pada 25 Oktober ini pihak Kementerian Kewangan dan tim pasukan Bajet kita sedang menyediakan perkaranya. Draf pertama kita telah berikan kepada Perdana Menteri dan kita sedang meneliti draf seterusnya...

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jelebu bangun Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sila.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri. Subsidi mempunyai kaitan langsung dengan harga. Jadi sebarang perubahan kepada subsidi sama ada naik ataupun turun akan menyebabkan kenaikan kepada harga itu tidak boleh dielak. Dalam konteks rasionalisasi harga ataupun subsidi, kerajaan mengambil keputusan

menurunkan subsidi 20 sen itu memberi kesan secara langsung kepada kenaikan harga minyak 20 sen.

■1510

Jadi apakah langkah-langkah? Ini kerana kenaikan harga minyak 20 sen ini akan diikuti biasanya oleh kenaikan harga-harga lain juga walaupun hakikatnya harga lain itu tidak perlu naik. Akan tetapi kadang-kadang ini diambil kesempatan oleh peniaga-peniaga dan sebagainya. Jadi oleh kerana itu apakah dan saranan kepada kerajaan, apakah tindakan-tindakan susulan dan mekanisme yang perlu diambil dan disusun oleh kerajaan menerusi kementerian-kementerian lain agar dapat menanggung dan menampung kesan kenaikan itu yang tidak menyebabkan harga-harga lain naik.

Jadi oleh kerana itu rasionalisasi yang dilakukan oleh kerajaan dengan memperkenalkan subsidi berfokus ini, maka penurunan harga minyak yang dibuat secara subsidi *blanket* itu menyebabkan keuntungan lebih kepada mereka yang berada. Sebab itu mereka berada wajar membayar pada harga pasaran yang sepatutnya. Akan tetapi bagi kumpulan yang susah dan miskin di bawah RM3,000 ini apa tindakan dan susulan supaya harga tepung dan pengangkutan tidak naik. Sebab itu, perlu ada subsidi yang terus untuk mengganti dan menampung kesan ini kepada industri-industri yang berkaitan dengan keperluan-keperluan asas kepada kumpulan sasar ini. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh jawab sekali? Pendek sahaja.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat, rakyat juga hendak tahu negara mana dalam dunia ini yang memberi subsidi seperti kerajaan yang ada di negara kita? Walau tidak dapat jawab sekarang, jawab bertulis pun boleh dan negara mana yang tidak memberi subsidi langsung kepada rakyat dia. Saya hendak juga jawapan.

Kemudian, apa impak dia memberi subsidi berlebihan dengan tanpa memberi subsidi langsung. Ini pun rakyat hendak tahu juga. Jadi saya harap Yang Berhormat boleh menjawab. Bukan sekarang. Jawapan bertulis pun yang penting ada data-data tertentu seperti yang saya minta tadi. Terima kasih.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tuan Pengerusi, sedikit sahaja.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan dan juga...

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Menyambung yang tadi, ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey, Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak mendapatkan penjelasan sama ada kerajaan akan memperkenalkan mekanisme-mekanisme lain bagi meringankan bebanan tanggungan kos kepada rakyat seperti memperkenalkan sistem kupon kepada barang-barang asasi dan termasuk minyak juga. Dengan cara ini mungkin kita akan dapat memberikan tumpuan meringankan beban kepada ahli-ahli



masyarakat kita yang memerlukan dan masyarakat yang berpendapatan tinggi maknanya mereka akan terkecuali. Jadi, adakah kerajaan mempunyai cadangan tersebut? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Tasek Gelugor. Kita ada NKRA yang penting iaitu menangani kos sara hidup dan NKRA ini dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan pelbagai jabatan ada dalam *team* NKRA untuk mengurangkan kos sara hidup itu. Segala pandangan Yang Berhormat ini saya kira, saya sendiri akan menyatakan kepada kumpulan NKRA yang berkaitan. Mengenai soalan Yang Berhormat Kinabatangan itu, saya tidak ada negara-negaranya sekarang. Kita akan dapatkan data-data itu dan saya akan berikan kepada Yang Berhormat Kinabatangan.

Daripada Yang Berhormat Jelebu, perkara-perkara yang kita nyatakan antaranya ialah mengenai tekanan inflasi ini, itu semua adalah satu perkara yang wajar dan mesti ditangani oleh kerajaan. Wajib kita tangani. Kita akan meningkatkan penguatkuasaan, pemantauan harga dan menjalankan pemeriksaan secara fizikal di premis perniagaan. Pada tahun 2011 kita telah meluluskan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan dan KPDNKK tentunya akan melaksanakanantang perkara ini. Saya kira patut ditangkap, ditangkap ya dan kita tunjukkan kepada orang ramai bahawa akta itu dilaksanakan.

Kemudian kita akan meneruskan produk 1Malaysia ini. Kalau kita rasa kedai-kedai yang lain menjual dengan mahal, kita pergi ke Kedai Rakyat 1Malaysia ini, Menu Rakyat 1Malaysia kita perbanyakkan, Klinik Rakyat 1Malaysia kita perlu perbanyakkan supaya segala produk 1Malaysia ini menyaingi pasaran yang menyebabkan pasaran akan menurunkan harga, kalau tidak mereka terpaksa tutup kedai. Oleh kerana itu mereka dengan sendiri akan menurunkan harga sebagaimana harga-harga di Kedai Rakyat 1Malaysia misalnya. Saya ingin meneruskan jawapan.

Yang Berhormat Jasin juga menyebut bagaimana 2,500 hingga 5,000 itu kita sedang memberikan perhatian. Menteri Kewangan II juga telah memberikan kenyataan-kenyataan yang tertentu semalam dan kita tunggulah keputusan kerajaan dalam sedikit masa lagi.

Yang Berhormat Kubang Kerian bertanya, apabila berubah harga minyak misalnya harga minyak dunia turun, apa berlaku kepada minyak negara kita? Kita telah menetapkan harga yang lebih rendah pada 23 Ogos 2008 daripada RM2.70 turun 15 sen. Ini akibat daripada penurunan harga dunia turun RM2.55, tujuh kali ya. Pada 25 September 2008 10 sen kepada RM2.45, pada 15 Oktober 2008 15 sen kepada RM2.30, 1 November 2008 15 sen kepada RM2.15, 18 November 2008 lagi 15 sen kepada RM2, 3 Disember 2008 10 sen kepada RM1.90, pada 16 Disember 2008 RM1.80 dan ia kemudian menjadi RM1.90 sehinggalah pada 3 September 2013. Oleh kerana itu, sekali lagi saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk menurun dan menaikkan harga minyak dunia. Kerajaan punya kuasa untuk menurun dan menaikkan subsidi yang menyebabkan harga berubah di pasaran yang kita tahu sebagaimana kita membeli minyak.

Kemudian, tentang Petronas ditimbulkan juga. Pendapatan Kerajaan Persekutuan daripada hasil minyak termasuk daripada cukai pendapatan petroleum, royalti dan dividen pada

tahun 2012 berjumlah RM70.2 bilion. Hasil pendapatan minyak ini menyumbang lebih daripada satu per tiga jumlah keseluruhan pendapatan Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2012, jumlah keseluruhan pendapatan Kerajaan Persekutuan ialah RM207.9 bilion. Jumlah pendapatan ini kemudiannya disalurkan untuk perbelanjaan mengurus RM205.5 bilion, bayar gaji kakitangan kerajaan, kakitangan awam RM60 bilion, subsidi RM44 bilion serta perbelanjaan pembangunan RM46.9 bilion.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, kita boleh lihat. Perbelanjaan subsidi dan perbelanjaan pembangunan lebih kurang sama banyak. Ini yang menyebabkan kita perlu merasionalisasikan subsidi. RM44 bilion subsidi, RM46.9 bilion pembangunan. Pembangunan ini segalalah yang diminta oleh Yang Berhormat Kinabatangan, yang diminta oleh Sabah, yang diminta oleh Sarawak dan semua sekali ini, cuma RM46.9 bilion. Kalau kita tidak ada subsidi itu *double*, RM46 campur RM44 kita boleh gunakan sebagai pembangunan.

Ya, Yang Berhormat Labuan.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Melihat kepada trend selama ini, saya lihat ianya akan berterusan dan ianya akan terus menjadi isu. Jadi tidakkah patut kerajaan menggunakan subsidi yang begitu besar pada masa ini untuk mengubah cara hidup iaitu untuk menggalakkan supaya penggunaan *public transportation* ataupun pengangkutan awam dengan menggunakan intervensi-intervensi di mana kita akan berbelanja besar untuk masa ini untuk mengubah cara hidup dengan memberi subsidi kepada pengangkutan awam walaupun di kawasan-kawasan kecil di mana memerlukan subsidi untuk operasi mendapat keuntungan. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih. Itu satu lagi cadangan yang baik. Ahli-ahli Yang Berhormat sebenarnya telah memberikan beberapa cadangan yang baik ya seperti Yang Berhormat daripada Parit Buntar misalnya kad khas, Yang Berhormat Tumpat - kertas putih, Yang Berhormat Jasin - nano *tagging*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Menteri, cadangan yang baik tetapi pelaksanaan tidak baik, tidak akan menjadi satu perkara yang baik.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Betul. Setuju, amat dipersetujui. Lagi cadangan-cadangan Yang Berhormat Lipis misalnya, peraturan perlu diketatkan dan tangkapan terhadap penyeludupan perlu ditingkatkan dan subsidi perlu adil ya. Yang Berhormat Kubang Kerian, saya telah jawab tadi.

#### ■1520

Kemudian Yang Berhormat Pokok Sena...

**Timbalan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Merbok bangun Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Yang berhema dalam perbelanjaan. Ya Yang Berhormat Merbok lagi sekali?

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Sekali lagi. Saya juga hendak cadangkan kereta yang 3,000 cc ini, apabila kenaikan harga, sudah tentu minyaknya, operasinya akan lebih. Jadi saya hendak cadangkan kereta yang lebih 3,000 cc, yang lebih daripada 10 tahun dikurangkan *roadtax*nya kepada nilai yang berpatutan. Kerana kereta lama ini tidak lagi akan digunakan oleh golongan kaya di bandar. Akan tetapi digunakan oleh golongan yang berpendapatan rendah di kampung-kampung. Sekian.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat, tambahan sedikit. Saya bersetuju, perkara ini baru kita sedari apabila ada BR1M. Jadi kebanyakan rakyat kita di Beluran, Tuan Pengerusi punya kawasan Kinabatangan ditolak permohonan BR1M sebab mempunyai kereta 2,000cc ke atas. Sedangkan kereta itu sebetulnya tidak ada harga langsung. Mereka beli empat lima ribu dibikin untuk kegunaan kampung. Akan tetapi apabila didaftarkan, ia melebihi 2,000cc ke atas, dia tidak layak menerima BR1M kerana ada kereta besar, dia kata.

Sedangkan ini kegunaan di kampung. Tidak ada apa-apa pun *valu*nya. Jadi ini harap dapat diambil perhatian, jangan sampai, itu saya kata tadi, cadangan yang baik, BR1M ini baik tetapi pelaksanaan tidak baik menjadi tidak baik. Jadi kita harus cadangan yang baik, pelaksanaan yang baik akan dapat merakyatkan rakyat itu sendiri. Terima kasih.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sama?

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Saya sambung sedikit, tambah sedikit, sama sedikit.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sila.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang Berhormat Kinabatangan memaklumkan bahawa kereta 2,000cc tetapi dahulu orang biasa yang pakai, bukan orang kaya. Saya ada masalah di Pulau Langkawi kerana Langkawi ini *free duty*. Bila mereka kata kereta 2,000cc ini kereta orang kaya tetapi sebenarnya di Langkawi kereta orang miskin. [Ketawa] Oleh kerana Cherry dari China RM16 ribu tetapi 2,000cc. Apabila masuk nama, tengok-tengok, ramai kawan saya yang kena *reject* untuk dapat BR1M. Jadi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat melihat perkara ini untuk Langkawi, untuk Labuan dan juga untuk rakyat biasa untuk cc kereta ini.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan yang berucap bagi pihak Yang Berhormat Beluran. Yang Berhormat Beluran dia tidak boleh berucap.

**Timbalan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya..

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Merbok, Yang Berhormat Langkawi. Ini adalah kes-kes khusus yang menarik di tempat masing-masing. *Four-wheel drive* diperlukan di Kinabatangan. Ia kadang-kadang bukan lagi kenderaan mewah, ia kenderaan yang perlu. Jadi perkara-perkara begini adalah merupakan kes-kes khas BR1M yang wajar diperhatikan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang menjadi urus setia kepada BR1M ini akan memerhatikan dan

saya akan memastikan perkara-perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Merbok dan juga Yang Berhormat Kinabatangan ini diambil perhatian.

Yang Berhormat Labuan tadi ada menyebut tentang pengangkutan awam. Macam di Kuala Lumpur ini misalnya, 51km dari Sungai Buloh ke Kajang MRT itu siap hanya pada hujung tahun 2016 dan boleh diguna kemungkinan pada tahun 2017. Lanjutan kepada LRT, ada dua tempat iaitu Ampang dan ada satu lagi yang kita ingin lanjutkan relnya itu tertangguh, terlewat sedikit projek itu kerana ada masalah *cable* bawah tanah dan sebagainya, lewat lagi dua tahun kepada tahun 2016. Jadi kelihatannya pada tahun 2017, baru nampak macam sempurna sedikit pengangkutan awam di Kuala Lumpur. Itu cerita di Kuala Lumpur.

Sebelum sempurnanya perkara itu, maka saya melihat subsidi-subsidi itu masih terus ada. Jika tidak kita terpaksa membayar RM2.73 sen untuk RON 95 dan RM2.80 untuk diesel. Jika perkara itu dilaksanakan, banyak implikasi yang amat negatif pada ekonomi yang perlu kita tangani. Ia perlu dilaksanakan secara *gradual* ataupun beransur-ansur.

Okey, Tuan Pengerusi. RON 97 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai, ada satu ketika pada 3 September, RON 97 lebih murah daripada RON 95, mengapa ditanyakan oleh Yang Berhormat Kuala Krai. Ia begini, pada 3 September itu, RON 97 telah ditetapkan berdasarkan purata harga RON 97 sepanjang bulan Ogos. Puratanya itu maka kita dapatlah pada minggu pertama RON 97 berapakah harganya. Oleh kerana ada sedikit masalah teknikal, maka kita mengumumkan RON 95 RM2.75 campur subsidi dan RON97 kurang daripada subsidi RON 95 itu. Sebenarnya dalam masa dua hari selepas itu telah diperbetulkan dan RON 97 nilainya ialah sekarang ini kosnya ialah RM2.85 tanpa subsidi.

Saya kira ini yang terakhir Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan ada menyebut tentang e-Filing dan kutipan selepas pelaksanaan skim taksiran sendiri LHDN. Statistik e-Filing sehingga 31 Ogos 2013, manual 837,280 fail, e-Filing 2.951 juta. Jadi kita boleh bayangkan secara manual, tidak sampai satu juta, e-Filing ia meningkat hampir tiga juta. Ini adalah kebaikan kita menggunakan e-Filing. Ia memudahkan urusan mengemukakan borang nyata cukai pendapatan (BNCP) oleh pembayar cukai dengan mudah, tepat dan selamat seiring dengan pengenalan sistem tafsir sendiri. Proses penaksir cukai menjadi lebih cepat berbanding jika menggunakan BNCP secara manual dapat mengelakkan berlaku kesilapan ketika melaporkan dan mengira cukai yang sepatutnya dikenakan. Proses bayar balik menjadi lebih cepat berbanding jika menggunakan BNCP secara manual.

Jadi, adakah penipuan dan sebagainya, memang berlaku, kita tidak nafi. Negara-negara membangun ditafsirkan pengurangan cukai ataupun *the black economy*, jumlahnya 30% yang menipu, yang lari daripada cukai, yang menyatakan tidak betul dan sebagainya itu dan aktiviti-aktiviti penyeludupan keseluruhan aktiviti ekonomi yang dipanggil sebagai *the black economy* ini ialah 30%. Ia amat tinggi dan kerajaan bertekad, apabila ingin menjadi negara maju, 30% itu perlu dikurangkan kepada 15% apabila *the black economy*, dengan izin turun daripada 30% ke 15%

maka dengan sendiri kita boleh menambahkan pendapatan negara. Tuan Pengerusi, itu sahaja yang ingin saya sampaikan.

**Timbalan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sila.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tentang *black economy*.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tahniah menang.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih. Harap sama-sama menang. Saya hendak tanya tentang *black economy* kerana seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah pihak kerajaan memberikan tumpuan bukan hanya kepada pengusaha-pengusaha ataupun peniaga-peniaga dalam negara? Ini kerana biasanya kalau mereka diperiksa LHDN nanti, kita terima banyak aduan macam mana LHDN bersikap dengan amat tidak munasabah ke atas peniaga-peniaga dengan tuntutan-tuntutan yang lebih. Akan tetapi pada masa yang sama, tidakkah perhatian yang sama diberikan kepada pihak yang terlibat dalam rasuah di mana mereka memiliki harta benda yang luar biasa?

Kedua juga tentang aliran di mana telah disebutkan oleh satu laporan daripada para pakar ekonomi Bank Dunia, *Global Financial Integrity Report* dari Washington. Di mana Malaysia mendapat kedudukan yang amat tinggi dengan aliran keluar sampai satu trilion ringgit dalam tempoh masa 10 tahun ini iaitu apa yang disebut sebagai *illicit outflow of funds*. So dalam aspek ini, mengapakah pihak kerajaan tidak mengambil langkah sungguh pun kita dapat jawapan? Akan tetapi jawapan hanya cuba menjelaskan sesuatu yang tidak dapat dijustifikasikan. Sedangkan tindakan tidak diambil dan saya harap Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah langkah yang diambil? Terima kasih.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Sambung sedikit Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Saya hendak tanya tadi, saya ada bangkit tentang soalan taksiran melalui komputer ini dan ramai yang merungut tentang masalah kerana lambat, perlahan sangat semasa hendak mentaksirkan melalui komputer ini.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey Yang Berhormat, kita cepatkan *insya-Allah*.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** So, bagaimana kementerian, kita sudah memperuntukkan RM606 juta untuk meningkatkan bayar *license* perisian dan juga meningkatkan *software* yang canggih. Akan tetapi kita masih mengalami masalah kerana lambat sangat proses itu. So, bagaimana kementerian menangani masalah ini?

■1530

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, yang RM606 juta itu bukan hanya perisian, dia ada pelbagai pecahan dan di antaranya ialah tambahan emolumen dan juga untuk menampung keperluan-keperluan yang tertentu. Perisian dan sewaan itu sebahagian daripadanya. Itu juga menunjukkan bahawa kita ingin mempercepatkan dan mencekapkan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat, kelewatan dalam proses *e-Filing*.

Yang Berhormat Bagan menyebut tentang *the black economy* itu, kita ingin menyatakan di sini bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri melakukan perkara dengan sebaik mungkin dengan tahap profesionalisme yang tinggi. Seramai 11,000 pegawai di dalam LHDN itu tentunya memberikan tahap-tahap yang tertentu. Sebagai contoh, kalau kita membayar balik cukai, selepas itu ada bayaran balik, lambat kerajaan bayar. Jika lambat 90 hari, maka kerajaan memberi pampasan 2% kepada penerima yang sepatutnya menerima dalam masa 90 hari itu. Ini adalah satu SOP baru di bawah LHDN supaya LHDN akan terus melaksanakan tugas dengan baik.

Sebagai contoh, pada tahun 2012, pendapatan kasar LHDN untuk negara ialah RM124.8 bilion kemudian setelah ditolak dan sebagainya, RM117.8 bilion anggaran kutipan 2012, anggaran asal RM128 bilion dan anggaran yang kita telah *revise* baru-baru ini, mudah-mudahan kita boleh mencapai kepada RM134 bilion. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya soalan-soalan dan saya telah cuba menjawab setakat yang boleh. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM606,942,000 untuk Maksud B.10; dan RM11,853,400,000 untuk Maksud B.11 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM606,942,000 untuk Maksud B.10; dan RM11,853,400,000 untuk Maksud B.11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

#### **Maksud B.27 [Jadual] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Kepala Bekalan B.27 di bawah Kementerian Kerja Raya dibuka untuk dibahas. Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

#### **3.32 ptg.**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 060200 – Bayaran Pampasan Tol. Saya hendak mendapatkan butiran sebanyak RM5.2 juta untuk menampung baki bayaran tol berdasarkan pengiraan trafik sebenarnya. Saya hendak merujuk, apakah lebuhraya yang dimaksudkan kerana syarikat konsesi tidak dapat mengutip sejumlah wang yang mereka hendak kutip, rugi dan kerajaan terpaksa bayar pampasan, ganti rugi kepada syarikat ini. So, itu yang mana dirujuk.

Saya hendak membangkitkan isu tentang lebuhraya baru yang akan dibina di kawasan saya, yang ada kaitan juga dengan pengiraan trafik ini. Lebuhraya yang saya maksudkan adalah Lebuhraya Kinrara-Damansara (KIDEX) yang baru-baru ini penduduk di tempat saya mendapat surat daripada Jabatan Tanah Persekutuan bagi kelulusan untuk mengambil tanah kerana hendak menjalankan projek ini. Saya rasa terkejut kerana pihak negeri ataupun pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya tidak dimaklumkan tentang pengambilan tanah ini.

Saya dimaklumkan bahawa terdapat 3,500 rumah, yang tanah mereka akan diambil untuk melaksanakan projek ini. Saya difahamkan lebuhraya ini... Sebelum itu saya ada tanya di

Parlimen tahun lepas dan Menteri mengatakan kerajaan tidak berhasrat untuk meneruskan projek ini. Akan tetapi sekarang memberi surat dengan tiba-tiba untuk mengambil tanah bagi melaksanakan projek ini. Saya hendak tahu sedikit maklumat tentang projek ini. Berapakah jumlah projek ini dan saya juga hendak tahu syarikat apakah yang terlibat dan tentang kutipan tol?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sudah jauh menyimpang Yang Berhormat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** ...Ada kaitan dengan pampasan dan tol.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tol sahaja yang masuk itu.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ada kaitan sebab ini Lebuhraya Kinrara-Damansara, dua buah tol akan dibina. Ada.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tol dengan lebu raya berbeza Yang Berhormat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ya, lebu raya bertol.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Dalam butiran ini bayaran pampasan tol. Kemudian emolumen kakitangan kontrak dan huraiannya. Tidak apalah, terserah kepada Menteri untuk menjawabnya.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Saya hendak tanya tentang kutipan tol. Kutipan tol ini, kutipannya berapa tahun? Adakah 60 tahun atau 30 tahun? Beri butiran dan saya berharap kementerian boleh memberitahu, kalau boleh buatlah satu mesyuarat dengan penduduk setempat dan juga MBPJ untuk *public hearing*. Sama ada penduduk bersetuju atau tidak tentang lebu raya bertol di kawasan saya ini. Ini kerana di PJ terlalu banyak tol, di Petaling Jaya Selatan, Petaling Jaya Utara, kita keluar dan masuk pasti akan membayar tol. Ditambah lagi dengan dua tol. Penduduk pasti tidak akan bersetuju. Saya minta Menteri memberi jawapan *detail* tentang butiran tol KIDEX ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Petani, selepas itu Menteri boleh menjawab.

### 3.56 ptg.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak menyentuh tentang bayaran gaji untuk pegawai *contract for service*. Apa yang kita hendak tahu ialah kategori mana? Apakah mereka ini kategori divisyen satu, profesional ataupun dua, tiga, liberal ataupun macam mana? Tuan Pengerusi, ini kerana saya melihat untuk *contract officers* ini, saya rasa kementerian harus menentukan. Kalau kita katakan kontrak itu lima tahun, betul-betul kena jelaskan lima tahun. Kadang-kadang mereka ini masuk dengan harapan, orang yang menjadi pegawai kontrak ini dengan harapan, mereka bekerja dan berharap kerajaan akan *permanent* kan mereka. Saya rasa banyak di antara pegawai-pegawai di bawah itu ada masalah ini. Dia tidak tahu bahawa jawatan kontrak, yang duduk untuk – kita kena berikan penjelasan sejelas-jelasnya, tiga,

lima atau enam tahun. Ini supaya psikologi – dia tahu dia kerja enam tahun, sementara itu dia akan mencari kerja lainlah.

Masalah yang ada sekarang ini Tuan Pengerusi ialah dia masuk kerja dengan harapan kerajaan akan *absorb* dia untuk menjadi *permanent*. Saya rasa ini adalah tidak adil kerana pegawai-pegawai ini ataupun tugas-tugas ini sementara mereka menjadi pegawai kontrak, mereka juga tidak boleh mendapat hak yang sama seperti orang lain. Ada yang tidak boleh mengambil *life* insurans kerana dia kontrak, tidak boleh mengambil *loan* kerana dia kontrak. *Problem* banyak. Jadi, kita hendak tahu sekarang ini jenis pegawai macam mana yang dimaksudkan untuk *contract for service* dan berapa jumlah mereka? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

### 3.38 ptg.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013 peringkat Jawatankuasa yang melibatkan Kementerian Kerja Raya. Antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian adalah Ahli Yang Berhormat Sungai Petani dan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Perbekalan Tambahan (2013) 2013 Kementerian Kerja Raya melibatkan pelaksanaan program iaitu termasuklah RM16,000,920 untuk menampung keperluan penambahan perbelanjaan penyelenggaraan bangunan guna sama. RM9 juta untuk bayaran gaji pegawai *contract for service* dan sebanyak RM5.2 juta untuk menampung baki bayaran tol berdasarkan pengiraan trafik sebenar. Untuk menjawab soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Petaling Jaya Selatan tadi.

### ■1540

Pembayaran RM5.2 juta yang termaktub adalah bagi menampung *shortfall* bagi pembayaran pampasan kepada syarikat konsesi lebuhraya berikutan dengan keputusan Jemaah Menteri untuk menangguhkan kenaikan kadar tol bagi tahun 2013. *Shortfall* ini berlaku kerana kerajaan telah bersetuju untuk membayar bayaran interim sebanyak RM11 juta sebulan untuk Lebuhraya Eastern Dispersal Link Johor Bahru. Sehingga kini pihak EDL tidak dibenarkan untuk mengutip sebarang tol. Antara senarai lebuhraya yang terlibat bayaran pampasan berkenaan adalah seperti LEKAS, SILK, SDE, Besraya, LDP, SPRINT, NPE termasuklah juga SMART, AKLEH, MEX, KESAS, NAKSB, Guthrie (CGE), SKVE, BORR, Grand Saga dan Rangkaian Segar. Untuk pengetahuan Yang Berhormat yang juga bertanyakan soalan mengenai lebuhraya KIDEX.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri, sebelum itu boleh saya nak tanya sikit?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Nak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Silakan.



**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih. Saya difahamkan kerajaan telah menanggunghkan untuk kenaikan tol lima tahun untuk semua lebuh raya di Malaysia termasuk PLUS, KESAS, LDP di kawasan saya dan kerajaan terpaksa bayar pampasan setiap tahun dan ini hanya setakat sampai 2014 dan 2015. Adakah kerajaan selepas dua tahun ini iaitu 2014 dan 2015 akan membenarkan syarikat konsesi ini untuk menaikkan kadar kenaikan tol. Sekian, terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Okey, saya *adjust* dulu mengenai KIDEX Yang Berhormat ya. Lepas itu saya akan kembali kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Untuk menjawab persoalan yang melibatkan Lebuhraya KIDEX, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi, seperti yang saya katakan tadi Lebuhraya KIDEX merupakan satu lebuh raya yang masih dalam perbincangan. Perjanjian konsesi masih belum lagi ditandatangani Yang Berhormat ya dan sudah tentu *public opinion survey* dengan izin, akan dilaksanakan dan untuk tempoh konsesi juga masih belum ditetapkan, Yang Berhormat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Akan tetapi mengapa ada surat yang dikeluarkan oleh Jabatan Tanah Persekutuan untuk minta boleh masuk untuk bincang ambil tanah? Surat ini sudah dikeluarkan pada tarikh 31 Julai.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Sudah tentu Yang Berhormat, surat pengambilan tanah perlu dikeluarkan cuma saya menyatakan bahawa syarat-syarat yang melibatkan konsesi ini masih belum lagi ditetapkan. Proses pengambilan tanah perlu dilaksanakan sekiranya pembinaan Lebuhraya KIDEX ini sepatutnya dilaksanakan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang surat dikeluarkan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan – “Notis Bahawa Tanah Berkemungkinan Akan Diambil Bagi Cadangan Penswastaaan Projek Lebuh Raya Kinrara – Damansara (KIDEX) Daerah Petaling”. Semua penduduk tanah yang mana terlibat sudah terima surat ini so mereka memang sekarang ini bimbang tanah mereka akan diambil. Mengapa kementerian tidak melalui negeri atau MPPJ (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) untuk buat satu mesyuarat bersama, *public hearing*. Berikan butiran kepada penduduk tentang projek ini. Kalau penduduk tak setuju *then* takkan nak buat cara begini lagi, ambil tanah.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Seperti yang saya nyatakan Yang Berhormat dengan lebih awal tadi bahawa *public opinion survey* juga akan kita laksanakan. Segala tindakan ataupun perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat kita akan perincikan untuk disampaikan kepada pihak yang berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat. Menjurus kepada persoalan...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta penjelasan boleh? Isu yang berkaitan. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin penjelasan tentang terma-terma yang telah dibuat oleh kerajaan dengan syarikat konsesi tol sebab kita melihat setiap tahun kerajaan menanggung kos yang begitu tinggi, harga pampasan yang terpaksa dibayar oleh

kerajaan sedangkan pendapatan yang didapati oleh syarikat tol itu tetap dan bertambah. Maknanya aliran kereta semakin banyak. Jadi apa alasan, kenapa mesti kerajaan membayar pampasan dan apakah tidak ada usaha untuk kaji balik perjanjian yang telah dibuat dari segi untung baik kepada rakyat dan negara. Saya minta penjelasan berapa banyak setahun sebenarnya tol dan pampasan yang dibayar oleh kerajaan untuk 23 syarikat konsesi setakat ini.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dibangkitkan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, jumlah peruntukan pampasan tol bagi tahun 2013 yang diterima adalah sebanyak RM582 juta dan peruntukan itu melibatkan komponen-komponen seperti bayaran akhir pampasan penangguhan kenaikan kadar tol tahun 2012, bayaran pendahuluan pampasan penangguhan kenaikan kadar tol tahun 2013, bayaran pampasan pengurangan kadar tol, bayaran pampasan *restrictive order* atau RO, bayaran pampasan penstrukturan semula kadar tol dan bayaran program rebat tol 1Malaysia. Sehingga kini, untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebanyak RM464,595,140.51 telah dibelanjakan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bukan semua lebuhraya yang mana pembayaran tol ini ditanggung. Lebuhraya yang ditanggung hanyalah meliputi Lebuhraya PLUS dan MTD dan perkara kenaikan tol pada 2014 masih dalam peringkat kajian dan kerajaan akan sentiasa melihat supaya ianya tidak membebankan rakyat. Isunya di sini Yang Berhormat adalah isu kerana kerajaan memahami permasalahan yang dihadapi oleh rakyat dan kita tidak mahu membebankan rakyat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Soalan saya yang saya nak tanya, soalan saya...

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Izinkan saya menjawab...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat, sebentar.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Izinkan saya menjawab dahulu Yang Berhormat ya kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Maknanya kita akui kerajaan berusaha untuk tidak membebankan rakyat tetapi kerajaan menggunakan duit rakyat. Jadi bagaimana sebenarnya?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, sebenarnya kerajaan mengambil tindakan bukan sahaja mengurangkan kadar tol untuk rakyat kerana inilah dasar kerajaan bagi meringankan kos sara hidup rakyat. Selain daripada pengurangan kadar tol, kerajaan juga melihat kepada usaha penstrukturan semula kenaikan kadar tol supaya ianya juga merupakan salah satu tindakan kerajaan untuk melihat kepada permasalahan yang dibawa sendiri oleh rakyat di beberapa kawasan yang melibatkan lebuhraya, Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** [Bangun]

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kerajaan juga dari segi penstrukturan semula kenaikan harga kadar tol di lebuhraya

termasuklah syarikat-syarikat seperti yang saya sebutkan tadi PLUS dan juga MTD. Penstrukturan ini dilaksanakan melalui tiada kenaikan tol bagi lebuh-lebuh raya di bawah kendalian syarikat konsesi untuk tempoh tertentu dan selain daripada itu Yang Berhormat, kerajaan juga mengambil pendekatan untuk pada masa yang sama memansuhkan kutipan tol sekiranya ianya telah memenuhi bukan sahaja tuntutan syarat-syarat terma perjanjian konsesi tetapi juga untuk memenuhi permintaan-permintaan terutama sekali daripada rintihan-rintihan rakyat. Itu dilaksanakan juga Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat Puchong bangun.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Okey.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Perkara ini memang telah banyak kali saya bangkitkan dalam Dewan ini tetapi hanya sebagai satu cadangan kalau saya boleh cadangkan. Yang Berhormat Menteri, ini adalah satu perkara yang kalau kita lihat daripada segi kewangan memang kita dapat lihat bahawa kontrak itu memang wujud, memang kita terikat dengan peruntukan yang sedia ada dalam kontrak tersebut. Akan tetapi apa yang berlaku adalah yang kita dapat lihat ialah kenaikan jumlah trafik yang membawa kepada keuntungan yang sangat besar. Ini soalan yang kita tanya.

Seperti kita lihat baru-baru ini Tuan Pengerusi, kes AES di mana kerajaan mengambil langkah untuk mengambil alih projek tersebut. Saya tak sebut sama ada saya setuju ataupun tidak, itu cerita lain tapi di sini juga kita nak tanya kerajaan, tidakkah kerajaan boleh mencari satu cara yang mana kerajaan mengambil alih lebuh raya-lebuh raya yang tertentu dengan adanya di hadapan mereka matlamat bahawa memang lebuh raya-lebuh raya ini kutipan mereka akan naik memandangkan *increase in traffic*.

#### ■1550

Dalam masa yang terdekat kita dapat melihat satu keadaan di mana kita dapat mengurangkan tol dan kemudiannya *we move towards* memansuhkannya. Adakah cadangan sedemikian boleh dipertimbangkan oleh kerajaan kalau kerajaan sebenarnya hendak membantu rakyat. Di mana saya percaya dalam dua tiga tahun ini ada usaha-usaha tapi *we just don't seem to be able to find a way*. Apa berlaku adalah setiap tahun kita banyak bayar *hundreds of millions*. So, saya hendak tanya Timbalan Menteri sama ada itu boleh dicadangkan atau dipertimbangkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Perkara tersebut boleh dipertimbangkan Yang Berhormat. Satu cadangan yang baik dan untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat dan Yang Berhormat Puchong sendiri, selalunya Yang Berhormat, kita juga menggalakkan syarikat-syarikat konsesi ini menggunakan kutipan tol itu untuk menaik taraf kemudahan sepanjang lebuh raya bagi meningkatkan keselesaan dan keselamatan pengguna lebuh raya. Keuntungan ini juga

kita galakkan mereka untuk melaksanakan tanggungjawab sosial korporat termasuklah diskaun tol di musim perayaan dan pembayaran dividen.

Oleh itulah apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi sebenarnya dalam isu ini kita melihat kepada keperluan pembinaan lebuhraya di kawasan-kawasan tertentu. Saya percaya di Puchong juga kita mempunyai satu senario yang kita lihat kepada jalan penyelesaian jangka panjang. Akan tetapi terima kasih Yang Berhormat di atas perkara yang dibangkitkan. Saya memberi komitmen kepada Yang Berhormat, kita akan melihat cadangan Yang Berhormat ini untuk kita manfaatkan bersama, terima kasih.

Untuk menjawab kepada persoalan, sebelum saya menjawab kepada persoalan Yang Berhormat Sungai Petani Yang Berhormat Rantau Panjang, berhubung kepada isu yang sama. Kepada Yang Berhormat Puchong, sebenarnya telah bertanyakan mengenai kenaikan trafik yang akan meningkatkan keuntungan. Adakah kerajaan boleh mengambil alih semua lebuhraya-lebuhraya dan adakah cadangan ini dipertimbangkan?

Seperti yang saya katakan tadi Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan tidak mampu untuk mengambil alih kesemua lebuhraya kerana proses ini akan menyebabkan implikasi kewangan yang sangat tinggi dan anggaran kos pengambilan. Sudah diteliti perkara ini Yang Berhormat, akan mengambil jumlah yang sangat tinggi iaitu RM400 bilion di mana jumlah ini boleh digunakan terutama sekali untuk rakyat. Jadi, melibatkan kos yang sangat tinggi Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh saya mencelah di sini? Terima kasih timbalan menteri. Saya dengar apa yang timbalan menteri sebut tadi iaitu berkaitan dengan pengambilalihan semua lebuhraya-lebuhraya dan sebagainya. Akan tetapi kita perlu lihat kalau boleh dari segi kalau kita hendak ambil alih satu persatu ataupun *part of it and over a period of time*. Ini yang kita sebut. Saya setuju, kalau kita hendak ambil semua sekali dan memang *we are looking that a huge cost*. Akan tetapi itu tidak bermaksud bahawa, *if you looked at that, and we completely ignore it*. Kalau boleh kita juga cari dalam dari segi lihat kalau boleh kita ambil sebahagian-sebahagian dan melalui satu jangka masa. Kalau itu saya boleh cadangkan, kemungkinan kita juga dapat lihat kepada cadangan itu timbalan menteri, terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Memang benar Yang Berhormat, seperti yang saya hendak nyatakan tadi, perkara yang dibangkitkan selain daripada kita mengambil alih selepas tamatnya perjanjian konsesi, kita juga melihat kepada keadaan-keadaan di mana kerajaan boleh mengambil alih lebih awal daripada tempoh tamat konsesi tersebut. Ada juga sedang dalam pertimbangan kerajaan. Ya, terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Hulu Langat.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Dalam soal yang sama kah Yang Berhormat? Okey.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Tuan Pengerusi, tadi menteri ada sebut bahawa keuntungan daripada konsesi tol tadi diberi diskaun musim perayaan dan sebagainya.

Saya difahamkan diskaun yang diberi oleh konsesi itu juga *disclaim* balik kepada kerajaan. Adakah itu benar? Sebab dalam bajet yang lepas ada tambahan dan menteri menjawab adalah pembayaran kepada diskaun-diskaun yang diberi oleh konsesi tol. Jadi, terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Untuk menjawab kepada soalan yang dibangkitkan Yang Berhormat, selalunya diskaun yang diberikan oleh syarikat-syarikat konsesi adalah merupakan sebahagian daripada CSR mereka. Saya akan teliti dan saya akan bagi Yang Berhormat jawapan bertulis dan izinkan saya untuk melihat perkara ini sekali lagi. Akan tetapi selalunya dalam senario biasa, memang ianya adalah sebahagian daripada CSR syarikat konsesi. Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat.

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Bangun]*

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Izinkan saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang dalam isu yang sama.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi lagi Yang Berhormat?

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Minta penjelasan sedikit.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Dalam isu yang sama Yang Berhormat?

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Ya, isu yang sama.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Okey, silakan.

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik apabila menteri membuat alasan bahawa syarikat konsesi melakukan CSR sebagai tanda agihan keuntungan diberikan kepada rakyat. CSR ini memang menjadi amalan semua syarikat korporat, bukan hanya melibatkan syarikat konsesi tol. Jadi, saya rasa tidak wajar kita jadikan ia sebagai hujah untuk menggambarkan pulangan kembali keuntungan. Akan tetapi perbincangan yang asas yang ditimbulkan ialah sejauh mana kerajaan bersungguh dan berhasrat supaya keuntungan yang bakal dikutip oleh syarikat konsesi ini ada had *limitnya* untuk dipulangkan secara sepenuhnya kepada kerajaan dan rakyat selepas daripada itu. Itu persoalannya, terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, selain daripada itu- apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu merupakan perkara yang sangat penting. Oleh daripada itulah kerajaan selain daripada melihat kepada keuntungan syarikat, kita juga daripada semasa ke semasa sentiasa mencuba untuk memastikan syarikat konsesi tidak mengaut keuntungan yang berlebihan.

Oleh daripada itulah untuk lebu ray-lebu ray yang baru, projek *internal rate of returns* akan dipertimbangkan dan ditetapkan oleh kerajaan sebagai sebahagian daripada syarat-syarat dalam perjanjian konsesi. Ini adalah sebagai *exit policy* kerajaan.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang Berhormat Menteri, boleh masuk sedikit?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Selain daripada itu, saya mohon untuk menjelaskan dan kemudian saya akan bagi peluang kepada Yang Berhormat. Sebagai *exit policy* sebagai sebahagian dalam usaha kerajaan untuk memastikan syarikat konsesi ini bukan sahaja

bertanggungjawab. Akan tetapi juga sebagai selain daripada usaha kita dalam dari segi penstrukturan semula lebuh raya. Termasuklah usaha kerajaan melalui perkongsian hasil yang kita masukkan sebagai sebahagian juga daripada surat perjanjian atau syarat-syarat dalam perjanjian konsesi sendiri. Kita memang mengakui Yang Berhormat, kerajaan punyai peranan untuk memastikan perkara ini tidak berlaku. Kita faham ini merupakan persepsi yang mempengaruhi pemikiran terutama sekali rakyat negara kita.

Jadi, kita mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa penjelasan dari semasa ke semasa perlu diberikan bagi memastikan persepsi itu tidak merupakan satu permasalahan yang berlanjutan. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Pengerusi. Apakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya sekiranya saya berkata bahawa semua syarikat-syarikat yang membuat keuntungan ini akan kembalikan keuntungan itu kepada kerajaan melalui *tax 28%*, *corporate tax* yang akan dikenakan kepada mereka. Lagi banyak mereka membuat keuntungan, lagi banyak kerajaan akan mendapat keuntungan juga *28% tax* dan akhirnya, *tax* ini akan dipulangkan kembali kepada rakyat.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Memang benar Yang Berhormat, saya bersetuju dengan apa yang dibangkitkan. Ianya bukan secara keseluruhan tapi sebahagian daripada apa yang dilakukan oleh syarikat-syarikat konsesi selain daripada yang saya sebutkan lebih awal, penstrukturan semula dan pengurangan harga tol dan sebagainya. Untuk menjawab persoalan mengenai diskaun tadi Yang Berhormat...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Minta penjelasan sedikit.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** ...saya mohon untuk menjawab ini dan saya akan jemput Yang Berhormat untuk berkongsi soalan.

#### ■1600

Untuk menjawab kepada persoalan Yang Berhormat Hulu Langat, saya mendapat pengesahan bahawa diskaun itu tidak akan dituntut Yang Berhormat. Diskaun tidak dibayar oleh kerajaan termasuklah diskaun-diskaun yang diberikan pada setiap musim perayaan. Itu yang saya dapat di sini Yang Berhormat, terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya berkenaan RM5.2 juta untuk menampung baki bayaran tol. Persoalannya, ada atau tidak kerajaan mengenakan penalti ataupun untuk diberikan rebet kepada pengguna lebuh raya terutama waktu-waktu yang kita gunakan kadang-kadang jalannya sesak dan kita melalui jalan biasa lebih sampai dulu daripada melalui jalan tol, sedangkan tol kita kena bayar. Dalam masa yang sama, jarak masa kita tadi terpaksa kita telah korbankan.

Jadi saya hendak tanya, adakah ini merupakan ada klausa-klausa yang tertentu untuk membenarkan kerajaan mengenakan penalti kepada syarikat tol tersebut.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Okey, Yang Berhormat izinkan saya dahulu menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang, selepas ini saya akan menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Untuk menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan terutama sekali mengenai pembayaran pampasan, mengenai penambahbaikan perjanjian konsesi dan jumlah pampasan yang diberikan setahun. Untuk menjawab persoalan ini Yang Berhormat, bayaran pampasan adalah berdasarkan kepada perjanjian konsesi, tetapi kerajaan sentiasa mengkaji penambahbaikan termasuklah *revenue sharing* seperti yang saya sebutkan tadi, *exit policy*. Apabila syarikat mencapai satu tahap pendapatan yang maksima, *revenue mechanism* juga akan kita laksanakan dan dimasukkan dalam perjanjian terutama sekali perjanjian syarikat konsesi yang baru.

Untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Sungai Petani terutama sekali dalam soal yang melibatkan pembayaran perkhidmatan pegawai CFS iaitu *contract for services*. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pembayaran perkhidmatan pegawai *contract for services* untuk tujuan ini adalah seramai 287 pegawai bagi awal tahun 2013 yang dianggarkan sebanyak lebih kurang RM10 juta. Walau bagaimanapun sehingga September 2013, bilangan pegawai *contract for services* telah berkurangan iaitu seramai 197 orang. Oleh itu, anggaran semasa keperluan peruntukan bayaran perkhidmatan pegawai CFS bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM9 juta. Walau bagaimanapun, permohonan tambahan RM9 juta telah dimasukkan dalam kertas cadangan untuk menyelaraskan perbelanjaan tersebut bagi tahun 2013.

Menjawab kepada persoalan Yang Berhormat yang kedua, jawatan yang terlibat adalah seperti jurutera awam sebanyak 190 jawatan; jurutera elektrik – 10 jawatan; jurutera mekanikal – 20 jawatan; juru ukur bahan – 34 jawatan; juru ukur bangunan – 1 jawatan; arkitek – 15 jawatan. Ini untuk pengetahuan. Ini adalah untuk 270 pegawai lantikan secara *contract for services* Gred J41, JKR Malaysia bagi tahun 2014.

Akan tetapi bagi tahun 2014 Yang Berhormat, jawatan-jawatan tadi iaitu jurutera awam sebanyak 202 jawatan: jurutera elektrik – 12 jawatan; jurutera mekanikal – 23 jawatan; juru ukur bahan – 34 jawatan; juru ukur bangunan – 1 jawatan; dan arkitek – 15 jawatan. Jumlahnya adalah 287 Yang Berhormat.

Untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gantang, ada atau tidak kerajaan benarkan penalti kepada pengguna pada waktu *peak hour*. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tidak ada bayaran penalti dikenakan. Kerajaan akan mengkaji masalah yang dihadapi melalui *flexi tolling* iaitu perkara ini masih dalam kajian Yang Berhormat.

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan soal-soal yang melibatkan Kementerian Kerja Raya. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM31,120,000 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM31,120,000 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

#### **Maksud B.29 [Jadual] -**

**Tuan Pengerusi:** Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Maksud B.29 di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air terbuka untuk di bahas.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Sila.

#### **4.06 ptg.**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Tuan Pengerusi, merujuk kepada Butiran 030200 mengenai Labuan. Memang saya bukan orang Labuan, tetapi hendak penjelasan perkhidmatan dan bekalan. Saya merujuk kepada Bajet 2013 dulu telah diberikan peruntukan RM42 juta lebih dan sekarang perlu diberi tambahan kepada RM3 juta. Jadi persoalan saya *just* untuk mendapatkan penjelasan, apakah ada umpamanya tambahan pusat penapisan dan sebagainya di Labuan ini. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Menteri.

#### **4.07 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Pengerusi, bagi tambahan sebanyak RM3 juta yang dikehendaki untuk menampung peningkatan kos operasi Jabatan Bekalan Air Labuan.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, Jabatan Bekalan Air Labuan sehingga sekarang ini belum lagi di *corporatized*, masih lagi di bawah tanggungan kerajaan sebagai sebuah jabatan kerajaan. Jumlah bajet yang telah dipohon adalah sebanyak RM11.1 juta iaitu dengan anggaran purata bekalan air sebanyak 50.6 juta liter air sehari ataupun dengan kadar perbelanjaan sebanyak RM925 sebulan. Ini bagi tahun 2013.

Namun begitu, berdasarkan kepada keperluan sebenar bekalan air di Labuan setelah peningkatan permintaan bekalan air dari Petronas Methanol, purata penggunaan air di seluruh Labuan telah meningkat dari 50.6 juta liter sehari kepada 64 juta liter sehari. Selaras dengan itu, purata penggunaan air tersebut, kuantiti pengeluaran air yang dibekalkan oleh Loji Air Beaufort perlu ditingkatkan. Peningkatan ini perlu ditampung oleh Jabatan Bekalan Air Labuan terutamanya kos elektrik.



Ini telah menyebabkan kos operasi dan selenggaraan bagi Loji Air Beaufort meningkat dari RM925,000 sebulan kepada RM1.1 juta sebulan. Berikutan dengan itu, jumlah keperluan peruntukan tambahan diperlukan bagi maksud bekalan air daripada Loji Air Beaufort sebanyak 2.816 juta iaitu RM541,000 di bawah OS23000 dan 2.273, RM700,000 di bawah OS2900. Peningkatan kos operasi di Jabatan Bekalan Air Labuan juga berlaku disebabkan penguatkuasaan Akta Gaji Minimum 2012 di mana semua kos kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan dan membersihkan pejabat turut meningkat sejajar dengan keperluan pemberian gaji minimum yang perlu ditambahkan sebanyak RM206,000. Terima kasih.

■1610

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,000,000 untuk Maksud B.29 di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM3,000,000 untuk Maksud B.29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Maksud B.30 [Jadual] –**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi terbuka untuk dibahas. Sila, Yang Berhormat Hulu Langat.

**4.10 ptg.**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Tuan Pengerusi, sekali lagi merujuk kepada B.30 – 40100 mengenai Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA) yang memerlukan bajet tambahan sebanyak RM1 juta. Jadi saya ingin mendapat penjelasan sahaja. Peruntukan ini digunakan untuk lesen. Saya difahamkan. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian apakah perincian peruntukan ini akan digunakan. Terima kasih.

**4.11 ptg.**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Tuan Pengerusi, sebenarnya untuk peruntukan berjumlah RM1 juta yang kita gunakan untuk Lembaga Pelesenan Tenaga Atom adalah digunakan untuk penstrukturan semula dan bukannya untuk lesen. Untuk penstrukturan semula kerana peranan yang lebih besar yang ada sekarang jadi kita memerlukan peruntukan sebanyak itu. Bukan untuk tujuan lesen. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,600,000 untuk Maksud B.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM3,600,000 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Maksud B.41 [Jadual] –**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.41 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Sila.

**4.12 ptg.**

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh tentang butiran 040200 – Pengurusan IPGM. Saya ingin merujuk kepada Program DPLISR. Saya tahu bahawa pada tahun 2011, lebih kurang 13,000 orang Guru Sandaran Tidak Terlatih telah diambil untuk masuk dalam program ini. Walaupun mereka sudah habis kos mereka, program ini pada bulan Mei tahun ini tetapi sampai hari ini mereka belum dilantik ataupun dihantar ke mana-mana sekolah untuk menjadi guru di sana. Kebanyakan mereka hanya menunggu di rumah. Menunggu arahan daripada Kementerian Pendidikan. Jadi sekarang saya hendak tanya di sini bahawa di bawah DPLISR, guru yang sudah tamat mengambil program ini adalah seramai 460 orang.

Akan tetapi saya tahu bahawa di bawah kolej-kolej yang lain ataupun IPG yang lain seperti UPSI pun lebih kurang ada lebih daripada 2,000 orang guru yang telah tamat ataupun habis kos ini tetapi sampai hari ini mereka masih belum dihantar ke mana-mana sekolah. Soalan saya dua sahaja. Pertama, saya ingin meminta angka berapa ramai guru yang sudah habis ataupun melalui program ini tetapi belum dihantar ke mana-mana sekolah.

Kedua, sebenarnya berapa banyak kekosongan yang kita ada di sekolah rendah, di sekolah menengah yang masih ada kekosongan untuk guru-guru ini kerana saya sangat risau. Saya takut kita telah mengambil terlalu ramai GSTT dalam program ini tetapi sebenarnya kerajaan kita tidak menyediakan ataupun tidak mempunyai kekosongan yang mencukupi untuk mengambil mereka semua. Jadi saya ingin meminta dua penjelasan terhadap dua perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**4.14 ptg.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut sama mengemukakan beberapa pertanyaan kepada Kementerian Pendidikan mengenai urusan belanjawan tambahan ini. Pertamanya dalam perkara 040200 – Pengurusan IPGM. Ada ura-ura untuk menyatukan semua IPGM yang ada di seluruh negara untuk menjadikan mereka universiti pendidikan. Ini bagi saya adalah satu usaha yang baik bagi meningkatkan tahap profesionalisme guru-guru kita. Saya ingin bertanya sama ada sudah ada peruntukan yang diterima ataupun yang dipohon bagi memulakan urusan gabungan IPGM ini menjadi institusi pengajian tinggi bertaraf universiti.

Kedua Tuan Pengerusi, IPGM ini melatih guru-guru kita. Sekarang ini kita masuk ke era untuk membuat beberapa program *enrichment* bahasa Inggeris dan sudah tentulah Kementerian Pendidikan terlibat secara langsung. Saya ingin bertanya bagi pihak rakan-rakan yang ingin memberikan sumbangan dalam *enrichment* bahasa Inggeris ini di peringkat swasta ataupun NGO. Kita mempunyai masalah mengenai beberapa aspek termasuk tenaga kepakaran bahasa Inggeris ini dan memerlukan mereka yang diambil oleh pihak-pihak NGO atau swasta ini mendapat latihan sedikit sebanyak dalam pendidikan bahasa Inggeris dan juga pendekatan-pendekatan *enrichment* yang terbaru. Mungkin yang disediakan di IPGM kita.

Jadi soalan saya ialah apakah Kementerian Pendidikan – Bahagian Pendidikan Guru misalnya bersedia untuk menerima beberapa permohonan daripada individu ataupun daripada kumpulan untuk mengikuti program-program peningkatan pendidikan bahasa Inggeris ini di IPGM kita. Kalau ada, berapa ramai yang boleh diterima dan berapa lama tempoh latihan yang terbaik. Saya bercakap ini dalam konteks kita hendak membantu anak-anak kampung kita meningkatkan program pendidikan bahasa Inggerisnya di kawasan kita tetapi kita ada rancangan ataupun halangan dari segi tenaga manusia dan mungkin memerlukan pertolongan daripada IPGM dan kementerian untuk tujuan ini.

Ketiga Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang perkara 071700 – Bantuan Makanan Asrama. Bantuan makanan asrama ini sudah tentulah merupakan perkara yang penting dari segi kesihatan, dari segi pembangunan tumbesaran anak-anak kita. Saya tengok sekolah-sekolah berasrama penuh ini ada polisi untuk menghantar anak-anak kita balik di hujung minggu. Hujung minggu balik untuk bermalam di rumah masing-masing kerana anak-anak kita di asrama sekarang ini kebanyakannya dimasukkan ke asrama yang berdekatan dengan rumah mereka. Jadi apakah kesan daripada polisi menghantar anak balik hujung minggu ini? Adakah telah dapat membuat penjimatan terhadap kos makanan di asrama? Nampaknya hampir lagi RM40 juta diperlukan, nampaknya masih tidak cukup. Jadi apa sebenarnya kedudukan program balik hujung minggu di sekolah-sekolah asrama kita? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Rantau Panjang.

**4.19 ptg.**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin menyentuh Maksud B.41 – Kementerian Pendidikan. Pertama berkaitan dengan kolej vokasional yang telah dirujuk di bawah Kementerian Pendidikan di mana saya ingin penjelasan sejauh mana persiapan prasarana. Ini kerana makluman yang kita terima daripada pihak sekolah, alat bantu mengajar masih bertaraf sekolah vokasional sedangkan keperluan yang dikehendaki oleh kementerian supaya dari sudut kualiti naik ke taraf kolej. Jadi sejauh mana persiapan yang telah diberi dari sudut pertambahan, peruntukan termasuk juga kursus kepada guru-guru. Ada guru-guru yang memang dulu mengajar di sekolah vokasional,

apabila naik ke peringkat kolej, mereka masih di tahap yang lama tambahan kalau peralatan-peralatan moden dalam kursus kemahiran, elektronik dan sebagainya.

■1620

Jadi, ini masalah yang diadukan oleh guru bagaimana mereka tidak diberi persiapan yang begitu rapi. Jadi kita bimbang kesannya kita gagal sebagaimana dasar PPSMI yang sebelum ini menelan belanja berbilion ringgit tetapi hasilnya, akhirnya, kita tengok apa yang sedang berlaku. Ini dasar *flip-flop* yang merugikan wang negara.

Begitu juga saya ingin penjelasan berkaitan dengan masalah pelaksanaan PBS yang banyak menjadi rungutan guru-guru. Sejauh mana elaun ataupun insentif yang telah diberi guru-guru mereka menggunakan peralatan dan sebagainya untuk melaksanakan tugasnya di luar waktu kerja, di rumah dan sebagainya untuk *key-in* data dan sebagainya supaya perkara ini berkesan. Jadi apakah ada elaun tambahan dan sebagainya dan sejauh mana perkara ini dipantau oleh pihak kementerian?

Seterusnya, saya ingin menyentuh berkaitan dengan keperluan asrama di sekolah. Terlalu banyak sekolah yang sebenarnya perlu dipantau asramanya yang uzur. Jadi, sejauh mana keperluan ini dilihat oleh Kementerian Pendidikan dalam bajet yang telah ditetapkan akan datang supaya perkara ini diberi perhatian?

Begitu juga tentang pelajaran yang ditetapkan sebagaimana dalam bajet tambahan ini disebutkan tentang keperluan untuk j-QAF. Jadi j-QAF ini untuk sekolah rendah, sedangkan kita tengok keperluan untuk sekolah agama ini terutama di sekolah kebangsaan, bukan sahaja di sekolah rendah malah di sekolah menengah perlu diberi perhatian. Begitu juga sekolah di peringkat yang lebih tinggi. Jadi sejauh mana pihak kementerian meneliti perkara ini supaya isu-isu yang berkaitan dengan pelajaran teras untuk membina peribadi ini dijadikan keutamaan dalam sistem pendidikan negara untuk melahirkan rakyat ataupun pelajar yang berkualiti? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tuan.

**4.22 ptg.**

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin bangun membahaskan bagi Maksud B.41 – Kementerian Pendidikan, Butiran 040000 – Pembangunan Profesionalisme Keguruan.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya dalam pelan induk pendidikan yang baru. Kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mengambil *attitudes* keguruan ataupun melihat daripada sama ada juga pendidik, guru-guru yang baru diambil. Saya ingin tahu, bagaimanakah perkara ini dilaksanakan supaya guru-guru yang kita ambil itu adalah guru-guru yang benar-benar berjiwa pendidik? Dalam hal ini juga saya difahamkan bahawa tidak lama lagi ada terdapat 3,000 guru-guru baru yang akan diambil. Saya ingin tahu, bagaimanakah proses untuk pengambilan guru-guru ini, melihat daripada segi pengambilan kawasan wilayah?

Saya ingin mencadangkan di sini jika sekiranya guru-guru baru diambil, maka soal wilayah itu harus diambil kira. Contohnya, janganlah kita terlalu mengambil ramai, contohnya dari Semenanjung dan dihantar ke Sabah sebab itu juga melibatkan elaun. Itu akan menjadi bebanan kepada kerajaan dan sebaliknya dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung sebab itu melibatkan elaun dan sebagainya.

Saya ingin tanya kepada kementerian, kriteria-kriteria dan perkiraan-perkiraan faktor-faktor yang akan diambil apabila nanti mengambil guru-guru ini selain daripada soal *attitude* tadi itu. Saya juga ingin bertanya pihak kementerian, adakah termasuk dalam 3,000 guru-guru baru yang akan diambil ini juga akan diambil kira soal latihan di IPG, melihat kepada *options* selain daripada *option* yang teras yang penting seperti Bahasa Inggeris, adakah juga diambil kira *option* Bahasa Kadazan-Dusun yang sudah pun sekarang ini ada ditawarkan di IPG Tuaran di mana sudah pun ditawarkan dalam peringkat ijazah? Saya difahamkan sekarang ini sudah pun ada 40 orang pelajar yang mengambilnya di peringkat ijazah dan saya ingin mencadangkan supaya bilangan 40 orang ini ditambah dan diambil untuk sebahagian daripada memenuhi keperluan 3,000 yang dimaksudkan tadi.

Selain daripada itu, sekali lagi saya ingin nyatakan di sini, saya sudah nyatakan beberapa kali di Dewan yang mulia ini tentang soal perbezaan Imbuhan Tetap Perumahan dan juga Elaun Perumahan Wilayah Semenanjung, Sabah dan Sarawak itu. Saya berharap pihak Kementerian Pendidikan walaupun pihak Jabatan Perdana Menteri hari itu telah menjawab dan menyatakan bahawa ada lagi perkiraan-perkiraan lain dalam hal ini. Akan tetapi daripada segi keguruan, guru-guru, saya berharap perkara ini dapat diselaraskan supaya kita akan dapat memberi motivasi kepada guru-guru kita termasuklah guru-guru dari Sabah yang berkhidmat di Semenanjung.

Tuan Pengerusi, saya beralih ke Butiran 010000 iaitu Pengurusan Kementerian. Dalam hal ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana pagi ini saya telah menerima jawapan bertulis kepada soalan lisan saya iaitu kementerian telah meluluskan pembinaan kolej komuniti di Parlimen Tuaran. Berbanyak-banyak terima kasih. Cuma saya ingin tanya, kolej ini dijangka beroperasi pada tahun 2014 dan dikatakan di sini bahawa masih lagi ada masalah daripada segi mencari bangunan untuk disewa. Jadi kepada pihak kementerian, kalau susah sangat mahu cari bangunan untuk disewa, kita boleh membantu dalam hal ini untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan beroperasinya kolej komuniti di Parlimen Tuaran ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin juga membangkitkan perkara tentang perlunya pembinaan asrama SMK Sungai Damit di Tuaran. Sudah sekian lama sekolah ini beroperasi dan tidak ada asrama. Akibat daripada tidak ada asrama, kita menghadapi banyak masalah. Sejak saya di dua penggal Parlimen dahulu, saya telah berkali-kali menyebut perkara ini dan saya telah berhubung dengan pihak Lembaga Industri Getah Sabah, pemilik tanah di mana kita akan bina asrama ini dan telah dapat tanah itu tetapi apa yang kita perlukan sekarang ialah komitmen daripada pihak kementerian untuk memberi peruntukan untuk pembinaan asrama ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya beralih kepada pelaksanaan SMK Pekan Nabalu. Saya difahamkan SMK Pekan Nabalu ini sudah berlarutan sekian lama. Baru-baru ini dalam ucapan penangguhan saya sudah sebut. Beberapa Timbalan Menteri telah berganti dan sehingga pada hari ini tidak dapat dilaksanakan. Saya difahamkan bahawa semua kerja pembinaan sudah pun dihentikan untuk membolehkan satu kajian EIA dibuat. Persoalan saya di sini ialah daripada segi pendekatan pihak kementerian dalam pertamanya membuat reka bentuk bangunan, membuat *design* nya dan daripada segi mengambil kira alam sekitar. Kenapakah laporan EIA tidak dibuat sebelum *design* dibuat? Ini *design* sudah dibuat, sudah dalam pelaksanaan, lepas itu ada keraguan tentang keselamatan alam sekitar, baru EIA dibuat dan sebagainya, jadi dihentikan kerja-kerja. Saya tertanya bagaimana perkara ini berlaku. Kenapa daripada segi sistem pembuatan *design* itu tidak dibuat yang berkira daripada lebih awal? Saya ingin menegaskan di sini Tuan Pengerusi bahawa penduduk di Tuaran, pengundi-pengundi di Tuaran dan khususnya di sekitar Pekan Nabalu dan sekitar Kiau di Kota Belud, kita tidak akan berganjak, kita mahu minta juga supaya bangunan SMK Pekan Nabalu ini diteruskan dan dibina sehingga selesai. Kita tidak rela peruntukan ataupun pelaksanaan projek ini ditarik balik.

Seterusnya, saya ingin membawa satu perkara dalam soal pelaksanaan projek juga iaitu bangunan-bangunan surau. Saya difahamkan terdapat 45 buah surau di seluruh negeri Sabah. Sekolah-sekolah di kawasan Parlimen saya Tuaran, SK Mengkabung. Saya sendiri telah melihat dan saya mengambil gambar bangunan surau itu dan saya telah menunjukkan kepada rakan-rakan saya dan bila saya tunjukkan kepada rakan-rakan saya apakah bangunan ini dan ramai yang mengatakan ini adalah kandang kambing. Ini adalah kandang kambing, kandang binatang sebab *design*nya tidak mengambil perkiraan daripada segi alam sekitar.

Di Sabah ini, saya tidak tahu di tempat-tempat lain tetapi di kawasan saya, banyak anjing berkeliaran. Kalau surau, mesti bertutup. Kalau surau, biar dibina betul-betul. Ini terbuka dan saya ingat pada hari ini, guru besar sudah pun membuat pagar di sekeliling surau ini sebab memang tidak boleh digunakan dan di sebelahnya memang membahayakan dan ia dianggap tidak selamat dan tidak dibenarkan pelajar-pelajar masuk ke situ. Tidak langsung boleh digunakan.

■1630

Saya difahamkan kontraktornya daripada Putrajaya, daripada Kuala Lumpur. Ini bukan soal *local* atau bagaimana. Akan tetapi ini soalnya projek yang hanya berharga di antara RM200,000 hingga ke RM300,000, kenapa tidak boleh diberi orang tempatan? Kenapa *design*nya tidak mengambil kira hal-hal tempatan? Jadi, saya memohon supaya kita mengambil iktibar hal-hal seperti ini dan kita perbaiki kesilapan-kesilapan. Saya mohon supaya peruntukan yang sebegitu banyak digunakan, dapatlah digunakan surau ini sebaik mungkin.

Seterusnya, saya ingin membawa perkara ini Tuan Pengerusi, tentang bilangan begitu ramai graduan daripada kolej-kolej kejururawatan. Bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi negeri Sabah. Dia sudah bina, dia sudah buat kolej kejururawatan di Kuala Lumpur, dia buat lagi cawangan di negeri Sabah. Sekarang kita ada beribu-ribu graduan jururawat dan hari-hari Ahli

Parlimen mendapat panggilan telefon, minta kerja. Tolonglah dapatkan kerja. Saya telah bertemu dengan beberapa graduan ini dan memang mereka ini semua pun baik-baik. Memang pun berkemahiran, berketerampilan dan memang pun terlatih.

Akan tetapi persoalan di sini dari segi perancangan kementerian. Berapa orangkah? Berapakah yang diperlukan? Saya tidak tahu, ini di bawah kelolaan ataupun kolej-kolej ini didaftarkan oleh Kementerian Pendidikan ataupun tidak? Akan tetapi jika sekiranya kolej-kolej ini didaftarkan oleh Kementerian Pendidikan, apakah kita tidak boleh kira berapakah jururawat terlatih yang diperlukan oleh negara ini? Sampai bilakah ini boleh berterusan? Ini kerana mereka ini juga telah mengambil PTPTN untuk meneruskan pengajian dan selepas itu tidak dapat kerja. Pagi tadi pun saya mendapat panggilan telefon. Dia mahu bertemu saya di Kuala Lumpur tetapi tidak dapat, dia sudah balik Sabah dan sebagainya.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya beralih ke Butiran 07000 iaitu Program Khusus. Dalam hal ini banyak program yang dinyatakan di dalam butiran ini, termasuklah hal-hal yang berkaitan dengan bekalan solar hibrid, makanan asrama dan sebagainya. Dalam soal bekalan elektrik di sekolah, peringkat sekolah. Suatu ketika dahulu sebuah sekolah di kawasan saya, SK Tudan, dibina solar hibrid ini. Solarnya ada, *genset* nya ada dan kosnya lebih RM2 juta, hibrid. Kontraknya, pembekalnya dari Kuala Lumpur juga. Ini bukan saya mahu ungkit. Kalau itu haknya, dia boleh bekalkan, dia bekalkan. Akan tetapi untuk makluman, hari ini solar hibrid SK Tudan sudah tidak ada, sudah memang tidak berfungsi. Baterinya tidak berfungsi, *maintenance* dan sebagainya. Hari ini, dengan usaha yang kita telah buat, kita sudah ada grid masuk ke Jalan Tudan sampai ke sungai dan boleh sudah grid, tidak perlu lagi ini semua.

Saya ingin tahu, saya minta pihak kementerian melihat di seluruh negara terutama sekali di luar bandar Sabah, kira berapa lagi solar-solar hibrid yang telah dilaksanakan sedemikian rupa dan berapa kerugian kita? Sebab ini namanya rugi, namanya membazir, sedangkan banyak perkara yang diperlukan. Saya sudah nyatakan di Dewan yang mulia ini tentang perkara-perkara pokok yang asas, yang diperlukan sekolah. Mejanya, kerusinya, itu yang asas dan yang diperlukan. Sebenarnya dahulu kita di tempat ini SK Tudan, SK Poring, SK Sungai dan di tempat yang terpencil di kawasan Parlimen Tuaran ini, kita menggunakan solar dengan begitu baik, dengan begitu elok. Tiba-tiba diguna solar hibrid. Saya pun tidak tahu siapa yang minta?

Saya Ahli parlimen, saya pemimpin di sana, tidak pernah minta. Kenapa dihantar? Oleh sebab itu saya menyatakan bahawa keperluan-keperluan di sekolah-sekolah untuk prasarana sekolah, tidak tahulah tempat lain tetapi kalau kawasan Parlimen Tuaran, tolong bincang bersama dengan kita orang. Kita mahu beri keutamaan sebab terlalu banyak yang perlu dipertingkatkan, diperbaiki. Sekolah perlu diselenggarakan. Sebentar tadi saya sebutkan surau, baru-baru ini saya sebutkan bangunan yang sudah tersergam indah tetapi tiada kerusi dan tiada meja. Ini yang diperlukan. Elektrik tidak ada, bekalan air tidak ada dan bangunan asrama yang asas, yang diperlukan.

Jadi, elok sangatlah. Saya tidak tahu tetapi di beberapa kementerian yang lain, kita ada Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen. Kita ada Majlis Pembangunan Koperasi Kawasan Parlimen. Akan tetapi bagaimana dengan hal pendidikan?

Bolehkah kita tubuhkan? Saya cadangkan Majlis Pembangunan Pendidikan di kawasan Parlimen supaya kita dapat tumpukan perhatian bukan sahaja dalam soal-soal prasarana pendidikan tetapi juga dalam hal latihan, soal graduan yang menganggur. Bolehkah kita buat ini? Saya ingin mencadangkan sebab pendidikan ini begitu penting, amat penting. Bagi saya di Parlimen Tuaran, inilah nombor satu yang saya buat. Kita bersama-sama dengan wawasan PPD Tuaran, Tuaran *number one*, kita menerajui perubahan dalam hal pendidikan, kita buat.

Akan tetapi apabila kita tidak dapat menyelaraskan pelbagai kemudahan dan memberi keutamaan, itu menjadi cabaran dan sebab itu saya ingin mencadangkan supaya kita dapat tubuhkan Majlis Pembangunan Pendidikan di kawasan Parlimen supaya kita dapat mengatasi pelbagai cabaran yang saya nyatakan tadi. Sekian saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tuan Pengerusi, Tasek Gelugor Tuan Pengerusi.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Hulu Rajang.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Parit Buntar dahulu. Selepas itu...

#### 4.36 ptg.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih. Yang Berhormat Tasek Gelugor sabar sebentar. Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya kepada kementerian hanya dalam Butiran 010400 iaitu peruntukan RM93 juta untuk menampung keperluan tambahan perkhidmatan pembersihan kawasan dan kawalan keselamatan.

Tuan Pengerusi, saya mohon pihak kementerian memberikan penjelasan tentang isu-isu yang melibatkan pertama sekali, kawalan keselamatan. Ada satu kes di Parit Buntar, saya menerima aduan dan telah membawa kes ini ke pengetahuan pihak Jabatan Pendidikan Negeri tentang bagaimana pengawal keselamatan tidak diberi gaji dan mereka menyatakan kami telah kontrak dengan syarikat tersebut maka tanggungjawab syarikat tersebutlah. Cuma saya timbul isu di sini, bagaimanakah pihak kementerian meletakkan kriteria kerana jikalau syarikat pengawal itu gagal, tidak bayar gaji, ada yang tiga bulan, ada yang dua bulan, empat bulan datang mengadu.

Mereka menyatakan ini masalah syarikat, bukan masalah kementerian. Akan tetapi saya menyatakan seharusnya kementerian meletakkan syarat yang ketat untuk mereka boleh dalam apa juga hal dan keadaan, *sustained* dua, tiga bulan gaji jika apa-apa keadaan berlaku bagi membela nasib pengawal-pengawal keselamatan yang menjaga sekolah-sekolah dan bangunan premis jabatan, Kementerian Pendidikan.

Kedua, saya juga mendapat aduan daripada guru-guru yang prihatin terhadap petugas ataupun mereka yang bertugas sebagai perkhidmatan pembersihan kawasan. Kontrak yang diberi



kepada cuci bilik air dan cuci kawasan sekolah, kadang-kadang gaji yang diberi itu terlalu sedikit oleh syarikat tersebut iaitu RM450, RM400. Jadi ini bagi saya, sebagai kementerian yang *engaged* kontrak dengan mereka yang membekalkan perkhidmatan ini seharusnya meletakkan prioriti membela juga tugas-tugas yang pekerja ini. Supaya diletakkan satu juga, mungkin dalam konsep gaji minimum. Ini mereka kerja teruk, ada yang setengah itu umur sudah lebih daripada waktu bekerja, 60 tahun tetapi masih bekerja lagi kerana mencari sesuap nasi.

Saya tidak mahu benda ini dieksploitasi oleh syarikat-syarikat yang mendapat kontrak pembersihan ini dan mereka mendapat untung besar sedangkan orang yang bekerja di bawah mereka itu ditindas. Ini ada kena-mengena dengan polisi kementerian dalam membuat *engagement* ataupun mengambil syarikat-syarikat yang membekalkan khidmat cuci kawasan dan sebagainya. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Parit Buntar, ada yang minta laluan.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Oh! Saya tidak nampak. Silakan.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar dan Tuan Pengerusi. Saya mendapat tahu, ini idea gaji minimum untuk pekerja kontrak dalam sekolah macam *guard*, macam *cleaner* semua. Masalah yang dihadapi oleh kontraktor ialah mereka telah buat dia punya kontrak pada satu masa bila tidak ada gaji minimum. *So*, sebut harga mereka ada sesuatu. Selepas itu kita telah bawa gaji minimum.

#### ■1640

Jika kementerian tidak ubahsuai, tidak *review* dia punya kontrak dan katakan okey oleh kerana sekarang saya mahu *you* kenakan gaji minima, dia kena ubahsuai sekarang. Walaupun dia punya kontrak tiga tahun ke empat tahun, pada masa ini juga jika kerajaan mahu sekolah-sekolah patuh pada gaji minima, dia kena ubah *style* kontrak itu untuk masukkan *the extra* dalam kontrak yang *you* ada itu. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Saya bersetuju dengan pandangan tersebut dan masukkan sebahagian daripada ucapan saya. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila Yang Berhormat depan.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Hulu Rajang Yang Berhormat.

#### 4.40 ptg.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 010400, B.41. Pemberian peruntukan tambahan kepada Kementerian Pendidikan dilihat sebagai langkah penting bagi mencapai 11 aspirasi yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025. Proses pengajaran dan pembelajaran dapat dioptimumkan dengan adanya kemudahan yang mencukupi di sekolah-sekolah. Namun begitu, sekolah di kawasan pedalaman seperti di kawasan saya, SMK Belaga, SK

Nanga Brit, SK Punan Bah Belaga, SK Lepong Gaat pada 14 hari bulan ini telah, rumah kakitangan telah runtuh.

Mereka ini terpaksa berdepan dengan masalah seperti kemudahan asrama yang masih tidak dibina sekarang. Diharap agar pemberian peruntukan kepada Kementerian Pendidikan dapat membantu menyediakan kemudahan asas ini untuk pelajar-pelajar di pedalaman agar mereka dapat duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan rakan-rakan mereka di bandar. Jasa yang ditaburkan oleh para guru yang berkhidmat di seluruh negara sewajarnya dihargai walau dengan apa cara sekalipun. Keadaan kuarters guru terutama di kawasan pedalaman dilihat agak uzur, ketinggalan dan kurang dilengkapi dengan kemudahan yang sepatutnya berbanding dengan kuarters guru-guru di kawasan bandar.

Oleh yang demikian, saya berharap agar peruntukan yang sebanyak itu dapat membantu meningkatkan kualiti infrastruktur pendidikan di kawasan pedalaman seperti di Parlimen Kapit, Hulu Rajang dan Baram. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pokok Sena.

#### 4.42 ptg.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi, saya ingin turut berbahas dalam B.41 - Kementerian Pendidikan 010000 dan juga seterusnya berkaitan dengan 040000 dan sebagainya. Saya sangat bersetuju dengan rakan-rakan saya tadi khususnya daripada Sabah dan juga Sarawak khususnya daripada Yang Berhormat Tuaran tadi, rakan saya dan juga daripada Yang Berhormat Hulu Rajang yang juga membangkitkan perkara-perkara yang sebahagiannya juga saya ingin bangkitkan. Tadi rakan saya daripada Yang Berhormat Tuaran, rakan lama saya sejak daripada 1999 dahulu iaitu berkaitan dengan surau yang uzur di sekolah.

Itu satu perkara yang harus diberikan perhatian tetapi tidaklah sampai kepada peringkat hendak ambil kontraktor daripada Kuala Lumpur, daripada Putrajaya. Saya fikir sepatutnya di dalam negeri Sabah itu sendiri ada kontraktor-kontraktor kecil yang perlu diberikan layanan yang sepatutnya dilihat oleh pihak kerajaan khususnya oleh pihak kementerian. Tidak akan hendak buat surau pun hendak kena ambil kontraktor daripada Putrajaya. Saya fikir ini satu benda yang tidak wajarlah berlaku.

Begitu juga dengan soal kuarters yang uzur. Saya juga mendapat aduan bukan sahaja di sebelah Sabah dan Sarawak tetapi juga di sebelah Semenanjung ini juga. Ada wujud kuarters yang uzur yang juga masih didiami oleh guru-guru yang saya fikir bahawa satu yang perlu dicarikan jalan penyelesaian serta kuarters guru yang uzur yang terbiar. Jadi, oleh sebab itu saya hendak minta berapa banyak kuarters guru yang lama, yang sudah uzur ini yang masih diduduki oleh guru dan juga kuarters yang uzur, yang terbiar, yang memerlukan perhatian dan pembaikan ataupun pembinaan yang baru. Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Pokok Sena, itu Yang Berhormat Pokok Sena sebut kuarters yang uzur. Sedarkah Yang Berhormat Pokok Sena bahawa banyak kuarters yang tidak masuk lagi pun ada tetapi oleh kerana tidak ada penyelenggaraan, kuarters itu ditinggalkan begitu saja. Tidak ada penyelenggaraan. Contohnya di Sungai Petani Yang Berhormat Pokok Sena, kuarters yang cantik, tiga, empat blok, empat tingkat, sudah 10 tahun tidak masuk, pokok sama besar dengan pokok kelapa dalam kuarters itu sekarang ini.

Maknanya betapa kerajaan rugi duit itu. Saya sudah bangkit beberapa kali dalam Parlimen ini Yang Berhormat Pokok Sena. Kata kementerian, kita sudah rancang untuk buat sesuatu kepada kuarters ini tetapi kalau Yang Berhormat Pokok Sena pergi tengok di dalam kuarters itu, saya ingat Yang Berhormat Pokok Sena, ada pokok, pokok sena dalam kuarters itu sekarang. *[Ketawa]* Ya, Yang Berhormat Pokok Sena pun sudah ada. Macam mana pendapat pandangan Yang Berhormat Sena tentang hal ini?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, itu satu isu yang harus diberikan perhatian oleh kerajaan. Sebut hendak merancang, hendak buat sesuatu, tidak akan rancang, hendak buat sesuatu hendak buat sarang burung walet? Kuarters guru yang sepatutnya kita hendak tempatkan guru, tempatkan manusia di kalangan guru-guru yang berkhidmat untuk anak bangsa kita akhirnya menjadi sarang burung walet, sarang apa-apa dan sebagainya. Jadi, ini menunjukkan bahawa satu pengurusan penyelenggaraan yang tidak bijak yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Pokok Sena, minta laluan. Belah kiri.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Sungai Petani membangkitkan pembinaan dan juga penyiapan kuarters dibuat oleh kementerian tetapi tidak diduduki. Adakah Yang Berhormat Pokok Sena bersetuju bahawa setengah-setengah tempat macam Sungai Petani ataupun bandar-bandar yang ada semua kemudahan itu sebenarnya tidak perlu kepada kuarters ini. Yang perlu macam di Hulu Rajang, di Sarawak, di pedalaman. Kalau di Kelantan itu di Gua Musang, sebab kalau di dalam bandar, kemudahan walaupun 20 kilometer guru itu tinggal, dia boleh pergi dengan mudah. Sedangkan kawasan pedalaman yang memerlukan kepada kuarters guru ini tidak disediakan. Apa pandangan?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Ini kerajaan kena berikan penjelasan terhadap apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu tadi. Sewaktu perancangan dibuat untuk membangunkan dan membina kuarters ini, apakah satu, kerajaan telah membuat satu unjuran, kajian yang teliti dari segi keperluan di tempat-tempat yang hendak didirikan kuarters tersebut?

Adakah kerajaan juga melihat pada waktu itu memang ada keperluan sedangkan bila siap, tiba-tiba tidak ada satu keperluan.

Jadi menunjukkan bahawa kerajaan tidak dapat mengenal pasti tempat mana, kawasan mana yang menjadi keperluan yang mendesak untuk dibangunkan, dibina kuarters ini Tuan Pengerusi termasuk juga di sebelah Kota Belud dan sebagainya di tempat Tuan Pengerusi. Yang akhirnya saya hendak sebut ialah berkaitan dengan persoalan mesra guru. Selalu Yang Berhormat Rantau Panjang sebut mesra, mesra guru. Ini masalah terpisah kehidupan suami isteri Tuan Pengerusi. Ada, saya beri banyak kepada Kementerian Pendidikan termasuk Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri iaitu permohonan-permohonan guru-guru yang asal daripada kawasan saya, yang isteri duduk di Sabah, duduk di Sarawak. Suami duduk di Semenanjung, terpisah. Yang saya fikir bahawa isu ini sudah berlarutan lama yang sepatutnya sudah dapat dikenal pasti cara dan pengendalian yang sepatutnya diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Ini isu yang sangat serius Tuan Pengerusi. Kalau seorang duduk di Sarawak, seorang duduk di Semenanjung, bila masa mereka hendak bertemu? Tidak akan cuti sekolah saja hendak bertemu? Tuan Pengerusi tidak apa tiap-tiap minggu boleh balik. *[Ketawa]* Ada tanggungan, duit penerbangan, bayaran penerbangan, boleh balik tidak apa. Satu, dua, tiga duduk di sana pun tidak apa boleh balik tiap-tiap minggu tetapi kalau seorang guru, seorang duduk di sana, seorang duduk di sini, bila masa mereka hendak bertemu? Takkan cuti sekolah saja hendak bertemu?

Jadi, sudah tentu bagi saya bahawa ini akan mengurangkan motivasi mereka untuk hendak menjalankan tugas. Ada guru dalam kawasan saya. Dia berada di Sabah ataupun Sarawak tidak silap ingatan saya. Suami dia ada di sini. Anak dia uzur, sakit. Berkaitan dengan kalau tidak silap ingatan saya sakit jantung. Anak terpaksa duduk dengan emak. Dia duduk di sana. Jadi, dia duduk jadi gelisah sebab dia duduk di sana seorang-seorang, kalau hendak jaga dengan anak itu sekali, kalau jadi apa-apa masalah, sakit dan sebagainya, *problem* kepada dia. Jadi terpaksa tinggal dengan mak dia. Akhirnya dia mengambil keputusan bila dia hendak melahirkan anak yang kedua, dia tidak hendak pergi sudah ke sebelah Sabah dan Sarawak. Akhirnya dia tidak pergi. Dia macam tinggal saja, maknanya dia sudah hilang semangat sebab dia lebih memikirkan soal anak, soal keluarga, hubungan suami isteri dan sebagainya sedangkan kita telah melatih mereka dengan kos yang banyak.

Sepatutnya kita harus melihat bagaimana untuk hendak mendekati hubungan suami isteri ini supaya dapat disatukan atas nama mesra, mesra keluarga dalam pelaksanaan pendidikan perguruan ini.

■1650

Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan, berapa banyak...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Bukit Katil.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sekejap-sekejap. Berapa banyak guru-guru yang pasangan ini yang ada dalam senarai permohonan yang minta untuk ditukar kerana

masalah terpisah ini. Saya minta berapa jumlah angka dan berapa yang bakal disatukan balik mereka ini pada permintaan mereka itu pada sesi Januari yang akan datang ini. Ini sangat penting sebab memang saya dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dia kata ada 30,000 dan 30,000 itu mungkin yang hendak minta tukar tetapi dia tidak ada masalah dari segi kekeluargaan.

Akan tetapi bagi saya bahawa keutamaannya mesti diberikan kepada yang terpisah antara satu sama lain. Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Pokok Sena, adakah Yang Berhormat Pokok Sena tahu atau pun dapat maklumat bahawa isu penempatan ini bukan sekadar di bawah Kementerian Pendidikan tetapi juga di kementerian-kementerian lain yang berkaitan, misalnya Kementerian Kesihatan, doktor dan sebagainya.

So, saya isytihar kepentingan sayalah. Isteri saya doktor dan berpindah di Sabah. Jadi, ini juga menimbulkan masalah yang besar dari segi motivasi, dari segi keberkesanan, *efficiency* dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat Pokok Sena setuju dengan pandangan ini?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, sebab itu dia tidak *perform* dalam Parlimen sebab berpisah Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Kalau dia dapat disatukan, saya percaya bahawa dia lebih *perform*.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini pun kira sudah *perform* dah.

**Tuan Pengerusi:** Saya nampak dia lebih *perform*, dia agresif kerana perasaan itu. *[Ketawa]*

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sangkaan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Mungkin pada waktu itu selepas dia balik daripada Sabah. Itu mungkin.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Baru balik semalam.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Katanya baru balik semalam. Jadi, ini satu isu. Maknanya, satu isu yang harus diberikan keutamaan. Saya kasihan dengan guru-guru yang banyak memberikan aduan. Saya banyak lagi senarai. Kalau boleh kalau kedua-dua Yang Berhormat Timbalan Menteri ini, esok saya akan bawa permohonan-permohonan guru daripada kawasan saya. Ada anak-anak mereka yang minta pertukaran dan sebagainya yang perlu diberikan perhatian, kerjasama oleh pihak kementerian.

Dahulu dengan Yang Berhormat daripada Tawau pun, saya sudah beri satu permohonan tetapi sampai sekarang pun tidak nampak satu penyelesaian. Akan tetapi komitmen daripada Yang Berhormat Tawau itu sangat tinggi, memahami persoalan pentingnya hubungan kekeluargaan itu dapat disatukan, *insya-Allah*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tuan Pengerusi, Tasek Gelugor.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih.

**Seorang Ahli:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Siapa?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kinabatangan.

#### 4.53 ptg.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara dalam Butiran 07900, 07800, 071700. Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin merakamkan terima kasihlah sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan telah melawat ke kawasan saya ekoran daripada isu-isu yang saya bangkitkan. Jadi, terima kasih Yang Berhormat sebab sudi. Walaupun saya tidak ada tetapi beliau teruskan lawatan tersebut di luar kawasan dan saya percaya banyak perkara yang dapat diselesaikan.

Saya ingin menyentuh sedikit mengenai pengurusan perguruan iaitu mungkin Yang Berhormat juga maklum bahawa pelajar-pelajar kelulusan ISMP ini begitu menaruh harapan agar mereka dapat dimasukkan di dalam barisan senarai guru-guru di dalam kementerian itu sendiri. Walaupun mungkin, pada peringkat awal bahawa mereka ini tidak mengikuti kriteria yang digaris pandu oleh kementerian sebab kelulusan ISMP ini ialah datang daripada IPTS. Sedangkan kementerian tidak menggalakkan guru-guru daripada IPTS ini untuk disenaraikan sebagai guru-guru dalam mengajar di dalam kementerian itu sendiri.

Akan tetapi oleh kerana masalah ini sudah menjadi masalah, jadi saya harap kementerian dapat mencari jalan penyelesaian ke arah membantu pelajar-pelajar. Ada yang sudah dapat sebetulnya tetapi ramai yang belum dapat, pelajar-pelajar kelulusan ISMP ini.

Kedua, tersinggung tadi soal makanan asrama. Saya melihat bahawa mutakhir dua tiga tahun ini, penganugerahan kontrak makanan di asrama-asrama itu bukan lagi diuruskan oleh Jabatan Pelajaran Sabah itu sendiri tetapi diuruskan melalui Pejabat Kuala Lumpur. Ini pada saya merupakan satu mekanisme yang salah sebab kalau sekolah-sekolah rendah di Sabah itu, biarlah pengarah dia atau pun Jabatan Pelajaran Sabah sebetulnya yang mengendalikan. Bagi mereka kepercayaan, bagi *empower* kan dia orang, bagi keyakinan. Jangan kita bagi kuasa tetapi dia orang tidak boleh menjalankan kuasa. Kita bagi macam berperang. Kita bagi senjata tetapi tidak ada peluru.

Jadi, seolah-olah dia jadi pengarah di sana tetapi tidak ada banyak perkara yang dia boleh lakukan untuk mentransformasikan pendidikan di seluruh negeri Sabah. Ini kerana ini merupakan satu perkara yang saya rasa perlu diambil perhatian oleh...

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Pencelahan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Pihak kementerian. Ya, sila Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Adakah Yang Berhormat Kinabatangan sedar bahawa kuasa yang telah diberikan kepada Pengarah Jabatan Pelajaran Sabah hanyalah 500,000. Itu sahaja yang dia boleh buat. Adakah Yang Berhormat bersetuju jika sekiranya kuasa Pengarah Jabatan Pelajaran Sabah itu kita tingkatkan sedikit. Bukan setakat 500,000 tetapi naikkan sedikit. Itu bagi pendapat saya hanya kuasa PPD. Itu yang pertama.

Kedua, tadi Yang Berhormat menyebut tentang hal penyelenggaraan kantin di sekolah. Adakah Yang Berhormat juga sedar tentang pelantikan potong rumput ini, penjaga keselamatan? Perkara yang kecil-kecil begini semuanya di Putrajaya. Perkara yang kita boleh lantik sendiri. Oleh sebab itu, guru-guru besar dan juga pengetua-pengetua sudah kehilangan kuasa untuk memastikan supaya mereka yang dilantik ini akan menjalankan kerja dengan baik. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya perkara ini serahkan sahaja kepada pihak negeri?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri dengar rentetan kita di Sabah. Jadi, kalau boleh selesaikan segera ini sebab kita tidak mahu jawatan potong rumput, jawatan *staff*, diuruskan di Semenanjung. Jadi, ini merupakan satu perkara rasa saya tidak tepat dan keputusan...

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Yang sedia ada ini harus dirombak semula dan pulangan kepada kuasa pihak Pengarah Negeri Sabah. Ya, sila.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Saya mohon bertanya kepada Yang Berhormat Kinabatangan, setujukah tidak *central of contract* ini patut dibagi kepada setiap negeri. Kalau di Sabah pun di Sabah untuk mengambil tender-tender terbuka dan negeri Sarawak saya percaya diberi kepada negeri Sarawak berkuasa. Bersetujukah Yang Berhormat Kinabatangan? Sekian.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Memang itulah Yang Berhormat yang saya ingin suarkan. Bukan kita menidakkan usaha-usaha daripada pihak kementerian di sini. Akan tetapi berilah, *empower*lah kita punya pengarah-pengarah pendidikan di Sabah, di Sarawak. Jadi, dia orang pun boleh mengurus. Soal-soal tender makanan, tender macam-macam, tender meluas sekolah-sekolah dan sebagainya, pelantikan jawatan, tidak perlulah. Mengapa pula perlu ada pegawai di Semenanjung pula campur tangan?

Siapa punya idea sebegini? Kalau pegawai yang mengesyorkan idea yang sebegini, saya rasa Yang Berhormat kementerian pecatlah pegawai itu atau *transfer*lah dia sebab pegawai ini ada motif, ada udang di sebalik batu. Ada agenda tersembunyi yang dia hendak lakukan. Nama pegawai itu saya rasa Yang Berhormat tahu.

Satu perkara lagi tentang kuasa pengarah RM500,000. Sebetulnya Yang Berhormat Tuaran, RM500,000 ini bukan jadi masalah tetapi yang menjadi masalah, peruntukan RM500,000 itu dicantumkan oleh pegawai-pegawai di Semenanjung ini menjadi lebih RM500,000. Jadi, RM500,000 kuasa pengarah itu sudah tidak ada sebab melebihi RM500,000, dia yang

mengendalikan. Jadi, saya mahu minta kementerian kalau projek itu RM500,000, jangan pakej kan. Kenapa mahu di pakej 4, 5 pakej. Saya pun tahu soal pelantikan *security*.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Satu syarikat dilantik. Kemudian, syarikat itu sub, di antara syarikat, sub lagi.

#### ■1700

Akhirnya yang pengawal-pengawal kita di sekolah makan tidak makan. Saya tanya berapa kamu terima, RM350 sahaja Dato' sedangkan tawarannya RM800, RM900.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, sila Yang Berhormat Tenom.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya mendengar perbincangan daripada Yang Berhormat Kinabatangan berkenaan dengan kuasa pengarah. Setujukah Yang Berhormat Kinabatangan sekiranya kuasa RM500,000 itu ditingkatkan kepada RM1 juta atau RM2 juta, mengelakkan dicantum-cantum peruntukan itu. Jadi seolah-olah pengarah kita tidak ada kuasa. Bila peruntukan sudah dicantum-cantum, tidak ada sudah RM500,000. Jadi setujukah Ahli Yang Berhormat Kinabatangan, kuasa pengarah ini dilihat semula bagi *empower* kata Yang Berhormat Kinabatangan, dinaikkan lebih daripada RM500,000.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Tenom...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, sila Yang Berhormat Kota Bharu. Sebentar lagi saya jawab.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tuan Pengerusi, kita mendengar tadi bagaimana rintihan, bukan rentetan. Rintihan daripada Yang Berhormat Kinabatangan mengenai apa yang boleh saya katakan layanan kementerian terhadap pengarah-pengarah pendidikan di Sabah dan Sarawak nampaknya tidak sama dengan layanan kepada pengarah-pengarah di Semenanjung.

Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini? Sepatutnya ini tidak patut berlaku kerana Sabah dan Sarawak juga di dalam Malaysia ini. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya jawab Yang Berhormat Tenom dahulu. Seperti yang saya katakan tadi bukan soal RM500,000. Soalnya projek yang seharusnya RM500,000, tetapi ada pegawai-pegawai di bahagian di ibu pejabat ini, dia cantumkan RM500,000 itu menjadi RM1 juta ataupun menjadi RM2 juta dan kuasa pengarah itu sudah tidak ada. Merekalah yang menentukan kontraktornya, merekalah yang semua. Saya banyak perkara lagi seperti disentuh oleh Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Tuaran, soal masjid, surau.



Saya rasa Tuan Pengerusi, perlu diambil tindakan segera. Berhentikan perbuatan yang tidak baik ini serta-merta. Heretlah pegawai itu ke mahkamah. Panggillah SPRM masuk, siasat orang-orang ini. Saya tidak boleh lagi bertolak ansur dalam soal sebegini.

Soal layanan Yang Berhormat Kota Baharu, sememangnya layanan sama cuma ada permainan sebab di semenanjung mungkin permainan ini dia tidak boleh gunakan. Ini kerana mungkin terlalu jelas tetapi di Sabah dan Sarawak, dia anugerahkan projek dalam hutan, siapa yang hendak ambil tahu. Sekolah yang tidak layak pun dibina atau diperbaiki, dia pun bagi kelulusan layak diperbaiki. Jadi ini tidak baik.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Minta laluan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, sila.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya melihat bahawa kuasa RM500,000 kepada semua pengarah bukan hanya telah dihadkan ataupun di manipulasi untuk pengarah Sabah dan Sarawak, ianya berlaku di negeri lain termasuk di Semenanjung. Contohnya, macam kontraktor untuk mencuci kawasan di negeri Kedah ada yang diperoleh oleh orang Kuala Lumpur menggunakan lesen Kelas 'F' negeri Kedah. Sama juga ada kontraktor membekal makanan yang mengawal (*control*) dua tiga puluh sekolah-sekolah yang menggunakan lesen orang tempatan. Jadi, ini isu yang saya kira telah menjadi masalah yang cukup besar di mana orang Kedah sendiri tidak dapat hendak mengurus kantin ataupun makanan bermasak asrama kerana dikawal oleh pihak tertentu daripada Kuala Lumpur dan sebagainya.

Jadi, sebab itulah apabila harga makanan contohnya yang disebut RM13 satu kepala satu hari, tetapi bila disub-sub jadi tinggal RM9. Oleh sebab itulah kualiti makanan yang diterima oleh anak murid itu sendiri setiap hari makin berkurangan. Jadi, ini isu yang saya kira perlu dilihat juga oleh kementerian. Adakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Memang bersetuju Yang Berhormat sebab ini melibatkan rakyat. Kita ini Barisan Nasional terkenal dengan membela rakyat. Jadi kalau membela rakyat Yang Berhormat, gunakan betul-betul platform ini untuk membela rakyat. Ini kerana kita akhirnya akan dihitung oleh rakyat kembali, selepas lima tahun kita akan kembalikan kepada rakyat kuasa yang kita ada ini. Jadi gunakanlah kuasa ini untuk benar-benar menyelesaikan masalah rakyat. Kenapa perlu ada kuasa-kuasa tangan kotor daripada Semenanjung untuk campur di negeri-negeri sedangkan negeri-negeri ini pun ada juga bidang kuasa yang perlu diselesaikan.

Jadi mulai daripada tahun depan, saya tidak mahu lagi ada rentetan daripada pengarah-pengarah negeri ada campur tangan. Mana-mana pegawai Yang Berhormat rasa tidak lagi mampu menyumbang untuk kepentingan rakyat, untuk kepentingan kementerian ini, cadangkan kepada Menteri, kepada KSU singkir pegawai ini, gantikan dia. Ini kerana pegawai yang sebeginilah yang merosakkan masa depan anak bangsa kita, merosakkan kepimpinan Barisan Nasional kita. Saya tahu ada, saya tidak mahu sebut. Kalau saya sebut nanti, Tuan Pengerusi cakap pegawai ini tidak boleh membela diri. Jadi biar Yang Berhormat cari siapa nama orang ini. Kalau Yang Berhormat

mahu, saya boleh bagi sebab orang ini memang terkenallah. Orang Sabah cakap, orang Sarawak cakap, kadang-kadang kalau dia turun pergi Sabah macam sultan sampai empat lima kereta sambut dia. Kalah Menteri.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ada lagi Yang Berhormat Pokok Sena?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Saya begitu khusyuk mendengar jeritan batin Yang Berhormat Kinabatangan dan juga rakan-rakan saya termasuk Yang Berhormat Jerlun tadi yang menyebut bahawa juga berlaku di negeri-negeri di Semenanjung ini. Tadi Yang Berhormat Kinabatangan juga ada menyebut bahawa dia mengenal pasti orang tersebut. Jadi saya fikir bahawa saya minta kalau boleh Yang Berhormat untuk membuat laporan kepada pihak SPRM untuk membolehkan satu tindakan dan siasatan dapat diambil. Ini kerana kadang-kadang saya lihat, ada juga saya dapat maklumat sebelum ini telah saya sebut di Parlimen macam pengurusan kantin umpamanya. Seorang itu pegang dengan banyak, dia menggunakan banyak syarikat malah mereka meminda akaun bank itu, dia boleh pinda hendak menunjukkan bahawa modal dia sekian-sekian banyak untuk membolehkan dan melayakkan dia mendapat projek tersebut.

Jadi, bagi saya bahawa ini juga kadang-kadang mereka menggunakan seolah-olah mereka itu ada kabel politik. Jadi ini yang kadang-kadang yang merosakkan nama baik orang-orang politik, tetapi kemungkinan juga ada sungguh yang mempunyai kabel-kabel politik yang akhirnya mereka dapat habuan-habuan tersebut. Jadi saya minta kalau boleh Yang Berhormat buat laporan rasmi kepada pihak SPRM.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama saya ingin perbetulkan yang ada jeritan batin itu Yang Berhormat Bukit Katil, sebab dia berjauhan, yang sakit kepala *[Ketawa]*

Sebetulnya saya telah jelaskan tadi, terserah kepada dua orang Timbalan Menteri yang ada di dalam Dewan ini yang menentukan mekanisme mana hendak diguna pakai untuk perbetulkan masalah dalaman ini Tuan Pengerusi. Belum lagi kita berhasrat untuk merujuk kepada mana-mana pihak. Biar pihak kementerian menyelesaikan cara dalaman. Kalau dia sudah angkat tangan, baru kita campur tangan Akan tetapi saya nampak dua orang Timbalan Menteri ini memang hebat. *They are good fighter for the people.* Bekas guru dua-dua, memang layak untuk duduk di situ.

Jadi itulah Yang Berhormat Pokok Sena. Kita ini Barisan Nasional Yang Berhormat Pokok Sena, memang kita ada iltizam untuk membuat perubahan bukan macam sebelah sana. Dia cakap tapi tidak serupa bikin *[Ketawa]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Kinabatangan, sedikit penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya cukup bangga bila Yang Berhormat Kinabatangan Tuan Pengerusi, kata ada iltizam. Akan tetapi dahulu dalam Dewan ini juga dia kata, kalau orang politik tidak minta kontrak tidak macholah. Jadi adakah ini kerana ada orang yang tidak dapat kontrak, maka dijadikan pegawai-pegawai di Kementerian Pelajaran sebagai kambing hitam.

Saya lebih cenderung kalau perbincangan itu bersekitar projek yang tidak menjadi, gagal, itu tidak apa. Akan tetapi bukan berkaitan dengan siapa di kementerian itu kerana ini mungkin seperti yang disebutkan diakui sendiri, mereka tidak dapat mempertahankan diri di sini walaupun nama mereka tidak disebutkan. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya Yang Berhormat, terima kasih. Sebetulnya Yang Berhormat, itulah hala tuju cerita kita ini. Ini kerana apabila rakyat bising, bermakna projek yang dianugerahkan itu projek gagal.

■1710

Tidak terlaksana, terbengkalai tetapi mendapat pembayaran. Inilah sebetulnya yang kita cerita ini bukan soal kita tidak dapat projek, itu soal kedua. Jadi itulah inti pati cerita dia sebetulnya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Oh! Itu soal kedua, itu satu soalanlah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat pun kalau kita ini kalau kita ada syarikat kita boleh berniaga. Yang Berhormat sendiri pun berniaga juga, jadi jangan kata siapa berniaga ya, kita sendiri mencari kelebihan itu. Jangan sahaja menipu orang, menganiaya orang atau membuat perniagaan haram seperti katil dan sebagainya. Itu salah. Selagi kita berlandaskan undang-undang kita boleh berniaga sampai mana pun sebab Nabi Muhammad SAW pun berniaga semasa dia menyebarkan agama dia. *[Tepuk]*

Jadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi adalah harapan kita supaya masalah-masalah sekolah ini dikenal pasti satu demi satu. Kelmarin saya cadangkan data bank untuk pembangunan luar bandar. Hari ini saya mencadangkan kementerian juga mewujudkan data-data pendidikan di setiap Parlimen. Kenal pasti masalah dia, apa yang perlu diperbaiki, apa yang perlu diberikan dan sebagainya. Ada rumah-rumah guru yang tidak wajar guru tinggal.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Yang Berhormat Kinabatangan minta laluan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Siapakah dia? Oh! Sila-sila.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, terima kasih Tuan Pengerusi. Apakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju dengan saya tentang dua perkara iaitu bila sebut tentang IPG tadi. Secara menyeluruhnya kita tahu kebanyakan IPG ini terutama di kawasan bandar-bandar kecil tidak digunakan dengan sepenuhnya. Apakah agaknya langkah-langkah diambil oleh kementerian bagi memanfaatkan semula IPG yang bilangannya agak banyak tetapi tidak digunakan. Ini sudah pasti ianya merugikan kementerian dan juga kerajaan. Selaras dengan itu ada juga IPG ini kelihatan terbiar dan tidak diurus dengan sempurna yang menimbulkan masalah berlanjutan, masalah susulan iaitu

kerusakan-kerusakan berlaku dan tidak diperbaiki. Ini juga akan menambahkan lagi nilai kerugian kepada kerajaan.

Perkara yang kedua ialah di bawah perkara 070800. Yang Berhormat Kinabatangan saya rasa bersetuju juga sebab projek ini banyak juga di kawasan negeri Sabah dan juga Sarawak iaitu berkaitan dengan telaga tiub yang dibina bagi memastikan sekolah-sekolah mendapat bekalan air bersih. Malangnya sebahagian daripada telaga tiub yang dilaksanakan oleh pihak kementerian ada di antaranya masih lagi gagal memberikan fungsinya...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kinabatangan sudah berhenti berhujahkah ini Yang Berhormat Kinabatangan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya bagi laluan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Itu bukan lagi mencelah Yang Berhormat itu sebagai ucapan persendirian.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi itu Tuan Pengerusi yang duduk di sana yang arif, saya tidak boleh suruh berhenti di atas sana. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Saya tanya sahaja Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sahaja. Jadi gagal berfungsi dengan baik...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kinabatangan soal mencelah ini Yang Berhormat itu kuasa Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Satu lagi Yang Berhormat Kinabatangan. Telaga tiub tadi tidak berfungsi dan ada yang telaga tiub pada awalnya berfungsi kemudiannya mati dan dua ini juga merugikan kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Soal IPG tadi saya syorkan Menteri bertanggungjawab menjawablah. Soal telaga tiub memang ini bukan sahaja di tempat Yang Berhormat. Kalau di tempat saya kalau ada 70 sekolah dipasang telaga tiub kalau ada lima yang masih berjalan *alhamdulillah*. Kerajaan berbelanja banyak berbilion-bilion juga tetapi inilah sebetulnya kita sakit hati. Akan tetapi dalam sakit hati pun kita sokong juga sebab kita ada keyakinan dan kepercayaan. Akan tetapi kepercayaan ini akan pudar sekiranya kita tidak tepati janji kita. Jadi Tuan Pengerusi rasa saya memadailah sampai di sini. Saya beri laluan kepada kawan-kawan lain. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bukit Gantang.

**5.14 ptg.**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak membincangkan berkenaan dengan Butiran 040200 – Pengurusan IPGM. Saya hendak mendapat penjelasan kerana sejak mutakhir hari ini kita lihat bagaimana kemasukan pelajar-pelajar ke IPGM agak merosot. Ini kerana memandangkan dari segi prospek pekerjaan guru hari

ini yang dahulunya hendak masuk IPGM ini kebanyakan mereka mendapat 6A ataupun 7A. Ini kerana dianggap kadang-kadang bersaing sehinggakan mereka tolak untuk masuk fakulti perubatan ataupun farmasi kerana IPGM ini agak terjamin pekerjaannya dan diberikan elaun sewaktu mereka berkursus. Akan tetapi malangnya apabila sudah hampir dekat 17,000 kalau tidak silap maklumat saya pelajar-pelajar yang mempunyai Diploma Pendidikan yang tidak ditempatkan pekerjaan mereka.

Jadi persoalan saya kenapakah jadi perkara itu? Sedangkan kalau kita lihat realitinya sekolah pada hari ini masih lagi dibebankan dengan tugas yang kadang kala hampir sampai 30 waktu dalam seminggu dan setengah-setengah tempat sampai 32 waktu dalam seminggu. Maka dengan sebab itu apakah kerana kerajaan ini tidak ada wang ataupun kerana perancangannya tidak dibuat oleh pihak kementerian? Sekian minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tumpat.

#### 5.16 ptg.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, ringkas sahaja. Pertamanya oleh kerana dibangkitkan tadi tentang mesra guru dan ekoran daripada itu Yang Berhormat Bukit Katil telah membangkitkan kes yang terkena kepada beliau. Saya rasa kita sebagai Dewan Rakyat ada tanggungjawab sama ada di bawah hak istimewa ahli-ahli dan sebagainya untuk membetulkan keadaan seperti ini yang khusus berlaku terhadap Yang Berhormat Bukit Katil. Saya yakin Tuan Pengerusi selaku di atas nama jawatan ini mempunyai *locus standi* dengan izin, untuk memaklumkan pihak yang berwajib, kementerian yang berkenaan bahawa adalah merupakan suatu kalau tidak pun penyeksaan tetapi adalah sesuatu yang memudaratkan peranan Ahli Yang Berhormat kita. Jika isteri atau isteri-isteri dipindahkan ataupun diletakkan di tempat yang amat berjauhan daripada tempat yang sepatutnya beliau ditempatkan.

Saya fikir ini tanggungjawab moral dan juga tanggungjawab kita bersama di bawah peruntukan dan kuasa kita untuk memastikan bahawa perkara ini tidak berlaku kepada mana-mana Ahli Yang Berhormat sekalipun. Saya yakin Tuan Pengerusi selaku di atas jawatan itu boleh mengambil peranan untuk membetulkan keadaan yang berlaku pada beliau ini.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta laluan sekejap ya. Terima kasih. Yang Berhormat saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat perlu wujudnya konsep mesra keluarga dalam apa jua perjawatan kerajaan. Polisi ini perlu dilaksanakan oleh kerajaan. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat, ada guru-guru yang selepas daripada PRU Ke-13 baru-baru ini ditukar secara serta-merta. Sedangkan mereka ditukarkan atas alasan katanya memberi sokongan kepada parti pembangkang.

Ini banyak berlaku termasuk dalam kawasan saya. Diletakkan di tempat yang jauh pedalaman. Contohnya kalau di Rantau Panjang ditukar terus di hujung kawasan Orang Asli di Gua Musang. Sedangkan mereka mempunyai keluarga, anak-anak yang saya kira pada pandangan Yang Berhormat apakah perkara ini sesuai dilaksanakan. Sepatutnya sesuatu tukaran

dibuat ada alasan yang munasabah sedangkan guru ini adalah guru yang penting di sekolah dan tidak mempunyai masalah dan prestasi kerja cukup memuaskan. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sebelum menjawab Yang Berhormat Rantau Panjang saya ingin jelaskan yang saya sebutkan awal tadi bukanlah merujuk kepada Kementerian Pendidikan. Akan tetapi oleh kerana saya mengakui mengambil kesempatan dan oleh kerana Tuan Pengerusi mempengerusikan sidang masa ini mohon supaya Tuan Pengerusi mengambil suatu tindakan yang saya ingat paling dan lebih adil kepada semua kita Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.

Keduanya dalam mengulas dan menjawab Yang Berhormat Rantau Panjang tadi saya ingin juga merujuk bersama dengan itu 071100 – Elaun Murid Keperluan Khas.

■1720

Sama juga dengan Yang Berhormat Rantau Panjang. Ini saya rujuk kepada diskriminasi politik yang berlaku terhadap murid-murid dalam pemberian Kumpulan Wang Amanah Pelajar (KWAPM) ini. Saya balik ke Tumpat kawasan saya Tuan Pengerusi minggu lepas dan singgah di kedai kopi. Ini kompelin yang saya dengar bahawa ada beberapa ibu, bapa, ayah dan ibu yang mana anak-anak mereka enggan disahkan borang KWAPM mereka oleh penghulu-penghulu Kerajaan Persekutuan di Kelantan hanya oleh kerana sebab-sebab perbezaan politik yang berlaku kononnya kerana di peti undi itu sepatutnya Barisan Nasional menang besar tetapi kalah besar pula.

Oleh itu, penghulu-penghulu persekutuan ini seolah-olah ingin menghukum dan yang terkenanya murid-murid. Sekali lagi dalam semangat itu, saya harap diskriminasi terhadap murid-murid daripada mana-mana parti politik sekali pun tidaklah kita kaitkan dengan pilihan raya ataupun bagaimana ibu bapa mereka mengundi. Jadi saya merayu kepada pihak kementerian supaya kes-kes seperti ini tidak diteruskan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta laluan sedikit ya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak lanjutkan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tumpat tadi. Ini cerita pengalaman saya semalam. Semalam saya dijemput oleh sebuah sekolah di Sepang untuk merasmikan sukan. Sepatutnya pagi semalam tetapi malam Sabtu itu saya terima panggilan daripada guru besar mengatakan bahawa, "*Minta maaf Yang Berhormat, kami dapat arahan daripada pihak atasan, Yang Berhormat tidak boleh datang*" Jadi ini pun diskriminasi bukan daripada pelajar kepada anak murid tetapi kepada Yang Berhormat pun. Sedangkan sekolah itu di bawah Parlimen kita. Kita adalah Ahli Yang Berhormat di situ dan kita datang pula dia minta bantuan, kita hendak beri duit pun itu dilarang.

Tentang perpindahan guru-guru, ini berlaku memang bukan sekali atau dua kali. Saya cerita kepentingan saya, saya pernah mewakili guru-guru. Masalahnya apabila kita bawa kes ke mahkamah, Yang Berhormat Tanjong Karang selalu mengatakan saya kalah kes lawan dia. Sebab

saya saman dia sebab dia antara Ahli Parlimen yang menulis surat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia minta seorang guru ini diambil tindakan keluar dari Sabah kerana isu pilihan raya. Saya bawa kes ini ke mahkamah kerana saya rasa tindakan Ahli Parlimen adalah bertentangan dengan undang-undang. Mana boleh kita tulis surat kepada kementerian minta supaya Menteri pindahkan guru-guru. Akan tetapi dia kata, "*Mahkamah kata perpindahan ini adalah budi bicara*" sedangkan guru yang dipindahkan itu ialah guru geografi yang di sekolah sana yang dipindahkan itu tidak perlu pun kepada guru geografi, sedangkan sekolah yang asal itu kekurangan guru geografi. Jadi ini yang menunjukkan bahawa kadangkala perpindahan ini berlaku kerana ada campur tangan daripada Ahli-ahli Parlimen yang lain mungkin baiklah, Yang Berhormat Tanjong Karang contohnya. Terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih, Yang Berhormat Sepang. Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Tumpat bersetuju bahawa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tumpat itu tadi borang KWAPM dan sebagainya, proses kelulusan tandatangan itu saya fikir tidak perlu lagi kepada lantikan-lantikan politik yang akhirnya disalah gunakan untuk kepentingan ini. Ia lebih baik pihak sekolah sahaja yang keluarkan borang kemudian pihak sekolah sendiri mengesahkan tentang kelayakan mereka untuk mendapat bantuan dan sebagainya.

Begitu juga dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang tadi Tuan Pengerusi berkaitan dengan pertukaran kerana penglibatan politik. Sepatutnya, sudah boleh dibuat satu peraturan ataupun dihapuskan apa-apa peraturan yang ada iaitu yang menghalang guru-guru terlibat dalam politik ini dan juga kakitangan kerajaan untuk terlibat dalam politik supaya benda itu dihapuskan peraturan tersebut supaya – ini politik baru. Saya rasa bahawa pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, mereka boleh menyertai parti-parti politik dan sebagainya asalkan mereka tidak mengganggu perjalanan tugas yang diamanahkan mereka mengikut jawatan-jawatan. Sebab ini zaman-zaman baru. Saya fikir bahawa kita harus lebih terbuka dan demokratik memberikan hak kepada semua guru mahupun pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Pokok Sena. Apa Yang Berhormat Sepang sebutkan itu saya fikir maksudnya jelas dan saya harap kementerian mengambil perhatian dan tindakan di atas apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang.

Begitu juga dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pokok Sena merujuk kepada apa yang saya sebutkan awal tadi dan ini terbukti Tuan Pengerusi bahawa walau sehebat mana dan sezalim mana pun diskriminasi, ia tidak akan merubah suasana politik atau keputusan pilihan raya. Ia sudah beberapa kali di Kelantan berlaku begini dan keputusannya tidak berubah. Jadi tidak ada logiknya untuk kita terus menzalimi anak-anak kita dan kita tahu bahawa hasilnya tidak akan mengubah suasana keputusan pilihan raya yang kita harapkan kalau ia menguntungkan parti

yang melakukan itu, ada jugalah logiknya. Akan tetapi ia tidak begitu hasilnya. Jadi oleh sebab itu saya amat bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pokok Sena bahawa biarlah guru-guru sekolah-sekolah sendiri ataupun pihak-pihak yang benar-benar profesional yang mengesahkan murid mana yang layak untuk mendapat bantuan-bantuan daripada Kerajaan Persekutuan ini.

Ketiganya...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Tumpat, boleh sedikit? Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin meminta pandangan daripada Yang Berhormat Tumpat mengenai tadi bantuan-bantuan yang diberikan kepada pelajar-pelajar. Kita semua tahu bahawa kerajaan telah mengeluarkan bantuan RM100 seorang pelajar yang mereka terima lebih kurang masa BR1M hari itu. Mereka juga terima RM100 seorang.

Jadi pokoknya, guru-guru membuat cadangan kenapa tidak wang ini diberi kepada pihak PIBG di samping bila kita beri kepada penuntut terutamanya penuntut sekolah menengah, kadang-kadang duit ini tidak sampai pun ke tangan ibu bapa mereka. Bayangkan kalau ada 1,000 orang murid sekolah yang satu sekolah. Kita beri RM100 kepada setiap murid. Ia sudah ada RM100,000 di situ dan kita tahu PIBG sentiasa kekurangan wang dan mereka terpaksa membuat berbagai-bagai program untuk mendapat wang untuk aktiviti PIBG. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Tumpat supaya pemberian tahun ini diberi kepada PIBG atau pihak sekolah kerana wang ini boleh digunakan untuk kebaikan penuntut itu sendiri. Terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Saya anggap satu cadangan atau pandangan yang baik dan saya serahkan kepada yang sepatutnya untuk mengambil tindakan di atas cadangan tersebut.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Ya.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Adakah masalah-masalah yang kita bangkitkan tadi iaitu masalah pertukaran guru kerana alasan politik ataupun guru-guru berjauhan di antara negeri ini bakal menggagalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang begitu indah baru-baru ini kerana masalah-masalah itu sendiri akan menyebabkan motivasi guru jatuh dan dengan sendirinya produktiviti jatuh dan ia mungkin menggagalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia? Terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Saya ingin berfikir bahawa kementerian ini kementerian yang serius. Yang Berhormat Menterinya serius, Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Menterinya serius dan menumpu dan melihat kepada jawatan-jawatan mereka sebagai suatu amanah yang besar. Oleh itu, saya mengharapkan sangat bahawa kepimpinan Kementerian Pendidikan Malaysia ini cuba memperbetulkan unsur-unsur politik kepartian yang negatif ini supaya tidak berterusan dan pembaikan-pembaikan dilakukan



terhadap perjalanan kementerian-kementerian khususnya di peringkat-peringkat yang bawahan seperti yang kita dengar rintihan-rintihan dari Sabah dan Sarawak tadi.

Perkara yang akhirnya Tuan Pengerusi ialah Butiran 070700 - Penyelenggaraan Genset dan Butiran 070900 – Penyelenggaraan Solar Hibrid. Kalau kita lihat daripada peruntukan yang dipohon ini, ia melibatkan RM60 juta dan juga RM500,100. Ini penyelenggaraan tambahan. Penyelenggaraan asalnya untuk genset RM186,900,000. Maknanya, ini baru penyelenggaraan. Jadi, adakah kementerian ingin memikirkan bahawa oleh kerana kos penyelenggaraannya begitu tinggi, adakah perbandingan kos telah dilakukan untuk akhirnya menukar dan genset-genset itu sebagaimana kita dengar tidak semuanya beroperasi dengan baik? Malahan kebanyakannya tidak beroperasi langsung atau tidak beroperasi dengan baik. Adakah kementerian ingin memikirkan bahawa daripada segi *cost benefit analysis*, dengan izin Tuan Pengerusi, lebih baik akhirnya difikirkan melalui sistem elektrik yang sepenuhnya dan bukannya melalui penggunaan genset kerana penyelenggaraannya sahaja pun begitu tinggi jumlahnya? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

### 5.30 ptg.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Alhamdulillah* akhirnya dapat juga bercakap. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 011300 berkenaan dengan Pengurusan Pendidikan Matrikulasi. Jadi, kita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kerajaan kerana telah mewujudkan kolej matrikulasi di setiap negeri yang telah memberi peluang kepada pelajar-pelajar kita untuk membuat persediaan memasuki universiti.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Banyak insentif telah diberikan untuk kebaikan dan pembangunan kepada pelajar-pelajar di kolej matrikulasi. Cuma satu masalah yang kita minta pihak Kementerian Pendidikan ambil maklum dan mengambil perhatian yang serius ialah berkenaan dengan kebajikan pensyarah-pensyarah dan guru-guru yang terlibat dalam mendidik pelajar-pelajar matrikulasi.

Isunya ialah berkaitan dengan pembayaran gaji, kenaikan pangkat dan emolumen. Sekarang ini kolej matrikulasi mengamalkan satu sistem yang agak pelik dari segi memberi peluang kenaikan pangkat kepada kakitangan yang bersifat pendidik kepada pelajar-pelajar di matrikulasi. Di mana kenaikan pangkat telah pun dibuat mengikut kuota unit-unit yang berkenaan, seperti unit biologi, unit sains dan unit ekonomi.

Jadi dalam hal ini, bagi unit-unit yang berskala besar di matrikulasi, maka peluang-peluang kenaikan pangkat kepada tenaga pengajar dia begitu baik sekali. Seinggakan pengajar-pengajar

yang masih berusia muda, dalam usia lebih kurang 30-an sudah menjangkau gred 48 dan ada yang sudah dapat gred 52. Akan tetapi bagi unit-unit yang agak kecil di kolej matrikulasi seperti unit ekonomi dan sebagainya, oleh sebab bilangan tenaga pensyarah di dalam unit berkenaan kecil, jadi kenaikan pangkat juga menjadi begitu kecil. Seinggakan ada guru-guru ataupun pensyarah yang telah senior yang berumur hampir 50 tahun lebih, berkhidmat sudah dekat 30 tahun tetapi hendak naik pangkat tidak boleh kerana jawatan atau gred yang berkenaan telah pun dipegang oleh seorang yang telah ada pada ketika itu.

Jadi, pada ketika itu ia menyebabkan guru-guru atau pensyarah yang berkenaan terpaksa menunggu giliran kerana dia mengikut kuota unit. Oleh yang demikian, saya memandang hal ini agak serius kerana ia melibatkan motivasi kepada pensyarah-pensyarah di kolej matrikulasi. Ini kerana pensyarah yang senior rasa begitu terkilan melihat pensyarah-pensyarah yang lebih muda dalam usia dalam 30-an sudah memegang gred-gred yang begitu tinggi 48, 52. Akan tetapi pensyarah yang sudah lama baru mendapat gred 48 ataupun belum mendapat 52. Jadi, kita minta Kementerian Pendidikan meneliti semula, melihat semula demi kebajikan pensyarah-pensyarah matrikulasi kerana mereka tidak boleh berpindah ke sekolah-sekolah lain. Mereka telah pun diletakkan di bahagian matrikulasi. Jadi, mereka terpaksa menunggu giliran mereka yang tidak kunjung tiba.

Jadi dalam hal ini pihak Kementerian Pendidikan patut mengambil perhatian yang serius bagi melihat dan menjaga kebajikan-kebajikan pensyarah-pensyarah kita di sana. Ini adalah kerana kebanyakan mereka mempunyai kelulusan di peringkat *master* tetapi mereka tidak mendapat kedudukan pangkat yang sepatutnya.

Kemudian, saya juga ingin merujuk perkara Butiran 030700 berkaitan dengan Pembangunan Pendidikan Islam. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah kedudukan dan juga pendirian kementerian berkenaan dengan cadangan bagi menubuhkan sebuah sekolah menengah agama berasrama penuh di kawasan Seberang Perai yang terletak bersebelahan dengan Maktab Perguruan Tuanku Bainun. Jadi, sekolah menengah agama berasrama penuh ini merupakan satu langkah kerajaan yang begitu baik sekali untuk memberikan peluang pendidikan pengajian agama secara sistematik. Sehingga sekarang kita lihat permintaan untuk memasuki sekolah menengah agama berasrama penuh ini begitu tinggi.

Di Pulau Pinang sahaja dimaklumkan bahawa ada 200 orang pelajar yang mendapat kelulusan 5A tertinggi yang memang layak untuk memasuki sekolah agama berasrama penuh, yang masih lagi menunggu dan mengharapkan mereka dapat ditempatkan di sekolah agama berasrama penuh ini. Jadi, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pendidikan sebenarnya pernah mempunyai cadangan untuk mewujudkan sebuah sekolah agama berasrama penuh berhampiran dengan Maktab Perguruan Tuanku Bainun tersebut.

Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan apakah status tentang cadangan penubuhan sekolah ini bagi memenuhi keperluan dan tuntutan pendidikan agama khususnya bagi pelajar-pelajar di negeri Pulau Pinang, di Perak Utara dan juga di kawasan

Kedah Selatan? Jadi, saya amat mengharapkan jawapan ini daripada pihak kementerian. Seterusnya, saya ingin juga bertanya...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Ingin meminta laluan sedikit, berkaitan dengan sekolah agama. Boleh ya?

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Boleh, boleh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya sangat tertarik dengan apa yang disebut iaitu keperluan tentang sekolah agama ini diperkasakan di seluruh negara. Bukan sahaja di Pulau Pinang, saya kira. Sama juga di Kelantan, permintaan untuk sekolah agama. Kalau untuk kekosongan 500 ataupun 200 tetapi yang minta ribuan, begitu tinggi. Jadi seharusnya kerajaan, Kementerian Pendidikan mengambil berat tentang isu ini, apa lagi di saat kita berdepan dengan krisis akhlak, moral yang semakin membimbangkan kita.

Saya harap supaya perkara ini dipertimbangkan oleh pihak kementerian, meletakkan bajet khusus. Contohnya, kalau sekolah Cina diberikan contohnya, peruntukan RM100 juta dalam projek lepas. Diharapkan dalam bajet yang akan di bentangkan nanti, saya minta pandangan Yang Berhormat supaya disebut peruntukan khusus untuk sekolah agama. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Yang Berhormat, saya setuju sangat dan minta ini juga dimasukkan sebahagian daripada ucapan saya lah. Jadi, dalam hal ini tanah telah pun diperuntukkan sebanyak 30 ekar. Saya rasa tiada sebab lagilah kalau kementerian menanggukkan pembinaan sekolah yang berkenaan. Malah di negeri-negeri lain pun saya rasa kita perlu beri keutamaan kepada pembangunan sekolah jenis ini kerana sekolah jenis ini telah pun menunjukkan pencapaian prestasi yang terbaik malah ada setengah-setengah sekolah agama berasrama penuh ini lebih baik daripada sekolah-sekolah asrama penuh lain-lain yang telah ditubuhkan sebelum ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu lagi tentang pembangunan kolej komuniti di kawasan saya di Telok Ayer Tawar. Jadi, kolej komuniti ini begitu mendapat perhatian dan juga tarikan yang begitu baik. Cuma tempatnya sekarang ini masih lagi menyewa bangunan rumah kedai di salah satu kawasan di kawasan DUN Telok Ayer Tawar. Jadi, permohonan telah pun dibuat kepada Kementerian Pendidikan untuk kita membeli satu bangunan dan juga satu lot tanah yang sekarang ini yang telah pun dikemukakan kepada kementerian untuk menempatkan kolej komuniti dalam kawasan Parlimen Tasek Gelugor, di Telok Ayer Tawar. Saya memohon untuk dijelaskan, apakah status berkenaan dengan permohonan untuk membeli tanah dan lot bangunan bagi tujuan menempatkan kolej komuniti di Telok Ayer Tawar tersebut.

Jadi, seperkara lagi Tuan Pengerusi adalah berkenaan dengan semakan bagi bayaran pencen kepada guru-guru yang telah bersara. Banyak guru yang telah bersara meluahkan

perasaan mereka dan juga sedikit kekecewaan dalam diri mereka kerana semakan kepada bayaran pencen mereka telah agak sekian lama. Mereka amat-amat mengharapkan supaya dalam pertimbangan-pertimbangan Kementerian Pendidikan memasukkan elemen untuk semakan dan kenaikan pencen kepada bekas-bekas guru yang telah berkhidmat kepada negara selama ini diambil kira. Jadi saya kira setakat itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor, minta laluan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jerantut sila.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Tasek Gelugor tentang sekolah agama tadi. Tahniah kepada kementerian kerana telah mengambil alih sekolah agama bantuan kerajaan, menjadikan sekolah di bawah kawalan kementerian.

■1740

Cuma apakah Yang Berhormat Tasek Gelugor bersetuju agar kementerian memperkasakan lagi sekolah-sekolah yang diambil alih ini agar kemudahannya selari dengan sekolah-sekolah yang telah sedia di bawah kementerian sendiri? Terima kasih.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Saya rasa ini satu cadangan yang cukup baik dan kita amat memerlukan perhatian daripada Kementerian Pendidikan supaya meletakkan sekolah-sekolah agama kita ini ke tahap yang cukup baik dan mengikut keperluan semasa. Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** *[Bangun]*

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** *Hello.*

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Tuan Pengerusi, satu soalan lagi boleh?

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Boleh? Saya pun.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Satu soalan sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua telah menetapkan selepas daripada Yang Berhormat Tasek Gelugor adalah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dan sekiranya ada perkara-perkara yang mustahak, Yang Berhormat boleh mencelah semasa Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Saya akan benarkan. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**5.41 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada 11 Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Tumpat dan Yang Berhormat Tasek Gelugor. Manakala 15 Ahli Parlimen Yang Berhormat di Parlimen yang mencelah, Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Saya akan cuba sedaya upaya untuk memberikan jawapan-jawapan berdasarkan kepada permintaan yang bersangkutan paut dengan keperluan penambahan peruntukan ataupun bajet ini. Yang Berhormat Kulai dan juga Yang Berhormat Kinabatangan juga ada meminta sedikit maklumat tentang program DPLI di IPGM dan juga isu-isu perguruan.

Untuk makluman Yang Berhormat, GSTT–DPLI di sekolah rendah buat masa ini ialah 2,017 orang, manakala GSTT–DPLI di sekolah menengah ialah 4,003 orang di IPTA. Senarai calon telah pun kita kemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP). Sementara saya memberikan jawapan ini, Yang Amat Berhormat Menteri Pendidikan kini berada di Sabah juga sedang dan telah membuat pengumuman yang mana urusan temu duga akan bermula. Dijangka temu duga ini akan dijalankan pada bulan Oktober dan lantikannya pula akan bermula pada bulan Januari tahun depan.

Yang Berhormat Kuala Krai dalam aspek yang dibangkitkan sebentar tadi mengenai bantuan makanan asrama, SBP adakah penjimatan kos terhadap makanan di asrama selepas anak-anak balik hujung minggu? Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian tidak mengarahkan pengurusan sekolah supaya murid-murid balik ke rumah setiap hujung minggu. Malah, bagi murid-murid yang menduduki peperiksaan yang menduduki peperiksaan SPM dan juga STPM, pihak sekolah menyediakan makanan yang mencukupi tanpa mengenakan apa-apa bayaran. Murid-murid yang balik setiap hujung minggu adalah di atas kerelaan mereka tanpa arahan daripada sekolah atau kementerian bagi tujuan menjimatkan perbelanjaan makanan asrama.

Yang Berhormat Kuala Krai juga meminta penjelasan, apakah KPM bersedia untuk menerima permohonan dari individu ataupun kumpulan untuk mengikuti Program Peningkatan Pendidikan Bahasa Inggeris di IPG? Pengambilan yang dilaksanakan adalah secara kumpulan melalui tajaan agensi-agensi tertentu. Contohnya daripada KEMAS dan juga Jabatan Perpaduan. Aspek penggabungan IPG untuk dijadikan universiti sudah ada atau tidak peruntukan? Cadangan

ini cadangan baru yang telah pun disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, jawapan ini akan saya berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat Rantau Panjang, insentif yang diberikan kepada guru untuk melaksanakan PBS. Adakah elaun tambahan? Jawapannya tidak ada elaun khas yang diperuntukkan buat masa ini, walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan latihan yang bersesuaian dengan keperluan pelaksanaan PBS. Yang Berhormat Rantau Panjang juga membangkitkan tentang isu asrama-asrama yang uzur. Bagaimana Kementerian Pendidikan Malaysia mengatasi masalah ini? Bagi asrama yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, kementerian sentiasa komited untuk membaik pulih naik taraf infrastruktur. Di bawah Pakej Rangsangan Khas 2012 dan 2013, pemilihan sekolah-sekolah untuk menerima peruntukan ini, bagaimanapun adalah tertakluk kepada keutamaan pembaikan kritikal.

Bagaimana persiapan prasarana dalam penubuhan kolej vokasional, peruntukannya dan kursusnya? Pelaksanaan kolej vokasional dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Ini termasuklah proses menaiktarafkan sekolah menengah vokasional sedia ada kepada taraf kolej vokasional dan bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan semasa.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang tentang j-QAF di sekolah menengah.

**Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** *[Bangun]*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Saya selesaikan jawapan ini dahulu Yang Berhormat. Perluasan j-QAF ke peringkat menengah akan dilaksanakan selepas program j-QAF di peringkat rendah selesai seperti keperluan guru dapat dipenuhi sepenuhnya. Dipersilakan Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Saya ingin penjelasan mengenai naik taraf kolej vokasional tadi. Di mana mengikut penjelasan mengenai menaiktarafkan ini dibuat secara berperingkat-peringkat. Bagaimana dengan sekolah yang telah dilaksanakan program sekarang ini? Apakah persiapan, sebab aduan yang kita terima alat-alat bantu, sebagai contoh yang berkaitan dengan kursus elektronik. TV yang disediakan untuk pelajar hanya ada empat buah untuk satu kelas, sedangkan pelajar ada 40 orang. Bagaimana pelajar boleh mempunyai kualiti dari sudut kemahiran? Begitu juga guru, saya menerima aduan daripada guru-guru sendiri bagaimana guru-guru tidak dihantar kursus, guru-guru yang lama di mana mereka sebelum ini mereka belajar semasa di maktab dan sebagainya, mereka belajar jenis TV yang lama contohnya. Akan tetapi, apabila sekarang ini, TV tidak ada jenis lama semuanya jenis baru. Jadi, mereka tidak mempunyai kemahiran yang tinggi sedangkan mereka memerlukan mengajar kepada pelajar-pelajar untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran. Jadi, sejauh manakah perkara ini dipantau oleh pihak kementerian? Perkara ini satu realiti. Jadi minta penjelasan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, kementerian sedar tentang masalah-masalah seumpama ini. Kita memantau dari semasa ke semasa dan kita juga cuba sedaya upaya untuk memenuhi keperluan ini. Kita sedar ada kekurangan tetapi kita dalam proses untuk memastikan keperluan ini dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** *[Bangun]*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Kita akan membantu mereka dari masa ke semasa, atas keperluan mendesak. Apabila keperluannya ada, kita buat saluran-saluran yang penting, bantuan-bantuan akan kita huluskan kepada kolej-kolej vokasional tersebut.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sibu bangun.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya adalah berbeza sedikit dengan menaiktarafkan dari kolej kepada kolej universiti. Di kawasan saya ada sebuah *University-College of Technology, Sarawak*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sibu, kalau sampai mengenai isu yang berkaitan, Yang Berhormat Sibu boleh bangun ya.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Lebih kurang berkaitan tentang naik taraf satu kolej kepada...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Mungkin kemudian saya beri peluang, boleh?

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Okey boleh.

■1750

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Sekiranya isu-isu berkaitan ditimbulkan, Yang Berhormat boleh bangun.

Saya dengan izin Tuan Pengerusi, saya akan beri mencelah nanti. Minta maaf ya, Yang Berhormat. Seterusnya, Yang Berhormat Tuaran telah membangkitkan banyak perkara, sama dengan Yang Berhormat Kinabatangan juga tadi. Yang Berhormat Tuaran, perbezaan imbuhan tetap Elaun Wilayah Sabah dan Semenanjung mohon selaras. Perkara ini saya sedar Yang Berhormat telah banyak kali membangkitkan isu ini, saya sedar. Perkara ini sebenarnya berada di bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam dan Agensi Pusat Kementerian amat mengalu-alukan cadangan untuk penyelarasan semula dilakukan. *We are with you* Yang Berhormat, dengan izin. Yang Berhormat Tuaran juga, apakah masalah pembinaan SMK Pekan Nabal. Mengapa *design* sekolah tidak mengambil kira Laporan EIA terlebih dahulu sebelum dibina.

Yang Berhormat, pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nabal menghadapi masalah kerana berhadapan dengan masalah cerun. Laporan EIA mengambil masa untuk disediakan. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan Malaysia tidak akan berkompromi dengan isu yang melibatkan keselamatan pelajar. Oleh itu, semua langkah-langkah intervensi perlu

diperhalusi sebelum Projek SMK Nabalu boleh diuruskan. Bilangan graduan di kolej kejururawatan yang tidak mendapat tempat. Ya, Yang Berhormat.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Penjelasan pasal SMK Nabalu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Soal keselamatan pelajar memang saya bersetuju itu adalah yang terpenting untuk diambil kira tetapi Projek SMK Nabalu ini sudah dicadangkan sejak Rancangan Malaysia Ketujuh lagi. Begitu panjang pihak kementerian untuk melihat, mengkaji pelbagai aspek. Jadi, kalau sudah sampai pada tahap pembinaan baru disedari tentang perkara-perkara alam sekitar, ini rakyat tidak boleh terima terutamanya di sekitar situ. Kalau saya tak silap, pertamanya dahulu peruntukannya hanya RM14 juta. So, pada pemikiran rakyat di sana RM14 juta cukup untuk *cabin style* daripada segi pembinaan. Konsultan buat *design* hari ini bertingkat-tingkat dan dilihat dengan cerun memang tidak bersesuaian. Persoalan di sini, di mana silapnya. Kalau setakat pendekatan kabin daripada segi pembinaan, itu saya fikir daripada cerun, daripada *geological* tanah dia tidak ada masalah tetapi kalau bangunan tinggi barangkali itu menjadi satu masalah.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Saya ambil maklumat, saya akan mendapat maklumat yang lebih terperinci tentang SMK Nabalu ini dan beri maklumat ini kepada Yang Berhormat. Saya mohon maaf kerana memandangkan perkara ini perkara lama, saya sedar. Saya pun kalau duduk sana tidak akan sesuai juga, tidak akan terima tetapi saya ambil komitmen untuk memberi penjelasan secara terperinci kepada Yang Berhormat supaya masalah Projek SMK Nabalu ini dapat kita selesaikan dalam masa yang segera. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuaran juga sebentar tadi membangkitkan isu bilangan graduan di kolej kejururawatan. Kementerian Pendidikan Malaysia memang mengambil perhatian serius terhadap lambakan graduan kejururawatan yang berlaku sekarang. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan kajian semula terhadap program tersebut termasuk penubuhan kolej-kolej swasta. Itu buat jangka masa sekarang. Isu solar hibrid Yang Berhormat bangkitkan tadi berapa kerugian dialami akibat solar hibrid tidak berfungsi. Projek solar hibrid ini sebenarnya Yang Berhormat, dilaksanakan sebenarnya tidak pernah mendatangkan kerugian kepada sesiapa. Sebaliknya memberikan manfaat kepada pelajar-pelajar sekolah serta guru-guru terutama di kawasan luar bandar...

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** [*Bangun*]

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Biar saya selesaikan dahulu, saya beri peluang.

Pihak JKR yang dilantik sebagai perunding teknikal sentiasa memantau agar projek ini sentiasa berfungsi dan sekiranya berlaku kerosakan, ianya akan diambil tindakan segera. Pihak kontraktor akan diarahkan untuk memperbaikinya. Yang Berhormat nak minta penjelasan?



**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, silakan.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apabila saya menyatakan kerugian, di sini kerugian daripada segi *opportunity cost*. Jadi, saya merujuk kepada secara spesifik, SK Tudan. Pembinaan solar hibrid lebih mahal daripada harga bangunan sekolah dan hari ini sudah sekian lama tidak berfungsi. Itu dalam pengetahuan saya, jadi dalam hal ini itulah saya mengatakan bahawa berapa daripada segi kerugian kita daripada segi *opportunity cost*. Duit peruntukan yang dibelanjakan untuk solar hibrid sekarang tidak berfungsi, tidak dipakai, patutnya digunakan untuk benda lain. Hari ini di SK Tudan ini sudah ada grid. Talian grid sudah mahu masuk di situ dan selepas ini memang solar hibrid tidak boleh digunakan. Itu maksud saya daripada segi kerugian tadi. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Terima kasih, saya ambil makluman tersebut.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat, boleh tambah sedikit?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan. Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, sebetulnya memang berlaku perkara seumpama ini. Di kawasan saya, SK Kampung Balat. Daripada awal ia dibina sampai sekarang tidak pernah berfungsi. Ada lagi beberapa buah sekolah, nanti saya akan lapor dengan Yang Berhormat dan perkara ini memang amat rugilah. Berjuta-juta ringgit dibelanjakan tetapi tidak boleh menzahirkan apa yang kementerian inginkan. Jadi, ini perlu diambil perhatian.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Tuaran dan juga Yang Berhormat Kinabatangan. Saya benar-benar sedar keperluan di sekolah-sekolah di Sabah dan mahupun di Sarawak juga. Malah saya telah memberi ucapan penangguhan saya apabila soalan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuaran beberapa hari yang lalu. Malah saya sendiri dengan Yang Berhormat Tawau dan juga Yang Berhormat Besut telah pergi ke negeri Sabah dan Sarawak untuk mengenal pasti. Kita sudah ada masalah-masalah yang kita mohon beri sedikit tempoh masa untuk membetulkan. Kita dalam proses untuk membetulkan banyak, khususnya di dalam bidang pelan pembangunan, pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang memberi penekanan kepada sekolah-sekolah di luar bandar ini. Kita komited untuk melaksanakan pelan-pelan yang telah pun dilakarkan di sana.

Yang Berhormat Tuaran telah bangkitkan isu surau yang tidak sesuai dengan reka bentuk, khususnya untuk penduduk di Sabah. Terima kasih, saya sendiri pernah melawat dalam lawatan saya ke Kinabatangan. Ada juga sebuah surau yang tidak dapat disiapkan kerana *design* dia tidak begitu baik. Saya sendiri tengok dan saya tahu ia tak boleh diterima. Kita meneliti dan kita akan ambil tindakan dalam masa terdekat, okey? Yang Berhormat Tuaran juga menanyakan apakah kriteria yang diambil kira semasa pengambilan guru pelatih. Syarat asas pengambilan PISMP (Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan) adalah pencapaian akademik minimum 3 cemerlang

ataupun 3 kredit, kokurikulum 10% dan lulus temu duga. Syarat temu duga mencapai tahap lulus inventori sahiah keguruan dengan nama singkat INSAK.

Yang Berhormat Parit Buntar menanyakan apakah kriteria pemilihan syarikat keselamatan dan apakah tindakan jika tidak bayar gaji pekerja. Kriteria pemilihan syarikat keselamatan adalah berdasarkan;

- (i) lulus penilaian teknikal dan kewangan,
- (ii) modal mencukupi dengan mampu bayar gaji pekerja minimum dua bulan, sekiranya syarikat tersebut gagal membayar gaji kepada pekerja pengawal keselamatan, pengawal-pengawal keselamatan boleh membuat aduan terus kepada Jabatan Tenaga Kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Dalam perbincangan Yang Berhormat Parit Buntar yang dicelah oleh Yang Berhormat Sungai Siput, mohon Kementerian Pendidikan Malaysia semak semula kontrak syarikat-syarikat keselamatan atau kebersihan untuk membayar gaji minimum kepada pekerja-pekerja mereka. Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Berhormat ya, telah pun menyemak semula semua 300 kontrak yang sedang berkuat kuasa susulan pelaksanaan gaji minimum pada tahun 2013. Anggaran peruntukan tambahan bagi menampung penyelarasan pembayaran kenaikan harga kontrak sedia ada telah pun dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk diberi pertimbangan.

Yang Berhormat Pokok Sena dan juga Yang Berhormat Sungai Petani bertanyakan mengenai kuarters guru uzur yang tidak baik pulih, mengapa. Kementerian sentiasa komited dalam menyediakan dan membaik pulih prasarana. Walau bagaimanapun, keutamaan akan diberikan kepada keperluan kritikal dan tertakluk kepada peruntukan semasa. Yang Berhormat Pokok Sena juga membangkitkan isu berapa jumlah bilangan guru yang minta bertukar di atas alasan terpisah dengan suami/isteri.

Yang Berhormat, permohonan pertukaran pada 1 Januari 2014, permohonan masih dibuka dan ditutup pada hari ini iaitu hari terakhir untuk permohonan pertukaran. Pasangan terpisah di sekolah menengah sebanyak 3,812, di sekolah rendah sebanyak 4,137 dan kita akan memberi pertimbangan yang sewajarnya. Ini merupakan salah satu sebab utama dan ramai, seperti contoh pada penukaran yang lalu di antara lebih kurang 2,000 guru yang kita telah beri kelulusan penukaran. Lebih 50% guru-guru ialah berdasarkan kita nak menyatukan mereka balik, suami dan isteri. Itu memang yang pertama kita lihat apabila kita menerima permohonan selain daripada syarat minimum, contohnya harus berkhidmat di antara saya rasa 36 bulan kalau tak silap, itu sahaja.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Clear* jawapan Yang Berhormat menunjukkan bahawa tidaklah

banyak sangat jumlah guru yang mohon pertukaran seperti yang disebut oleh Yang Berhormat. Ini kerana saya jumpa sendiri dengan Timbalan Perdana Menteri, dia kata sampai 30,000. Sebab itu saya katakan mungkin 30,000 itu dengan berbagai alasan-alasan yang lain yang bukan kerana persoalan yang disebut tadi.

■1800

Jadi saya harap bahawa dengan jumlah yang memohon itu tidaklah begitu banyak, saya fikir bahawa boleh dibuat pengaturan yang lebih kemas dan saya ada tiga. Esok saya akan bagi kepada Yang Berhormat. Sebenarnya depa sudah mohon, depa bagi salinan kepada saya. Saya akan minta supaya jasa baik Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Hari ini hari terakhir permohonan pertukaran.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, cuma hendak bagi salinan saja, mereka sudah mohon. Cuma apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi itu, soalnya ialah kuarters itu, kuarters yang baru buat tetapi tidak diduduki, tidak didiami sampai sekarang. Jadi itu isunya yang menunjukkan bahawa macam kita tidak peka kepada sama ada keperluan atau pun tidak di situ sehingga akhirnya menjadi projek siap tetapi tidak diduduki, tidak didiami. Jadi macam yang saya kata tadi bahawa mungkin boleh buat sarang burung walet untuk menambah pendapatan Kementerian Pendidikan.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang Berhormat Menteri, tambah sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Lanjutan daripada masalah guru-guru sebentar tadi itu, saya ingin membawa kes guru-guru yang merungut tentang mereka yang diberi kontrak. Guru-guru kontrak yang sudah lama tetapi tidak diserap. Saya memohon supaya pihak kementerian akan dapat melihat masalah yang timbul ini kerana bagi mereka yang kontrak selama tiga tahun, empat tahun, lima tahun apabila tidak diserap, mereka tidak mendapat *benefit* yang lain baik seperti pencen, untuk mendapat pinjaman bank, beli kereta, beli rumah dan sebagainya.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Langkawi, terima kasih. Saya ambil maklum maklumat yang telah diberi tetapi kita harus sedar guru-guru kontrak ini dia apabila mengambil jawatan itu, beliau setuju memang kontrak. Kita cuba membantu mereka apabila ada peluang. Kita harus sedar kita ada ramai guru khususnya IPGM, IPTA itu. Kita memberi penempatan kepada mereka dahulu.

Perkara yang dibangkitkan tadi Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Kinabatangan dan semua, kita hendak cuba memenuhi semua keperluan ini. Kita tidak akan melepaskan mereka. Kalau boleh kita akan cuba sedaya-upaya untuk membantu mereka dalam masa yang terdekat.

Saya juga terima maklumat daripada Yang Berhormat Pokok Sena dan juga Yang Berhormat Sungai Petani tentang kuarters guru, saya akan semak. Mesti ada kebaikannya mungkin ada masalahnya tetapi saya akan dapatkan maklumat apa sebenarnya dan akan saya

maklumkan kepada Yang Berhormat Pokok Sena dan juga Yang Berhormat Sungai Petani. Saya pun takut juga, mana tahu ada pokok sena dalam bangunan tersebut.

Akan tetapi aspek penukaran ini Yang Berhormat, di kawasan saya pun ramai yang tanya juga. Mereka pun minta dengan saya tetapi hendak buat macam mana, ia hadnya begitu saja tetapi kita akan cuba. Apa yang paling penting ialah kita hendak menyatukan suami isteri, *our priority* dan kita akan buat sedaya-upaya untuk membantu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Akan tetapi kalau boleh prioritinya ialah kalau yang duduk di Sabah, Sarawak, pasangannya duduk di sini, itu prioriti, perlu. Keduanya ialah kalau pun yang duduk dalam Semenanjung iaitu dari segi anak sakit, suami pun uzur dan sebagainya, itu pun perlu disatukan, perlu ada pertimbangan yang kemunasabahan. Kalau yang sihat-sihat tidak apalah dia berulang-alik dengan kereta, tidak apalah.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Mereka pun hendak disatukan juga. Macam Yang Berhormat Bukit Katil, dia pun sihat juga, isteri dia pun sihat juga tetapi dia pun hendak balikkan, ya lah. Kalau memenuhi syarat-syarat, boleh.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Akan tetapi kalau boleh dapat disatukan macam Yang Berhormat Bukit Katil itu, biarlah berdekatan, perlu dibangkitkan kasihan kepada dia.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Okey Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Bukit Katil tidak bangun minta.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tidak apalah. Setuju? *[Ketawa]* Yang Berhormat Hulu Rajang sebentar tadi meminta sedikit penjelasan tentang penyediaan kemudahan asas di daerah-daerah pedalaman contoh SMK Belaga, SMK Tongod. Kementerian sentiasa mengambil berat akan keperluan asas di sekolah-sekolah terutama di kawasan pedalaman. Walau bagaimanapun, pembinaan baru ataupun pembaikan atau naik taraf adalah bergantung kepada peruntukan kewangan semasa. Bagi asrama SMK Belaga, projek berkenaan akan di tender semula pada penghujung September atau pun sekarang, bulan ini.

Yang Berhormat Kinabatangan, penempatan graduan PISMP dari IPTS perlu cari jalan penyelesaian. Saya setuju perlu cari jalan penyelesaian Yang Berhormat. Akan tetapi graduan IPGM dan IPT dilantik ini, buat masa ini graduan IPGM dan IPTA dilantik berdasarkan unjuran yang dibuat. Walau bagaimanapun, pelantikan graduan IPTS sedang dikaji khususnya dalam memastikan kualiti graduan mengikut piawaian kementerian.

Yang Berhormat Kinabatangan juga ada membangkitkan isu projek RM500,000 jangan dipakejkan setiap tender, perlu diuruskan berasingan terutama untuk kontrak perkhidmatan dan Yang Berhormat Tuaran juga ada bangkitkan isu ini. Buat masa ini, masih belum ada keputusan dasar berhubungan penurunan kuasa kepada JPN untuk melaksanakan perolehan melebihi RM500,000. Dasar sedia ada menyatakan bahawa perolehan bagi tender perkhidmatan yang melebihi RM500,000 ke atas diuruskan oleh kementerian tetapi dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, kita akan beri lebih autonomi kepada Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan

Pendidikan Negeri. Malah minggu lalu, Kementerian Pendidikan telah turunkan sebanyak kepada 24 Pejabat Pelajaran Daerah. Setiap PPD kita beri RM100,000. Kita turunkan duit itu terus kepada Jabatan Pendidikan Negeri supaya PPD dapat duit. Ini permulaan. Dalam masa yang terdekat ini, dalam masa proses Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini digiatkan dengan lebih aktif, lebih banyak lagi autonomi akan diberi dan saya juga sedar ini kita akan uruskan dalam masa yang terdekat. Harap-harap dalam setahun, dua tahun ini kita dapat selesaikan isu ini.

Yang Berhormat, celahan oleh Yang Berhormat Jerantut sebentar tadi apabila Yang Berhormat Kinabatangan berucap tentang telaga tiub di Sabah gagal berfungsi. Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan sistem penyelenggaraan telaga tiub secara berkala. Jika terdapat kegagalan, tidak berfungsi, pihak kontraktor diminta untuk mengenal pasti puncanya dan memperbaikinya. Itu tanggungjawab kontraktor.

Yang Berhormat Jerantut juga, kuarters guru yang tidak diselenggarakan dan tidak digunakan, apakah tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia. Bagi kuarters guru dalam kawasan sekolah, pihak sekolah boleh memohon untuk ditukar fungsi sebagai stor atau lain-lain mengikut keperluan. Hanya jika tiada permintaan untuk mendiami kuarters tersebut bagi kuarters guru yang berada di luar kawasan sekolah, ia boleh ditawarkan kepada penjawat awam dari kementerian lain daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Yang Berhormat Bukit Gantang, isu IPGM. Kemasukan pelajar di IPGM merosot kerana prospek kerjaya yang tidak terjamin. Kita juga telah mengambil tindakan untuk memperkasakan lagi bidang perguruan ini dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengadakan pelbagai program, promosi untuk menarik minat pelajar cemerlang memohon profesion keguruan sebagai pilihan utama. Antara program yang sedang giat dilaksanakan oleh kementerian adalah Teach for Malaysia, Ikon Guru High Profil Marketing dengan izin, Hari Bertemu Pelanggan, Jom Masuk U dengan kerjasama Sektor Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga *Road Show* Kerjaya Guru kerjasama JPN.

Yang Berhormat Tumpat aspek KWAMP, dasar pemberian yang tidak adil, penghulu enggan sahkan borang KWAMP kerana perbezaan politik. Pemberian bantuan KWAMP ini berasaskan syarat-syarat berikut:

- (i) murid warganegara Malaysia;
- (ii) bersekolah di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan; dan
- (iii) pendapatan keluarga di bawah paras Garis Kemiskinan Nasional.

Buat masa ini pihak kementerian tidak mendapat apa-apa maklumat mengenai...

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Sebentar, biar saya selesaikan jawapan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kangar.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Sebentar, biar saya selesaikan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, Yang Berhormat Kangar.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Buat masa ini pihak kementerian - Biar saya selesaikan jawapan, saya akan berikan peluang kepada Yang Berhormat sebentar lagi. Mohon maaf ya. Buat masa ini pihak kementerian tidak mendapat apa-apa maklumat mengenai unsur-unsur politik yang menghalang murid-murid daripada menerima bantuan KWAMP seperti yang dibangkitkan. Sekiranya ada, sila kemukakan laporan itu kepada saya. Yang Berhormat, sila kemukakan laporan kepada saya sekiranya ada. Sebelum Yang Berhormat.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sibu. Yang Berhormat Kangar.

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan di IPGM. Terdapat program iaitu Program Pensiswazahan Guru BPG anjuran Bahagian Pendidikan Guru (BPG) yang mana 27 guru yang melanjutkan pelajaran di IPGM Kampus Perlis telah dibuang kerana gagal dalam satu *paper* sahaja. Jadi, guru-guru tersebut terpaksa membayar kontrak dengan kerajaan sebanyak RM50,000. Jadi mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat Kangar, boleh tidak berikan isu ini kepada saya, akan saya cuba semak kerana benda ini tidak ada kena-mengena dengan belanjawan, bajet tambahan ini. Akan tetapi tolong maklum kepada saya dan saya akan cuba beri maklumat, akan buat siasatan.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** *[Bangun]*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat, isu kena-mengena dengan - Yang Berhormat Sibu?

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sibu.

■1810

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Isu ini berkenaan dengan Program Bistari, boleh? Program Bestari.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Saya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuang, Yang Berhormat Kuang.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Sebentar, tidak ada kena mengena dengan KWAMP ya. Mohon maaf. Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya, saya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian, apakah pemantauan dibuat. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tumpat sebenarnya juga berlaku

dalam Parlimen saya. Saya mendapat banyak aduan daripada ibu bapa di mana ibu bapa mengadu borang untuk bantuan tidak mahu ditandai. Sebab syarat borang itu mesti tandatangan penghulu pihak kerajaan. Sebab di Kelantan ada dua penghulu. Penghulu di bawah kerajaan negeri, penghulu yang JKK yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan.

Yang sepatutnya perlu kerajaan negeri itu yang sahnya. Akan tetapi kenapa dasar Kementerian Pendidikan mensyaratkan bantuan ini mesti ditandatangani oleh penghulu di bawah Kerajaan Persekutuan. Jika tidak tandatangan maka tidak layak untuk terima bantuan. Perkara ini banyak berlaku. Minta pemantauan dibuat dan perkara ini berlaku dalam Parlimen saya. Minta sikit.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Okey, Yang Berhormat kita akan membuat pemantauan seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat boleh, berkaitan dengan yang tadi. Boleh tidak macam saya pernah sebut tadi ini supaya dihapuskan prosedur itu, peraturan itu. Sebab kalau tidak nanti kalau membabitkan ada lantikan-lantikan politik ini itu yang akan menyebabkan salah guna. Jadi cukup untuk guru besar sendiri ataupun guru kelas sendiri yang menandatangani untuk membuat pengesahan. Kalau masih hendak mengekalkan peraturan tersebut termasuk JKKP dan sebagainya maka wakil rakyat, ADUN dan juga Ahli Parlimen walaupun bukan daripada kerajaan juga harus diberikan hak untuk membuat pengesahan tersebut. Itu baru untuk mengelak daripada keadaan itu berulang lagi.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Saya ambil maklum cadangan oleh Yang Berhormat Pokok Sena. Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Saya hendak timbulkan benda yang sama juga dengan persoalan sains dan sebagainya melibatkan bantuan pendidikan dan sebagainya. Sebab takut berlaku benda yang sama, global peringkat Malaysia. Di Terengganu sebagai contoh. Bila pelajar-pelajar hendak minta bantuan dengan MIDAM di Terengganu, perlukan *sign* daripada wakil rakyat daripada pembangkang tidak laku, naik ke pejabat di Wisma Darul Iman berjumpa dengan Exco sendiri. Keadaan seumpama itu bimbang ianya juga berlaku di peringkat Kementerian Pendidikan, peringkat Malaysia ini. Jadi saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri ambil sedikit perhatian isu ini agar kita beri hak kepada semua wakil rakyat juga bantu negara kita untuk maju dan bantu rakyat, *insya-Allah*.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih, saya akan ambil perhatian. Yang Berhormat Tasik Gelugor meminta semakan semula pemberian pencen kepada bekas guru. Perkara ini juga dalam bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam dan agensi pusat.

Yang Berhormat Jerlun yang membangkitkan isu kualiti makanan yang semakin berkurangan hasil daripada kontrak yang tidak telus. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa melaksanakan pemantauan berkenaan kualiti makanan secara berterusan. Sekiranya terdapat

aduan dan syarikat didapati melanggar kontrak-kontrak tindakan berdasarkan kontrak akan dikenakan. Syarikat akan diberi amaran terlebih dahulu disusuli dengan denda; sekiranya masih berlarutan syarikat itu akan ditamatkan kontrak serta merta.

Guru-guru yang ditukarkan dengan segera tanpa sebab atas alasan menyokong parti politik. Selaras dengan Peraturan-peraturan Pegawai Awam, Kelakuan dan Tatatertib 1993, Peraturan 21 tidak membenarkan pegawai awam dalam kumpulan pengurusan dan profesional untuk mengambil bahagian dalam mana-mana parti politik. Walau bagaimanapun anggota kumpulan pelaksana boleh melibatkan diri dengan kebenaran ketua jabatan. Pengecualian bagi pegawai perkhidmatan pendidikan yang tidak terlibat dalam jawatan pentadbiran di sekolah JPN dan PPD untuk aktif dalam parti politik, berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil.9, Tahun 2010, Mengenai Permohonan Mengambil Bahagian Dalam Aktiviti Politik PPPS Gred DG41 Hingga DG48 Dengan Kebenaran Ketua Jabatan.

Yang Berhormat Sepang bertanyakan tentang penglibatan ahli politik dalam majlis sekolah kenapa tidak boleh? SPI 3/2008 – Mengundang Orang-Orang Kenamaan Ke Upacara Sekolah dan Penggunaan Premis Sekolah, Mesyuarat Jawatankuasa Integriti, KPM memutuskan keutamaan diberi kepada Menteri Pelajaran, Timbalan-timbalan Menteri Pelajaran, KSU KPPM, pengarah-pengarah pendidikan negeri atau wakil mereka. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, minggu lalu Yang Berhormat Parlimen Selayang telah dijemput untuk merasmikan satu sukan sekolah di kawasan daerah Gombak. Beliau pergi dan tidak ada masalah pun.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya bercakap itu sebab baru berlaku dua hari lepas. Memang saya sendiri dijemput, bukan saya yang hendak hadir. Saya dijemput oleh pihak PIBG sekolah dan guru besar sendiri sebelum- saya sebutlah nama sekolah itu. Sekolah Kebangsaan Sungai Rawang, sekolah Tamil. Jadi sekolah itu menjemput dan saya hadir dan saya kata saya setuju untuk hadir untuk bagi hadiah dan juga perasmian. Saya kata saya akan hadir.

Malam sebelum hadir itu, dia telefon dan dia kata, "*Minta maaf YB saya dapat arahan daripada orang atas*". Jadi saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri siapa orang atas itu? Kenapa ada arahan daripada orang atas pula. Melainkanlah saya hadir itu untuk berkempen dan sebagainya. Saya hadir kerana dijemput. Jadi saya— dalam Islam ini kalau orang jemput kita kena hadir Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi kita hadir untuk hendak berjumpa dengan rakyat kita. Saya rasa kalau ada peraturan-peraturan itu pun kalau betul-betul hendak laksanakan, laksanakan dengan adil.

Saya hendak beritahu tadi Yang Berhormat kata tentang tidak boleh sorang guru terlibat dalam politik. Saya hendak beritahu, ini berlaku. Semasa kes Pilihan Raya Pangkalan Pasir dalam petisyen mahkamah, ada saksi itu daripada Barisan Nasional, apabila kita soal dalam mahkamah, dia mengaku dia adalah guru kumpulan A, akan tetapi terlibat dalam politik UMNO. Tidak dapat diambil tindakan. Jadi apabila guru itu terlibat dalam pembangkang dan Pakatan Rakyat dia jadi lain pula. Jadi kalau betul kita hendak gunakan undang-undang, gunakan betul-betul. Jangan



apabila tiba kepada Barisan Nasional boleh. Apabila tiba guru yang menyokong Pakatan Rakyat tidak boleh. Jadi ini yang saya rasa kalau boleh kita tidak perlulah nak terlalu keras dengan guru-guru ini. Terima kasih

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sambung sedikit.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Okey.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah diberikan sedikit pencerahan kepada kita tentang senarai keutamaan bagi mereka yang perlu dijemput di sekolah. Saya hendak bangkitkan juga sedikit, apakah Kementerian Pendidikan boleh memberikan satu pekeliling kepada guru-guru agar mereka tidak berada di dalam satu situasi yang takut.

Saya ambil contoh yang paling mudahlah. Contoh sempena Hari Guru. Sempena Hari Guru yang lalu saya atas inisiatif sendiri, kita berikan kek bagi peringatan di kawasan sayalah. Ada guru besar beberapa sekolah yang tidak berani yang terima kek itu di tepi pagar dekat pondok pengawal. So, apabila saya tanya kenapa cikgu ini? Nanti takut kena pindah, takut kena tekan. Jadi ini alasan-alasan pada saya, saya hormatlah. Saya bagi juga walaupun di pintu pagar. Akan tetapi kalau ada sedikit keterbukaan dalam aspek ini, macam kita hendak meraikan guru-guru, saya ingat itu *above*, dengan izin, Tuan Pengerusi *beyond politics* lah. Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Yang Berhormat saya juga sedikit untuk dalam isu yang sama. Saya juga mengalami sama sebagaimana Yang Berhormat yang lain. Apabila pihak sekolah minta bantuan untuk program sukan di sekolah, niat saya datang ke sekolah hendak bagi bantuan tidak dibenarkan masuk pintu pagar. Dia menyampaikan sumbangan di pintu pagar. Bayangkan saya berasal daripada sekolah tersebut.

Begitu juga satu kes apabila guru menghantar surat kepada saya mohon sumbangan untuk pelajar OKU, pelajar khas. Apabila saya datang untuk majlis di bulan Ramadhan bagi duit untuk pelajar-pelajar tidak diterima masuk dan hendak jumpa dengan pelajar tidak boleh. Sehingga saya terpaksa bawa pelajar pergi ke masjid. Jadi sebenarnya mengapa? Seolah-olah layan kami macam penjenayah. Sedangkan kami juga wakil rakyat yang dipilih oleh suara rakyat. Jadi saya minta Kementerian Pendidikan betulkan balik dasar ini sedangkan Ketua Bahagian UMNO boleh masuk sekolah, boleh berceramah di sekolah kepada ibu bapa. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya ingat ini semua isu yang sama.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sedikit sahaja. Saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak apa. Lain kawasan sahaja tetapi isu yang sama.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Hendak minta penjelasan, boleh tidak boleh dibatalkan pekeliling tersebut dan juga dimansuhkan peraturan-peraturan yang menghalang pegawai khususnya guru-guru ini dalam apa kategori kedudukan mereka sekalipun. Sebab saya katakan tadi, kita menuju kepada satu pencapaian negara maju. Malaysia baru, politik baru, kita perlu terbuka. Asalkan ahli-ahli politik ini tidak salah guna kuasa. Setakat pergi hendak bagi hadiah, kita boleh membantu. Kalau pergi bercakap kempen politik, mengutuk itu saya pun tidak bersetuju begitu.

Begitu juga dengan pegawai-pegawai kerajaan, asalkan mereka laksanakan tugas. Kemudian mereka hendak berpolitik di luar sekolah itu hak mereka. Berikan hak kepada mereka. Ini politik baru yang harus kita wujud. Kita sedang berhadapan dengan satu generasi baru. Jadi takkan kita hendak bawa sentimen politik tahun 60-an itu.

■1820

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Okey, terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit, sedikit.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit, sedikit. Sedikit sahaja. Saya hendak katakan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam peruntukan di bawah *Penal Code*, ada satu peruntukan tidak boleh menghalang Ahli-ahli Parlimen ataupun wakil rakyat daripada bertugas? Bagi saya, apabila ada jemputan itu, kita hadir, itu adalah sebahagian daripada tugas kita. Jadi apabila ada penghalang, itu adalah satu perbuatan jenayah. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tentang peruntukan tersebut? Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat, saya balik kepada topik hari ini iaitu bajet tambahan. Yang Berhormat Tumpat, saya ambil maklum apa yang telah dibangkitkan oleh semua Ahli Parlimen. Terima kasih.

Yang Berhormat Tumpat, penyelenggaraan *genset* dan solar hibrid. Adakah Kementerian Pendidikan Malaysia memikirkan hal ini dan menukar kepada penggunaan elektrik terus? Penggunaan *genset* dan solar hibrid di sekolah-sekolah luar bandar adalah bertujuan sebagai alternatif membekalkan elektrik selama 24 jam kepada sekolah tersebut kerana tidak mendapat bekalan elektrik daripada talian grid. Walau bagaimanapun, sekiranya sekolah-sekolah tersebut telah mendapat kebenaran elektrik melalui talian grid, ia boleh dan akan di*integrate* sepadu. Ini akan menjimatkan kos dan mengurangkan kos selenggara.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** [Bangun]

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat Tasek Gelugor...

**Timbalan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat Lumut bangun.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya. Peruntukan sebanyak RM60 juta untuk selenggaraan generator, berapa ribu generator agaknya ini yang

hendak diselenggarakan? Kita harus sedar bahawa ini merupakan peruntukan mengurus tahun 2013. Sekarang sudah bulan Oktober. Kita luluskan peruntukan ini sebanyak RM60 juta, bolehkah mereka membelanjakan wang sebanyak ini? Oleh kerana pengalaman saya untuk belanja RM1 juta menguruskan selenggaraan adalah tidak mudah kerana proses-prosesnya mengambil masa. Kalau hendak bagi LPO ataupun pesanan kerajaan, berapa ribu pesanan kerajaan kita hendak bagi kepada kontraktor-kontraktor ini untuk menyelenggarakan generator ini? Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini peruntukan yang telah dibelanjakan.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Kalau itu, tidak betul sebab kita belum luluskan lagi sudah belanja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini biasa. Amalan biasa ini.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Jadi amalan-amalan yang tidak betul, kita harus betulkan. RM60 juta, Tuan Pengerusi memang susah untuk dibelanjakan. RM60 juta. Berapa ribu generator saya hendak tanya. Berapa ribu generator hendak diselenggarakan? Okey, terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Betullah. Betul Tuan Pengerusi. Kos ini telah dibelanjakan. Terima kasih untuk maklumat tersebut. Saya ambil maklum. Yang Berhormat Tasek Gelugor, isu kebajikan pensyarah-pensyarah, pembayaran gaji, kenaikan pangkat dan emolumen di matrikulasi.

Yang Berhormat, kenaikan pangkat bagi jawatan hakiki di kolej matrikulasi adalah berdasarkan opsyen kritikal dan tidak mengambil kira kekananan pegawai. Dasar yang ditetapkan oleh Bahagian Matrikulasi ini bertujuan untuk memastikan jawatan kenaikan pangkat diisi oleh pensyarah berdasarkan opsyen kritikal yang diperlukan oleh kolej berkenaan. Walau bagaimanapun, pensyarah berpeluang untuk dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan yang telah berkuat kuasa bermula pada tahun 2012.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Ya, Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, masalah yang ditimbulkan oleh pensyarah-pensyarah dari kolej matrikulasi ialah apabila mereka dari unit-unit kecil seperti ekonomi, sastera dan sebagainya, mereka ini sebenarnya secara *time-based* pun mereka sudah begitu senior. Ada yang sudah berumur lebih 50 tahun dan sudah sepatutnya mendapat Gred 52 tetapi oleh kerana mereka tidak berpeluang kerana unit mereka itu kecil, jadi pergerakan kenaikan pangkat tidak dapat berlaku. Sedangkan dalam unit-unit lain seperti

biologi dan sains, oleh kerana banyak unit ini wujud di kolej matrikulasi, so peluang untuk pergerakan itu lebih luas.

Jadi ini yang disuarakan oleh pensyarah-pensyarah yang berkenaan supaya mereka juga mendapat keadilan. Ini kerana pensyarah-pensyarah dalam bidang sains yang begitu muda telah mendapat gred yang begitu tinggi dan daripada segi *performance*, daripada segi pengalaman, pensyarah-pensyarah tadi lebih berpengalaman dan pernah memegang jawatan dalam matrikulasi itu lebih tinggi. Jadi ini minta dipertimbangkan. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor. Kita akan mempertimbangkan cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, sebentar tadi saya telah memberi maklumat semua isu yang kena mengena dengan bajet tambahan dan isu-isu yang luar daripada bajet tambahan ini, saya akan ambil perhatian yang sewajarnya. Setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan sepanjang perbahasan ini...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tadi tidak berkesempatan hendak masuk mengenai kolej matrikulasi. Mungkin tidak boleh jawab sekarang sebab hendak masuk topik itu susah.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Okey.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya ingin tahu, semasa kajian Pelan Pembangunan Pendidikan negara, adakah kajian dibuat di antara keberkesanan sistem pendidikan kolej matrikulasi berbanding dengan sistem pendidikan Tingkatan 6? Mungkin pengalaman saya selama 14 tahun di dalam universiti, saya dapati ada perbezaan daripada segi kualiti dan kematangan penuntut-penuntut matrikulasi kalau dibandingkan dengan penuntut-penuntut STPM. Jadi sama ada pelan pembangunan baru ini turut mengambil kira kajian dan adakah kerajaan akan meneruskan begini? Dualisme di dalam pendidikan penuntut kita di peringkat prauniversiti ini. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang mengambil kira. Kajian telah dibuat dan kita akan ambil maklumat. Saya akan berkongsi maklumat ini kepada Yang Berhormat kemudian mengenai apa status dan sebagainya. Kita akan memberi maklumat itu kepada Yang Berhormat Kota Raja.

Tuan Pengerusi, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan sepanjang perbahasan ini. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan tindakan sewajarnya akan diambil. Sekali lagi kementerian mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat atas keprihatinan, perhatian, teguran dan sokongan yang berterusan kepada Kementerian Pendidikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM322,775,400 untuk Maksud B.41 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM322,775,400 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

#### **Maksud B.42 [Jadual] -**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala B.42 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Ada berapa orang? Satu, dua, tiga, empat, lima, enam dan tujuh... *[Mengira jumlah Ahli yang bangun]* Sila.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

#### **6.27 ptg.**

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan ruang dan peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbincangan dan saya akan menyentuh perkara B.42, Butiran 032200.

Dalam usaha negara kita menuju negara maju berpendapatan tinggi, elemen kesihatan adalah satu perkara yang sangat penting. Dengan kesihatan yang terbaik, kita akan dapat menikmati kesejahteraan hidup. Bermakna, dengan kesihatan yang baik, kita dapat menikmati kemajuan dan pembangunan yang negara akan capai apabila kita menuju negara maju. Kesihatan adalah harta kita. Ada kesihatan, kita ada segala-galanya. Hilang kesihatan, kita akan hilang segala-galanya. Jadi, betul pepatah mengatakan, "*Mencegah adalah lebih baik daripada merawat.*" Mencegah lebih mudah dan lebih seronok. Mencegah lebih senang daripada kita merawat kerana merawat memerlukan perbelanjaan yang tinggi dan juga merawat terpaksa menghadapi komplikasi yang banyak.

Kita lihat kepada penambahan pembekalan ini menghampiri kepada RM300 juta. Pemakanan, aktiviti kita seharian dan gaya hidup kita akan menentukan kesihatan kita yang mana akan menentukan produktiviti kita. Produktiviti yang baik akan menaikkan taraf ekonomi negara kita. Sediakan payung sebelum hujan. Jangan terhantuk baru tengadah. Jangan sampai nasi jadi bubur. Jadi hari ini, sepatutnya kita memberi penumpuan yang banyak kepada pencegahan. Sikap kita terhadap kesihatan harus diperbetulkan. Ada yang berfikir hidup masih terlalu muda dan ada yang...

## ■1830

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, ini peringkat Jawatankuasa.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya. Ada yang berfikir makanan tidak menentukan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bunga-bunga tak payah. Tak perlu panjang-panjang.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bunga-bunga tak payah panjang-panjang.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Baik Tuan Pengerusi. Jadi hidup kita untuk apa? Untuk makan atau makan untuk hidup? Walau bagaimanapun, statistik menunjukkan kebimbangan kerana kajian keempat dalam kajian kesihatan dan mortaliti 2011 menunjukkan peningkatan penyakit yang tidak berjangkit. NCD, 2.5 juta rakyat obes hari ini. Tiga kali ganda peningkatan daripada 1996 kepada 2011. Hari ini terdapat 2.6 juta orang mengidap penyakit kencing manis dan lebih daripada 5 juta orang mengidap penyakit darah tinggi.

Penyakit-penyakit ini boleh membawa kepada komplikasi, strok dan sebagainya. Statistik kanser juga meningkat dan lima *leading* kanser di Malaysia ini terutamanya kanser payudara, kanser *colorectal* dan kanser paru-paru yang banyak juga menyebabkan kematian di hospital-hospital kerajaan. Jadi, kita bimbang kerana manfaat transformasi ekonomi iaitu kesejahteraan hidup, *happiness index* mungkin tidak akan tercapai. Jadi, kos rawatan yang tinggi boleh menyebabkan kesengsaraan. Di mana silapnya...

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Tuan Pengerusi. Boleh celah?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sik.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Kalau kita lihat peruntukan yang telah diperuntukkan kepada Kementerian Kesihatan iaitu kepada rawatan perubatan, farmasi dan bekalan, maksudnya membeli ubat dan rawatan bagi orang yang telah sakit atau mendapat kemalangan begitu besar sekali. Kita dengar tadi dan kita semua percaya bahawa *prevention is better than cure*. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Apakah Bagan Serai setuju bahawa sepatutnya peruntukan diberi lebih besar lagi untuk kita mengadakan aktiviti dan juga peruntukan untuk perbelanjaan pencegahan? Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya setuju dengan Sik. Boleh masukkan dalam ucapan saya. Tujuan saya nak mengatakan bahawa lebih mudah kita mencegah. Perbelanjaan yang digunakan untuk mencegah jauh lebih kurang daripada perbelanjaan yang digunakan untuk merawat. Jadi, tadi saya ulang di mana silapnya? Hari ini hospital banyak, doktor banyak, doktor pakar pun banyak. Hospital tumbuh macam cendawan hari ini tetapi statistik NCD meningkat. Ini serius. Saya rasa kerajaan patut bertindak dengan lebih agresif dan memberi lebih

komitmen supaya jangka hayat manusia dapat dipanjangkan untuk mendatangkan produktiviti yang baik kepada Malaysia.

Jadi, saya ingin memberi cadangan pencegahan lebih baik daripada merawat, apa kata kalau kita memberikan insentif untuk *good deeds*, dengan izin, dengan perangai-perangai baik. Umpamanya, insentif pengecualian cukai untuk orang-orang yang memberi alat-alat kesihatan, untuk rakyat yang membuat pemeriksaan saringan kesihatan. Untuk mereka yang pergi menghadiri bengkel dan kursus-kursus dan juga ceramah dan untuk mereka yang sentiasa pergi ke gim dan melakukan senaman kerana rakyat yang sihat akan memberikan produktiviti yang tinggi kepada negara dan akan mengurangkan subsidi untuk kesihatan. Jadi, apa kata *good deeds* ini diterapkan dalam...

Satu perkara lagi Program Transformasi Ekonomi (ETP) ini akan memberikan peningkatan pendapatan yang mana sedikit sebanyak akan merubah kehidupan. Ini pun kalau tak dibendung akan menyebabkan peningkatan penyakit NCD. Jadi jangka panjang, kita sedang menghala kepada Malaysia negara maju, tujuh tahun dari sekarang. Kalau dibiarkan peratus NCD begini, maka kita bimbang *happiness index* atau kesejahteraan hidup tidak dapat dicapai. Hari ini setiap minit ada orang meninggal, setiap minit ada orang masuk hospital. NCD sebagai *silent killer* atau pembunuh senyap sedang berleluasa. Jadi, saya kira kita harus lebih serius dalam perjuangan untuk menjaga kesihatan dan dengan usaha macam ini kita dapat kurangkan statistik NCD dan kita tidak menjadi satu statistik untuk NCD.

Tuan Pengerusi, saya ingin ulang sekali lagi kesihatan adalah harta. Ada kesihatan, kita ada segala. Hilang kesihatan, kita hilang segala-galanya. Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Sebelah Yang Berhormat Bakri. Belakang sekali, Yang Berhormat sebelah Bakri. Pakai kopiah. Sila, sila.

**6.35 ptg.**

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi, kesihatan adalah segalanya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Saya bercakap mengenai...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa ya?

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Pengkalan Chepa. Bajet tambahan adalah perkara biasa tetapi tambahan yang keterlaluan atau yang tinggi akan mencerminkan beberapa perkara. Pertamanya, boleh jadi perancangan awal yang tidak berapa tepat, boleh jadi peningkatan pesakit yang terlalu mendadak. Boleh jadi kerana kos ubatan yang tinggi ataupun boleh jadi

pengurusan kewangan yang tidak berapa cermat. Itu antara perkara yang menyebabkan kita meningkatkan bajet tambahan.

Saya tertarik untuk berbincang soal ubatan. Ada satu perkara yang berlaku dalam konsep pembelian ubat iaitu konsesi. Konsesi yang diberi oleh Kementerian Kesihatan kepada sebuah anak Syarikat UEM yakni Pharmaniaga yang menyebabkan harganya terlalu tinggi kalau nak dibandingkan dengan pembelian yang di luar. Dilaporkan juga bahawa ubat yang dibekalkan adalah kurang dari sudut kualitinya. Syarikat ini telah diberi konsesi selama 20 tahun dan disambung pula pada tahun 2011, sepuluh tahun akan datang. Saya rasa ini merugikan kerajaan dari sudut harga ubat dan juga dari sudut kualiti ubat itu sendiri.

Jadi, saya rasa kementerian seharusnya mengkaji tatacara pembelian ubat ini kerana saya difahamkan juga bahawa bajet untuk kesihatan ini adalah kecil. Saya rasa bajet ini hanya 4.8% daripada GDP. Dalam konsep yang kecil ini, sekiranya pengurusan kewangan ini tidak diteliti dengan betul, maka ia akan merugikan kerajaan. Itu satu.

Kedua, sekiranya ia berlaku kerana peningkatan pesakit yang mendadak. Ini membawa erti atau mencerminkan bahawa program pencegahan penyakit adalah tidak berkesan ataupun kita tidak melaksanakan dengan betul. Saya melihat program pencegahan yang dilakukan oleh pihak kerajaan atau kementerian akhir-akhir ini seolah-olah tidak bermaya dan seolah-olah tidak dilakukan. Kalau kita lihat program, kempen-kempen kepada pemakanan yang tidak sihat jauh lebih hebat di kaca-kaca TV dan di media-media berbanding dengan kempen untuk pencegahan penyakit. Oleh kerana itu kita lihat saban tahun penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis, darah tinggi, obesiti, *hyper cholesterol* dan semuanya meningkat begitu ketara. Saya rasa ini juga ada kaitan dengan bajet yang kecil itu, menyebabkan motivasi pihak *preventive medicine*, dengan izin, tidak dapat melaksanakan kempen-kempen pencegahan dengan lebih baik.

Seterusnya, saya melihat kos ubatan tadi. Kos ubatan yang semakin hari semakin meningkat. Jadi, saya mohon kepada kementerian untuk meneliti balik bajet kepada kementerian ini ke satu angka yang lebih munasabah untuk menghasilkan khidmat kesihatan yang baik kerana kesihatan fizikal dan mental yang baik adalah punca kepada produktiviti negara. Itu satu.

Seterusnya, kalau kita lihat pembangunan infrastruktur kesihatan juga terkebelakang kalau kita nak bandingkan dengan pertambahan populasi penduduk. Banyak hospital-hospital yang diluluskan di peringkat kerajaan tetapi tidak mampu untuk dilaksanakan juga kerana bajet yang kecil. Saya rasa itu sahaja cadangan daripada saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit Sulong.

■1840

6.40 ptg.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh maksud B.42 bagi Butiran 030000. Seperti juga tadi saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat Pengkalan Chepa nyatakan.



Antara lainnya, kita melihat ada penambahan RM294 juta yang digunakan untuk menampung kekurangan bekalan ubat dan lain-lainnya. Saya hendak tanya daripada pihak kementerian terutamanya daripada pihak Yang Berhormat Menteri yang berada dengan kita dalam Dewan ini. Daripada jumlah penambahan ini, adakah ianya disebabkan oleh kos bekalan ubat itu sendiri ataupun adakah ianya disebabkan oleh penambahan pesakit-pesakit sehingga menyebabkan perlunya kementerian untuk memohon penambahan sebanyak RM294 juta ini?

Yang keduanya pula, saya ingin memohon juga daripada kementerian. Mungkin kementerian atau Yang Berhormat Menteri boleh menyatakan atau menyenaraikan senarai penyakit-penyakit yang paling popular di Malaysia yang apabila pergi ke hospital mungkin pertamanya disebabkan oleh kencing manis kah, yang lain kah? Mungkin Yang Berhormat boleh berkongsi juga dengan kita di dalam Dewan ini ataupun disebabkan oleh kolesterol kah? Yang ketiganya, Yang Berhormat Menteri dan juga Tuan Pengerusi yang berada di hadapan saya tidak juga saya lupakan.

Saya juga hendak tahu, apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak kementerian dalam usaha untuk memastikan bahawa kekurangan ini tidak lagi berlaku di masa akan datang. Saya juga bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa tadi. Program-program ataupun apa juga aktiviti yang dilakukan oleh kementerian di peringkat akar umbi seperti 'Program Chombies' sebagai contohnya kurang menarik minat orang ramai.

Saya melihat program seperti ini kurang diketahui. Ia hanya dimaklumkan kepada orang ramai apabila pusat kesihatan tersebut datang dan *diapproach*, dengan izin, kepada penduduk kampung, barulah diketahui mengenai adanya program-program seperti ini. Jadinya saya harap Yang Berhormat Menteri juga boleh berkongsi dengan kita, apakah langkah-langkah pencegahan penyakit-penyakit tidak berjangkit ini dapat kita kurangkan. Terima kasih banyak-banyak Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Alor Setar.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *There is no* Yang Berhormat Alor Setar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Kedah, *sorry* Yang Berhormat Kuala Kedah.

**6.43 ptg.**

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin pergi terus kepada poin kerana saya rasa banyak wang dibelanjakan kepada Kementerian Kesihatan walaupun disebut tadi masih kurang. Akan tetapi, sebenarnya RM18 - RM19 bilion tahun lepas dan ditambah lagi.

Dalam bajet tambahan ini kebanyakannya untuk membeli ubat. Kalau kita terus membeli ubat, tidak mencegah, itu tidak akan selesai. Saya rasa pencegahan, kita tersilap pada beberapa

perkara. Pencegahan yang paling penting ialah pemakanan. Kalau mengikut pendapat pakar, NCD *diabetes, obesity*, sakit jantung ini 70% hingga 80% kerana pemakanan. Apa yang salah kepada pemakanan? Kita salah kerana sebelum ini tidak faham kepentingan zat lemak, *the important of fats*, dengan izin. Kita mencadangkan kepada rakyat, mencadangkan supaya tidak ambil lemak sedangkan sains yang kita faham sekarang ialah dengan izin, *you eat fat, you become slim. You avoid fat, you become fat*. Itu lebih kurang, *paradox, paradox* dan disebut *American paradox*. Orang Amerika berdiet, kurangkan *fats* sampai 11% daripada tahun 1976 hingga tahun 1980 tetapi obesiti naik.

Ini kerana bila kita makan karbohidrat banyak, kita makan benda-benda lain yang *low fat, non fat*, kita lapar dan *overeating, partly* lah. *Fats* itu diperlukan untuk pelbagai fungsi badan, kesihatan dan lagi yang kita selama ini tidak faham. Jadi apa yang saya hendak sebut di sini ialah, kerana *fats* itu penting kerana ia membentuk membran sel dan membran sel menentukan metabolisme. Metabolisme menentukan kita kena diabetes, sakit jantung, darah tinggi, obesiti dan lain-lain lagi. Itu kita silap.

Salah satu lemak yang tidak sihat, itu lemak yang sihat. Lemak tradisional, minyak sapi, minyak kelapa, minyak kelapa sawit, itu sihat. Kita harus balik kepada makan tradisional. Soalan saya ialah tentang minyak *trans*, lemak *trans*. Saya diberi jawapan yang saya hendak ulas sedikit. Jawapan yang diberikan kepada saya memang lemak *trans* salah satu faktor yang menyebabkan penyakit *cardiovascular*, penyakit yang disebut NCD tadi. Akan tetapi bukan satu sahaja faktor. Saya bersetuju memang itu benar. Akan tetapi, apa salahnya kita hapuskan lemak *trans* kerana kita akan mengurangkan salah satu faktor utama pada saya dalam masyarakat kita yang menyebabkan sakit *cardiovascular*.

Lemak *trans* memang disebut oleh jawapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Peraturannya ialah lemak *trans* haruslah dilabelkan. Akan tetapi, saya hendak tanya bahawa saya hendak tarik perhatian Dewan bahawa kuih raya misalnya, kuih raya, kek raya menggunakan bertan-tan marjerin lemak *trans* tiada siapa pun label.

Pada perayaan Hari Raya Aidil Fitri yang lepas, beberapa tan telah dimakan oleh rakyat Malaysia, itu yang akan membawa obesiti, diabetes, sakit jantung, strok dan lain-lain lagi. Itu tidak pernah dilabel. Kalau kita masuk ke mana-mana *bakery*, kedai yang menjual roti atau yang menyediakan roti, memasak roti, kuih-kuih semuanya menggunakan hampir semua di Malaysia menggunakan *partially hydrogenated vegetable shortening*, dengan izin, dan itu lemak *trans*. Kalau kita harap...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat, saya hendak tumpang tanya boleh tidak? Sebab tadi Yang Berhormat di cerita pasal kuih raya, pasal kuih raya. Itu hendak tanya itu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tauke kuih raya ini, tauke kuih raya.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat, banyak kawasan Parlimen Parit Sulong, itu PKS paling banyak termasuklah kuih-kuih raya. Jadi, banyak gula yang telah digunakan. Mungkin Yang Berhormat boleh memberi cadangan juga, *instead* ataupun daripada kita menggunakan gula, apakah gula-gula lain ataupun cara lain yang boleh digunakan? Sebab dulu saya pernah tanya ada satu soalan mengenai penggunaan *stevia* dan pada masa itu Yang Berhormat Menteri lain yang menjawab. Akan tetapi, apa pendapat Yang Berhormat mengenai perkara ini? Terima kasih.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Saya buat seterus kepada *point*. Jadi, kalau boleh saya hendak habiskan ucapan tetapi saya boleh respons. Yang menyebabkan kuih raya yang tidak sihat, satu lemak *trans* marjerin yang digunakan meluas, kedua gula. Itu diketahui. Gula yang lebih sihat adalah gula tradisional. Gula tidak boleh terlalu banyak. Julatnya sangat sedikit pada badan kita tetapi *refined sugar*, gula putih itu tidak sihat. Jadi gula-gula lain boleh dicubakan.

Akan tetapi dalam masa yang sama, kalau kita tinjau negara seperti Thailand, mereka tidak ada tradisi kuih raya. Mungkin itu satu sebab kenapa kita mengatasi Thailand tentang penyakit NCD tadi. Akan tetapi lemak *trans* ini, pengharaman lemak *trans* telah dicuba di beberapa negara. California, Denmark, Austria, Holland dengan hasil yang memuaskan, hasil yang baik. Mereka dapat mengurangkan satu faktor yang menyebabkan penyakit *cardiovascular* dengan kos yang minimum. Yang berlaku di sana bila diharamkan, makanan segera juga menjadi sihat kerana tidak lagi menggunakan marjerin dan lemak *trans*.

Sekarang, roti digunakan sangat meluas. *Bakery* menyediakan pelbagai jenis produk untuk sarapan pagi misalnya tanpa diketahui oleh rakyat bahawa itu lemak *trans*. Kalau kita haramkan, barulah perkara ini boleh berubah. Jadi, saya rasa seperti juga kita *approach* dengan izin, saya ingin pendekatan kita terhadap menghapuskan penagihan dadah, kita lakukan 'A', kita kurangkan 10%, 'B' kurangkan 5%, 'C' kurangkan 15%. Dengan cara itu, baru kita boleh kurangkan.

Ini kerana pada tahun 2010 sahaja 35,000 orang Malaysia mati sakit jantung dan strok. *Last point*, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, kerana beliau baru ini berucap dan mengatakan salah satu punca disebut kita kena penyakit NCD ialah gula. Sebelum itu ada pegawai tinggi Kementerian Kesihatan yang menyebut tentang lemak menyebabkan diabetes. Makan lemak di waktu malam menyebabkan diabetes, ini semua tidak betul.

Jadi, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan kerana beliau telah merubah paradigma Kementerian Kesihatan. Gula lebih berbahaya. Secara ringkas, ketidakseimbangan omega, lemak *trans* tadi, omega 6, gula dan juga *refined carbohydrates*, dengan izin, dan juga bahan kimia dalam makanan. Ini semua terdapat dalam makanan proses. Makanan yang dikeluarkan dari kilang yang kita buka dan makan. Cara yang sebenar ialah Kementerian Kesihatan harus membuatkan kempen agresif di semua peringkat kembali kepada makanan tradisional, meninggalkan makanan proses. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat ya, kita seronok mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Kuala Kedah. Cuma saya

nasihatkan kepada Yang Berhormat sekalian, rujuklah kepada butiran kita mengenai perbekalan [Ketawa] Ini perbekalan tambahan ini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kena ikut butiran ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Lenggong.

■1850

6.50 ptg.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud B.42 Kementerian Kesihatan, saya juga ingin terlibat untuk berucap. Terima kasih. Semua bayi yang menjadi warganegara dilahirkan di negara kita diberi imunisasi secara percuma di semua klinik-klinik di bawah Kementerian Kesihatan. Program ini disediakan oleh Kementerian Kesihatan adalah berpandukan kepada perluasan program Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan diberi percuma kepada bayi dan kanak-kanak. Contohnya...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Butiran berapa Yang Berhormat Lenggong. Butiran berapa?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** 030000.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Pengerusi ini betul-betullah [Ketawa] Contohnya, vaksin BCG. Semasa lahir dan juga vaksin Hepatitis B ditawarkan secara rutin kepada setiap bayi sebagai sebahagian daripada program vaksin pra sekolah serta terbaru sehingga umur 13 tahun untuk remaja perempuan. Vaksin ini disyorkan adalah untuk sebelas penyakit berjangkit. Contohnya, campak, beguk, polio, rubela, batuk dan HPV. Vaksin imunisasi ini adalah cara yang paling efektif untuk melindungi kanak-kanak daripada jangkitan penyakit yang boleh membawa kepada kematian dan merupakan satu perkara yang amat penting kerana ia dapat melindungi bayi atau kanak-kanak daripada beberapa penyakit tertentu dengan mudah dan selamat dan berkesan.

ia juga sebenarnya kita tahu, ia boleh membentuk antibodi yang boleh membina daya tahan kepada badan kita. Tuan Pengerusi fahamkah ini?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Itulah saya tengah meneliti, mendengar dengan teliti. Tidak sangka Yang Berhormat Lenggong boleh memahami.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dulu kecil-kecil hendak jadi doktor.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sejak jadi Pengerusi PTPTN.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tapi tidak jadi. Cita-cita tidak jadi. Sekarang hendak cakap macam doktor lah ini [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya, sila.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Namun hingga ke hari ini, ramai ibu bapa, ini persoalan dia. Ramai ibu bapa mengelak daripada memberi suntikan ini kepada anak-

anak mereka atas pelbagai alasanlah. Termasuk isu yang mengatakan bahawa vaksin ini tidak halal. Ini persoalan dia. Ia menyebabkan orang Islam terutamanya tidak mahu mengambil suntikan yang cukup penting ini kerana isunya ialah tidak halal. Manakala bagi setengah kawasan luar bandar macam di Kuala Krau, jauh, jalan tidak ada, kan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Nombor berapa, nombor.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jauh dari klinik kesihatan dan sebagainya...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Nombor, nombor, nombor berapa?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Nombor dua.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Nombor dua.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Nombor dua, jangan lupa ya. Persoalannya, tentu apabila ibu bapa atau kanak-kanak ini tidak diberi suntikan yang saya sebutkan tadi, ia memberi kesan kepada kesihatan dalam jangka panjang. Saya percaya kalau mungkinlah kalau kita lihat berlaku penyakit-penyakit yang hari ini kita lihat tidak pernah berlaku, berlaku, mungkinkah ada kesan daripada tidaknya mereka mengambil suntikan-suntikan sedemikian rupa.

Oleh itu, saya hendak dapat pandangan kementerian, apakah tindakan pihak kementerian bagi menangani ibu bapa yang menolak dan mengelak daripada anak mereka mengambil suntikan ini. Kemudian apakah kerajaan, oleh kerana perkara ini penting, bila suntikan tidak diambil, bila dewasa nanti dia terlibat dengan pelbagai penyakit, mungkin menambahkan perbelanjaan kerajaan. Apakah ada usaha daripada pihak kementerian untuk mewajibkannya.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sama ada menguatkuasakan undang-undang yang memestikan anak-anak ini mengambil suntikan-suntikan demikian. Jadi, itu satu. Saya mahu lihat juga apakah, sejauh manakah kesungguhan kementerian dalam mengeluarkan duit simpanan...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Raja, doktor, hendak bertanya Yang Berhormat Lenggong.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Sebab saya hendak tumpang...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jangan tanya, saya tidak pandai jawab ni.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tidak, saya hendak tumpang masukkan soalan ini bersama dengan Yang Berhormat kerana Yang Berhormat menyebut tadi tentang suntikan yang ada ibu bapa yang enggan mengambil suntikan imunisasi. Sedar kah Yang Berhormat sekarang ini ada banyak berita yang mengatakan bahawa imunisasi ini mengakibatkan satu komplikasi iaitu autisme. Sampai hari ini saya belum lagi melihat atau mendapat melihat

kenyataan daripada kementerian, *but message* ini sekarang ini menyebabkan beberapa, ramai juga, semakin ramai ibu bapa yang enggan mengambil imunisasi anak mereka. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih. Pertama kalilah ucapan, dalam ucapan saya dan diharap Menteri menjawab. Cuma yang saya hendak sambungkan tadi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gerik, belakang.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Apakah kesungguhan kerajaan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak boleh lawan ini, cikgu, cikgu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Saya hendak minta pandangan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Saya tidak reti hendak sebutlah, vaksin kah apa benda kan tetapi masyarakat hari ini banyak kena gout.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Ketawa]* Dalam Dewan ini pun ramai kena gout.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Banyak kena gout dan juga kena darah tinggi. Setakat ini kebanyakan yang kena gout dok beli ubat tahan sakit. Apakah tidak ada cadangan kementerian merekomenkan kepada rakyat untuk cari satu benda. Kalau tidak nanti, kalau makan ubat tahan sakit itu, ia akan mengakibatkan sakit buah pinggang pula. Minta pandangan Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jadi, masukkan dalam ucapan saya, nanti kementerian jawab ya. Cuma...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ada lagi? Sila, sila.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Lenggong, pendek sahaja. Memandangkan vaksin, ubat *consumables* nampaknya satu item yang mahal. Tambahan pun RM224 juta, saya yakin mungkin angka sebenarnya jauh lebih besar daripada itu selain daripada tambahan ini. Jadi, saya hendak tanya, kalau tidak pun mungkin dalam bentuk bertulis.

Bagaimanakah kita mengawal, prosedur mengawal untuk ubat-ubatan ini? Ini kerana saya lihat di hospital contoh, bila kita datang ambil, kita tidak ada bayar apa-apa tapi ubat-ubat ini

sebenarnya mahal. Jadi, saya hendak tahu apakah langkah-langkah yang dibuat oleh kementerian untuk memastikan bahawa tiada ketirisan ataupun pengurusan yang baik tentang penilaian perubatan ini

Dan keduanya, saya hendak sentuh sikit pasal doktor tadi daripada Kuala Kedah, bagus itu. Cuma adakah itu satu cadangan supaya subsidi gula ditarik. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian kena bagi laluan. Musim-musim ini kena bagi semua. Kalau tidak rugi walaupun nombor dua.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cuma Yang Berhormat Lenggong...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Cuma saya ingat ucapan ini masuk sini, *last* sekali Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya tadi, sejauh mana kesungguhan kementerian. Oleh kerana isu-isu yang dibangkitkan tadi berkaitan dengan halal, tidak halal vaksin tersebut dan juga isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Raja tadi. Apakah pihak kementerian lakukan dan sebagaimana yang diuar-uarkan dalam Konvensyen Perubatan Islam dan isu-isu *fiqh* perubatan peringkat kebangsaan yang dibuat di Pulau Pinang baru-baru ini. Apakah yang telah diambil oleh pihak kementerian dalam perkara ini kerana ini cukup penting.

Dan berapakah jumlah kelahiran setiap hari dan apakah langkah-langkah kementerian bagi memastikan anak yang dilahirkan ini, terutama sekali di luar bandar, mengambil suntikan-suntikan yang cukup penting sebagaimana saya sebutkan tadi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Terima kasih. Tiga, Yang Berhormat Bakri, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Kuala Nerus, lima. Saya bagi lima minit ya. Kalau boleh kurang, kurang lagi, lepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila daripada hujung sana, Yang Berhormat Bakri. Lepas Yang Berhormat Bakri, Yang Berhormat Kapar, lepas Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Sungai Siput. Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Sungai Petani, okey Menteri jawab. Sila Yang Berhormat Bakri.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang kepada Yang Berhormat Bakri. Di sini saya hendak Maksud B.42 - Kementerian Kesihatan, Butiran 032200 - Farmasi dan Bekalan.

Saya ingin memohon penjelasan Menteri untuk menyenaraikan jumlah hospital dan klinik kesihatan yang mengalami kekurangan bekalan ubat *consumables* dan vaksin. Senaraikan juga jumlah bekalan ubat *consumables* dan vaksin yang kerap dihantar kepada hospital dan klinik kesihatan terlibat serta jenis-jenis ubat *consumables* dan vaksin yang mengalami kekurangan.

Senaraikan syarikat pembekal yang memperoleh tender dan nilai sebut harga serta nilai tender mengikut syarikat. Senaraikan jenis-jenis dan jumlah ubat *consumables* dan vaksin tempatan dan diimport dari negara luar. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Yang Berhormat Kapar. Dua minit sahaja Yang Berhormat Bakri. Terima kasih.

■1900

7.00 mlm.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan peruntukan tambahan sebanyak RM300 juta untuk Kementerian Kesihatan. Saya setuju sebagai negara yang maju, selain daripada makanan, pakaian dan tempat tinggal, pendidikan dan kesihatan juga amatlah penting.

Jadi, saya bersetuju dengan peruntukan yang diminta tetapi, adakah ini mencerminkan desakan pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional untuk menampung kekurangan ini atau kegagalan mereka untuk membuat perancangan awal apabila membuat pembentangan pada kali pertama. Sebagai contoh, hampir RM6 juta diperuntukkan untuk menampung kekurangan bekalan pakaian seragam.

Sebenarnya, yang ini perlu diselaraskan dan diselenggarakan dalam belanjawan awal. Disebabkan ada permintaan tambahan ini, untuk siapa pakaian seragam ini perlu dibekalkan? Berapa banyak yang telah diperuntukkan?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Butiran berapa ini?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Butiran...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita sekarang ini B.42 - Kementerian Kesihatan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Butiran 010100.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi hendak uji saya kah? Sempat saya *check* tadi. *So*, saya perlu tahu untuk siapa dan berapa banyak ia dibekalkan, konsesi kontrak ini diberikan kepada siapa dan sebagainya? Perkara kedua, sebelum Tuan Pengerusi tanya, biar saya sebut. Sekarang saya masuk ke Butiran 032200.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, yang itu yang sepatutnya. Sebut dahulu butiran.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Itu pun penting. RM5 juta. RM5 juta itu. Ini lagi tinggi, yang ini hampir RM295 juta. Tuan Pengerusi, menurut kaji selidik kesihatan dan mobiliti nasional pada tahun 2012, kira-kira 2.6 juta penduduk Malaysia mengidap diabetes atau kencing manis. Data ini menunjukkan bilangan pesakit diabetes dalam negara ini telah meningkat sebanyak 31% dalam lima tahun berbanding dengan peningkatan 11.6% pada tahun 2006 bagi setiap orang dewasa Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas.

Pada Persidangan Diabetes Kebangsaan Keempat yang diadakan pada 14 Jun 2013 tahun ini dianggarkan bahawa kira-kira 3.6 juta orang dewasa bakal mengidap penyakit diabetes.



Selain daripada penyakit diabetes, masyarakat Malaysia juga banyak terbelenggu dengan penyakit darah tinggi.

Menurut Pengerusi Persatuan Hipertensi Malaysia, kajian menunjukkan bahawa negara ini telah mencatat seramai 4.8 juta penghidap hipertensi atau tekanan darah tinggi dan lebih 50% rakyat Malaysia berumur 40 tahun ke atas dijangka mengidap penyakit darah tinggi menjelang 2025. Maka dalam soalan mengenai bekalan ubat, adakah Kementerian Kesihatan sepatutnya menumpukan perhatian terhadap jenis penyakit yang tidak kelihatan kronik, tetapi mempunyai pesakit yang berjumlah besar kerana ia sememangnya membawa impak yang besar terhadap masyarakat umum dan kesihatan mereka.

Selain daripada isu masalah bekalan ubat, masalah kekurangan bahan-bahan makmal juga menjadi isu sekarang. Saya ingin menekankan termasuk bahan makmal untuk membuat ujian darah. Adakah bahan makmal ini juga termasuk dalam peruntukan tambahan ini untuk menampung kekurangan tersebut? Selain daripada itu, saya juga ingin mendapatkan penjelasan kementerian terhadap isu yang mengatakan bahawa terdapat rancangan atau pelan untuk memotong gaji tambahan doktor-doktor dan staf sokongan di hospital dan klinik kesihatan. Adakah ini benar berbanding dengan peruntukan tambahan ini?

Terakhir sekali, sebab saya tidak hendak ambil banyak masa Tuan Pengerusi, selain daripada barang-barang yang naik harga, bekalan ubat pun naik harga terutamanya yang membebaskan pesakit-pesakit kanser. Memandangkan pesakit kanser memerlukan rawatan dan pembedahan yang berkos tinggi, yang ini menyebabkan rakyat terbeban dengan bukan sahaja rawatan, tetapi juga dengan bekalan ubat yang nilainya terlalu tinggi.

Saya ingin memetik satu contoh, seorang adik bernama Syarifah Noraimisyah Zulaika berumur 11 tahun merana dengan barah tulang baru-baru ini. Apakah pendekatan kerajaan untuk membantu golongan miskin, golongan yang tidak berpendapatan tinggi dalam situasi-situasi untuk menampung kos perubatan yang agak tinggi kini. Terima kasih Tuan Pengerusi. Salam reformasi

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih, Yang Berhormat Sungai Siput. Sempat lagi Yang Berhormat Kapar ini. Sila.

#### 7.05 mlm.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak fokus pada Maksud B.42, 032200 – Farmasi dan Bekalan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Satu ialah kapasiti kita untuk menilai ubat-ubat generik kerana ubat generik jauh lebih murah daripada ubat jenama. So, ini boleh kurangkan kos kita. Akan tetapi kualiti adalah isu yang amat penting. Walaupun kita beli ubat yang murah, tetapi ia mesti berkesan. Saya mahu tanya, macam mana kapasiti kita untuk menilai ubat-ubat ini? Adakah bila kita swastakan GMC iaitu *General Medical Store* kepada Remedi 20 tahun

lalu, adakah kita swastakan kapasiti kita juga untuk membuat penilaian-penilaian macam ini. Ini kerana bila kita hendak bawa ubat yang murah, kita kena *check* dahulu keberkesanan ubat ini.

Perkara yang sama, saya mahu tahu apakah pendirian Kementerian Kesihatan berkenaan dengan konsep *data exclusively* yang sedang di bawa oleh Amerika Syarikat dalam TPPA di mana konsep ini mengatakan apa-apa fakta, apa-apa data berkenaan dengan ubat itu adalah hak milik intelek syarikat jenama itu, *innovator company*. So, biasanya kita ada tempoh masa itu 20 tahun. Selepas habis tempoh masa, kita boleh bawa masuk ubat generik.

Akan tetapi sekarang, jika data eksklusif ini disetujui, ditandatangani, adakah ini membawa masalah untuk kita mendaftarkan ubat-ubat generik yang baru kerana fakta itu, data itu telah jadi hak milik syarikat jenama. So, ini mungkin akan melambatkan pendaftaran ubat generik yang baru. So, adakah kementerian buat satu kajian berkenaan dengan apakah implikasi kos kepada kita. Katakan TPPA dengan data eksklusif dimeterai, apakah dia punya impak dari segi bajet kita? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Nerus. Selepas Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Sungai Petani. Selepas itu, Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### 7.07 mlm.

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Baik, terima kasih pada Tuan Pengerusi. Saya hendak rujuk kepada Butiran 010000 berkaitan dengan pengurusan ibu pejabat atau negeri Kementerian Kesihatan. Barangkali, merujuk kepada pengurusan ibu pejabat tetapi saya hendak pergi lebih jauh untuk melihat tentang suasana hospital atau wad yang kadang-kadang suasana Dewan itu sendiri tidak membantu untuk pesakit menjadi lebih sihat, suasana untuk lebih sakit.

Saya rasa sampai masanya kita untuk ubah sedikit suasana wad ini untuk lebih bersifat *garden* yang menggembirakan para pesakit dalam wad. Ini kerana kalau kita ambil konsep dalam Islam pun, kenapa diletakkan kaedah... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Senyum itu sedekah kerana konsepnya terapi jiwa. Terapi jiwa itulah yang memberikan kesembuhan kepada para pesakit, bukannya hanya bergantung kepada ubat. Maka bagi saya membentuk suasana di hospital itu untuk mesra, menggembirakan para pesakit itu adalah sebahagian perkara yang besar dalam pengurusan kesihatan. Itu yang pertama.

Kedua, kempen senyum sedekah. Walaupun saya rasa memang warga kerja di Kementerian Kesihatan ini memang kita sanjung kehebatan mereka boleh jaga pesakit, tetapi saya rasa kita masih lagi boleh tingkatkan kualiti warga kerja Kementerian Kesihatan untuk mengamalkan konsep... [*Bercakap dalam bahasan Arab*] Senyum ini sedekah. Ini kerana apabila warga kerja ini kurang senyumnya, bukan semua tempat. Kadang-kadang ada sesetengah tempat yang saya sendiri ada pengalaman peribadi buat lawatan, senyumnya tidak berapa hendak ada. Bila tidak ada senyum, yang itulah menyakitkan jiwa orang-orang yang sakit dan juga orang yang

melawat orang-orang yang sakit. Jadi, saya rasa kena ada peruntukan itu untuk jadikan kempen besar besaran. Walaupun sudah baik, ditambah baik lagi untuk peringkat hospital.

Kemudian yang ketiga isu pegawai agama di hospital. Adakah masuk di bawah bajet pengurusan ibu pejabat? Ini kerana saya dapat makluman ada tempat yang ada pegawai agama, ada yang tidak ada. Peruntukan di bawah siapa? Di bawah persatuan kebajikan kah atau macam mana? Ini kerana bagi saya, isu agama di hospital ini penting kerana melibatkan pada pesakit yang mereka ada di hujung usia, di usia yang tua. Sakit tetapi tidak solat, sakit tetapi tidak sembahyang. Sakit, mereka tidak mampu jaga aurat yang patut jaga aurat.

#### ■1910

Maka perlu ada seorang pegawai agama atau dua ataupun tiga yang boleh pantau, beri pandangan, bagi nasihat supaya mereka ini kalau dia mati pun dia mati dalam keadaan dia melakukan amalan yang soleh, tidak tinggal perkara yang wajib melibatkan solat. Ini perkara besar. Bagi saya kesedaran perlu diberikan dan mesti dimasukkan di bawah bajet melibatkan pengurusan hospital.

Kemudian saya hendak rujuk kepada 030000 – Farmasi. Soalan saya adakah kementerian masukkan juga sebahagian ubatan herba yang telah ada *deal* dengan Kementerian Kesihatan. Saya tidak merujuk kepada herba-herba yang belum diiktiraf yang belum dikaji. Yang sudah dikaji sejauh mana perubatan herba ini juga masuk dalam senarai farmasi sebab walaupun kita mungkin tidak ada kajian klinikal yang betul-betul kukuh di peringkat Malaysia kita tetapi bukti dan pengalaman semasa mereka yang mengamalkan herba-herba yang mampu merawat sesuatu yang mungkin tidak mampu dibantu oleh ubat-ubat yang lain.

Maka saya rasa kerajaan lebih serius dalam keadaan kita telah ada satu deal yang baik antara Kementerian Kesihatan dengan beberapa persatuan perubatan tradisional hingga ada akta yang berkaitan. Kalau kita tengok di luar, negara Arab sebagai contoh kajian berkaitan herba ini telah di klinik kan telah dikaji begitu meluas di peringkat negara Arab. *So*, kita kena ambil pengalaman mereka. Soalan saya ialah sejauh mana perubatan herba itu mendapat tempat di bawah senarai farmasi tadi.

Yang terakhir isu perbekalan yang dalam syarahan di belakang disebut tentang pakaian seragam. Soalan saya sejauh mana kementerian prihatin untuk pakaian seragam wanita terutamanya warga kerja wanita Kementerian Kesihatan ini mesra Islam. Hari ini sudah ramai yang pakai tudung, diberi kelonggaran *alhamdulillah* saya ucap tahniah kepada kerajaan tetapi dari sudut pemakaian yang belum lengkap menutup aurat sejauh mana keprihatinan kerajaan paling kurang berikan hak pada warga kerja yang berhasrat dan bersungguh-sungguh untuk menjadi Muslimah yang lengkap pakaiannya juga menjadi sebahagian warga kerja Kementerian Kesihatan menjadi *nurse* dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

**7.12 mlm.**

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma saya hendak masuk kepada Butiran 030000. Saya hendak tanya adakah kerajaan masih tidak cukup bilangan untuk pegawai-pegawai perubatan, pergigian dan farmasi dan undang-undang masih lagi mewajibkan graduan-graduan kita berkhidmat dengan kerajaan khidmat wajib. Jadi soalan saya adakah jumlah kekosongan itu masih jauh berbanding dengan yang sedia ada. Itu yang pertama.

Yang kedua apabila contohnya doktor-doktor gigi yang baru balik dan berkhidmat dengan kerajaan, berkhidmat wajib saya dapati bahawa ada juga di tempat saya khususnya yang mesin-mesin *dental chair* itu yang tidak diselenggarakan. Akibatnya pegawai-pegawai ini balik dan dia terpaksa berebut-rebut dengan pegawai-pegawai lain disebabkan oleh mesin yang tidak diselenggarakan. Kadang-kadang mesin cantik tapi tidak berfungsi.

Jadi saya kira adakah ini melihat kepada peruntukan maknanya kementerian tidak perlu tambahan untuk wang tapi nampaknya kalau tidak diminta banyak juga. Saya tidak tahu tempat lain sebab itu saya hendak tanya adakah selenggaraan mesin *dental chair* itu dibuat secara berkala ataupun apabila rosak sahaja baru minta peruntukan. Jadi takut-takut rosak bulan enam kemudian kalau hendak minta peruntukan bajet tambahan dan sebagainya, maka mungkin akan berlaku di awal tahun sedangkan kalau ianya telah *defector in* mungkin setiap kali rosak penyelenggaraan itu dapat dilakukan dengan tindakan yang pantas.

Akhir sekali Tuan Pengerusi ialah kita hantar banyak pakar kita sama ada pakar perubatan ataupun doktor pergigian. Saya hendak tanya adakah pakar-pakar ini selepas sahaja mereka tamat daripada pengajian, mereka betul-betul ditempatkan di tempat yang betul-betul ditempatkan dengan fasilitet-fasilitet yang sepatutnya mereka ada. Adakah kerajaan mengambil kira ini semua ataupun adakah kerana satu seksyen memberikan biasiswa untuk dia melanjutkan pelajaran hingga menjadi pakar tetapi bila balik di kementerian atau balik di negeri-negeri tidak ada fasilitet untuk dia teruskan kerja-kerja sepatutnya dia kerja sebagai pakar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

**7.15 mlm.**

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan tentang permintaan oleh Kementerian Kesihatan untuk tambahan bajet RM300 juta untuk menunaikan keperluan tambahan bayaran untuk pembelian ubat dan pakaian seragam. Walaupun di dalam perbincangan ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan dasar-dasar lain kementerian, saya akan menumpukan jawapan kepada isu-isu yang berkaitan tentang bajet yang diminta dan untuk isu-isu yang lain kita akan jawab secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Berkenaan dengan pembelian ubat, pembekalan ubat dan proses-proses yang berkaitan dengannya saya mahu menjelaskan kepada Dewan bahawa segala proses yang digunakan ialah melalui sistem perolehan yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan. Walaupun dibekalkan oleh pihak konsesi, proses-prosesnya mempunyai proses yang termasuk pelbagai, termasuk proses-proses tender terbuka, memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat di dalam negara, memberikan keutamaan kepada syarikat-syarikat bumiputera yang telah mengambil bahagian di dalam usaha pembuatan ubat dan banyak perkara yang diambil oleh pihak konsesi untuk memastikan bahawa bekalan ubat mengikut dasar kewangan dan cara Perbendaharaan yang telah ditetapkan untuk pastikan bahawa harganya munasabah dan pihak konsesi mendapat bayaran untuk proses pengurusan mereka yang lebih daripada pembekalan ubat.

Kementerian selalu menjaga untuk pastikan harganya tidak lebih sangat daripada harga pasaran dan sebabnya kita memerlukan bajet tambahan seperti kementerian-kementerian yang lain ada banyak sebab. Salah satu daripadanya ialah daripada awalnya di dalam tiap-tiap bajet walaupun tiap-tiap kementerian minta bajet yang lebih daripada apa yang diberi bila akhirnya kerajaan kekangan bajet yang sedia ada dan yang diluluskan semasa pembentangan bajet adalah satu tahap yang mengambil kira keperluan negara pada keseluruhannya.

Kita cuba dengan bajet yang diluluskan untuk pastikan segala keperluan ini boleh diuruskan dan masa dibuat itu kita menghadapi beberapa isu yang lain seperti kenaikan harga, seperti kenaikan bilangan pesakit walaupun telah dirancang terlebih dahulu tapi yang tidak boleh diramalkan secara betul dan inilah sebab mengapa bajet tambahan diperlukan dan ini untuk menunaikan keperluan asas kepada pesakit-pesakit yang datang ke sistem Kementerian Kesihatan. Seperti Ahli Yang Berhormat maklum yang datang ke Kementerian Kesihatan ialah mereka yang tidak mampu untuk pergi ke sektor swasta dan untuk mereka dengan bayaran RM1 kita memberi ubat. Kadang-kadang beratus-ratus ringgit yang diberi dan dibekalkan kepada pesakit-pesakit kita.

Rakyat Malaysia juga boleh berbangga bahawa kita mungkin salah satu daripada negara di mana kerajaan memberi satu sistem rawatan yang percuma di mana ubat yang diberi ialah ubat-ubat yang mempunyai nilai yang tinggi untuk pelbagai jenis penyakit dan untuk jangka masa yang mencukupi. Sistem rawatan kesihatan kita sampai ke seluruh negara kita walaupun di kawasan-kawasan pedalaman mereka disediakan sistem rawatan yang baik.

Kita mengambil usaha untuk pastikan ubat yang dibekalkan ini ialah ubat yang bermutu. Walaupun diberi tumpuan kepada ubat yang daripada generik tapi sistem pendaftaran ubat generik di dalam Kementerian Kesihatan melalui satu proses yang telah ditetapkan untuk pastikan tiap-tiap ubat yang ditetapkan mempunyai data untuk menunjukkan bahawa syarikat yang menghasilkan atau membekalkan ubat ini mempunyai data yang mencukupi tentang *viability* dan keberkesanan ubat yang apabila digunakan keberkesanannya lebih kurang setaraf dengan *innovative drug*.

## ■1920

Walaupun ada beribu-ribu ubat generik di dalam pasaran tetapi ubat yang diberi peluang untuk didaftarkan di kementerian yang boleh digunakan ialah mempunyai nilai dan mutu yang tinggi. Ada banyak situasi di mana walaupun ada permohonan diterima oleh pihak kementerian...

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** [*Bangun*]

**Timbalan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Temerloh bangun.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Nanti saya habis jawapan. Diterima oleh kementerian tetapi kerana dadah yang diberi kepada kementerian tidak mencukupi untuk menunjukkan bahawa ubat ini mempunyai data yang mencukupi untuk memastikan bahawa bahaya *overlappingnya* ialah selaras dengan ubat *innovator drug*, kita telah tidak memberi kelulusan. Oleh itu proses itu ada untuk memastikan walaupun digunakan ubat generik tetapi ubat yang digunakan ialah ubat yang mempunyai mutu yang tinggi dan boleh memberi kesan yang tinggi.

Tentang perkara pembekalan untuk beli pakaian seragam ini ialah untuk satu kumpulan untuk...

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Yang Berhormat Menteri, sebelum pindah tajuk lain. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat. Selain daripada peruntukan itu untuk menjamin kualiti ubat tetapi apa yang menjadi isu antara yang penting diberikan perhatian ialah soal bekalan ubat yang tidak mencukupi. Sebagai contoh, laporan yang kita terima daripada klinik dan juga hospital kerajaan di Negeri Sembilan yang telah mengalami kehabisan ubat sekurang-kurangnya 30 jenis ubat yang asas dan penting yang melibatkan strok, jantung, buah pinggang, kencing manis, darah tinggi, asma, sawan dan seumpamanya.

Jadi kita tidak boleh terima hakikat ubat tidak cukup sehingga ada klinik terpaksa pinjam daripada klinik yang lain. Pesakit pula sebahagiannya diminta untuk membeli ubat itu di farmasi di luar, tidak dapat dibekalkan hospital. Ada juga pesakit yang terpaksa menunggu berminggu-minggu untuk mengambil insulin dan seumpamanya. Jadi ini tidak dapat kita terima kecuailah negara dalam zon perang. Bagaimana peruntukan itu, adakah sekadar untuk meneliti soal kualiti ubat ataupun ubat itu betul-betul mencukupi?

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Boleh saya sambung sedikit?

**Timbalan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Berkenaan isu yang sama iaitu kualiti ubat. Ini *Bioequivalence* kita sekarang bergantung kepada syarikat generik katakan dia punya *study*. Akan tetapi adakah kita kapasiti untuk *check* dalam *lab* kita sendiri untuk pastikan apa dikatakan itu betul.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Tentang soalan yang ditanya tentang satu ialah kualiti ubat dan pembekalan yang mencukupi. Memang dasar kerajaan untuk pastikan kedua-dua ini boleh dicapai. Pada keseluruhannya, tiap-tiap klinik mempunyai bekalan ubat yang mencukupi

untuk semua penyakit asas. Akan tetapi kalau ada situasi-situasi tertentu di mana satu-satu klinik sudah menghabiskan bekalan yang tersedia ada, ada di dalam sistem *standard operating* untuk pastikan ubat daripada kawasan yang lain boleh dipindah kepada kawasan yang perlu, untuk memastikan kalau boleh pada sepanjang masa di dalam semua klinik dan hospital yang ada, ada bekalan ubat yang mencukupi. Kalau ada kelemahan di dalam proses itu, kita akan mengambil kira perkara ini untuk pastikan bahawa perkara ini tidak berterusan. Ini kerana kerajaan memang mempunyai tanggungjawab yang besar khasnya kumpulan dan golongan yang miskin bahawa mereka perlu mendapat bekalan ubat yang mencukupi untuk rawatan penyakit-penyakit mereka.

Tentang soalan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Siput. Walaupun kita mempunyai kemudahan untuk membuat kajian-kajian tertentu tetapi itu dibuat kalau ada kes-kes tertentu. Di mana kerajaan berpendapat bahawa ada kemungkinan ubat itu tidak berkesan. Untuk membuat kajian untuk pastikan bahawa adakah laporan yang diberi atau data yang diberi kepada kementerian ini mencukupi atau boleh dipercayai. Selain daripadanya, kalau ada bekalan atau data yang diberi oleh syarikat-syarikat yang mempunyai mutu yang baik, kita pun menerima laporan daripada pihak itu.

Lagi satu soalan yang telah ditanya oleh Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Siput tentang data eksklusif dan TPP. Kita sudah bincang perkara ini secara luas dalam kementerian. Pendirian kementerian ialah untuk tidak menyokong fasal itu di dalam TPP dan ini telah diberitahu di dalam mesyuarat-mesyuarat dengan pihak TPP. Pendirian kita bahawa selepas *patency* untuk *innovator drug* sudah habis seperti yang ada pada masa sekarang, data itu boleh diberi kepada syarikat-syarikat yang lain khasnya di dalam negara kita supaya ini boleh membolehkan pembuatan ubat generik untuk kegunaan.

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kapar tentang siapa yang dapat bekalan pakaian seragam. Permohonan tambahan pakaian seragam adalah untuk seramai 36,237 penjawat awam yang terdiri daripada 12 jawatan dalam Kumpulan Pelaksana iaitu Ketua Jururawat, Ketua Jururawat Pergigian, Pekerja Awam Khas, Juru Audio Visual, Juruteknik Percetakan, Penolong Pegawai Perubatan, Pemandu Kenderaan, Pembantu Kesihatan Awam dan Pemungut Jentik-jentik. Ini ialah kumpulan yang akan mendapat manfaat daripada itu.

Itulah sahaja Tuan Pengerusi isu-isu yang dibangkit oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ucapkan terima kasih. Pada keseluruhannya, semua telah menyokong Kementerian Kesihatan dan untuk lain-lain Ahli yang telah memberi pandangan tentang isu NCD dan cara hidup, saya sokong pandangan mereka dan saya setuju dengan kebanyakan daripada pandangan yang telah dibuat. Kita sedang merancang program-program baru untuk memastikan segala langkah-langkah yang telah diambil di dalam memerangi NCD akan memberi kesan yang lebih baik. Terima kasih kerana sokongan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM300,000,000 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM300,000,000 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

#### **Maksud B.45 [Jadual] -**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala B.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Kota Bharu.

#### **7.27 mlm.**

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin turut membahaskan Maksud B.45 Kementerian Belia dan Sukan dan khususnya kepada Butiran 010200 - Perbadanan Stadium Malaysia, Kompleks Sukan Negara yang mana kementerian ini memohon untuk mendapatkan peruntukan sebanyak RM10 juta pada asalnya dalam Bajet 2013. Untuk butiran ini, kementerian ini telah mendapat sebanyak RM30 juta dan sekarang ini minta lagi RM10 juta.

Tuan Pengerusi, pada dasarnya saya tidak mempunyai, saya merasakan bahawa peruntukan ataupun permintaan RM10 juta ini tidaklah besar dan mempunyai asas-asas yang agak kuat. Cuma saya dalam perbahasan ini ingin mengemukakan beberapa persoalan yang mungkin boleh dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang hadir pada hari ini. Pertama, permintaan RM10 juta ini adalah dikatakan untuk menampung keperluan tambahan penyelenggaraan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil. Saya ingin tahu, adakah maksud RM10 juta ini untuk penyelenggaraan keseluruhan Kompleks Sukan Bukit Jalil ataupun ia terhad kepada Stadium Bukit Jalil sahaja?

Keduanya, saya juga ingin mendapat penjelasan mengenai Stadium Bukit Jalil itu sendiri Stadium Nasional Bukit Jalil yang mana kita semua tahu dan juga seluruh negara tahu bahawa akhir-akhir ini atau baru-baru ini keadaan Stadium Nasional Bukit Jalil khususnya keadaan padang, di mana terletak padang bola sepak dalam stadium ini dikatakan mengalami satu kerosakan yang agak teruk. Di mana Yang Berhormat Menteri sendiri dalam lawatan ke stadium tersebut telah menyatakan beliau amat dukacita dan kecewa dengan keadaan padang bola sepak yang telah rosak dengan begitu sekali.

#### **■1930**

Apa yang agak memalukan sedikitlah ataupun agak menjatuhkan sedikit reputasi negara yang juga disahkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri, apabila dua pasukan daripada luar negara iaitu pasukan bola sepak yang telah berkunjung ke negara kita untuk mengadakan



perlawanan persahabatan dengan pasukan negara, pertamanya, *FC Barcelona*. Pada asalnya ditetapkan perlawanan ini menentang Malaysia di Stadium Nasional Bukit Jalil tetapi disebabkan oleh keadaan padang yang tidak begitu baik menyebabkan perlawanan yang amat berprestij ini terpaksa dipindahkan ke Stadium Shah Alam di Selangor ya. Shah Alam ini Selangor ya.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Seorang Ahli:** Ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ha! Selangor. Begitu juga *Chelsea Football Club* yang juga datang ke Malaysia baru-baru ini Yang Berhormat Menteri, untuk mengadakan perlawanan persahabatan dengan Malaysia, pasukan nasional, bukan sahaja pindah ke Shah Alam, awal-awal lagi minta main di Shah Alam dan tidak mahu main di Stadium Nasional Bukit Jalil. Jadi, ini betapa kualiti ataupun kondisi padang di Stadium Bukit Jalil itu begitu agak teruk. Saya adalah penggiat dalam sukan bola sepak, mengikuti setiap perkembangan ini.

Jadi, oleh sebab itu saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sama ada kerja-kerja penyelenggaraan Stadium Nasional Bukit Jalil ini dijalankan ataupun dilakukan oleh staf perbadanan itu sendiri ataupun kerajaan menswastakan penyelenggaraan ini? Ini adalah penting kerana kalau sekiranya ianya sama ada dijalankan oleh staf sendiri ataupun diswastakan, kerajaan sepatutnya memandangkan Stadium Nasional Bukit Jalil ini adalah satu-satunya stadium bertaraf nasional di dalam negara kita ini dan juga bertaraf dunia yang boleh memuatkan kapasiti penonton pada satu-satu masa melebihi daripada 100,000 orang. Memandangkan ianya diadakan dan disiapkan pada tahun 1998 sempena Sukan Komanwel.

Jadi oleh sebab itu Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan mengenai perkara ini kerana ianya cukup-cukup penting dalam hasrat kerajaan ataupun negara kita ini untuk menjadikan Malaysia ini destinasi perlawanan-perlawanan bola sepak terutamanya di peringkat antarabangsa. Maka kualiti yang perlu ditunjukkan, di samping prasarana yang ada di Kompleks Sukan Bukit Jalil ini perlu dipertingkatkan.

Keduanya, saya juga ingin tahu, adakah kerajaan bercadang untuk membuat beberapa pengubahsuaian di dalam Stadium Nasional Bukit Jalil ini untuk menjamin keselamatan terutamanya penyokong ataupun penonton- penonton yang mengikuti satu-satu perlawanan dalam stadium tersebut, yang mana pengalaman yang kita lihat di Malaysia ini contohnya, *final* bola sepak Piala Malaysia. Stadium yang memuatkan 100,000 ini hanya boleh dimuatkan 85,000 sahaja kerana sebahagian daripada tempat duduk dalam stadium tersebut terpaksa dijadikan satu *buffer zone* antara dua penyokong. Penyokong pasukan satu ini dan satu lagi kerana takut-takut berlaku angkara yang tidak diingini. Baling membaling dan sebagainya. Itu menimbulkan kerugian kepada stadium itu sendiri dan juga kepada pasukan yang terlibat ini dari segi tiket-tiket yang sepatutnya mereka jual lebih daripada itu, mereka terpaksa mengurangkan jumlahnya...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bangun]*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terakhirnya, saya juga ingin mendapat penjelasan, adakah Stadium Nasional Bukit Jalil...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak bangun.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Sila.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum Yang Berhormat Kota Bharu beralih kepada tajuk yang lain, saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat Kota Bharu sedar bahawa keputusan untuk menukar daripada Stadium Nasional Bukit Jalil kepada stadium di Bukit Melawati di Shah Alam dan Shah Alam ini di dalam negeri Selangor, untuk pengetahuan Yang Berhormat Tapah ya. Ia dilakukan hanya pada saat-saat akhir. Saya dimaklumkan ianya diputuskan pada jam 11.45 malam. Persoalan saya, sekiranya kerajaan dan kementerian menerima hakikat bahawa keadaan padang itu tidak sesuai untuk pertandingan di peringkat antarabangsa, mengapa ianya tidak diputuskan lebih awal dan berpindah kepada negeri Selangor dalam tempoh yang lebih munasabah.

Kedua, apakah Yang Berhormat Kota Bharu juga sedia maklum bahawa keputusan untuk bertukar stadium itu bukan semata-mata kerana keadaan padang tetapi kerana berlaku kecederaan terhadap salah seorang pemain utama pasukan Barcelona satu hari sebelum itu. Ianya telah menyebabkan pihak pengurusan Barcelona untuk tidak bermain di Stadium Nasional Bukit Jalil dan berpindah ke Shah Alam. Akhirnya, apakah Yang Berhormat Kota Bharu bersetuju bahawa pengurusan stadium di dalam negeri Selangor itu lebih baik dan bertanggungjawab daripada stadium di bawah pengurusan Kerajaan Persekutuan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Gombak. Dua soalan yang awal itu ialah soalan saya yang tercicir. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri terus jawab. Pertamanya, kenapa *last minute* terus tukar? Tukar ini oleh kerana mungkin keadaan padang dalam tempoh beberapa hari itu menjadi semakin buruk ataupun macam mana. Keduanya, keadaan yang teruk ini sehingga menyebabkan semasa sesi latihan, pemain daripada Kelab Barcelona ini mengalami kecederaan. Mungkin silap-silap stadium akan kena saman tetapi saya tidak dengar lagilah kena saman. Ketiganya, memang saya di Malaysia ini mengesahkanlah. Saya sebagai Exco FAM mengesahkan bahawa Stadium Shah Alam merupakan kalau tidak yang terbaik pun mungkin yang habis baiklah yang ada di Malaysia ini [*Tepuk*] Stadium Selangor.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Akan tetapi yang malangnya Selangor tidak dapat meneruskan langkahnya dalam Piala Malaysia.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun saya tidak pandai bermain bola sepak, saya berminat dengan stadium. Yang Berhormat, saya ingin minta penjelasan berkaitan dengan pemantauan projek-projek yang

diselenggarakan di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Sebenarnya banyak rekod yang memalukan negara kita termasuk stadium yang runtuh di Terengganu. Jadi, tidak ada tsunami dan tidak ribut, stadium runtuh. Ratusan juta nilai duit rakyat rugi. Apa pandangan Yang Berhormat dalam isu yang berkaitan dengan kepentingan terutamanya golongan belia ini, sejauh mana sepatutnya dimainkan peranan oleh pihak kementerian. Begitu juga masalah kekurangan padang untuk belia-belia bermain bola di peringkat kampung-kampung. Ini juga satu perkara yang sepatutnya diberi perhatian selain daripada keperluan stadium.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Stadium Terengganu tidak masuk dalam butiran ya.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat. Selain daripada kita bercakap soal penyelenggaraan fizikal stadium itu untuk kesejahteraan dan juga keselamatan pemain dan juga mungkin penonton. Setuju kah kalau kita juga perlu sebenarnya untuk mewujudkan satu persekitaran yang membina jati diri anggota-anggota dan juga pemain-pemain, termasuk penonton sendiri agar mereka tidak mengabaikan soal-soal agama.

Sebagai contoh waktu solat, sebab saya lihat masuk ke stadium biasanya seawal jam 5 petang atau 6 petang, walaupun permainan dan perlawanan bermula 8.40 malam. Masalahnya ialah mereka menghadapi kekangan untuk mendirikan solat. Ruang sembahyang teramat sempit dan juga terhad. Setengah stadium tidak menyediakan ruang yang selesa. Jadi, apakah dalam penyelenggaraan ini kita harap stadium di seluruh negara kita dapat juga menyediakan ruang solat ini kerana sukan itu juga menjadi ibadat jika sekiranya ia tidak mengabaikan faktor-faktor gama ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya, kakanda saya daripada Rantau Panjang tadi membangkitkan soal stadium runtuh itu. Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Pengerusi iaitu Terengganu, mungkin kita sudah tahu dia punya *outcome* ataupun hasil siasatan telah dibuat di sana.

#### ■1940

Cuma saya hendak sentuh bahawa memanglah sebagai mana saya beberapa kali dalam Dewan ini menyentuh kurangnya padang permainan khususnya bola sepak di dalam negara kita ini. Bukan sahaja di kampung-kampung yang tanahnya terhad tetapi di sekolah-sekolah, ini di bawah Kementerian Pelajaran, sekolah-sekolah sudah kehilangan banyak padang yang mana padang ini dijadikan bangunan tambahan sekolah, dijadikan bangunan makmal komputer dan sebagainya menyebabkan kita tidak dapat membangunkan bola sepak kita. Itu sepintas lalu komen saya.

Seterusnya, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Temerloh tadi Tuan Pengerusi, saya setuju sangat lah bahawa dalam kita membangunkan sukan ini satu aspek yang tidak wajar kita

ketepikan adalah aspek kerohanian kerana kalau kita hanya sihat fizikal tetapi dari segi spiritual kita tidak sihat ia tidak memberi makna dan manfaat yang besar. Oleh sebab itulah di dalam Stadium Sultan Muhammad Ke IV di Kelantan, saya bagi contohnya.

Apabila ada satu-satu perlawanan bola sepak dan sebagaimana Yang Berhormat Tuan Pengerusi maklum, Kelantan sekarang ini antara gergasi bola sepak di Malaysia ini. Tahun lepas menang tiga piala, tahun ini baru satu piala lah. Harap-harap boleh dualah. Di Kelantan, Perbadanan Stadium Sultan Muhammad Ke IV, Kelantan, apabila ada satu-satu perlawanan bola sepak di sana, mereka menyediakan tempat-tempat solat yang begitu banyak di sekeliling stadium itu menyebabkan orang yang pergi ke situ boleh solat dahulu, solat maghrib dan sebagainya. Saya rasa di Stadium Nasional pun ada kemudahan itu cuma kita harap ia dapat dipertingkatkan.

Poin saya yang terakhir untuk...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta pencilahan, Yang Berhormat Kota Bharu.

**Timbalan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sudah panjang masa Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini penting ini Tuan Pengerusi.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Sila-sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh ya. Okey terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada satu soalan dekat sini. Setuju kah Yang Berhormat Kota Bharu bahawa kemungkinannya berlaku salah urus dalam pentadbiran dan penyelenggaraan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil termasuk stadiumnya? Hal ini kerana seperti dakwaan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan sendiri, kerosakan padang disebabkan oleh banyak acara tetapi hairan seperti yang di sebut oleh Yang Berhormat Kota Bharu tadi, Stadium Muhammad Ke IV, di Kota Bharu di situ pun berbagai-bagai acara dijalankan seperti ceramah, solat hajat dan termasuk permainan-permainan bola. Akan tetapi, jarang sekali berlaku kerosakan di stadium Kota Bharu. Adakah ini disebabkan oleh salah urus pentadbiran stadium di Bukit Jalil berbanding di Kota Bharu? Minta penjelasan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kapar. Untuk saya menyatakan ada salah urus ataupun *misconduct* di sini mungkin di luar kemampuan saya. Akan tetapi, pada pandangan saya keadaan ini berlaku mungkin di sebabkan kelemahan pengurusan. Salah urus itu mungkin saya tidak begitu jelas. Akan tetapi, dari segi kelemahan yang wujud dalam menyelenggarakan kompleks sukan ini terutamanya padang bola sepak.

**Dato' Othman bin Azi [Jerlun]:** Yang Berhormat Kota Bharu sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu, Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Kota Bharu adakah Yang Berhormat Kota Bharu sedar atau setuju di stadium Kota Bharu itu walaupun ada *event*, ada *games* tetapi padang dia susah hendak rosak sedikit jika di banding dengan Bukit Jalil kerana rumput yang ditanam di Kota Bharu itu adalah jenis *paspalum conjugatum* atau rumput

kerbau. Akan tetapi, di Bukit Jalil ini di tanam *vinegar grass* yang bila kita tendang bola itu, ia keluar seketul-seketul. Jadi, saya hendak minta Yang Berhormat Kota Bharu tolong betulkan, sebagai Exco FAM.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih sahabat saya dari Jerlun. Beliau orang bola juga ini. Pernah jadi pengurus bola sepak Kedah dan sebagainya. Ini satu lagi perkara yang saya senaraikan dalam soalan yang saya hendak kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri iaitu jenis rumput yang ditanam di padang Kompleks Sukan Bukit Jalil ini sebagai mana disebut oleh Yang Berhormat Jerlun itu tadi rumput karpet atau pun rumput yang tidak tahan lasak menyebabkan apabila stadium ini digunakan untuk program-program yang mungkin menyebabkan kegunaan padang itu untuk diletakkan dengan *stage* dan sebagainya menyebabkan ia rosak. Apabila digunakan untuk perlawanan bola sepak ia mungkin akan lebih teruk lagi terjejas. Jadi, saya setuju sangat dengan Yang Berhormat Jerlun lah apa yang dikatakan di situ.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Habiskan lah Yang Berhormat. Sudah hampir 20 minit sudah Yang Berhormat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Saya ingin menutup perbincangan saya di peringkat ini Tuan Pengerusi dengan mengharapkan supaya kementerian dengan saya menyokong RM10 juta ini tambahan ini pastikanlah Kompleks Sukan Bukit Jalil kita ini menjadi satu kompleks yang boleh mencapai taraf dunia dengan kerjasama semua pihak. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Titiwangsa.

**Dato' Othman bin Azi [Jerlun]:** [Bangun]

#### 7.45 mlm.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Butiran 030200 - Latihan Kemahiran Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Seperti mana yang kita lihat bahawa pada bajet yang awalnya kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM79.7 juta dan tambahan yang diminta di Dewan ini adalah sebanyak RM6 juta. Saya ingin tahu berapa ramai kah belia-belia lepasan SPM yang dapat ditempatkan di IKBN-IKBN ini dengan menggunakan bajet RM79.7 juta dan tambahan RM6 juta ini?

Kedua, berapakah jumlah IKBN yang ada pada waktu ini yang dapat menempatkan jumlah pelajar yang saya tanyakan pada soalan yang pertama tadi?

Ketiga, berapakah kos purata seorang pelajar yang ditanggung oleh kerajaan di bawah Institut kemahiran IKBN ini? Bolehkah kerajaan Yang Berhormat Menteri melaporkan berapa ramai kah di kalangan belia ini ataupun pecahan belia-belia yang masuk ke dalam institut kemahiran ini yang terdiri daripada pelajar-pelajar Melayu, Cina dan India yang dapat manfaat dalam institut kemahiran ini?

Akhir sekali, saya ingin juga bertanya berapakah jumlah kursus yang dikendalikan oleh IKBN ini dan adakah kerajaan menilai kursus-kursus yang diajar di IKBN ini? Berapakah lepasan

IKBN ini yang mendapat pekerjaan sebaik sahaja selesai kursus-kursus IKBN yang dikendalikan? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Wangsa Maju.

**7.48 mlm.**

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, selamat petang dan salam sejahtera. Hendak tambah komen tentang Maksud B.45 Kementerian Belia dan Sukan Butiran 010200. Tadi ada Yang Berhormat cakap panjang tentang komen iaitu keadaan Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil. Saya hendak tambah komen pada masa itu bila berita keluar tentang keadaan padang bola, kita pun malu sebab jarang dapat peluang hendak saksikan satu *football club* seperti jenama Barcelona FC.

Apa yang lagi susah sebagai doktor, bila mereka buat *training* atau *warm up* di Kompleks Sukan Negara, seorang pemain bola yang terkenal di seluruh negara iaitu Messi terseliuh dia punya kaki. Ini berita yang tidak baik. Bila kita dengar komen-komen dari pentadbiran Kompleks Sukan Negara, dia bukan salah sendiri tetapi dia salahkan pemimpin-pemimpin politik iaitu memang dari Barisan Nasional. Dia kata Kompleks Sukan Negara sentiasa guna untuk kumpulan-kumpulan lain iaitu seperti di PRU Ke-13, 'Pemimpin Bersama Rakyat' dan sebagainya.

■1950

Saya hendak sentuh dan tanya pentadbiran Kompleks Sukan Negara. Apakah langkah, walaupun satu jumlah besar, RM10 juta yang diberikan oleh Parlimen. Apa langkah-langkah yang boleh diambil agar perkara seperti ini tidak berulang sekali lagi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga turut ingin berbahas sedikit tentang KBS – Kepala 08300 iaitu penganjuran dan penyertaan sukan. Di mana sejumlah peruntukan tambahan diminta untuk Dewan meluluskan RM21 juta bagi persiapan penganjuran pengelolaan SUKMA di Perlis pada tahun 2014. Jadi, kita mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Perlis kerana dipilih menjadi tuan rumah. Namun, kita sedia maklum bahawa setiap kali penganjuran SUKMA dibuat, maka sudah tentu perbelanjaan yang agak besar diperlukan bagi menyediakan prasarana sukan sama ada stadium tertutup, stadium terbuka, kolam renang dan sebagainya.

Namun, kita juga sering sedia maklum setelah 15 kali lebih SUKMA dianjurkan, banyak prasarana sukan dibina. Apa yang menjadi masalah ialah apabila selesai SUKMA itu. Penyelenggaraan kemudahan-kemudahan sukan ini sering diabaikan kerana kementerian telah memulangkan kembali kemudahan tersebut kepada kerajaan-kerajaan negeri. Ada juga kerajaan negeri yang tidak mampu untuk memberikan peruntukan bagi menyelenggarakan prasarana yang telah dibina. Jadi, apa yang kita harapkan setelah selesai SUKMA di Perlis tahun hadapan, maka kemudahan sukan itu dapat digunakan sepenuhnya. Kita sering melihat dan sedar bahawa

Malaysia memang hebat dalam usaha hendak mempromosikan, *organize* semua acara-acara sukan. Akan tetapi apa yang kita masih gagal sehingga hari ini adalah objektif asal untuk melahirkan ramai atlet-atlet yang berwibawa pada peringkat dunia tidak dapat dicapai walaupun perbelanjaan yang begitu banyak dibuat setiap kali ada kejohanan seperti SUKMA.

Jadi, kita tidak mahu stadium-stadium dan juga prasarana sukan itu menjadi gajah putih, sama yang berlaku di Kedah apabila Kedah menjadi tuan rumah SUKMA 2012. SUKMA Ke-12, 2006 di mana hari ini terdapat prasarana sukan seperti kolam renang dan sebagainya tidak dapat digunakan sepenuhnya. Pusat *lawn bowl* terbiar, pusat menembak pun terbiar. Jadi, inilah yang menjadi masalah dan kita harapkan kementerian mempunyai perancangan jangka panjang dengan kerjasama majlis sukan negeri-negeri untuk memastikan setiap wang yang dibelanjakan itu dapat menghasilkan terutama sekali atlet-atlet yang memang hebat. Bukan hanya berpolitik dalam persatuan tetapi tidak mampu hendak melahirkan atlet yang hebat. Dalam masa yang sama juga mampu meningkatkan lagi usaha pembangunan, melahirkan lebih ramai jaguh sukan negara. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bakri. Dua minit Yang Berhormat.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Tuan Pengerusi memberikan peluang. Saya masuk kepada Butiran 030200. Saya ingin mendapatkan senarai 20 buah Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) yang menerima peruntukan RM6 juta. Jenis kerja penyelenggaraan, peralatan latihan dan pembangunan yang terlibat dan siapakah kontraktor yang memperoleh tender tersebut serta nilai kontrak setiap IKBN yang terlibat.

Saya masuk kepada Butiran 010200 – Pengurusan Perbadanan Stadium Malaysia, Kompleks Sukan Negara. Saya ingin membahaskan mengenai Maksud B.01020, Kementerian Belia dan Sukan di bawah pengurusan Perbadanan Stadium Malaysia, Kompleks Sukan Negara. Saya mohon mencadangkan agar kementerian mengambil berat mengenai kualiti barang-barang di stadium. Terutamanya sebelum sesuatu perlawanan melibatkan pasukan antarabangsa diadakan bagi mengelakkan lagi imej kualiti perlawanan sukan bola sepak negara terus tercalar. Seingat saya dahulu kita pernah menerima kritikan keras daripada pasukan Barcelona kerana mutu padang yang teruk. Dalam perlawanan yang melibatkan Barcelona juga mengalami keadaan yang sama hingga terpaksa berpindah stadium.

Jadi, saya amat berharap agar Menteri dapat memastikan bahawa pihak pengurusan stadium akan mengambil berat berhubung perkara ini bagi mengelakkan prasarana sukan negara, terutamanya berkaitan padang bola sepak ini, terus menjadi sasaran kritikan keras dan bahan ketawa komuniti antarabangsa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Sibuti, selepas itu Yang Berhormat Kapar. Selepas itu minta Menteri menjawab.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada Butiran 070200 – IKBN. Di kawasan Parlimen saya ada sebuah IKBN

yang telah beroperasi sejak tahun 1999 dengan tiga kursus iaitu elektronik, komputer dan elektrik. Setakat ini kapasiti pelajarannya hanya 250 ke 300 orang sahaja, walhal di situ boleh diletakkan sekurang-kurangnya 500 orang. Ini kerana kawasannya besar dan mempunyai kemudahan yang cukup. Jadi, saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri. Pertama, supaya IKBN ini ditambah pelajarannya kerana ramai lagi anak-anak belia dan anak-anak muda yang hendak masuk mengikuti kursus tersebut tetapi tidak dapat kerana tempat yang terhad. Kedua, saya Menteri supaya menambahkan lagi tenaga pengajar bagi membolehkan IKBN ini yang berbelanja lebih daripada RM20 juta ini dapat digunakan sebaik-baiknya. Itu Perkara Butiran 030200.

Perkara seterusnya ialah Butiran 060300 – Penyertaan Kejohanan Sukan. Saya minta supaya Menteri menentukan semua persatuan sukan menepati syarat-syarat kelayakan sebelum mereka menyertai pertandingan luar negara. Ini kerana sehingga setakat ini, penyertaan kita amat mendukacitakan dan kurang berjaya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 030200. Apabila kita ingat IKBN itu adalah untuk melahirkan belia kita yang berkemahiran. Di kawasan saya iaitu di bandar Miri, ada sebuah IKBN di mana peralatannya sudah begitu lama, memerlukan pembaikan yang baru ataupun penambahan yang baru ataupun peralatan-peralatan penyelenggaraan yang baru untuk benar-benar melahirkan belia yang kita harapkan untuk menjadi tenaga mahir di negara kita pada masa yang akan datang. Itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih sekali lagi Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Maksud B.45, RM37 juta. Butiran pertama adalah Butiran 060300, sebanyak RM21 juta untuk menampung kos pengelolaan Sukan Malaysia (SUKMA) Negeri Perlis 2014. Saya meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan usaha dalam menjimatkan kos pengelolaan SUKMA. Ini adalah berdasarkan Laporan SUKMA Perlis yang dijadualkan berlangsung tahun hadapan bakal menelan kos RM160 juta, manakala SUKMA Pulau Pinang 2000 pula menelan kos RM260 juta.

Apa yang saya ingin tekankan di sini, penganjuran SUKMA edisi Kuala Lumpur hanya membabitkan RM9 juta. Mengapa ada perbezaan yang ketara di antara RM9 juta, RM160 juta dan RM290 juta. Minta penjelasan. Butiran kedua adalah kena mengena dengan 010200 iaitu sebanyak RM10 juta untuk menampung keperluan tambahan penyelenggaraan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil. Apakah penyelenggaraan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil yang akan dijalankan. Mengapakah isu padang yang memalukan negara seperti yang diungkit oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, boleh berlaku memandangkan terdapat sebanyak RM30 juta diberikan setiap tahun kepada Pengurusan Perbadanan Stadium Malaysia. Minta penjelasan.



**■2000**

Yang ketiga adalah butiran mengenai 030200. Sebanyak RM6 juta untuk menampung keperluan tambahan kerja-kerja penyelenggaraan peralatan latihan dan bangunan di 20 Institut Kemahiran Belia Negara. Saya meminta penjelasan Timbalan Menteri untuk menjelaskan tentang penambahan sebanyak 200% daripada anggaran perbelanjaan asal 2013. Perbelanjaan asal 2013 adalah RM2 juta sekarang tiba-tiba dalam peruntukan penambahan RM6 juta bagi penyelenggaraan peralatan dan kemudahan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Walaupun tidak terdapat sebarang peruntukan bagi penyelenggaraan bagi tahun 2012, saya akui, namun penambahan sebanyak 200% daripada RM2 juta menjadi RM6 juta adalah amat tinggi. So, saya minta Timbalan Menteri menjelaskan. Terima kasih, salam reformasi lagi sekali.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**8.01 mlm.**

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas dalam Perbekalan Tambahan B.45 di bawah KBS dan segala pandangan dan cadangan yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan menerima secara terbuka. Yang baik kita akan menambah baik, yang buruk kita akan cuba mengatasi dalam masa yang terdekat demi kebaikan belia dan sukan negara.

Keseluruhan apa yang saya lihat pada petang ini di dalam Dewan yang mulia ini, walaupun terdiri daripada ideologi yang berlainan dari segi politik tetapi hampir kesemua Ahli Parlimen telah memberi cadangan dan pandangan untuk menambah baik kedudukan sukan dan belia di negara ini. Ini satu keadaan yang cukup baik. Saya ucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat dan ramai telah membangkitkan isu mengenai kedudukan ataupun keadaan Stadium Bukit Jalil.

Ini satu keadaan yang saya sendiri mengakui bahawa satu keadaan yang amat memalukan dan Yang Berhormat Menteri sendiri telah mengakui ini adalah *something* dengan izin, untuk kita cari jalan yang terbaik untuk mengatasinya. Yang Berhormat Menteri telah bersetuju bahawa Stadium Bukit Jalil harus dinaiktarafkan dan saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini, padang Stadium Bukit Jalil akan dinaiktarafkan dalam masa yang terdekat dan memastikan padang Bukit Jalil setaraf dengan padang-padang lain di seluruh dunia.

Yang Berhormat Kota Bharu telah meminta padang bola sepak akan dinaiktarafkan ataupun tidak. Padang bola sepak akan dinaiktarafkan dalam masa yang terdekat dan pengubahsuaian untuk menjamin keselamatan penyokong di Stadium Bukit Jalil walaupun buat masa ini ciri-ciri keselamatan amat mencukupi tetapi KBS akan memastikan ciri-ciri keselamatan ini dipantau untuk memastikan tiada sebarang perkara yang tidak diingini berlaku.

Yang Berhormat Gombak telah ingatkan saya mengenai Stadium Shah Alam di negeri Selangor. Ya, memang saya setuju tetapi negeri Selangor juga di dalam Malaysia dan sebelum 2008, stadium ini adalah inisiatif Kerajaan Barisan Nasional. Kita tidak boleh lari daripada fakta.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen Temerloh. Persekitaran membina jati diri dan ruang solat untuk menampung upacara keagamaan. Walaupun hari ini kita dapat surau dan kawasan khas untuk solat dan sebagainya tetapi untuk menampung hampir 85,000 penyokong adalah bukan begitu senang. Walau bagaimanapun kita akan buat yang terbaik.

Saya juga ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Titiwangsa. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Titiwangsa, pusat latihan IKBN boleh menampung seramai 13,000 kapasiti. Daripada 20 pusat IKBN, adalah sebanyak 13,500 dan kos untuk seorang individu termasuklah daripada elaun saku, penginapan, makanan dan minuman percuma, peralatan sukan moden dan juga perubatan adalah lebih kurang RM18,000 hingga RM20,000 untuk seorang dan buat masa ini saya tidak sempat bagi komposisi mengikut perkauman dan saya akan bagi secara bertulis ya Yang Berhormat dalam masa yang terdekat.

Seterusnya Yang Berhormat Wangsa Maju turut membangkitkan isu kedudukan stadium. Seperti mana saya sebut tadi, kita sama-sama akan bekerjasama untuk memastikan Stadium Bukit Jalil ataupun Stadium Negara diselenggarakan secara terbaik.

Yang Berhormat Jerlun pula membangkitkan isu penyelenggaraan selepas sukan, bahawa stadium-stadium ini diabaikan. Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. KBS akan pastikan stadium-stadium ini tidak diabaikan dan dibenarkan untuk kegunaan orang awam. Mengenai isu sekolah-sekolah telah kehilangan padang dalam pembangunan pesat untuk bangunan-bangunan baru, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan baru-baru ini telah mengumumkan kita dalam peringkat kajian sama ada padang-padang di sekolah boleh digunakan untuk kegiatan aktiviti-aktiviti sukan selepas waktu persekolahan dengan ciri-ciri keselamatan tambahan untuk memastikan keselamatan murid-murid dibela. Ini masih lagi dalam kajian.

Yang Berhormat Ahli Parlimen Kapar, Sibuti menyentuh mengenai peralatan lama. Akan, kita dalam proses menggantikan. Walaupun kekangan kewangan, peruntukan yang terhad tetapi Kementerian Belia dan Sukan sedang mengkaji untuk memastikan peralatan-peralatan yang sedia ada di semua 20 IKBN selari dengan program-program yang diadakan.

Yang Berhormat Ahli Parlimen Kapar, bertanya kenapa kos SUKMA di Perlis meningkat. Ini julung kali kita adakan sukan SUKMA di Perlis dan perlulah menaiktarafkan kemudahan-kemudahan sukan yang ada di Perlis setaraf ataupun sebaik mungkin untuk menjalankan sukan SUKMA.

Mengenai peralatan RM6 juta pula, hari ini kita lihat golongan belia merupakan satu komponen yang cukup penting. Hampir 45.5% daripada rakyat Malaysia terdiri daripada golongan belia dan saya percaya kita sama-sama ada tanggungjawab untuk melahirkan golongan belia yang berkualiti, maka kita perlu peralatan yang lebih canggih untuk memastikan selari dengan pembangunan belia di negara ini.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Minta laluan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa bangun Yang Berhormat.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Pengkalan Chepa. Adakah rancangan pihak kementerian untuk mengadakan SUKMA di Kelantan dan menaiktarafkan kemudahan sukan di negeri tersebut.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Apa salahnya Yang Berhormat. Kalau izinkan, kita akan mengkaji bilakah kita boleh adakan SUKMA di Kelantan dalam masa yang terdekat.

Seterusnya ada juga Ahli Yang Berhormat bangkitkan isu, Yang Berhormat Bakri, saya akan memberi senarai. Senarai memang ada di sini, kalau saya nak sebut mungkin Yang Berhormat tak sempat mengingat jumlah 20 buah IKBN. Selepas ini saya beri senarai itu kepada Yang Berhormat. Dengan ini saya ucapkan ribuan terima kasih.

Ada Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan mengenai IKBN di Parit. Saya bagi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit, saya sendiri akan melawat pusat IKBN di Parit dalam masa yang terdekat dan memastikan sekiranya sesuai, kita akan memperkenalkan program-program baru mengikut kesesuaian dan keperluan.

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Terima kasih. Saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjelaskan berkenaan dengan SUKMA sebab masih ada lagi beberapa isu yang difikirkan perlu diberi penjelasan. Yang pertama sekali berkenaan dengan gelanggang hoki yang mana pada permulaannya gelanggang telah dilaksanakan tetapi terbantut daripada segi masalah spesifikasi dan akhirnya membawa kepada tindakan mahkamah yang diambil oleh kontraktor. Selepas itu kontraktor baru pun dilantik. Jadi apakah perkembangan berkenaan dengan isu tersebut.

Orang-orang Perlis pun bertanya persoalan kenapakah kontraktor-kontraktor diberi kepada orang-orang luar sedangkan pada asalnya kontraktor di Perlis pun boleh melaksanakan kerja-kerja tersebut dan dengan alasan sebenarnya kontraktor yang di luar itu adalah kontraktor yang pakar.

#### ■2010

Akan tetapi sehingga ke hari ini kerja-kerja pembinaan, kerja-kerja berkaitan dengan SUKMA amat-amat perlahan dan sekarang di negeri Perlis berlangsung musim hujan. Jadi, kerja-kerja akan terbantut selama lebih kurang satu bulan. Jadi, apakah pada pandangan Menteri kerja-kerja berkenaan akan dapat kita siapkan. Satu lagi berhubung dengan selain daripada kontraktor kita dipilih di kalangan orang Perlis, CEO juga dipilih daripada orang Melaka. Begitu juga dengan kontraktor. Jadi kami di Perlis ini mempersoal, tidak adakah orang Perlis untuk kerja-kerja tersebut dan juga jawatan yang penting sekali. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Proses perlantikan kontraktor-kontraktor ini adalah secara terbuka dan perlantikan akan dibuat secara tender terbuka. Maka, kita spesifikasi disediakan dalam masa tempoh tujuh hari dan iklan tender terbuka merangkumi semua kerja dibuka untuk tempoh selama

21 hari. Saya tidak pasti sama ada kita ada ruang untuk memilih kontraktor daripada negeri mana atau tidak kerana ini mengikut kelas-kelas kontraktor. Walau bagaimanapun, pandangan Yang Berhormat ataupun cadangan Yang Berhormat akan dikaji sekiranya ada ruang untuk membantu kontraktor-kontraktor tempatan, kita akan buat yang terbaik dalam masa yang terdekat.

So Yang Berhormat, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan bajet tambahan dan segala cadangan dan pandangan akan dikaji secara teliti dan KBS akan pastikan untuk melahirkan golongan belia yang berkualiti. Hari ini apa yang kita lihat sukan bukan lagi sebagai aktiviti sukan, tetapi lebih sebagai satu aktiviti untuk memperkasakan ekonomi belia. Maka, KBS sensitif dan peka terhadap segala pandangan dan cadangan dan saya ucapkan ribuan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM37,000,000 untuk Maksud B.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM37,000,000 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

#### **Maksud B.46 [Jadual] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Kepala B.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Bakri, selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

#### **8.12 mlm.**

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. B.46 - Kementerian Sumber Manusia. Butiran 020000 - Kemajuan Guna Tenaga Manusia. Sebanyak 28 juta adalah dikehendaki untuk menampung keperluan tambahan kerja-kerja penyelenggaraan peralatan tambahan di 30 buah Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia. Di sini saya hendak tahu, siapakah kontraktor yang memperolehi tender tersebut serta nilai kontrak setiap Institut Latihan Tenaga Manusia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Menteri.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Alamak, baru ingat hendak menumpang Yang Berhormat Bakri tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Alamak, boleh satu saja?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Celah. Tuan Pengerusi sudah buat keputusan, dia tidak boleh rujuk balik.

[Beberapa orang Ahli bangun]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Celah Menteri, *so fast*.

**8.17 mlm.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Bakri yang bertanya.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh tidak saya hendak...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak sebut apa benda lagi Yang Berhormat.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Tadi sudah cakap tadi, dia ada cakap sedikit, saya hendak tanya.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Saya bagi Tuan Pengerusi.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Boleh? Cumanya selain daripada apa tadi Yang Berhormat Bakri, saya hendak menumpang dia juga, tetapi saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh juga menyatakan apakah jenis-jenis peralatan latihan yang telah dibeli, yang telah diselenggara dan juga adakah peralatan ini cukup *advance* sebab saya tahu di ILJPM ini, keperluannya sangat *advance* dan tinggi dan adakah pembelian ini cukup atau jumlah ini cukup untuk menampung semua pembelian ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong sahabat saya, bekas seirama dengan saya. [Ketawa]

Tuan Pengerusi, sebenarnya saya hendak jawab Yang Berhormat Bakri ini. Sebenarnya untuk maklumat, kita mempunyai 32 pusat latihan di bawah Kementerian Sumber Manusia ini di mana kita memberikan latihan yang cukup besar kepada anak-anak muda kita untuk menjadi pekerja, untuk mengisi ruang pekerjaan di negara kita ini.

Sudah tentulah perkara ini perlu kita berikan perhatian supaya latihan yang diperolehi oleh anak-anak kita ini akan dapat ke tahap yang baik. Daripada sejak tahun 2000 hingga tahun 2012 kita telah melatih sebanyak, seramai 94,370 orang anak muda di negara kita. Ini satu peranan yang cukup besar yang dimainkan oleh kementerian melalui institut latihan yang berada di bawah kementerian kita.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** [Bangun]

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Untuk maklumat Yang Berhormat Bakri, setakat ini kita belum lagi melantik kontraktor ini. Ini kerana walau pun sebahagian besar daripada institut latihan ini telah pun berjalan, tetapi seperti mana Yang Berhormat Bakri sebutkan tadi, peruntukan RM28 juta ini adalah untuk kita menyelenggara sebanyak 30 institut latihan yang berada di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Jadi setakat ini Yang Berhormat Bakri, kita belum lantik lagi dalam proses untuk ini. Saya juga memberi perhatian. Terima kasih kerana perhatian Yang Berhormat Bakri. Terima kasih.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Boleh mencelah? Boleh minta penjelasan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Boleh minta penjelasan sedikit?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Bolehkah Menteri menjelaskan berapakah dari 30 buah Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia ini ada di Sarawak dan jenis latihan yang dibekalkan oleh institut ini?

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Pengerusi, sebelum itu saya hendak jawab Yang Berhormat Parit Sulong tadi. Peralatan latihan yang dibeli adalah berasaskan, berdasarkan kepada pelbagai latihan bidang kursus yang ditawarkan di pusat-pusat ini. Jadi saya hendak beri secara spesifik, mungkin agak susah Yang Berhormat Parit Sulong. Kalau perlu mungkin saya akan bekalkan kemudian.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Boleh buat jawapan bertulis?

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih banyak.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Yang Berhormat daripada mana tadi? Yang Berhormat Sibu? Saya sebutkan tadi bahawa institut latihan yang ada di negara kita adalah sebanyak 32 dan yang terlibat dengan penambahan peruntukan ini...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Persoalan saya ialah berapakah institut ini berada di Sarawak daripada 30 buah ini?

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya, saya jelaskan sedikit. Bajet yang terlibat ialah RM28 juta tambahan ini adalah 27 buah ILP, ADTEC, JMTI. Sebanyak RM1 juta kita berikan kepada setiap 27 buah institut latihan ini dan RM1 juta lagi kita berikan kepada, agihkan kepada ke 27 ini ikut pecahan yang perlu saya berikan kemudian. Kemudian di Sarawak kita ada 3 institut latihan. Di Bintulu iaitu ADTEC dan Kota Samarahan iaitu Institut Latihan Perindustrian dan juga di Miri. Jadi sebenarnya kementerian kita dan kerajaan tidak meninggalkan kewajipan kita untuk melatih anak-anak muda termasuk di Sarawak, Sabah dan lain-lain. Terima kasih banyak.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Boleh minta penjelasan sedikit Menteri?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya hendak tanya sedikit saja tentang, saya difahamkan sasaran kementerian untuk latihan teknikal dan vokasional untuk menjelang tahun 2020 adalah untuk mewujudkan 1.23 juta peluang pekerjaan di sektor itu. Apabila kita nampak peruntukan yang diberi kepada PTPTN yang lebih kurang RM5 bilion setahun, kalau kita banding dengan peruntukan kepada latihan vokasional yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia, nampak kurang sangat.

#### ■2020

Jadi saya ingin tahu macam mana kementerian akan sampai ke sasaran yang disebut oleh kementerian sendiri iaitu 1.32 juta pekerja yang mahir dalam aspek teknikal dan vokasional.

Macam mana akan sampai ke jumlah itu dan apakah keperluan daripada segi bajet yang diperlukan? Terima kasih.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. Suka saya maklumkan bahawa memang jelas pada kita peruntukan pada PTPTN agak besar berbanding dengan peruntukan kepada institut latihan kita ini, Kementerian Sumber Manusia ini.

Walau bagaimanapun, seperti mana yang saya jelaskan dahulu dalam beberapa jawapan soalan saya, matlamat kita pada tahun 2020 untuk mencapai negara maju ialah sebanyak 50% pekerja mahir. Sekarang ini kita hanya ada 28%, lebih kurang 3 juta sahaja. *Target* kita ialah 6 juta pekerja mahir. Jadi sudah tentulah saya berharap supaya kita hendak Kementerian Sumber Manusia ini merupakan satu agensi, satu kementerian yang juga bertanggungjawab yang sudah tentu bertanggungjawab bagi melatih pekerja-pekerja kita ke tahap yang mahir. Sebab itulah kita adakan berbagai-bagai aktiviti dalam latihan ini.

Ada lapan lagi agensi lain, kementerian yang terlibat. Jadi saya juga bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat supaya kerajaan menilai balik. Kita akan kemukakan pandangan dan cadangan kepada kerajaan supaya peruntukan tambahan diberikan kepada kementerian kita. Kalau kita ingin hendak mencapai tahun 2020 negara kita negara maju yang berpendapatan tinggi dengan kadar jumlah pekerja mahir sebanyak 50% atau lebih kurang enam juta. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis?

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Saya sekali lagi...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Bolehkah saya hendak minta laluan? Sedikit sahaja.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Saya ingat sudah habis.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Penjelasan. Sedikit sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan sumber manusia. Terima kasih. Saya tertarik dengan usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk membanyakkan latihan, untuk melahirkan tenaga mahir. Saya ingin tahu dari sudut perancangan pihak kerajaan, apakah usaha dibuat untuk memberi latihan, untuk pembantu rumah tempatan, latihan untuk melahirkan pembantu rumah tempatan yang mahir?

Ini disebabkan kebergantungan kita kepada pembantu rumah asing terlalu tinggi. Jadi perkara ini memberi kesan yang negatif apabila anak-anak, bayi-bayi dididik oleh pembantu luar dari sudut bahasanya, akhlak, nilai budaya yang akan memberi kesan apabila perkara ini diterapkan kepada anak-anak yang kecil. Jadi dari sudut perancangan jangka panjang untuk membantu pegawai-pegawai kita ataupun tenaga kerja kita untuk lebih memberi manfaat kepada negara, apakah usaha dibuat untuk melahirkan tenaga pembantu rumah tempatan diusahakan oleh pihak kementerian? Terima kasih.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat daripada Rantau Panjang. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang

Berhormat Rantau Panjang kerana menyuarakan pandangan ini. Sudah tentulah kita daripada Kementerian Sumber Manusia memanglah amat berharap supaya ramai daripada pekerja ataupun tenaga kerja di negara kita sendiri mengisi ruang-ruang kosong yang ada di negara kita. Bukan sekadar bekerja di industri-industri di perladangan dan sebagainya termasuklah pekerja sebagai pembantu rumah ini.

Setakat ini, kita ada berbincang secara G2G dengan Indonesia di mana selama ini kebanyakan pembantu rumah kita adalah diambil oleh orang kita sendiri dari Indonesia dan beberapa negara sumber yang lain. Kita ada sebenarnya yang membekalkan tenaga kerja di negara kita ialah 14 negara sumber yang tidak perlu saya sebutkan. Ada dua keadaan pendekatan yang kita ambil yang mana ada dua institusi latihan ditauliahkan oleh JPK untuk melatih bakal-bakal pembantu rumah ini.

Akan tetapi apa yang agak mendukacitakan kita, tidak ada sambutan yang diberikan oleh rakyat negara kita adalah agak sederhana. Agak kecil. Sebab itulah saya berharap supaya bukan sahaja daripada Barisan Nasional, daripada kementerian kita daripada kerajaan, kita hendak juga pihak pembangkang memberikan kerjasama untuk kita menarik bagaimana supaya ibu-ibu, anak-anak muda kita yang telah habis belajar akan tetapi tidak ada kerja walaupun kita mengadakan program-program yang mengambil dan menambah pekerja-pekerja dengan *jobs fair* dan pelbagai lagi. Sebanyak 12 aktiviti yang kita adakan untuk menambah pekerja tempatan, untuk mengambil alih tempat pekerja asing ini. Akan tetapi sambutan pada hari ini agak sederhana.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Sedikit lagi. Rata-rata rakyat Malaysia tidak minat bekerja sebagai pembantu rumah ini. Dia lebih selesa bekerja di kilang-kilang, bekerja di *shopping complex* dan sebagainya. Ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang itu masuk dalam institutkah Yang Berhormat? Institut latihan.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Boleh, boleh. Kita ada – maksud saya tidak ada institut latihan tadi, jadi sebahagian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Jadi sebahagian daripada...

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tidak lari, ia tidak lari daripada apa yang sepatutnya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis Yang Berhormat?

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tadi hendak mencelah.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Saya kasihan dengan Yang Berhormat Kota Raja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi?

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Yang Berhormat Kota Raja ya? Jadi saya bagi kerana dia perempuan Tuan Pengerusi.



**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai pembantu rumah. Saya kira insentif untuk menjadi pembantu rumah di negara kita sangat tidak menyelerakan orang muda. Saya pernah mencadangkan dalam ucapan saya dalam Mesyuarat yang lepas bahawa kita pertama perlu meletakkan kerja pembantu rumah ataupun pembantu domestik ini juga sebagai pekerja lain.

Sekarang ini pembantu domestik tidak masuk di bawah senarai pekerja di bawah sumber manusia. Mereka tidak ada KWSP, PERKESO dan mereka tidak dilindungi daripada segi perubatan dan sebagainya. Saya kira kalau kita dapat *rebranding* pembantu rumah, menjadikan ia satu profesion. Kita usah memanggilnya pembantu rumah, kita tukar dahulu namanya mungkin pengurus rumah tangga ataupun pengurus anak-anak, apa sahaja. Kerana apa? *Rebranding* itu amat penting kerana ia memberi satu status kepada mereka. Kita perlu menghargai pembantu rumah ini kerana tanpa mereka, ramai wanita tidak dapat keluar bekerja terutamanya kalau daripada pendidikan tinggi tidak ada *back up*.

Jadi kita kena *review*, kalau boleh Menteri buat satu bengkel supaya mendapat input daripada pimpinan-pimpinan wanita daripada *grass roots*. Ini kerana tidak semua orang memandang pembantu rumah ini sebagai satu profesion yang tidak menyeronokkan, akan tetapi dia perlu *regulated* seperti kerja lain. Ada waktu kerjanya. Bukan kerja dari pagi sampai ke malam.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. Saya menyambut baik pandangan Yang Berhormat dan *insya-Allah* kita akan bawa perkara ini sebagai satu pendekatan yang boleh kita beri kepada rakyat negara kita. Cuma saya sebutkan tadilah, kalau hari ini kerajaan kita boleh mengadakan perbincangan bersama dengan G2G antara Malaysia dengan Indonesia untuk mengambil pembantu rumah Indonesia dengan bayaran kurang lebih yang menyeluruh, saya tidak dapat sebutkan satu persatu *detailnya*. Lebih kurang RM8,000 ataupun RM7,000, RM7,800 sekarang ini.

Jadi apa salahnya pandangan ini boleh kita ambil untuk kita bincangkan. Tujuan kita ialah untuk menarik lebih ramai pekerja tempatan terutamanya wanita-wanita, mungkin ibu tunggal dan sebagainya yang boleh untuk kita ambil untuk menjalankan kerja yang lebih mulia ini, menjaga anak-anak, keluarga dan sebagainya. Sebab itu saya Tuan Pengerusi, memang saya hargai peranan isteri saya. Sebab itu saya sayang kepada isteri saya, termasuk yang lain-lain.

Tuan Pengerusi, saya ingat setakat itu sahajalah. Saya ucapkan terima kasih banyak kepada beberapa Yang Berhormat yang telah memberi pandangan kepada kita dan *insya-Allah*, kita ambil ini sebagai pandangan yang cukup baik. Apa yang penting ialah pada tahun 2020, harapan Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib akan dapat kita capai untuk memenuhi tenaga kerja mahir sebanyak 50%. Terima kasih banyak. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM28,000,000 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM28,000,000 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Maksud B.48 [Jadual] –**

**8.29 mlm.**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Ahli-ahli Yang Berhormat kita tumpukan – kita boleh jimat masa jika kita tumpukan kepada perbincangan peringkat Jawatankuasa kepada perkara-perkara spesifik. Untuk kementerian ini, RM100 juta adalah untuk Program Keluarga Miskin, OKU dan warga emas. RM26 juta adalah untuk utiliti dan sewa bangunan. Yang Berhormat Parit Sulong.

**■2030**

**8.30 mlm.**

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan fokus terus kepada Maksud B.48 bagi Butiran 070800 – Sosioekonomi Kurang Upaya. Saya terima banyak pertanyaan mengenai bantuan kes-kes OKU terutamanya di kawasan Parlimen saya. Ada yang telah menerima kad bantuan OKU tetapi bila kita pergi dan melihat, mereka ini hanya menerima kad OKU tanpa menerima bantuan sekali. Jadi, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian. Apakah kriteria yang diguna pakai untuk membolehkan seseorang itu yang difikirkan layak boleh menerima bukan hanya kad OKU tetapi juga menerima bantuan daripada pihak JKM itu sendiri.

Sehubungan dengan itu juga Tuan Pengerusi, saya juga hendak bertanya kepada pihak kementerian mengenai jumlah penerima OKU dalam satu-satu keluarga itu sendiri. Saya berjumpa ada beberapa kes di mana dalam sebuah keluarga, kemungkinan anaknya ada tiga orang yang boleh diiktiraf sebagai OKU. Jadi, adakah ketiga-tiga mereka ini boleh memohon untuk mendapatkan sara hidup OKU ini ataupun *dilimit* kan untuk setiap sebuah keluarga itu hanya boleh menerima satu bantuan OKU.

Seterusnya, adakah kementerian juga bercadang untuk menambahkan jumlah sara diri JKM terutamanya bagi penerima yang terlantar sekiranya mereka ini menerima RM300. Selepas itu penerima ini juga memerlukan penggunaan lampin pakai buang dan dinasihatkan oleh doktor untuk minum susu terutamanya yang dicadangkan oleh pihak hospital. Saya kira jumlah RM300 itu tidak mencukupi terutamanya pada zaman ini, Tuan Pengerusi. Jadinya, adakah kementerian bercadang untuk menambah bantuan ini dan adakah ini dikira dalam kategori penambahan yang dipohon pada hari ini?

Seterusnya untuk Butiran 070700 – Sosioekonomi Keluarga Miskin. Ini topik terakhir yang akan saya sentuh sebab saya tengok memang bantuan JKM ini sangat membantu terutamanya

kepada keluarga miskin yang sangat memerlukan. Cuma saya hendak bertanya kepada pihak kementerian mengenai sama ada kementerian ada satu yang dengan izin, dikatakan 'exit policy' terutamanya kepada mereka yang setelah mendapat bantuan daripada JKM ini untuk beberapa lama. Kemudian mendapat bantuan daripada pihak kerajaan dan mereka ini keluar daripada kepompong kemiskinan itu. Adakah pihak JKM ada *such program*, dengan izin dan sekiranya ada, bolehlah maklumkan kepada kita di dalam Dewan ini.

Cuma untuk peruntukan tambahan ini, kemungkinan Yang Berhormat Menteri yang menjawab tidak ada data terperinci tetapi saya harap dapat juga diberikan kepada saya jumlah keseluruhan penerima-penerima bantuan OKU warga emas dan bagi pengundi-pengundi di Parlimen saya, jumlah daripada peruntukan yang dipohon daripada RM100 juta ini. Terima kasih banyak-banyak Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Subang.

### **8.33 mlm.**

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa pertanyaan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pertama, adalah berkaitan dengan perkara yang telah disebut oleh Yang Berhormat Parit Sulong tadi juga iaitu jumlah yang sekarang dibayar kepada keluarga-keluarga miskin, yang merupakan jumlah seperti RM200 sebulan atau RM300 sebulan. Jumlah-jumlah ini memang dalam keadaan ekonomi sekarang adalah sangat kurang memandangkan kos sara hidup. Saya ingin tanya kepada kementerian, bilakah kementerian bercadang untuk meningkatkan jumlah ini kepada satu jumlah yang lebih munasabah.

Bagi Pakatan Rakyat, kita sudah cadangkan dalam cadangan dasar kita bahawa jumlah bantuan kepada keluarga-keluarga yang miskin ini sepatutnya dalam lingkungan RM550 ataupun RM600 sebulan. Jadi, saya ingin tahu sama ada Kerajaan Barisan Nasional juga ataupun kementerian secara khususnya sekarang membincangkan ini dan akan mencadangkan sedemikian juga untuk menambahkan jumlah yang sekarang diberikan kepada keluarga-keluarga dalam kategori miskin, OKU dan warga emas.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang saya ingin bangkitkan adalah bolehkah kementerian memberi statistik yang terperinci mengenai RM100 juta yang sekarang diperlukan untuk bantuan tambahan, peruntukan tambahan kepada tiga kategori ini. Bolehkah saya minta kita dibekalkan dan ini boleh dibuat secara bertulis jika kita tidak boleh buat di sini pada malam ini. *Breakdown* dengan izin, secara terperinci RM100 juta ini berdasarkan negeri-negeri yang menerima dan juga kaum yang menerima. Akhirnya untuk kawasan Subang. Berapa yang telah diperuntukkan di sana? So, kalau tidak boleh diberi hari ini, saya harap boleh diberi secara bertulis. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tenom.

**8.36 mlm.**

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin menyentuh berkenaan dengan B.48 Butiran 070700, 070800 dan juga 070900. Bantuan-bantuan sebanyak RM100 juta yang diberikan kepada keluarga miskin dan kurang upaya serta warga emas.

Tuan Pengerusi, sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13, banyak bantuan ini telah diluluskan oleh pihak kementerian yang diberikan terutama kepada warga emas khusus di kawasan saya. Tuan Pengerusi, selepas sahaja Barisan Nasional memenangi PRU Ke-13 ini, saya mendapat rungutan apabila saya membuat lawatan dari kampung ke kampung, yang mana ramai daripada warga emas ini kebanyakan bantuan mereka telah dihentikan. Begitu juga dengan bantuan OKU yang saya dapati mereka tertunggu-tunggu selama tiga bulan, sebaik sahaja PRU Ke-13 ini selesai.

Didapati mereka merungut kerana bantuan yang diberikan kepada mereka telah ditamatkan oleh pihak kementerian. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Bagi kawasan saya, seperti mana juga rakan-rakan lain, saya juga ingin bertanya berapakah bantuan yang telah diberikan serta bilangan yang terlibat khususnya bagi bantuan orang tua dan juga OKU di kawasan saya? Apakah sebab bantuan ini tersekat-sekat? Saya minta pihak kementerian supaya meneliti kembali penyaluran bantuan-bantuan ini diadakan. Apabila tempoh penerima setiap bulan, mereka terpaksa turun ke pekan dan saya dapati terdapat beberapa masalah terutama kepada bantuan orang tua yang terpaksa turun jauh daripada kampung ke pekan semata-mata untuk mendapatkan bantuan mereka.

Akan tetapi agak malangnya Tuan Pengerusi, bantuan tersebut tidak menepati masa. Jadi kadang-kadang awal bulan, kadang-kadang hujung bulan dan tidak tentu. Jadi, saya minta supaya kementerian teliti. Kalau boleh saya mencadangkan kepada pihak kementerian mengenal pasti mana-mana warga emas yang tidak boleh turun itu datang ke rumah mereka terus. Saya rasa ini satu sentuhan yang paling bagus untuk bantuan warga emas ini. Begitu juga dengan jumlah peruntukan yang disediakan. Saya lihat amat-amat diperlukan tambahan daripada pihak kerajaan supaya mereka dapat meringankan lagi serba sedikit kerana kita lihat hari ini perbelanjaan begitu meningkat.

Saya rasa Tuan Pengerusi, satu lagi iaitu berkenaan dengan setiap tahun, mereka *renew*. Terpaksa tunggu, jadi setahun. Kalau boleh panjangkan. Kenapa tidak dua tahun? Kenapa tidak tiga tahun? Ini setahun. Terutama kepada yang OKU ini.

**■2040**

Selepas setahun terpaksa tunggu lagi tiga bulan. Kenapa tidak lanjutkan dua tahunkah? Minta pegawai-pegawai kebajikan ini supaya sentiasa turun padanglah. Tuan Pengerusi, saya sebagai wakil rakyat di sana bersedia untuk membantu pihak JKM dalam soal-soal turun padang ini untuk bersama-sama dengan warga emas. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Raja.

**8.40 mlm.**

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud B.48 Butiran 070700 sehinggalah 070900. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang perumahan OKU. Setakat ini apakah polisi kita untuk membantu OKU memiliki rumah mereka sendiri dan apakah polisi kerajaan kepada pemaju-pemaju perumahan jualan rumah itu misalnya. Adakah peratus yang perlu diperuntukkan kepada OKU dan lokasi-lokasi rumah-rumah mereka ini. Ini kerana ramai yang mengadu bahawa sekiranya hendak dapat rumah itu pun sudah susah. Selepas itu hendak dapat pada lokasi yang mengambil kira kecacatan mereka itu pun tidak diberi perhatian. Jadi, kita harap polisi OKU ini lebih meluas kepada semua agensi dan jabatan kerajaan untuk melaksanakan dasar OKU itu sendiri.

Kedua ialah mereka juga mengalami satu ironi, satu kepelikan apabila mereka diberi tambang percuma bila mereka naik kereta api ataupun bas dan sebagainya tetapi orang yang mengiring mereka itu tidak ada pengecualian. Jadi, yang si buta hendak naik bas mesti ada orang bawa dia. Jadi, orang yang bawa itu kena bayar, yang membawanya kena bayar tetapi dia tidak kena. Jadi, ini adalah satu kesusahan bagi mereka.

Ibu tunggal walaupun kita mengatakan bahawa mereka perlu ada kemahiran, perlu ada latihan dan sebagainya tetapi pada hakikatnya ibu tunggal yang ada anak-anak susah untuk meninggalkan anak-anak mereka kerana ketiadaan pusat-pusat jagaan yang mereka mampu untuk bayar. Jadi, sepatutnya kita memikirkan juga apabila ibu-ibu tunggal ini kita tawar supaya mereka meningkatkan kemahiran mereka supaya mereka boleh selepas itu berdikari, maka mereka itu dilihat sebagai satu pakej. Kalau ada anak-anak semasa mereka menjalani latihan, menjalani kursus, bagaimanakah dan siapakah, bagaimanakah anak-anak ini hendak dibantu?

Saya biasa mencari kursus untuk mereka tetapi akhirnya mereka kata kami tak dapat pergi kerana tidak ada orang menjaga anak. Saya boleh cakap dengan mudahlah mengatakan hendak seribu jalan, tak nak seribu daya. Pada hakikatnya untuk meninggalkan beberapa orang anak untuk beberapa hari ataupun minggu untuk menjalani kursus, mereka tak mampu. Jadi, saya harap ini akan diberi perhatian.

Begitu juga balik kepada OKU lagi, peluang perniagaan. Mereka selalu mengatakan bahawa mereka tidak dapat peluang-peluang perniagaan, hendak buat pinjaman susah dan sebagainya. Peluang pekerjaan kita harap sekali lagi dasar untuk memberi kerja kepada OKU di jabatan-jabatan kerajaan, GLC dan juga pihak swasta digalakkan. Jadi, harus ada polisi.

Akhirnya, saya nak bertanyakan senarai e-Kasih. Dulu bila kita membawa aduan bahawa orang-orang yang miskin ini tidak dapat bantuan, Yang Berhormat Menteri pada ketika itu menjawab bahawa kita ada e-Kasih dan kerajaan sedang mengumpul data e-Kasih. Apabila sudah ada ini, kita boleh tahu dia sudah dapat zakat kah, dia sudah dapat daripada pinjaman TEKUN kah dan sebagainya. Jadi, apakah status e-Kasih ini? Adakah kita sebagai Ahli Parlimen ada akses

kepada e-Kasih ini untuk kita menyemak bila mereka mengadu pada kita tentang kesusahan dan mereka tidak ada bantuan dan sebagainya? Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya meminta maaf saya tidak boleh panggil semua yang bangun ini.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya tengok kalau Kapar KPI hari ini sudah cukup sudah. Semua kementerian berucap.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini penting.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya minta Yang Berhormat Rantau Panjang. Kemudian Yang Berhormat Bukit Katil. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kapar dua minit sahaja.

#### 8.45 mlm.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah cukup KPI Yang Berhormat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya, saya. Saya ingin menyentuh Maksud B.48 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, menyentuh butiran 010100 iaitu sebanyak RM26.7 juta lebih kurang menampung keperluan tambahan pembayaran utiliti dan sewa bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Putrajaya. Jadi, saya ingin penjelasan. Sepatutnya untuk sewa bangunan ini bukan dimasukkan di bawah perbekalan tambahan. Sepatutnya ini telah ditetapkan di dalam bajet sebab sewa bangunan ini adalah satu tanggungan yang kita sudah sedia diketahui. Saya ingin penjelasan berapa kos sewaan sebulan? Saya ingin tahu juga bangunan-bangunan yang ada di peringkat negeri. Apakah juga disewa oleh pihak kerajaan?

Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian. Apakah kerajaan sudah ada perancangan untuk program-program yang berkaitan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini? Contohnya dalam bantuan banjir. Ada kaitan dengan kebajikan. Apakah ada perancangan dengan kerjasama kementerian-kementerian yang lain untuk menyediakan tapak yang sesuai atau tapak tetap supaya tidak mengganggu bangunan sekolah yang banyak mendapat aduan kehilangan peralatan sekolah, kerosakan dan sebagainya. Itu yang pertama.

Kedua, saya ingin menyentuh butiran 070000 berkaitan dengan bantuan peruntukan RM100 juta untuk menampung tambahan peruntukan bantuan kebajikan kepada keluarga miskin, OKU dan warga emas. Saya ingin penjelasan. Selain daripada bantuan kewangan, apakah pihak kementerian mengadakan program motivasi diri? Ini kerana bagi keluarga miskin dan mereka yang kurang upaya ini, bukan semata-mata bantuan kewangan yang diperlukan. Mereka perlu

dibimbing, dididik jiwa mereka. Jadi, sepatutnya pihak kementerian menyusun atur program setiap kali perjumpaan, pertemuan dan sebagainya. Ada sesi khas bimbingan rohani bagi mereka ataupun motivasi bagi mereka untuk membawa mereka lebih berjaya lagi, *insya-Allah*.

Begitu juga apakah pemantauan dibuat terhadap keluarga-keluarga yang miskin ini? Sejauh mana pembelajaran anak-anak mereka? Sepanjang yang kita turun di bawah bersama, yang kita sendiri memantau, kebanyakan daripada keluarga miskin anak-anak mereka tercicir dalam pelajaran. Ada yang belajar separuh jalan setakat Darjah 6 dan tidak sambung sudah kerana kemampuan kewangan. Bayangkan hanya bantuan kewangan RM300 hendak tampung anak-anak sekolah. Tidak mampu, memang tidak mampu. Jadi, dalam keadaan ini kalau ibu bapa pula yang uzur, yang sakit kronik dan sebagainya, maka akhirnya anak-anak jadi mangsa. Jadi, setakat ini sejauh mana perkara ini diambil perhatian oleh kementerian akan kebajikan anak-anak ini supaya mereka tidak terus mewarisi kemiskinan ibu bapa? Sudahlah miskin harta, miskin ilmu pula. Mereka tidak ada bimbingan untuk mendapat ilmu yang sebaik mungkin dan peluang untuk mereka belajar sebagaimana orang lain.

Begitu juga saya ingin minta penjelasan tentang semakan kadar bayaran sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat yang lain supaya perkara ini disemak disebabkan tidak sesuai dengan keadaan ekonomi dan kos hidup yang semakin tinggi. Begitu juga dengan kelewatan memproses borang. Ada aduan sampai enam bulan tidak selesai lagi. Kalau pesakit kronik mohon bantuan kebajikan, sampai mati tidak terima lagi. Jadi kalau macam inilah cerita suasananya, maka sudah tentu kita tidak dapat memberi perkhidmatan yang berkesan. Jadi, kalau tak cukup kakitangan, kena sediakan kakitangan yang mencukupi sebab ini adalah keperluan rakyat. Jadi, itulah sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

**8.49 mlm.**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bangkitkan dua perkara berkaitan dengan Maksud B.48. Pertamanya, saya senada dengan Ahli-ahli Parlimen yang lain mengenai kajian bantuan kepada keluarga miskin, orang kurang upaya dan warga emas. Cuma saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya telah bertemu dan juga mendapat pelbagai aduan khususnya bagi bantuan keluarga miskin yang difahamkan kepada saya ialah bantuan kepada keluarga miskin ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan berikan bantuan RM300.

■2050

Akan tetapi di kawasan, khususnya di kawasan saya di Bukit Katil, mereka dipotong RM10. Jadi, bila saya tanya kepada mereka yang mengadu, RM10 ini dipotong untuk apa? Katanya dimasukkan ke dalam koperasi. Jadi, saya ingin bangkitkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah perkara ini benar dan diketahui oleh pihak kementerian? Ini kerana pada saya, kalau hendak masuk, hendak potong RM10 duit orang miskin masuk koperasi, saya ingatlah

janganlah RM10 ini pun kita hendak curi daripada bantuan untuk orang kurang upaya dengan miskin ini. Harus diberikan dengan pendekatan yang lain.

Ini satu perkara yang sedang berlaku dan saya mohon kalau betul perkara ini dapat dikesan oleh pihak kementerian, saya ingat sewajarnya kita hentikan. Kalau hendak bantu pun guna cara lainlah. Jangan potong, duit RM300 itu pun sudahlah tidak cukup, potong lagi RM10 yang pada saya tidak munasabah. Itu satu bulan potong RM10. Kalau setahun RM120. Kalau 30,000 penerima bantuan di Bukit Katil, kita kalikan sudah sampai lebih kurang RM300,000 satu bulan dan mencecah RM3.6 juta setahun. Ini satu jumlah wang yang cukup banyak bagi keluarga miskin.

Yang keduanya Yang Berhormat Menteri, saya juga ingin bangkitkan soal prosedur permohonan bantuan kewangan ini. Seperti mana yang kita semua sedia maklum, prosedur mudah. Borang ada di dalam laman sesawang, boleh *download* dan kemudian isikan, bagi pihak mungkin kakitangan di pejabat Parlimen misalnya, boleh tolong isikan. Akan tetapi dalam konteks di negeri Melaka khususnya, setelah diisikan borang yang *standard*, dengan izin, Tuan Pengerusi, borang yang telah ditetapkan, ada lagi pula borang tambahan. Borang tambahan ini diminta macam-macam. Kena dapat kelulusan daripada Pengerusi JKKK, hendak tanya mengundi di mana, *locality* mana, sudah daftar SPR ke belum? Yang pada saya mengarut-ngarut dan ini perkara yang berlaku secara di lapangan. Baik, saya hendak ingin nyatakan, bagi bantuan-bantuan kewangan seperti ini, saya ingat tidak perlu ada batas-batas...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [*Mengetuk-ngetuk pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Rosak nanti Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [*Ketawa*]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Bukit Katil.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Oh, okey, silakan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya hendak tambah sahaja kepada Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini kena mengena dengan beberapa aduan yang saya terima di Parlimen Kapar di mana ada beberapa warga di sana mendapat peruntukan bantuan daripada JKM. Selepas dua, tiga tahun, tiba-tiba berhenti. Tidak tahu sebab, mereka pun tidak dapat pasti, selepas dua, tiga bulan, pergi bank, tiba-tiba hendak dapatkan duit itu, duit itu sudah tak ada. Baru dapati, kena *renew*. Selepas itu pergi balik ke JKM, berbulan-bulan, prosedur dimulakan balik dari awal. Dokumen-dokumen diminta daripada *first step*, dengan izin, sampai beberapa bulan pun tak dapat-dapat. Ada beberapa kes di tempat saya sudah tiga, empat bulan. Minta penjelasan, terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Kapar. Saya ingat perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar tadi ada kaitan juga dengan perkara yang dibangkitkan oleh rakan saya di sebelah sana iaitu daripada



Tenom. Saya tengok selepas pilihan raya ini ada kecenderungan untuk menghentikan bantuan tanpa alasan. Bila kita tanya kepada rakyat yang diberhentikan bantuan, perkara pertama yang saya sering tanya, apa alasan Jabatan Kebajikan atau pun Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini? Mereka kata, tidak ada alasan. Bulan depan jangan datang lagi ambil bantuan.

Jadi, pada saya, ini satu perkara yang menuntut satu penjelasan. Ini kerana kita luluskan dan kita minta untuk diluluskan RM100 juta. Ini adalah jumlah yang cukup besar. Saya setuju dan senada dengan Ahli-ahli Parlimen yang lain bahawa RM300 tidak mencukupi. Saya difahamkan orang kurang upaya hanya mendapat RM150. Itu pun saya fikir tidak mencukupi untuk bantuan kepada orang kurang upaya. Itu perkara yang pertama.

Yang kedua, saya hendak bangkitkan tentang perbelanjaan bagi menampung keperluan pembayaran utiliti dan sewaan bangunan sebanyak RM26 juta. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, RM26 juta untuk sewa dan pembayaran utiliti ini satu jumlah yang cukup besar. Saya ingin perincian, RM26 juta ini untuk apa? Kerana kalau kita melakukan suatu pendekatan yang berjimat, berhemat dan sebagainya, kita boleh memanfaatkan wang itu untuk perkara-perkara yang lain.

Misalnya, soalan saya mengenai pusat pemulihan ataupun program pemulihan dalam komuniti yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri yang menyatakan bahawa dalam negara ini ada 486 buah pusat PDK. Dimana kita lihat majoriti PDK ini berada dalam keadaan yang cukup daif dan lemah dan perlu diperkasakan bagi mengangkat martabat orang-orang kurang upaya ini. Saya fikir kalau kita boleh jimatkan beberapa perbelanjaan, kita boleh salurkan perbelanjaan ini untuk membantu perkara-perkara yang lebih penting, yang lebih utama dalam aspek membantu mereka yang memerlukan bantuan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**8.55 mlm.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih saya ucapkan bagi pihak kementerian kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan beberapa persoalan, pertanyaan dalam permohonan peruntukan tambahan bawah kementerian ini. Pertamanya, daripada Yang Berhormat Parit Sulong tentang kad OKU. Semua orang kurang upaya boleh mendapat kad OKU ini. Kad OKU ini bukan semata-mata untuk bantuan sahaja Yang Berhormat. Ia juga untuk perkara-perkara yang lain, memudahkan mereka pergi ke hospital dan laluan pantas di hospital, juga *transportation*. Semua itu, selain daripada bantuan. Untuk kriteria bantuan pula memang ditetapkan ada mereka yang boleh menerima ini dari keluarga yang di bawah garis kemiskinan yang telah ditentukan, PGK yang telah ditentukan mengikut negeri-negeri.

Jika mereka memang di bawah garis kemiskinan itu, maka mereka ini adalah layak untuk menerima bantuan. Untuk seperti kawasan...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh tak saya ini - hendak tanya soalan tambahan. Ada ini mengenai tadi di bawah garis kemiskinan itu. Bawah JKM ini dia RM720 kalau tak salah saya tetapi di bawah... [Disampuk] minta maaf Tuan Pengerusi. Akan tetapi di bawah ICU pula, garis kemiskinan ini pula RM800 lebih. Jadinya, adakah kementerian akan menyelaraskan supaya kadar kemiskinan ini nanti adalah sama sebab sekarang ini ia adalah berbeza. Itu yang menyebabkan kesukaran bagi pihak pegawai-pegawai apabila isu ini dibangkitkan. Terima kasih banyak-banyak.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita mengikut apa yang telah ditentukan oleh kerajaan. Apa yang berkuat kuasa, itulah yang kita ikut. Mengikut negeri-negeri kerana negeri-negeri itu berlainan. Jadi, kalau sudah ditetapkan oleh ICU sebegitu, maka itulah yang kita akan mengikut. Bagi kawasan Yang Berhormat sendiri pun nanti kita akan bagilah secara bertulis. Ditanya juga adakah mahu tambah sara hidup? Kita faham memang kita tahu apa yang diberikan itu mungkin tidak mencukupi. Akan tetapi seperti mana yang telah kita maklumkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini bahawa kita telah pun mengkaji semula kadar bantuan ini daripada semasa ke semasa.

Saya ingin maklumkan di sini bahawa peruntukan tambahan yang kita minta ini pun adalah seperti mana Yang Berhormat semua sebutkan adalah satu peruntukan yang besar, RM100 juta. Ini kerana kita memberikan kepada banyak penerima kita di seluruh negara. Saya ingin maklumkan di sini bahawa daripada tahun ke tahun, penerima bantuan kita bertambah, bertambah ya. Bagi tahun 2011 misalnya, penerima bantuan orang tua adalah 135,217 orang. Pada tahun 2012 pula meningkat lagi kepada 152,138 orang. Pada tahun ini sehingga bulan Jun sahaja kita telah ada penerima bantuan 154,976 orang. Oleh sebab itulah setiap tahun bantuan yang kita berikan kepada mereka yang memerlukan ini sentiasa bertambah, bukannya berkurangan. Sentiasa bertambah. Ada yang mengatakan, Pakatan Rakyat hendak tambah. Mungkin di kawasan-kawasan tertentu, negeri-negeri tertentu. Akan tetapi di bawah kementerian ini kita memberikan kepada semua, seluruh Malaysia, seluruh negara.

#### ■ 2100

Jadi bilangan yang kita bantu ini adalah satu bilangan yang besar. Walau bagaimanapun kita sentiasa melihat di mana ada keperluan untuk kita mengkaji semula kadar ini. Berkenaan dengan adakah satu *exit policy* di bawah kementerian. Memang kita ada. Kita ada *exit policy* kita. Itu sebabnya kita mampu membuat program-program seperti *The Real Forward, Productive Welfare* di kementerian kita untuk membantu mereka yang menerima bantuan ini supaya mereka dapat berdikari dan keluar daripada kepompong kemiskinan. Akan tetapi ini adalah kita buat secara berfasa-fasa dan daripada semasa ke semasa.

Antara lainnya kita memberikan mereka geran pelancaran *One-Off* RM2,700 bagi mereka memulakan perniagaan. Akan tetapi kita akan berikan lagi kepada Yang Berhormat secara terperinci nanti program-program kita di bawah *The Real Forward* ini secara bertulis. Jumlah

penerima daripada semua nanti, seperti yang saya katakan tadi akan saya berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Daripada Yang Berhormat Subang, jumlah dibawa kepada keluarga miskin, rendah telah disebutkan tadi kerana kita memberikan kepada begitu ramai penerima bantuan kita dan hari ini pun kita meminta tambahan RM100 juta lagi. Walau bagaimanapun, seperti mana saya sebutkan tadi, kita akan terus mengkaji daripada semasa ke semasa. Dalam masa yang sama, kita juga memperkenalkan *Productive Welfare* untuk membantu mereka ini bukan sahaja memberikan bantuan secara *cash*, secara tunai tetapi juga bagaimana kita dapat membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan ini...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [*Bangun*]

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Banyak program yang telah kita perkenalkan...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Boleh minta penjelasan sikit. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Tadi Timbalan Menteri kata kadar bayaran ini akan dikaji dari semasa ke semasa. Memang kita tahu itu sebab itulah telah disebut beberapa kali dalam jawapan di dalam Dewan ini. Akan tetapi apa yang saya bangkitkan tadi adalah jumlah ini memang jumlah RM200-RM300 sebulan ini sudah jadi kadar yang telah dibayar beberapa tahun kebelakangan ini dan jelas sekarang itulah memang kurang sangat.

Jadi, bolehkah Timbalan Menteri bagi macam satu tempoh iaitu ataupun satu ketetapan jumlah ini akan dikaji semula dalam tempoh sekian, sekian dan beri jawapan pada masa itu. Itu yang saya minta. Ini kerana kalau tidak, jawapan macam ini tidak tentu dan masalah ini akan berterusan. Saya minta satu penjelasan.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Yang Berhormat, seperti saya katakan tadi bahawa bantuan yang kita berikan ini kepada seluruh negara, mungkin Yang Berhormat boleh bercakap tentang Selangor, satu negeri sahaja. Akan tetapi kita memberikan kepada seluruh negara di mana kita mempunyai lebih 500,000 penerima bantuan. Oleh kerana itulah kita kena memikirkan bagaimana kita pada masa yang sama memberikan mereka yang telah menerima bantuan ini dan mereka yang banyak lagi memohon mendapatkan bantuan ini. Dalam masa yang sama seperti mana Yang Berhormat dan lain-lain Yang Berhormat kata, kita kena mengkaji semula lagi bantuan ini untuk menambahnya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [*Bangun*]

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Jadi kita kena *balance* di antara mahu menambah, dalam masa yang sama kita pula menerima banyak lagi permohonan daripada mereka yang memerlukan bantuan. Oleh kerana itu, lebih baiklah kita dapat memberikan kepada lebih ramai yang memohon bantuan daripada kita mengkaji meningkatkan. Lebih baik kita dapat memberikan kepada seramai mungkin penerima bantuan daripada seluruh negara. Begitulah. Akan tetapi walau bagaimanapun seperti saya katakan tadi, kita ada program-program lain, *Productive Welfare* membantu mereka.

Misalnya tadi memberikan pelan pelancaran supaya mereka boleh memulakan perniagaan. Dengan yang demikian, selain daripada menerima bantuan RM300 itu, apabila mereka sudah memulakan perniagaan melalui pembiayaan itu, mereka dapat meningkatkan pendapatan mereka. Begitu juga bagi OKU misalnya, OKU yang bekerja. Kita berikan RM300 bantuan setiap bulan bagi mereka yang mempunyai pendapatan RM1,200 ke bawah. Ertinya mereka sudah pun bekerja, kita cuma menambah saja lagi kepada pendapatan mereka itu. Akan tetapi saya tidak mengatakan bahawa kita tidak mengkaji. Kita akan mengkajinya, *insya-Allah*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Timbalan Menteri, macam mana dengan keperincian statistik yang saya minta tadi? Boleh saya dapat pengesahan itu dalam Dewan ini.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Nanti, nanti, kita akan bagi kepada Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Secara bertulis.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Secara bertulis.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Okey, terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Daripada Yang Berhormat Tenom pula tadi itu, sama juga ada pertanyaan untuk meningkatkan kadar itu, telah saya jawab. Samalah jawapannya. Tadi disebutkan bahawa sebelum PRU-13 banyak bantuan diberikan kepada orang tua, BOT dan selepas itu dihentikan. Mereka dapat rungutan. Saya minta kepada Yang Berhormat, tolong sampaikan kepada kita *detail* mereka yang telah diberhentikan ini supaya kita boleh buat siasatan tentang perkara ini.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma saya minta makluman kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, nama-nama itu memang sudah ada dalam Jabatan Kebajikan bila saya *refer*. Jadi saya kira Menteri boleh bertanya kepada pegawailah yang penerima. Saya rasa sudah ada dalam rekod pihak jabatan mereka, makluman. Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya Timbalan Menteri. Saya hendak tanya kepastian. Beberapa tahun mereka dapat bantuan tiba-tiba berhenti, adakah ini mekanisme untuk *renew*. Memang betul wujud atau tidak? Itu satu. Nombor dua, bila yang sudah diberhentikan pergi balik dan minta sambungan, mengapa dokumen diminta dan sebagainya. Mengapa *acts of right*, dengan izin, tidak diberikan kepada mereka. Mungkin mereka hendak mengenal pasti ada wujud atau tidak individu tersebut. Bila individu itu sudah sampai kepada jabatan, sudah tunjuk dia wujud, sudah tunjuk dia perlukan bantuan, mengapa benda itu tidak berlaku secara automatik dan membebaskan mereka? Berpuluh-puluh kali mereka jalan balik dan masih lagi tidak diberikan. Beri penjelasan. Terima kasih Timbalan Menteri.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Okey, untuk Yang Berhormat Tenom itu nanti oleh kerana kita baru mendengar daripada Yang Berhormat Tenom, jadi kita akan tanya dengan pegawai kita yang ada di Tenom kedudukan apa Yang Berhormat telah kemukakan itu. Apa yang ditanya tadi itu tentang adakah kita....

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Yang Berhormat Kapar tadi berkenaan dengan *review*. Memang kita ada *review*. Setiap tahun kita ada *review* kerana untuk orang tua misalnya. Dia ini sudah 60 tahun ke atas. Kita bimbang nanti ada yang sudah tidak ada lagi di dunia. Jadi ada kes-kes dahulunya di mana berlakunya yang sudah tiada masih menerima bantuan. Jadi kita terpaksa membuat kajian semula bagi memastikan mereka yang menerima bantuan ini betul-betul masih ada. Itulah tujuannya. Antara lain tujuannya Yang Berhormat, kita mesti lakukan ini. Prosedur ini kita kena ikut kerana kita menggunakan duit kerajaan. Duit kerajaan, duit daripada rakyat. Oleh sebab itu, prosedur-prosedur tertentu mesti kita ikut. Bukan duit kita suka-suka bagi saja.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya hendak minta penjelasan lagi Timbalan Menteri. Saya terima jawapan tersebut tetapi saya rasa yang itu boleh berinteraksi dengan Jabatan Pendaftaran Negara hendak tahu kematian atau tidak, itu satu. Nombor dua, mengapa bila mereka kembali balik, benda itu tidak diselaraskan tidak secara automatik, perlu dokumen dan sebagainya. Minta penjelasan.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Yalah, kalau sudah berhenti itu, mestilah kita kena adakan semula data-datunya Yang Berhormat. Seperti saya katakan tadi, ini duit kerajaan, duit rakyat. Jadi kita ada prosedur yang perlu kita ikut.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Timbalan Menteri. Saya akui, tetapi prosedur berbulan-bulan dari mula sampai akhir. Ini penting. Orang yang minta itu orang miskin.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Tidak apalah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini tempat kamu pun berlaku. Saya hendak menolong, membantu bukan saja di Parlimen Kapar tetapi seluruh Malaysia. *So*, benda ini senang. Benda sudah ada, data sudah ada, statistik sudah ada. Selaraskan sebegitu bila orang itu wujud di depan, kita hendak *review* untuk memastikan dia masih ada. Bila dia datang sendiri, menunjuk diri, berada di sana membuktikan dia wujud. Apa masalah lagi. Ya, semua jawapan bertulis. Terima kasih Menteri. Terima kasih.

■2110

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Dia banyak kes Yang Berhormat semua. Ada yang mungkin ibu tunggal, dia sudah kahwin semula. Jadi, kita kena cek betul-betul [*Dewan riu*] Ada anak-anak. Misalnya, bantuan kanak-kanak. Dia cuma bawah 18 tahun. Kalau dia sudah lebih, tidak boleh lagi menerima atau pun ada yang sudah bekerja, maka dia tidak boleh lagi menerima. Semua ini kita kena buat kajian Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak habis lagi Yang Berhormat?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada situasi di mana budak sekolah yang dapat bantuan diberhentikan. Budak sekolah dapat bantuan diberhentikan. Masih ada sekolah, masih ada sekolah...

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Nanti Yang Berhormat bagi pada kami, bagi pada saya namanya itu, kita akan tengok.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Itu yang saya hendak. Boleh saya mendapatkan kelulusan? Parlimen lain pun boleh buat Yang Berhormat Timbalan Menteri [*Dewan riuh*] Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Bagi, bagi. Yang Berhormat bagi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini mahu bertanding apa ini? Mahu bertanding apa?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kamu pun boleh untung tahu...

**Beberapa Ahli:** Kapar, Kapar.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Nanti kita bagi Yang Berhormat, jangan susah. Kerajaan Barisan Nasional ini sebuah kerajaan yang baik, prihatin [*Tepuk*] Itu sebab kita minta RM100 juta lagi supaya Yang Berhormat bagi lah kelulusan. Senanglah kita membantu lagi rakyat kita termasuk yang menyokong pembangkang pun [*Dewan riuh*]

Janganlah. Yang Berhormat Kota Raja ada bertanya tentang polisi kerajaan berkaitan dengan perumahan. Ini kita adakan perbincangan dengan kementerian yang berkenaan tetapi setahu saya memang ada satu dasar di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, ada kuota untuk orang kurang upaya. Biasanya kalau di flat PPR, mereka ini diletakkan di tingkat bawah bagi memudahkan pergerakan mereka dan disediakan dengan kemudahan-kemudahan untuk orang kurang upaya.

Tadi ada dicadangkan tentang tambang percuma bagi pengiring. Ini memang pada masa dan ketika ini tidak ada tetapi kita akan berikan perhatian tentang cadangan Yang Berhormat tadi. Ada ditanya tentang ibu tunggal. Walaupun ini tidak berkaitan di sini, namun saya ambil perhatian. Saya bersetuju sangat lah supaya apabila ibu tunggal terpaksa menghadiri sesuatu kursus, siapa pula yang akan menjaga anak-anak mereka. Jadi, kita akan berikan perhatian ini sebagai kementerian yang juga bertanggungjawab terhadap wanita, *insya-Allah*.

Tentang peluang perniagaan telah saya sebutkan tadi bahawa kita ada pelan perancangan untuk kumpulan sasaran kita termasuklah orang kurang upaya supaya mereka boleh berniaga. Berkaitan dengan pekerjaan juga, kita akan bekerjasama dan berbincang dengan Lembaga Agensi supaya kita dapat memastikan bahawa orang kurang upaya kita yang sudah terlatih mendapat pekerjaan, *insya-Allah*.

Tentang senarai e-Kasih, senarai e-Kasih ini sebenarnya bukan di bawah kementerian kita. Ini di bawah Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Rantau Panjang, sewa, utiliti. Sewa kita ini dalam sebulan ialah lebih kurang RM4 juta. Saya ingin maklumkan di sini bahawa perinciannya adalah seperti berikut:

- (i) bekalan *air conditioning* RM3.3 juta, dengan izin; dan
- (ii) sewa bangunan kita keseluruhannya yang perlu kita bayar ialah RM23,365,400.

Sekarang, bangunan kita ini kita sewa beli. Akhirnya nanti ia akan menjadi milik kita.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Penjelasan. Maksudnya, RM4 juta sebulan kah, RM4 juta setahun maksud Yang Berhormat tadi?

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Sebulan.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Sebulan sewa bangunannya RM4 juta?

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Ya.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Hii, jimatnya.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Saya ingin juga mahu beritahu tadi ditanya mengapa tidak termasuk di dalam bajet? Sebenarnya, bermulanya pindah ke bangunan itu ialah pada bulan November 2011. Jadi, tidak termasuk di dalam bajet ketika itu. Maka, kita ada tunggakan yang perlu kita bayar setiap tahun.

Adakah perancangan untuk tempat pindah, untuk mencari tempat sendiri? Sebenarnya, kalau di negeri-negeri ada yang kita sewa, ada yang disediakan oleh kerajaan. Selain daripada bantuan kewangan, adakah diadakan kursus motivasi dan sebagainya? Apabila kita mengadakan program-program *productive welfare* memang di antara kurikulum kita ialah juga memberikan kursus motivasi kepada kumpulan sasar kita. Ini untuk memberikan kesedaran kepada mereka dan memberikan kekuatan kepada mereka untuk terus berusaha supaya mereka keluar daripada kepompong kemiskinan ini.

Bantuan pelajar untuk anak-anak penerima bantuan kita ada disediakan oleh jabatan dan agensi-agensinya kerajaan yang lain seperti ada Kumpulan Wang Pelajar Miskin di bawah Jabatan Pelajaran, Jabatan Pendidikan. Semua ini disediakan, bukan kita sahajalah. Kita membantu daripada segi bantuan kanak-kanak. Jadi, itu kita bagi setiap seorang RM100 sampai ke maksimum RM450 sebulan. Akan tetapi bantuan-bantuan untuk mereka meneruskan pelajaran, ada lagi agensi-agensinya lain yang berkaitan yang membantu mereka.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Penjelasan sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Maksud saya di situ ialah apakah usaha dibuat oleh pihak kementerian untuk memantau atau pun membuat analisa. Keluarga-keluarga yang menerima bantuan ini, anak-anak mereka dapat meneruskan pelajaran dengan baik. Sebab hasil daripada yang kita tinjau, saya turun ke padang, banyak keluarga yang menerima bantuan kebajikan, anak-anak mereka hanya belajar separuh jalan. Walaupun ada bantuan KWAMP setahun sekali memang tidak memadai. Jadi, minta supaya perkara ini diambil perhatian oleh pihak kementerian.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Kita sama-sama memberikan perhatian. Bukan pihak kementerian sahaja. Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri. Kita membantu memberikan bantuan kepada mereka. Dalam masa yang sama, Kementerian Pendidikan juga memberikan bantuan kepada mereka. Ahli-ahli Yang Berhormat juga dan badan-badan yang lain sama-sama lah kita membantu mereka.

Akan tetapi dalam masa yang sama, mereka sendiri juga perlu membantu diri mereka. Memang sudah ada ayat dalam Al-Quran, Allah tidak akan mengubah nasib seseorang itu atau pun sesuatu kaum itu, melainkan orang itu atau sesuatu kaum itu yang merubah nasibnya. Jadi, macam mana pun kita bantu kalau mereka tidak mahu berubah, maka mereka tidak akan dapat berubah.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Orang tua tidak boleh jadi muda balik.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Ini tadi kita cakap pasal anak-anak dia. Bukan orang tua. Tadi Yang Berhormat mengemukakan tentang anak-anak mereka.

Yang Berhormat Bukit Katil tadi...

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Pindahkan isterinya daripada Papar. Baliklah ke mana sahaja yang dia inginkan. Dia tadi mengatakan bahawa ada potongan RM10, masuk koperasi. Ini sebenarnya, dengan izin, *news to us*. Kita tidak pernah dengar cerita yang ada potongan RM10 ini Yang Berhormat.

Sebab Yang Berhormat sudah sebut dalam Dewan yang mulia ini, maka kita akan periksalah perkara ini sama ada betul atau tidak. Akan tetapi memang tidak ada arahan kita kah, tidak ada dasar kita kah.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Saya boleh beri maklumat itu Yang Berhormat Menteri. Tiada masalah.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Boleh. Nanti Yang Berhormat bagikan kepada kami untuk kami cek lah apa yang berlaku.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Okey, baik.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Akan tetapi memang tidak ada dasar kita.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Tidak ada ya?

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Tidak ada dasar kita.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Oh, itu *news* itu. Ada.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Buat laporan polis lah.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Laporan SPRM.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Itu pandai-pandai dia.



**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Memang tidak ada lah. Tadi ada lagi. Saya mahu beritahu ini, dia kata ada borang lain yang kena isi lagi. Katanya, borang lain bertanya di mana mengundi dan sebagainya. Kita tidak ada lah borang-borang seperti itu.

■2120

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Penjelasan. Saya ada *copy* borang ini. Ya, saya boleh bagi sekarang pun tidak ada masalah. Cuma kalau betul ini bukan suatu pendirian ataupun ketetapan kementerian, saya minta satu surat pekeliling dikeluarkan kerana itu berlaku sekarang ini. Saya ada salinan, minta *detail* mengundi di mana sebelum ini.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Yang Berhormat, nanti kita akan *check* perkara ini. Kita akan *check* perkara ini.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Sebab sekarang berleluasa. Jadi saya ingat perlu ada ketegasan daripada kementerian. Kalau tidak, saya buat laporan polis.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Itu saya kata, kita akan *check* perkara ini [*Dewan riuh*] Buatlah laporan kalau Yang Berhormat mahu. Akan tetapi tidak akanlah salah kalau hendak tanya di mana mengundi.

Berkenaan dengan *review* lambat tadi itu daripada Yang Berhormat Kapar kita akan juga semak perkara ini. Kita akan tengok apa yang berlaku, mungkin di kawasan Kapar kita akan tengok dan di semua kawasan. Mana-mana kalau ada kelemahan, kita akan cuba perbaiki. Apa juga kelemahan kita akan cuba perbaiki *insya-Allah*.

Tadi ada cadangan juga daripada Yang Berhormat Bukit Katil katanya PDK perlu diperbaiki. *Insya-Allah*, kita akan menengok dari semasa ke semasa semua apa juga institusi kita dan kita akan mengambil tindakan yang sesuai untuk membaik pulih, menambah baik dan memberikan lagi *facilities* yang diperlukan oleh PDK kita di seluruh negara dan juga lain-lain lagi institusi kita. Jadi saya rasa saya sudah *cover* semua apa yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Mana-mana yang masih belum dapat saya jawab, *insya-Allah*, kita akan ambil perhatian dan yang mana perlu, kita akan jawab secara bertulis. *Insya-Allah* Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM126,665,400 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM126,665,400 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

**Maksud B.60 [Jadual] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Kepala Bekalan B.60 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bangun]

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Dua orang sahaja bangun. Saya panggil Yang Berhormat Lumut, selepas itu Yang Berhormat Sepang. Kemudian Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

**9.23 mlm.**

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak bertujuan untuk menyokong peruntukan tambahan RM239 juta untuk dibelanjakan oleh Kementerian Pertahanan di bawah Butiran Maksud B.60 oleh kerana untuk makluman Tuan Pengerusi, Kementerian Pertahanan diperuntukkan sebanyak RM15.3 bilion untuk perbelanjaan tahun 2013.

Oleh kerana itu, saya ingin mencadangkan Kementerian Kewangan supaya meluluskan peruntukan ini menggunakan peruntukan sedia ada tetapi melakukan *virement*, ataupun pindah peruntukan daripada peruntukan-peruntukan yang ada. Oleh kerana pengalaman saya di Kementerian Pertahanan, peruntukan sebanyak ini biasanya tidak habis dibelanjakan.

Jadi sebaik-baiknya kalau kita cadangkan supaya peruntukan perbelanjaan diluluskan tetapi menggunakan peruntukan yang sedia ada dan lagi kalau kita lihat sebagaimana yang diperjelaskan oleh Menteri Kewangan, peruntukan ini merupakan peruntukan untuk menampung perbelanjaan Operasi Daulat. Kalau kita lihat peruntukan di bawah Maksud B.60, kita hairan oleh kerana ini merupakan perbelanjaan *one-off*. *One-off* maknanya perbelanjaan baru yang dibelanjakan pada tahun ini. Maknanya dia tidak ada lagi peruntukan sebelum ini. Ops Daulat tidak ada peruntukan tetapi yang hairannya [Disampuk] Ada peruntukan sebelum ini. Maknanya, tambahan peruntukan yang diperlukan itu tidak perlu. Maka sebab itu kita cadangkan supaya peruntukan yang dipohon tidak diluluskan tetapi menggunakan peruntukan sedia ada [Dewan riuh]

Selain daripada itu, oleh kerana saya berurusan dengan Kementerian Pertahanan menguruskan peruntukan kewangan, sebab itu saya faham apabila disebut *One-Off*, kita faham sekali gus tidak ada perancangan sebelum ini. Maknanya, kalau sudah ada perancangan, perancangan untuk peruntukan lain tetapi digunakan untuk Ops Daulat. Maknanya ada duitlah itu boleh digunakan untuk menampung Ops Daulat.

Saya ingin menyentuh saranan daripada Yang Berhormat Arau oleh kerana Ops Daulat ini merupakan kebocoran ataupun penyelinapan musuh dari laut tetapi mengapa kita mencadangkan lima batalion tentera darat ditubuhkan. Hampir lebih daripada 5,000 orang. Saya yakin dan percaya, kalau pun dicadangkan untuk mewujudkan lima batalion, sampai habis penggal Parlimen

kali ini iaitu penggal ketiga belas ini, tidak akan berlaku oleh kerana perjawatan ini bukan mudah untuk diperolehi. Untuk itu, saya cadangkan supaya untuk menjaga keselamatan pantai Sabah yang dikatakan 1,700 kilometer, kita gunakanlah kekuatan-kekuatan yang sedia ada seperti APMM, TLDM, tentera udara...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
...Kastam dan segala kekuatan yang ada diperkemas dan diperkasakan supaya tidak ada penyelinapan daripada musuh-musuh khususnya daripada tentera Sulu. Silakan.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Lumut. Yang Berhormat Lumut membangkitkan soal Ops Daulat yang di dalam kertas ini dinyatakan perlu kepada belanjawan tambahan sebanyak RM84 juta. Adakah Yang Berhormat Lumut tahu bahawa dalam Dewan yang mulia ini, pada sesi yang lalu, Yang Berhormat Menteri Pertahanan ada memberikan jawapan bahawa sebenarnya Ops Daulat ini telah membelanjakan RM84.9 juta? Kalau di dalam kertas ini, RM84 juta tetapi yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan adalah sebanyak RM84,900,000. Maknanya ada kesilapan daripada segi yang diminta untuk diluluskan di Parlimen. Itu yang pertama.

Kedua, berdasarkan pengalaman Yang Berhormat Lumut merupakan seorang bekas panglima di dalam tentera laut, apakah perbelanjaan sebanyak RM84 juta ini adalah satu perbelanjaan yang terlalu besar sebab berdasarkan maklumat yang saya ada, yang dikerahkan di dalam Ops Daulat ini 400,000 askar dan juga pihak polis, 30 ke 40 kenderaan berperisai, 70 ke 100 kenderaan bantuan, lapan jet pejuang, lapan hingga 12 biji bom panduan laser dan lain-lain. Ini menyebabkan kita terpaksa menanggung belanja RM84 juta. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh pandang ke sini Yang Berhormat.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Memang kita lihat daripada angka juga telah berlaku kesilapan. Sebab itu saya katakan peruntukan yang digunakan untuk dibelanjakan Ops Daulat merupakan peruntukan yang sedia ada tetapi dengan kelulusan pindah peruntukan, ia boleh dibelanjakan.

Berhubung dengan kekuatan untuk melawan 200 pengganas Sulu yang tidak mempunyai senjata berat, menggunakan jet dan tentera begitu ramai menyebabkan kita telah berbelanja begitu banyak dan kita memerlukan peruntukan tambahan. Ini kita minta Menteri Pertahanan jawab sendirilah mengapa menggunakan kekuatan sebegitu rupa untuk menewaskan tentera Sulu yang kekuatannya kita tahu tidak mempunyai senjata berat *[Dewan riu]*

Kalau pun Dewan ingin meluluskan peruntukan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Kalau Dewan ingin meluluskan peruntukan yang dipohon, saya ingin mendapat senarai khususnya daripada pembelian aset-aset yang dikatakan bernilai lebih kurang RM76 juta untuk membeli aset-aset di dalam peruntukan *One-Off* ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Oleh kerana kita tahu, sekali lagi saya ulang, ini merupakan peruntukan belanja mengurus (*operational expenditure*) perlu dibelanjakan dalam masa satu tahun. Tidak mudah untuk membelanjakan RM76 juta membeli aset dalam masa satu tahun. Untuk itu, kita minta Kementerian Pertahanan memberi penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Timbalan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang.

#### 9.29 mlm.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin bertanyakan beberapa soalan daripada pembentangan ini. Pertamanya mengenai tentang Ops Daulat tadi.

#### ■2130

Saya memohon supaya pihak Kementerian Pertahanan, memberikan penjelasan bilakah satu kertas putih yang telah dijanjikan untuk dibentangkan akan dibentangkan khususnya kepada Ahli-ahli Parlimen. Jadi, saya harap pembentangan kertas putih itu dapat disegerakan kerana kita mahu tahu, kita mahu dengar sendiri daripada pihak kerajaan supaya segala perbelanjaan yang diminta ini boleh dijustifikasikan sebab terlalu banyak *version* yang kita dengar mengenai Ops Daulat ini. Antaranya kita mendengar mereka-mereka yang terlibat dengan yang dikatakan menyerang negara kita ini adalah rakyat yang diberikan kad pengenalan oleh kerajaan kita.

Jadi, kalau begitu keadaannya bermakna hakikatnya bukanlah orang asing yang menyerang negara kita. Kalau mereka yang menyerang itu adalah orang yang mempunyai kad pengenalan [*Dewan riuh*] Ini bacalah! Allah! Semua ini pengampu, semua tidak baca ini. Ini semua maklumat dalam pengetahuan awam [*Dewan Riuh*] Ada yang bekerja yang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau mereka ini bukan rakyat Malaysia, sebab itu kita minta Kertas Putih. Kenapa tidak bagi Kertas Putih?

**Datuk Nur Jazlan bin tan Sri Mohamed [Pulau]:** Dua-dua pun...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Sepang, sudah hendak habis Yang Berhormat Sepang, sambung esoklah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak ada masalah, lagi bagus.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Mengarut ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak katakan kalau betul, kalau kerajaan rasa ini bukan melibatkan rakyat Malaysia, bentangkanlah Kertas Putih, kenapa takut? Oleh sebab itu kita minta Kertas Putih ini, patutnya sudah lama sudah disediakan, dibentangkan supaya rakyat tahu. Jangan nanti kalau kita diberitahu rakyat Malaysia yang mati maknanya tentera Malaysia bunuh rakyat Malaysia sebab mereka diberi IC biru [*Dewan riu*] Oleh sebab itu kita minta penjelasan.

Kemudiannya, yang berkaitan dengan *National Blue Ocean Strategy*. Saya harap supaya pihak Kementerian Pertahanan, saya hendak tanya adakah dalam strategi NBOS ini, adakah kerajaan ada melantik mana-mana konsultan untuk mengeluarkan strategi ini. Jika ada, sebutkan siapakah konsultan itu? Sekiranya kita hendak tahu berapakah perbelanjaan yang dibelanjakan sebab kita tidak mahu macam kes pendidikan. Kita melantik Mckenzie yang tidak ada kepakaran dalam bidang pendidikan, kita bayar dia orang ini. Sampai Tun Mahathir mengatakan [*Dewan riu*] Eh! Ini pemimpin UMNO kata tahu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tun Mahathir mengatakan “*Kenapa, betul setakat RM20 bilion, saya pun boleh buat.*” [*Dewan riu*] Jadi, ini yang kita mahu kerajaan bersikap telus.

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ketiga...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Sepang, sudahlah Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ketiga, saya juga ingin ..

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Melalutlah sudah itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sudahlah Yang Berhormat Sepang, sudah melalut.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ketiga, saya juga ingin bertanyakan [*Disampuk*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, minta diam.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, mereka hendak balik itu [*Ketawa*] Ketiga, Tuan Pengerusi [*Disampuk*] Hormatlah Tuan Pengerusi, dia minta diam. Ketiga, saya ingin bertanyakan berkaitan dengan peruntukan di bawah ini, RM50 juta diperlukan untuk keperluan tambahan perolehan alat ganti dan operasi pertahanan. Saya ingin supaya pihak kementerian memberikan butiran, siapakah syarikat-syarikat yang diberikan kontrak untuk membekalkan alat ganti ini? Adakah syarikat-syarikat yang diberikan kontrak ini, adakah adanya *open tender* supaya kita dapat tahu. Supaya alat-alat ganti yang dibekalkan ini benar-benar alat ganti yang memang berkualiti. Kita tidak mahu nanti apabila laporan audit dikeluarkan, kita dapati alat ganti yang diberikan ini sebenarnya alat ganti yang tidak berkualiti dan menyebabkan kita

sentiasa [*Dewan riuh*] Cukai rakyat terpaksa digunakan untuk membelanjakan wang-wang ini. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Menteri akan... Sebentar Yang Berhormat, sebentar. Yang Berhormat Menteri, boleh dalam masa sembilan minit Yang Berhormat?

### 9.34 mlm.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Boleh. Terima kasih Tuan Pengerusi di atas kesempatan ini dan mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada dua Ahli Parlimen Dewan Rakyat yang telah terlibat dalam perbahasan ini.

Satu isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lumut iaitu berkaitan dengan perbelanjaan Ops Daulat iaitu sebanyak RM84 juta sebenarnya yang telah dibelanjakan. Perbelanjaan ini adalah perbelanjaan yang melibatkan Angkatan Tentera Malaysia iaitu berkaitan dengan sewa kenderaan, perolehan *raincoat*, sewaan bot, peralatan operasi iaitu sebanyak RM3 juta. Tentera Darat Malaysia, pergerakan kargo udara, pergerakan carta udara, sewaan khas kapal terbang, rangsum, air minuman, petrol, diesel, peluru dan bahan letupan yang melibatkan perbelanjaan RM61.7 juta. Tentera Laut Diraja Malaysia iaitu melibatkan perbelanjaan minyak rangsum kering, segar dan sajian tunai RM13.3 juta. Tentera Udara Diraja Malaysia melibatkan penghantaran barang, rangsum basah, bahan api dan juga bahan api pesawat yang melibatkan RM6 juta.

Jadi kalau kita lihat RM84 juta itu walaupun mungkin bagi Ahli Yang Berhormat adalah satu jumlah yang begitu besar tetapi demi mempertahankan kedaulatan negara kita ianya adalah merupakan satu jumlah yang saya rasa munasabah. Ini kerana kedaulatan negara itu adalah jauh lebih penting keselamatan. Yang Berhormat duduk di sini dalam keadaan selamat, boleh hidup jadi Yang Berhormat pun adalah kerana pengorbanan yang telah dilakukan oleh angkatan tentera kita [*Tepuk*] Apabila Yang Berhormat mempersoalkan tentang pengorbanan mereka dan tindakan mereka, itu seolah-olah adalah cuba untuk memperlekehkan tindakan mereka untuk kepentingan negara [*Tepuk*]

Jadi, satu lagi berkaitan dengan lima batalion itu. Untuk makluman Yang Berhormat setakat ini kita ada satu batalion untuk Ops Pasir Utara ada lagi satu batalion untuk Ops Pasir Selatan dan satu batalion di Lahad Datu. Baru-baru ini akibat ada ketegangan yang berlaku di Selatan Filipina, kita menambah lagi satu batalion. Dalam jangka panjang ESSCOM akan mewujudkan beberapa batalion yang melibatkan juga bukan sahaja Angkatan Tentera Malaysia tetapi juga Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang akan diselaraskan bersama untuk kepentingan menjaga di kawasan ESSZONE.

Kedua, Yang Berhormat daripada Sepang ada membangkitkan kenapa tidak ada Kertas Putih. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Yang Berhormat adalah seorang peguam. Kes sekarang bagi mereka-mereka yang terlibat dalam ini sedang dibicarakan iaitu melibatkan SOSMA.

Apabila ianya dibicarakan, adalah menjadi sesuatu yang *sub judice* sekiranya kita mengadakan Kertas Putih di Dewan yang mulia ini. Jadi kita tungguhlah, kalau sudah selesai nanti kita boleh mengambil tindakan kalau kita difikirkan perlu.

Jadi, selain daripada itu berkaitan dengan NBOS. Setakat yang kita tahu bahawa tidak ada konsultan yang dilantik. Cuma ini adalah merupakan pemeraksanaan inisiatif yang dibuat oleh MinDef iaitu misalnya, salah satu daripada inisiatif itu ialah *1Malaysian Veteran Recognition Program* iaitu untuk veteran-veteran. Kita membina rumah yang disediakan peruntukannya oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan dibina oleh jurutera Angkatan Tentera. Pusat Pemulihan Kemasyarakatan iaitu di antara ATM dengan PDRM iaitu yang melibatkan Jabatan Penjara dan juga beberapa inisiatif lain seperti Program Rondaan Bersama ATM dan PDRM, Program Bersama ATM dan PDRM di KLIA. Ops Wawasan, Ops Jelai yang melibatkan ATM dan Jabatan PERHILITAN, Program Remaja Berwawasan, Program Khidmat Komuniti Briged, Sukarelawan Khidmat Negara dan pengambilan anggota ATM untuk berkhidmat di PDRM. Ini adalah di antara beberapa inisiatif daripada 14 inisiatif yang kita wujudkan untuk kepentingan negara kita.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Penjelasan.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Satu minit penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ringkasan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Berkaitan dengan masalah kebajikan angkatan tentera tadi. Dengan macam-macam usaha yang dibuat, apakah kerajaan bercadang untuk menambah elaun mereka, elaun operasi dan sebagainya. Oleh sebab risikonya terlalu tinggi, sebagaimana yang telah dibuat pada pasukan PDRM. Minta penjelasan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Sememangnya kita sentiasa mengambil maklum tentang keluhan-keluhan khususnya daripada anggota tentera kita kerana kita sedar tanggungjawab yang mereka harus hadapi. Walau bagaimanapun, ianya bergantung kepada keupayaan kerajaan kita dari segi kewangan dan kita akan mengkajinya dari semasa ke semasa...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Ya sila.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ringkas Yang Berhormat ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tadi Timbalan Menteri memberi alasan ini adalah berkaitan dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Sepang tentang pembentangan *White Paper* kepada Parlimen tentang apa yang berlaku di Sabah. Jawapan atau penjelasan daripada Timbalan Menteri adalah bahawa ini tidak dapat dibuat sebab kes sekarang berlangsung dan pendakwaan sedang berlangsung dan ini akan jadi *sub judice*.

■2140

Saya minta supaya kementerian atau Yang Berhormat Timbalan Menteri kaji semula pendirian itu sebab kalau kita ambil logik itu, bermaksud kerajaan tidak akan buat apa-apa sehingga penghabisan pendakwaan. Kalau kita pakai hujah *sub judice* itu bermaksud kalau ada

rayuan oleh mana-mana pihak, itu akan bermaksud beberapa tahun lagi ini akan berlarutan dan kerajaan [*Dewan riu*] Kalau tidak mahu dengar, ini kerana kalau hendak sambung esok pun boleh, kalau hendak berbual sekarang pun boleh, tetapi dengar...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak, habiskan Yang Berhormat, Yang Berhormat dalam pencelahan habiskan. Habiskan Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya. Saya tanya pada Yang Berhormat Menteri, bukan pada lain-lain ya semua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, yang lain itu kena sabarlah Yang Berhormat, sabar.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Jadi, kita kena pakai logik kepada hujah itu. Bermaksud beberapa tahun, rakyat Malaysia tidak akan dapat baca atau dengar daripada kerajaan melalui Kertas Putih ini, kertas ini sangat penting ya. Baik, jadi saya minta pendirian ini kena dikaji semula dan kita pun kena faham apakah prinsip *sub judice* ini. Kertas Putih adalah pendirian kerajaan iaitu kerajaan akan menerangkan fakta dan hujah dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, itu tidak akan ganggu apa yang berlaku di mahkamah. Mahkamah adalah pendakwaan. Pihak pendakwa akan memberi keterangan melalui saksi dan apa-apa tentang kesalahan. Jadi, itu tidak ada kena mengena antara satu sama lain. Jadi, saya minta ini difikirkan semula sebab pembentangan Kertas Putih dalam Parlimen adalah sangat penting. Ia bukan sahaja baik untuk kerajaan dan baik untuk rakyat. Ia baik untuk semua pihak. Saya minta ini dikaji semula ya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskanlah. Ringkaskan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat. Apa pun tindakan kerajaan, ianya adalah bergantung kepada nasihat yang akan diberikan oleh Peguam Negara. Oleh sebab itu dalam soal ini setakat ini kita masih lagi berpendirian bahawa kes ini masih lagi di dalam perbincangan mahkamah. Maka, kita belum dapat mengemukakan Kertas Putih sehingga sesuatu keputusan lain akan dapat dibuat di masa akan datang. Saya fikir itu sahaja Yang Berhormat di atas penglibatan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, saya minta jawapan nombor dua itu sebanyak RM50 juta diperlukan bagi kumpulan...

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Okey, *sorry* Yang Berhormat, minta maaf. Untuk perbelanjaan RM50 juta itu ialah diperlukan bagi perolehan alat ganti dan operasi pertahanan ruang udara iaitu melibatkan perolehan ordinar pesawat F-18 melalui kontrak *Foreign Military Sales* yang bernilai RM10 juta dan juga senggaraan pesawat helikopter EC725 yang melibatkan RM10 juta yang diperlukan. Satu lagi ialah senggaraan ke tahun dua belas, pesawat BBJ737 yang bernilai RM20 juta dan perolehan bahan api yang melibatkan RM10 juta. Jadi, inilah di antara



peruntukan-peruntukan yang diperlukan untuk keperluan seperti mana yang saya sebutkan tadi. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah jawab RM50 juta, sudah jawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Siapakah syarikat-syarikat yang diberikan ini kita hendak tahu siapa dia? Tolong jawab, siapakah? Adakah *open tender* dan sebagainya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab benda itu. Kecuali Yang Berhormat Menteri tadi tidak dengarlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Untuk *detail* saya boleh beri jawapan bertulislah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM239,000,000 untuk Kepala B.60 Anggaran Mengurus Perbelanjaan Pertama 2013 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM239,000,000 untuk Kepala B.60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Majlis mesyuarat bersidang semula.**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk membacakan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 16(3).

### USUL

#### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### UCAPAN PENANGGUHAN

#### **Masalah Banjir Kilat di Kawasan Batu 19-Batu 21, Kulai.**

**9.45 mlm.**

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Pada mulanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana selepas beberapa penangguhan, projek untuk menaik taraf sistem perparitan dan takungan air di Batu 21 Kulai Jaya telah disiapkan pada Januari 2011. Projek ini bermula pada awal tahun 2008 tetapi disebabkan ketidakberkesanan pihak JPS dan bahagian perancangan, sistem perparitan dan takungan air yang seluas 10.13 hektar tidak berfungsi dengan baik walaupun dinaiktarafkan. Sebelum ini JPS menyatakan masalah banjir kilat yang sering melanda di kawasan perniagaan dan perumahan di Batu 21, Kulai disebabkan oleh kerja-kerja sistem perparitan yang tidak bersepadu, pembangunan pesat dan infrastruktur sedia ada tidak dapat menampung aliran air yang semakin bertambah. Masalah ini bertambah baik selepas projek menaik taraf sistem perparitan disiapkan.

Akan tetapi, sistem takungan air dan perparitan tidak dibersihkan menurut jadual yang ditetapkan. Sampah sarap telah menghalang aliran air dan melimpah keluar ke jalan besar apabila hujan lebat. Kejadian banjir kilat yang terkini adalah pada 18 Ogos tahun ini. Hujan lebat bermula pada pukul 4 petang selepas sejam air di takungan air mengalir dengan laju tetapi longkang besar di persimpangan Taman Sri Kulai Baru II adalah tersumbat dan air mengalir dengan lambat menyebabkan berlakunya banjir kilat di jalan utama Batu 19 sehingga Batu 21.

Air telah membanjiri kedai-kedai sepanjang Jalan Air Hitam. Lebih kurang 50 premis perniagaan telah mengalami kerugian. Satu nyawa manusia juga terkorban semasa banjir kilat. Sudah beberapa tahun penduduk-penduduk di kawasan banjir mengadu kepada pihak JPS dan pihak MPKU tetapi aduan mereka jatuh kepada telinga pekat. Jabatan kami pun membuat aduan kepada JPS pada 9 Julai 2013 untuk memohon JPS bersihkan perparitan tetapi pihak berkenaan hanya mengambil tindakan apabila tragedi berlaku pada 18 Ogos. JPS perlulah membersihkan perparitan di Batu 19 sehingga Batu 21 dan takungan air tersebut sekurang-kurangnya sekali setahun. JPS juga digesa untuk menaik tarafkan sistem perparitan yang tidak dapat menampung aliran air yang dibawa oleh pembangunan pesat di kawasan perumahan baru.

Tambahan pula, kawasan takungan air telah dijadikan sebuah taman rekreasi sebelum ini. Akan tetapi, taman rekreasi ini tidak dibersihkan sehingga terabai. Rumput rampai tidak dipotong dan infrastruktur tidak dinaikkan taraf dan dijaga dengan baik. Oleh yang demikian, saya berharap kementerian boleh mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah banjir kilat yang sudah lama menyusahkan penduduk-penduduk kawasan Parlimen Kulai. Kos untuk membersihkan kawasan takungan air agak tinggi tetapi ianya memang akan memudahkan mutu kehidupan penghuni-penghuni Kulai. Setakat ini, banyak tragedi telah berlaku di kawasan tersebut. Saya percaya dengan pembersihan sistem perparitan, kes-kes banjir kilat dan kemalangan juga akan dikurangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:**

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kulai atas ucapan penangguhan itu tadi berhubung masalah banjir kilat di kawasan Batu 19, hingga Batu 21, Kulai, Johor.

■2150

Dengan gambaran yang sememangnya diperlukan oleh pihak kementerian. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, banjir kilat yang berlaku di Batu 21 Jalan Johor Baru hingga Ayer Hitam adalah disebabkan oleh limpahan air daripada anak sungai Skudai yang terletak di Pekan Batu 21, Kulai Jaya. Pembangunan pesat yang berlaku di kawasan tadahan air sungai tersebut telah mengakibatkan penambahan air larian permukaan atau pun *surface run-off*, masuk ke dalam anak sungai tersebut.

Keadaan topografi kawasan tersebut yang berada di kawasan tanah rendah memburukkan lagi keadaan limpahan banjir kilat apabila berlaku hujan lebat. Lokasi kejadian merupakan kawasan pengumpulan aliran air daripada saliran utama Taman Puteri Kulai, Taman Kota Kulai, Taman Sri Sentosa, Taman Sri Kulai dan Taman Kulai Utama. Anak sungai tersebut tidak lagi berupaya untuk menampung jumlah air yang masuk ke dalam sungai tersebut di sebabkan pengaliran air permukaan atau pun *surface run-off*, sudah lebih banyak dan lebih laju lagi.

Pada tahun 2007 pihak kementerian melalui Jabatan Pengaliran dan Saliran Malaysia (JPS) telah mengambil inisiatif menjalankan kajian bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan tersebut. Hasil kajian tersebut mencatatkan pembinaan dua buah kolam takungan untuk mengatasi masalah banjir kilat di kawasan tersebut. Pihak JPS telah mengambil langkah susulan dengan membina kolam takungan fasa 1 yang mana telah disiapkan pada bulan Februari 2009 dengan keluasan 21 ribu meter persegi untuk menampung kapasiti tanggungan air sebanyak 50 ribu meter padu.

Kolam takungan fasa 2 pula telah siap dibina pada bulan Mac 2010 dengan keluasan 41 ribu meter persegi untuk menampung kapasiti 100 ribu meter padu simpanan air. Di samping itu pihak JPS juga telah menaik taraf sistem saliran di tepi jalan utama Johor Bahru hingga Ayer Hitam di hadapan Taman Nam Park pada tahun 2010 yang berfungsi mengalirkan air larian permukaan. Dengan siap terbinanya dua buah kolam takungan dan projek menaik taraf sistem saliran ini telah dapat membantu mengurangkan risiko banjir kilat di kawasan tersebut.

Saya mengucapkan terima kasih lah dan mengalu-alukan pengakuan Ahli Yang Berhormat Kulai yang mengatakan bahawa masalah ini bertambah baik selepas projek menaik taraf sistem saliran dan kolam takungan tersebut di siapkan. Inilah antara komitmen Kerajaan Persekutuan yang sentiasa prihatin dan mempunyai keazaman untuk mengatasi masalah banjir yang berlaku di seluruh negara termasuklah di kawasan Parlimen Kulai berdasarkan kepada keupayaan kewangan negara. Walau bagaimanapun, sistem saliran yang telah sempurna di bina memerlukan pengendalian dan penyelenggaraan yang berterusan untuk menjamin fungsinya. Dalam hal ini, pihak Kerajaan Negeri Johor dan Majlis Perbandaran Kulai perlu mainkan peranan bersama untuk

melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berjadual termasuk pembersihan, kutipan sampah sarap yang menghalang aliran air yang berpotensi menyebabkan limpahan banjir kilat selepas berlaku hujan lebat.

Tuan Pengerusi, berhubung aduan Ahli Yang Berhormat Kulai bahawa banjir kilat masih berlaku pada 18 Ogos tahun ini. Ia sebenarnya bukanlah merupakan banjir kilat tetapi adalah limpahan air berlebihan yang berlaku pada hari tersebut di akibatkan hujan lebat yang luar biasa. Limpahan air tersebut di sebabkan sistem perparitan dan pembedungan yang bersaiz kecil yang tidak dapat menampung kuantiti air untuk di alirkan ke parit besar sebelum di alirkan ke sungai Skudai.

Pembinaan lencongan untuk melancarkan aliran air sepanjang 280 meter yang melibatkan kerja-kerja *pipe packing* atau pun paip konkrit berkembar dengan saiz 1.2 meter garis pusat termasuk kerja-kerja pengalihan utiliti seperti paip bekalan air dan kabel komunikasi akan dilaksanakan oleh JPS pada tahun 2014 Yang Berhormat, sehingga 2015 dengan anggaran kos 3.5 juta tertakluk kepada kelulusan peruntukan yang akan diperoleh kelak. Bagi menjawab dakwaan Ahli Yang Berhormat Kulai bahawa terdapat satu kematian pada hari tersebut. Ingin saya memaklumkan bahawa kematian seorang individu tersebut tidak dapat di sahkan kerana JPS tidak menerima sebarang laporan rasmi daripada pihak media atau pun polis.

Tuan Pengerusi, saya menyangkal dakwaan Ahli Yang Berhormat Kulai yang mengatakan bahawa kerajaan tidak memberi perhatian terhadap banjir kilat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya pihak kerajaan memang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala bagi memastikan sistem saliran dapat mengalirkan air dengan sempurna. Termasuk kerja-kerja memotong rumput dan membersihkan sampah sarap sekurang-kurangnya pada kadar kekerapan sekali setahun, itu memang dibuat.

Selain daripada itu, kerja-kerja menaik taraf kolam takungan fasa 2 yang melibatkan pembersihan pemendapan kelodak, mendalam dan melebarkan kolam takungan untuk meningkatkan kapasiti kolam serta membawa keluar segala jenis halangan seperti sampah yang ada termasuk membina semula perangkap sampah telah di jalankan bermula pada 29 Julai 2013. Dijangka siap pada akhir September 2013 dengan kos berjumlah RM420,000. Di samping itu, kerja-kerja pengindahan juga dilaksanakan untuk memelihara kolam takungan tersebut dengan menyediakan persekitaran yang lebih baik untuk di jadikan kawasan riadah.

Untuk menyelesaikan masalah banjir di Batu 19, ia memerlukan kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan dan bukannya JPS semata-mata. Seperti Majlis Perbandaran Kulai (MPKU) selaku pihak yang berkuasa dan bertanggungjawab ke atas sistem saliran di Batu 19 serta lain-lain agensi kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya juga perlu berganding bahu dan sama-sama berusaha untuk mengatasi masalah banjir kilat di Batu 19, Kulai.

Kerjasama daripada orang ramai juga adalah diperlukan bagi memastikan sampah sarap di buang di tempat yang disediakan kerana sampah yang tidak diuruskan dengan sempurna menjadi salah satu punca banjir kilat. Sekian, terima kasih.

DR.30.9.2013

187

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 1 Oktober 2013.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.01 malam]***